MENGAPA AKU MEMILIH AHLU L-BAIT A.S.?

OLEH
SYAIKH MUHAMMAD MAR'I AL-AMIN AL-ANTAKI
BEKAS QADHI BESAR (*QADHI AL-QUDHAT*) MAZHAB
SYAFI'I, HALAB, SYRIA.

PENTERJEMAH
PROFESOR MADYA DR. LUT[illegible]M

A. Gambar pengarang ketika menjadi Qadhi Besar Mazhab Ahlu s-Sunnah

فضيلة المؤلف عندما كان قاضي القضاة

☆ (مرتديا زى الافتاء على مذهب السنة)

B. Gambar pengarang ketika berpegang kepada Mazhab Ahlu l-Bait A.S.

فضيلة المؤلف بعد الاستبصار واعتناقه

مذهب اهل البيت (ع)

(مرتدياً زي علماء الشيعة الابرار)

Buku *Mengapa Aku Memilih Ahlu l-Bait A.S.?* adalah karya terjemahan daripada karya asal dalam bahasa Arab *Limadha Akhtartu Madhhab Ahlu l-Bait A.S.?* karangan: Syaikh Muhammad Mar'i al-Amin al-Antaki, edisi pertama Cetakan: Halab, Syria, 1402H. Edisi Bahasa Melayu: *Mengapa Aku Memilih Ahlu l-Bait A.S.?* diterjemahkan oleh Profesor Madya Dr Lutpi Ibrahim. Diterbitkan oleh Al-Wahdah Publications, No. 24 Jalan SS3/57, Taman Subang, Petaling Jaya, Selangor D.E., 1993.

Edisi Bahasa Arab
Syaikh Muhammad Mar'i al-Amin al-Antaki

Edisi Bahasa Melayu
Cetakkan Pertama 1993

PENERBIT
AL-WAHDAH PUBLICATIONS

Diatur huruf oleh
A.B. KOMPUTRONIK
muka taip teks Bookman
Saiz 6/12 *point*

Diurus cetak oleh
AL-WAHDAH PUBLICATIONS

KANDUNGAN

دار التقريب بين المذاهب الإسلامية

مكتب شيخ الجامع الأزهر

بسم الله الرحمن الرحيم

نص الفتوى

التي أصدرها السيد صاحب الفضيلة الأستاذ الأكبر

الشيخ محمود شلتوت شيخ الجامع الأزهر

في شأن جواز التعبد بمذهب الشيعة الإمامية

قيل لفضيلته:

إن بعض الناس يرى أنه يجب على المسلم لكي تقع عباداته ومعاملاته على وجه صحيح أن يقلد أحد المذاهب الأربعة المعروفة وليس من بينها مذهب الشيعة الإمامية ولا الشيعة الزيدية، فهل توافقون فضيلتكم على هذا الرأي على إطلاقه فتمنعون تقليد مذهب الشيعة الإمامية الاثنا عشرية مثلاً.

فأجاب فضيلته:

١ - إن الإسلام لا يوجب على أحد من أتباعه اتباع مذهب معين بل نقول: إن لكل مسلم الحق في أن يقلد بادئ ذي بدء أي مذهب من المذاهب المنقولة نقلاً صحيحاً والمدونة أحكامها في كتبها الخاصة. ولمن قلد مذهباً من هذه المذاهب أن ينتقل إلى غيره - أي مذهب كان - ولا حرج عليه في شيء من ذلك.

٢ - إن مذهب الجعفرية المعروف بمذهب الشيعة الإمامية الاثنا عشرية مذهب يجوز التعبد به شرعاً كسائر مذاهب أهل السنة.

فينبغي للمسلمين أن يعرفوا ذلك، وأن يتخلصوا من العصبية بغير الحق لمذاهب معينة، فما كان دين الله وما كانت شريعته بتابعة لمذهب أو مقصورة على مذهب، فالكل مجتهدون مقبولون عند الله تعالى يجوز لمن ليس أهلاً للنظر والاجتهاد تقليدهم والعمل بما يقررونه في فقههم، ولا فرق في ذلك بين العبادات والمعاملات.

محمود شلتوت

*** *** ***

السيد صاحب السماحة العلامة الجليل الأستاذ محمد تقي القمي

السكرتير العام

لجماعة التقريب بين المذاهب الإسلامية

سلام الله عليكم ورحمته أما بعد فيسرني أن أبعث إلى سماحتكم بصورة موقع عليها بإمضائي من الفتوى التي أصدرتها في شأن جواز التعبد بمذهب الشيعة الإمامية، راجياً أن تحفظوها في سجلات دار التقريب بين المذاهب الإسلامية التي أسهمنا معكم في تأسيسها ووفقنا الله لتحقيق رسالتها.

والسلام عليكم ورحمة الله ..

شيخ الجامع الأزهر

محمود شلتوت

صدرت الفتوى بتاريخ ١٧ ربيع الأول ١٣٧٨ (هـ) من القاهرة

Salinan manuskrip asal fatwa Syaikh Syaltut, Rektor universiti Al-Azhaz, Khahirah,

Ttranskrip daripada teks asal fatwa Syaikh Syaltut, Rak-tor Universiti Al-Azhar tentang sahnya berpegang kepada Mazhab Syi`ah Imamiyyah Ithna `Asyariyyah atau dikenali dengan mazhab Ja'fari:-

بسم الله الرحمن الرحيم

نص الفتوى

التي أصدرها السيد صاحب الفضيلة الأستاذ الأكبر الشيخ محمود شلتوت شيخ الجامع الأزهر، في شان جواز التعبد بمذهب الشيعة الامامية.

فاجاب فضيلته:

ان بعض الناس يرى أنه يجب على المسلم لكي تقع عبادته ومعاملاته على وجه صحيح أن يقلد أحد المذاهب الأربعة المعروفة وليس من بينها مذهب الشيعة الامامية ولا الشيعة الزيدية، فهل توافقون فضيلتكم على هذا الرأي على اطلاقه فتمنعون تقليد مذهب الشيعة الامامية الاثنا عشرية مثلاً:

فاجاب فضيلة:

١- ان الاسلام لا يوجب على أحد من أتباعه مذهب معين بل نقول ان لكل مسلم الحق في أن يقلد بادىء ذي بدء أي مذهب من المذاهب المنقولة نقلاً صحيحاً والمدونة أحكامها في كتبها الخاصة ولمن قلّد مذهباً من هذه المذاهب أن ينتقل الى غيره ـ أى مذهب كان ـ ولا حرج عليه في شيء من ذلك.

٢ - ان مذهب الجعفرية المعروف بمذهب الشيعة الامامية الأثنا عشرية مذهب يجوز التعبد به شرعاً كسائر مذاهب أهل السنة.

فينبغي للمسلمين أن يعرفوا ذلك، وأن يتخلصوا من العصبية بغير الحق لمذاهب معينة، فما كان دين الله وما كانت شريعته بتابعة لمذهب أومقصورة على مذهب، فالكل مجتهدون مقبولون عند الله تعالى يجوز لمن ليس أهلاً للنظر والاجتهاد تقليدهم بما يقررونه في فقههم، ولا فرق في ذلك بين العبادات والمعاملات.

السيد صاحب السماحة العلامة الجيل الأستاذ محمد تقي القمي:

السكرتير العام لجماعة التقريب بين المذاهب الاسلامية:

سلام عليكم ورحمته أما بعد فسرني أن أبعث الى سماحتكم بصورة موقع عليها بامضاء من الفتوى التي أصدرتها في شان جواز التعبد بمذهب الشيعة الامامية راجياً أن تحفظوها في سجلات دار التقريب بين المذاهب الاسلامية التي اسهمنا معكم في تاسيسها ووفقنا الله لتحقيق رسالتها والسلام عليكم ورحمة الله.

شيخ الجامع الأزهر

1. Terjemahan Teks Fatwa teks fatwa yang telah dikeluarkan oleh yang mulia al-Ustaz al-Akbar Syaikh Mahmud Syaltut Syaikh Universiti al-Azhar tentang harusnya melakukan amal ibadat menurut mazhab Syi'ah Imamiyyah.

Bismi Llahi r-Rahman r-Rahim

Syaikh Syaltut menjawab:Setengah orang berpendapat bahawa untuk sahnya ibadat dan mu'amalat seorang muslim itu mestilah mengikuti salah satu daripada mazhab yang empat. Sementara mazhab Syi'ah Imamiyyah dan Syi'ah Zaidiyyah tidak termasuk. Adakah anda bersetuju dengan pendapat tersebut secara mutlak? Justeru itu anda melarang (orang ramai) mengikuti mazhab Syi'ah Imamiyyah Ithna 'Asyariyyah umpamanya?
Beliau menjawab:
1. Agama Islam tidak mewajibkan ke atas seorangpun dari pengikut-pengikutnya berpegang kepada mazhab tertentu. Malah kami berpendapat bahawa setiap muslim berhak mengikuti mana-mana mazhab dari mazhab-mazhab yang dipindah secara betul dan hukum-hukumnya pula disusun di dalam kitab-kitab tertentu. Dan bagi individu yang telah mengikuti mana-mana mazhab dari mazhab-mazhab tersebut dibolehkan pula berpindah kepada mazhab yang lain. Iaitu mana-mana mazhab yang lain, dan ia tidak sedikitpun berdosa berbuat demikian.
2. Sesungguhnya mazhab Ja'fari yang dikenali dengan mazhab Syi'ah Imamiyyah Ithna 'Asyariyyah ialah satu mazhab yang harus beramal ibadat dengannya dari segi syarak sepertilah mazhab-mazhab Ahlu s-Sunnah. Oleh itu sayugialah bagi orang-orang Islam mengetahuinya dan membebaskan diri mereka dari 'asabiyyah tanpa kebenaran kepada mazhab-mazhab tertentu. Ugama Allah atau syariatNya bukanlah mengikuti mazhab tertentu atau berhenti di atas satu mazhab. Kerana semua mujtahid adalah diterima di sisi Allah. Dan harus bagi orang yang tidak pakar di dalam perbincangan (*al-Nazar*) dan ijtihad mengikuti mereka dan beramal dengan apa yang mereka tetapkan di dalam fiqah mereka. Dan tidak ada perbezaan di dalam hal itu di antara hukum ibadat dan mu'amalat.

Sayyid al-'Allamah al-Ustaz Muhammad Taqi al-Qummi: Setiausaha umum Jama'ah al-Taqrib di kalangan mazhab-mazhab Islam:

Salamun 'Alaikum wa Rahmatuh.

Adapun kemudian daripada itu adalah menggembirakan sekali bahawa saya mengutuskan kepada yang mulia satu salinan yang ditandatangani dari fatwa yang dikeluarkannya tentang harusnya beribadat dengan mazhab Syi'ah Imamiyyah dengan harapan anda menyimpankannya di dalam pendaftaran Dar al-Taqrib Baina l-Madhahib yang telah kita mengambil bahagian bersama di dalam pembentukannya. Semoga Allah memberi taufiq kepada kita bagi mencapai matlamatnya. *as-Salamualaikum.*

Syaikh Mahmud Syaltut
Syaikh Universiti al-Azhar.

Petikan dari teks asal dalam bahasa Arab Fatwa Rektor-rektor Universiti al-Azhar selain daripada Syaikh Syaltut tentang sahnya melakukan amal ibadah menurut mazhab Syi'ah Imamiyyah seperti berikut:

فتاوى لشيوخ الأزهر

أدناه عدد من رسائل وفتاوي صدرت عن عدد من كبار مشايخ الأزهر حول جواز التعبد بمذهب الامامية

١ـ مقتطفات من رسالتين موجهتين من الشيخ سليم البشري شيء الازهر للفترة (١٣١٧-١٣٢٠/١٩٠٠-١٩٠٤) والفترة (١٣٢٧-١٣٣٥/١٩٠٩-١٩١٦) الى السيد عبدالحسين شرف الدين العاملي.

اـ الرسالة المؤرخة في ٣ ذي الحجة ١٣٢٩

... لم يبق للسني مانعا من الاحتجاج باخيه الشيعي إذا كان ثا بتا، فرأيك في هذا هو الحق المبين، ورأي المعترضين تعنت ومماحكة، أقوالهم بعدم صحة الاحتجاج بالشيعة تعارض أفعالهم، وأفعالهم في مقام الاحتجاج تناقض أقوالهم،فقولهم وفعلهم لا يتجاريان في حلبة، ولا يتسايران إلى غاية، يصدم كل منهما الأخر فيدفعه في صدره وبهذا كانت حجتهم جذماء، وحجتك العصماء ـ أوردت في هذه العجالة ما يجب ان تفرده برسالة سميتهالك (اسناد الشيعة في إسناد السنة) وستكون الغاية في هذا الموضوع ليس وراءها مذهب الطالب، ولا مضرب لراغب، وأرجو ان تحدث في العالم الاسلامي اصلاحا باهرا ان شاء الله تعالى. آمنا بايات الله كلها (وايات الله في سيدنا أمير المؤمنين على بن ابي طالب وسائر أهل البيت رضي الله عنهم أكثر وأفعالهم في مقام الاحتجاج تناقض أقوالهم،مما أوردتموه).

لا تحكم محاكم العدل بضلال المعتصمين بحبل أهل البيت والناسجين على منوالهم، ولا قصور في أئمتهم عن سائر الائمة في شيء من موجبات الامامة. وأفعالهم في مقام الاحتجاج تناقض أقوالهم، والعمل بمذهبهم يجزيء المكلفين، ويبريء ذممهم كالعمل بأحد المذاهب الاربعة بلاريب.

الشيخ سليم البشري
شيخ الازهر

بسم الله الرحمن الرحيم

الدكتور
محمد محمد الفحام
شيخ الأزهر

سماحة الشيخ حسن سعيد من كبار علماء طهران ـ شرفني بزيارة في منزلي شارع علي بن أبي طالب ومعه سماحة العالم العلامة والصديق الكريم السيد طالب الرفاعي. وقد أهاجت هذه الزيارة في نفسي ذكريات جميلة ذكريات الأيام التي قضيتها في طهران سنة ١٩٧٠ فعرفت فيها طائفة كبيرة من طوائف العلماء الشيعة الامامية وعرفت فيهم الوفاء والكرم الذي لم أعهده من قبل وما زيارتهم لي اليوم، إلا مظهر وفائهم جزاهم الله كل خير وشكر لهم مسماهم الجميل في التعريف بين المذاهب الاسلامية التي هي في الحقيقة والواقع شيء واحد في أصول العقيدة الاسلامية التي جمعت بينهم على صعيد الاخوة التي جسدها القرآن حيث يقول: إنما المؤمنون اخوة هذه الاخوة من واجب علماء الأمة على اختلافاتجاهاتها المذهبية أن يحرصوا على كميتها ونبذ كل ما يسوء اليها ويكدر صفوها من عوامل التفرقة والتي شجبها الله تعالى في كتابه العزيز «ولا تفرقوا فتفشلوا وتذهب ريحكم».

ورحم الله الشيخ شلتوت الذي التفت الى هذا المعنى الكريم فخلد في فتواه الصريحة الشجاعة حيث قال ما مضمونه: بجواز العمل بمذهب الشيعة الامامية باعتباره مذهبا فقهيا إسلاميا يقوم على الكتاب والسنة والدليل الأسد وأ سأل الله أن يوفق العاملين على هذا الفتح القويم في التقريب بين الاخوة في العقيدة الاسلامية الحقة «وقل اعملوا فسيرى الله عملكم والمؤمنون وأخر دعوانا أن الحمد لله رب العالمين».

٢١ من شهر ذي القعدة ١٣٩٧

محمد الفحام
شيخ الأزهر السابق

بسم الله الرحمن الرحيم

الأزهر
مكتب الامام الاكبر
شضخ الأزهر

« نص الرسالة التي كتبها الاستاذ الأكبر في ذي القعدة علم ١٢٩٧ ه إلى سماحة العلامة الكبير أ قاحسن سعيد من علماء الامامية بطهران ـ الحاج إيران ١٩٧٧/١٠/٢٥م

سماحة الشيخ حسن سعيد
من علماء طهران

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته، وبعد

فان الأزهر لا يحمل الى اخواننا الامامية والى اخواننا الزيدية إلاكل ود ونحن الأن في دور ندعو فيه الى الوحدة والأخوة واذا حد ث شيء من هنا أو هناك فسنحا ول ان نصلحه وان تصلحوه ونسير جميعا في طريق السلام والحب والود، وما ورد في كتاب مذكرة التوحيد سيصلح ان شاء الله ونرجوا ان يحدث المثل عندكم اذا حدث.

وشكر الله الساعين غي الوحدة
والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

تحريرا في ١٩٧٧/١٠/٢٥م

عبد الحليم محمود
شيخ الأزهر

2. Terjemahan Teks fatwa Syaikh Salim al-Busyra, Rektor Universiti al-Azhar dari tahun (1319 H - 1320 H/1900 M - 1904 M dan tahun 1327 H - 1335 H/1909 M - 1916 M)

kepada
Sayyid 'Abdu l-Husain Syarafuddin al-'Amili.
Surat bertarikh pada 3 Dhu l-Hijjah 1329 H.

"Tidak menjadi halangan bagi seorang Sunnah mengambil hujah dari saudaranya (seorang) Syi'ah apabila hujahnya kukuh. Pendapat anda di dalam soal ini adalah benar dan nyata. Sementara pendapat orang yang menentang adalah semata-mata degil dan keras kerana pendapat mereka bahawa tidak sahnya berpegang dengan hujah-hujah Syi'ah adalah bertentangan dengan perbuatan mereka sendiri. Dan perbuatan mereka pula di dalam mengambil hujah-hujah adalah bertentangan dengan perkataan mereka. Oleh itu perkataan dan perbuatan mereka tidak selari dan sejajar. Dan ianya tidak akan mencapai sebarang matlamat. Pendapat mereka bertentangan di antara satu sama lain. Lantaran itu hujah mereka adalah lemah dan hujah anda adalah kukuh.

Di dalam waktu yang singkat ini saya ingin menamakan tulisan ini untuk anda dengar nama "Isnad Syi'ah di dalam Isnad Sunnah". Saya harap pembaikan (*islah*) akan berlaku di Dunia Islam dengan pesatnya, Insya Allah. Kami beriman dengan semua ayat-ayat Allah (Dan ayat-ayat al-Qur'an yang diturunkan kepada Sayyidina Amiru l-Mukminin 'Ali bin Abi Talib dan semua Ahlu l-Baitnya (r.d) lebih banyak dari apa yang telah anda kemukakannya kepada saya).

Surat bertarikh 7 Dhu l-Hijjah 1329.

"Hakim-hakim yang adil tidak akan menghukum dengan sesat terhadap orang-orang yang berpegang dengan tali Ahlu l-Bait dan orang yang mengikuti jalan mereka. Para imam mereka tidak ada kekurangan di dalam sesuatupun daripada para imam yang selayaknya menduduki imamah. Lantaran itu beramal dengan mazhab mereka adalah mencukupi dan diberi ganjaran oleh Allah SWT, sepertilah beramal dengan salah satu daripada mazhab yang empat tanpa diragukan lagi".

Syaikh Salim al-Busyra
Syaikh Al-Azhar

3. Terjemahan teks fatwa Syaikh Muhammad al-Fahham, Rektor Universiti al-Azhar.

Bismillahi r-Rahmani r-Rahim

Muhammad al-Fahham,
Rektor Universiti al-Azhar.

"Yang mulia Syaikh Hasan Sa`id adalah seorang ulamak besar di Tehran telah membuat kunjungan hormat ke rumahku No. 5, Jalan `Ali bin Abi Talib bersama yang mulia al-`Allamah Sayyid al-Rifa`i. Kunjungan itu telah meninggalkan kenangan yang indah di dalam jiwaku dan mengingatkan kenangan yang manis semasa kunjunganku ke Tehran pada tahun 1970. Di sana aku telah berkenalan dengan satu kumpulan ulamak Syi`ah Imamiyyah yang besar. Aku mengenali keperibadian mereka yang mulia dan telah melayaniku dengan begitu mesra di mana aku tidak pernah menjangka sebelumnya.

Kunjungan mereka ke rumahku pada hari itu sebagai membuktikan kehormatan mereka kepadaku. Semoga Allah memberi ganjaran kepada mereka di atas usaha mereka yang baik bagi merapatkan jurang perbezaan di kalangan mazhab-mazhab Islam yang pada hakikatnya mempunyai asas-asas akidah Islam yang satu dengan mengumpulkan mereka di atas arena persaudaraan yang telah dianjurkan al-Qur'an sebagaimana firmanNya:

"*Sesungguhnya orang-orang mukmin adalah bersaudara*" (Surah *al-Hujarat* 49:10). Persaudaraan ini adalah menjadi kewajipan ke atas para ulamak yang berbeza aliran mazhab menjaga nilainya dan meninggalkan apa yang boleh mengeruhkan suasana dari segala faktor perpecahan yang dilarang oleh Allah SWT di dalam kitabNya yang mulia: "*Dan taatlah kepada Allah dan RasulNya dan janganlah kamu berbantah-bantahan yang menyebabkan kamu menjadi gentar dan hilang kekuatanmu dan bersabarlah. Sesungguhnya Allah berserta orang-orang yang sabar*" (Surah *al-Anfal* 8:46).

Semoga Allah mencucuri rahmatNya ke atas Syaikh Syaltut yang telah mengambil berat tentang pengertian yang mulia ini. Lantaran itu ia tetap dengan fatwanya yang terang dan berani sehingga dia berkata maksudnya: Harus beramal dengan mazhab Syi'ah Imamiyyah sebagai mazhab fiqh Islam

yang berasaskan al-Qur'an, Sunnah dan dalil yang kuat. Saya berdoa kepada Allah SWT supaya merestui orang-orang yang berusaha ke arah memperdekatkan hubungan persaudaraan di dalam akidah Islam yang sebenarnya sebagaimana firman-Nya: *"Dan katakanlah: Bekerjalah kamu, maka Allah dan RasulNya serta orang-orang mukmin akan melihat pekerjaanmu itu"* (Surah *al-Taubah* 9:105) *Wa l-Hamdu li llahi Rabi l-'Alamin.*

Muhammad al-Fahham,
Syaikh al-Azhar.
21 Dhu l-Qa'idah, 1397 H.

****

4. Terjemahan fatwa Syaikh 'Abdu l-Halim Mahmud, Rektor Universiti al-Azhar.

Bismi llahi r-Rahmani r-Rahim

al-Azhar,
Pejabat al-Imam al-Akbar,
Syaikh al-Azhar

Teks fatwa yang telah ditulis oleh al-Ustaz al-Akbar pada bulan Dhi l-Qa'idah tahun 1397 H kepada yang mulia al-'Allamah al-Kabir al-Hajj Aqa Hasan Sa'id seorang daripada ulamak Syi'ah Imamiyyah di Tehran, Iran 25hb. Oktober 1977.

Yang Mulia Syaikh Hasan Sa'id
Ulamak Tehran.

as-Salamu 'Alaikum Warahmatu Llah wa Barakatuh.

Sesungguhnya al-Azhar mempunyai kasih sayang yang mendalam terhadap saudara-saudara kami Imamiyyah dan Zaidiyyah. Apatah lagi kami sekarang di peringkat menyeru kepada penyatuan (*al-Wahdah*) dan persaudaraan. Oleh itu apabila berlaku sesuatu di sana sini, maka kita cuba memperbaikinya dan kita semua berjalan di atas jalan kesejahteraan dan kasih sayang. Dan apa yang telah dinyatakan di dalam buku *Muzakkirah al-Tauhid*, akan memperbaiki (keadaan) Insya Allah. Dan kami berharap tindakan yang sama juga dilakukan di pihak anda. Syukur kepada Allah di atas usaha ke arah penyatuan.

Wa s-Salamu 'Alaikum wa Rahmatu Llah.

'Abdu l-Halim Mahmud
Syaikh al-Azhar

Dipetik daripada: Pusat Kebudayaan Islam Eropah, Rome,Itali, Bil. 363, Cetakan Keempat.
25hb. Oktober, 1977 M.

PENGANTAR PENTERJEMAH

Bersyukur kepada Allah SWT kerana akhirnya kami dapat juga menyelesaikan penterjemahan buku *Mengapa Aku Memilih Ahlu l-Bait A.S.?* karangan Syaikh Muhammad Mar'i al-Amin al-Antaki, seorang bekas Qadhi Besar mazhab Syafi'i di Halab, Syria, meskipun menghadapi beberapa kesulitan. Dengan ini ianya akan memberi pendedahan secara akademik terhadap beberapa permasalahan yang dipertikaikan di antara Sunnah dan Syi'ah berdasarkan buku-buku Ahlu s-Sunnah sendiri. Apatah lagi di akhir-akhir ini, lebih 20 buah buku yang bersifat anti Syi'ah telah diterjemahkan ke dalam bahasa Malaysia. Buku-buku tersebut telah ditulis oleh musuh-musuh Syi'ah terutamanya dari kalangan Wahabi yang menyamar sebagai Ahlu s-Sunnah.

Buku-buku tersebut telah meracuni fikiran orang ramai dan sebahagian para ulamak yang tidak luas wawasan pemikiran dengan mengkafirkan Syi'ah secara umum kerana mencaci para sahabat, Syi'ah mempunyai al-Qur'an yang lain?, ketiga-tiga khalifah telah merampas jawatan khalifah daripada 'Ali A.S. dan lain-lain. Sebenarnya "akidah" bahawa para sahabat yang menyalahi perintah Allah dan RasulNya dengan melakukan pencurian, perzinaan, peminuman arak, perjudian, penipuan, pembohongan, pengamalan rasuah dan pencacian terhadap Nabi dan lain-lainnya, sebagai adil, *thiqah* boleh dipercayai dan menjadi contoh, adalah "akidah" yang bertentangan dengan al-Qur'an dan Sunnah RasulNya. Oleh itu Allah dan RasulNya menolaknya, para sahabat sendiri menolaknya; al-Bukhari dan Muslim menolaknya. Kerana mereka berdua telah mencatat keburukan sebahagian para sahabat di samping kebaikan mereka di dalam *Sahih-Sahih* mereka. Tetapi kita Ahlu s-Sunnah kurang mengetahuinya. Dan apabila dikemukakan kepada kita catatan tersebut, kita menakwilkannya atau menolaknya kerana akidah "keadilan atau kekebalan para sahabat di sisi hukum Allah dan sunnah RasulNya" dengan alasan *ijtihad* telah menular di dalam pemikiran kita.

Justeru itu al-Bukhari dan Muslim umpamanya, telah mencatat para sahabat yang menyalahi perintah Allah dan

RasulNya. Malah mereka juga mencatat para sahabat yang mencaci Nabi *sawaw*. Tetapi jika difahami bahawa catatan mereka itu sebagai penerangan kepada sesuatu hakikat yang berlaku atau sebagai perbandingan di antara Sunnah Rasul dan Sunnah sahabat dan bukan sebagai cacian terhadap sahabat, maka ianya juga mesti dilakukan terhadap Syi'ah. Justeru itu Syi'ah tidak mencaci sahabat sebaliknya menerangkan hakikat sesuatu berdasarkan nas. Justeru itu penyelesaian mengenai sahabat boleh dilakukan secara akademik yang berteraskan nas. Tetapi kita Ahlu s-Sunnah tidak ingin menyelesaikannya kerana kita menyedari bahawa setiap kajian yang dilakukannya, akan mendedahkan percanggahan "akidah" kita mengenai sahabat umpamanya, dengan hakikat sebenar.

Bagi menutup hakikat ini, sebahagian kita meneruskan propaganda "Syi'ah mencaci sahabat". Dengan ini mereka dapat menyemarakan sentimen dan kemarahan orang ramai serta pihak penguasa supaya membenci dan menentang Syi'ah dengan berbagai cara. Mereka tidak lagi menghormati ilmu. Oleh itu adakah sentimen dan kemarahan yang berasaskan "akidah" yang bertentangan dengan al-Qur'an itu patut dilayani atau pemikiran yang berasaskan keilmuan menurut al-Qur'an itu harus ditentangi? Adakah sama orang yang mengkaji dengan fikiran yang terbuka dengan orang yang tidak mahu mengkaji dengan fikiran *'asabiyah*nya?

Lantaran itu sebahagian kita terus memandang Syi'ah Ja'fariyyah sebagai kafir atau sesat dan ianya disokong pula oleh sebahagian pegawai-pegawai agama. Sepatutnya kita memandang orang Islam bersaudara serta memberi hak yang sewajarnya. Apatah lagi Rektor-rektor Universiti al-Azhar seperti Syaikh Syaltut, Salim al-Busyra, Muhammad al-Fahham dan Abdu l-Halim Mahmud telah memberi fatwa-fatwa mereka yang masyhur tentang sahnya berpegang kepada mazhab Syi'ah Imamiah Imam 12 atau dikenali dengan mazhab Ja'fari.

Perhatikanlah, sebagai contoh, hak-hak yang diberikan oleh saudara-saudara kita Syi'ah kepada mazhab-mazhab Ahlu s-Sunnah kita dan lain-lain sekalipun banyak hukum-hukum dan akidah-akidah di dalam mazhab-mazhab tersebut menyalahi nas. Perkara 12 di dalam Perlembagaan

Republik Islam Iran menyatakan:

"Ugama rasmi bagi Republik Islam Iran ialah Islam dan mazhab Ja`fari Imam 12. Adapun mazhab-mazhab Islam yang lain yang terdiri dari mazhab Hanafi, Syafi`i, Maliki, Hanbali dan Zaidi semuanya menikmati kehormatan yang sempurna. Dan pengikut-pengikut mazhab-mazhab tersebut pula bebas mengerjakan upacara-upacara keislaman mereka menurut fiqh mereka. Malah mazhab-mazhab tersebut diambil kira secara rasmi di dalam pengajaran, pendidikan Islam, undang-undang keluarga (perkahwinan, talak, pusaka dan wasiat) dan perkara-perkara yang berkaitan dengan penghakiman. Dan setiap kawasan pengikut-pengikut salah satu dari mazhab-mazhab tersebut menikmati suara majoriti. Kerana hukum-hukum tempatan bagi kawasan tersebut menurut kemuslihatan majlis-majlis *syura* tempatan adalah sejajar dengan mazhab tersebut. Di samping menjaga hak-hak pengikut-pengikut mazhab-mazhab yang lain".

Ini menunjukkan kemampuan mazhab Ja'fari menjadi induk kepada mazhab-mazhab yang lain kerana tradisi ilmu dan aliran pemikiran mazhzb-mazhab lain dihormati oleh para ulamak mereka, dengan meberi kebebasan yang sewajarnya. Kita belum dapati di dalam dunia Sunni kita sebuah negara yang mengamalkan sistem satu mazhab, memberi kebebasan kepada mazhab-mazhab (Sunni) yang lain di dalam pelajaran, nikah kahwin, talak, undang-undang keluarga dan lain-lain sebagaimana telah diberikan oleh mazhab Ja'fari di Iran.

Ini disebabkan oleh kesempitan pemikiran kebanyakan para ulamak kita apatah lagi mereka terlalu fanatik kepada mazhab yang dianuti tanpa kajian yang jujur dan mendalam miskipun terhadap mazhab sunni yang lain. Lantaran itu buku ini akan menerangkan hakikat yang sebenar secara akademik dan ianya sebagai perbandingan di antara buku-buku karangan musuh-musuh Syi'ah dan buku-buku karangan Syi'ah sendiri. Dan ianya juga ditulis berdasarkan pengalamannya, di samping hujah-hujah dari al-Qur'an, Sunnah dan Sejarah. Rujukan-rujukan utamanya adalah diambil dari buku-buku Ahlu s-Sunnah wa l-Jama'ah. Oleh itu sekiranya para ulamak Ahlu s-Sunnah kita berbohong di

dalam catatan mereka mengenai keburukan sebahagian sahabat atau sahabat yang menyalahi nas, maka merekalah yang berdosa, dan mereka pula tidak boleh dipercayai lagi. Dan sekiranya apa yang dicatatkan oleh mereka itu benar, kenapa kita tidak mahu menerima hakikatnya? Dan kenapa cacian dan kemarahan pula ditujukan kepada Syi'ah?

Semoga saudara-saudara kita Ahlu s-Sunnah dan saudara-saudara kita yang bermazhab Wahabi yang bermusuhan dengan Syi'ah membaca buku ini sehingga selesai kemudian membuat penilaian yang adil. Dan kepada mereka kita ingin mengungkapkan kata-kata Khalifah 'Ali A.S.: "Manusia menjadi musuh kepada apa yang mereka tidak mengetahuinya". Baqir al-Sadr (r.h) berkata: "Sekiranya saudara-saudara kami Ahlu s-Sunnah membaca buku-buku mereka, nescaya mereka sependapat dengan kami dan perselisihan dapat diselesaikan semenjak awal lagi". Dan kami berkata: "Apa salahnya tahu, kerana kalian bukan semestinya beramal dengan apa yang kalian tahu".

Oleh itu tujuan penterjemahan buku ini adalah untuk akademik yang tinggi bagi mencapai matlamat wawasan 2020 dan ia bukanlah untuk kita bertukar mazhab kerana apa yang penting ialah mencintai Ahlu l-Bait Rasulullah *sawaw* dengan hakikat yang sebenarnya. Buku ini juga telah diterjemahkan ke dalam beberapa bahasa utama di Eropah dan telah dibaca oleh berbagai lapisan masyarakat Islam dan juga bukan Islam. Semuga ianya akan memperluaskan wawasan pemikiran Islam di Nusantara berdasarkan keilmuan yang tinggi.

Akhir sekali, kami bertawakkal kepada Allah yang Maha Perkasa dan Maha Adil di dalam segala-galanya.

Profesor Madya Dr. Lutpi Ibrahim
pensyarah Pemikiran Islam,
Jabatan Pengajian Islam,
Fakulti Sastra dan Sains Sosial,
Universiti Malaya,
59100 Kuala Lumpur.

2hb. Januari 1993

PENGHARGAAN

Pertama sekali aku menghadiahkan bukuku ini kepada Sahib al-Risalah dan penamat para Rasul Sayyidina Muhammad A.S. Kedua, kepada Sahib al-Wilayah dan khalifah selepas Rasul, 'Ali Amiru l-Mukminin A.S. Ketiga, kepada para imam yang suci daripada keluarganya. Keempat, kepada pengganti-pengganti mereka yang terdiri daripada para ulamak mujtahidin. Kelima, kepada setiap orang yang insaf dan peka terhadap mazhab dan ugama supaya mengkajinya dengan teliti dan membebaskan dirinya dari 'asabiah.

Akhir sekali aku mengharap pahala yang sewajarnya dari Allah SWT dan mematikanku di atas *Wila'* 'Ali Amiru l-Mukminin dan Ahlu l-Baitnya yang suci. Semoga Dia menjadikan buku ini sebagai bekalan pada hari keperluanku iaitu di hari yang tidak ada guna harta kekayaan dan anak-anak melainkan orang yang datang kepadaNya dengan hati yang sejahtera.

Oleh: Syaikh Muhammad Mar'i al-Amin al-Antaki
Bekas Qadhi Besar Mazhab Syafi'i
Halab, Syria.

PENGANTAR

Segala puji bagi Allah Tuhan sekelian alam Pencipta segala makhluk. Pengutus para Rasul kepada makhlukNya bagi memberi petunjuk kepada mereka supaya mengenal Pencipta mereka serta beramal dengan syariatNya.

Dia melantik para Wasi bagi mengukuhkan syariatNya Salawat dan salam ke atas Muhammad dan *'itrahnya* yang suci dan keridhaan ke atas sahabatnya yang terpilih.

Wahai Tuhanku! Laknatilah musuh-musuh RasulMu dan musuh-musuh Ahlu l-Baitnya yang suci. Seksalah mereka dengan neraka jahannam. Dan ambillah (nyawa) mereka dengan pengambilan yang keras.

Wa ba'd: Sesungguhnya Allah S.W.T. telah member hidayah kepada kami dan "mentakdirkan" kami memilih mazhab yang benar iaitu mazhab Ahlu l-Bait A.S. Mazhab cucu RasulNya Imam Ja'far bin Muhammad *al-Sadiq* A.S. Dari beliaulah datangnya mazhab empat. Justeru itu ia adalah asal, sementara mazhab empat merupakan cabang. Kerana Abu Hanifah Nu'man bin Thabit adalah orang yang pertama mengambil (ilmu) daripada Ja'far bin Muhammad *al-Sadiq* A.S. Abu Hanifah berkata: Jikalaulah tidak ada dua tahun (*Sanatani*), nescayabinasalah al-Nu'man. Maksudnya dia menghadiri kuliah imamJa'far al-Sadiq selama dua tahun dan mengambil ilmu daripadanya.

Kemudian Malik mengambil (ilmu) daripada buku-buku Abu Hanifah. Syafi'i mengambil (ilmu) daripada Malik dan mengkaji apa yang diambil oleh Malik daripada buku-buku Abu Hanifah daripada Ja'far *al-Sadiq* A.S. Begitu juga halnya dengan Ahmad bin Hanbal.

Lantaran itu semua mazhab empat adalah cabang kepada Imam Ja'far *al-Sadiq* A.S. Semua buku rujukan sejarah Sunnah dan Syi'ah bersepakat mengenainya. Justeru itu apa yang didapati di dalam buku-buku mazhab empat yang sejajar dengan mazhab Ja'fari, adalah daripada Ja'far bin Muhammad A.S. Dan apa yang menyalahinya adalah daripada *ijtihad* mereka sendiri.

Apabila kami berpegang kepada mazhab yang mulia ini dan mengisytiharkannya kepada orang ramai, berlakulah "malapetaka" yang besar ke atas kami sebagaimana aku akan menerangkannya nanti.

Berbagai golongan di seluruh negara meminta kami supaya menerangkan sebab-sebab yang mendorongkan kami berpegang kepada mazhab Ahlu l-Bait A.S. berserta latar belakang kami.

Lalu kami menyahuti permintaan mereka dengan mengarang buku ini meskipun kami telah mengarang sebelum dan selepas berpegang kepada mazhab Ahlu l-Bait A.S. beberapa buah karangan. Ada yang panjang dan ada yang pendek. Ada yang telah dicetak dan ada yang belum dicetak. Ianya tersibar dengan pesat di seluruh negara-negara Islam. Kami telah memperkuatkan hujah-hujah kami tanpa meninggikan diri.

Syaikh Muhammad Mar'i al-Amin al-Antaki

BAB PERTAMA

Sejarah Ringkas Hidupku

Aku dilahirkan pada tahun 1344H/1894M. di kampung Unsu di Wilayah Antakiyyah. Sebuah kampung yang cantik, udaranya nyaman dipenuhi oleh bermacam-macam tumbuhan seperti zaitun, anggur dan lain-lain. Di sana terdapat seorang Syaikh yang mengajar membaca dan menulis al-Qur'an kepada kanak-kanak. Bapaku meletakku di sisinya supaya aku belajar membaca dan menulis al-Qur'an. Selepas aku selesai membaca dan menulis, bapaku mengambilku supaya aku menolong sebahagian daripada kerja-kerjanya.

Apabila umurku meningkat remaja, aku mulai mencintai ilmu pengetahuan dan para ulamak. Lantaran itu apabila aku melihat saja seorang ulamak, aku dengan segera melakukan khidmatku kepadanya menurut kemampuanku.

Kemudian terbenam di hatiku perasaan cinta kepada ilmu dan ianya makin memuncak. Pada masa itu seorang syaikh bernama Syaikh Rajab adalah seorang alim tinggal berhampiran dengan kampung kami. Maka di sanalah aku dan saudaraku Ahmad belajar darinya hampir tiga tahun. Kemudian kami berpindah ke bandar Antakiyyah dan kami memasuki madrasah melalui Syaikh Nazif. Kami belajar dari nya dan bapanya Syaikh Ahmad Afandi al-Tawil hampir tujuh tahun. Pada masa itu juga datang seorang alim yang dihormati bernama Syaikh Muhammad Sa'id al-'Urfiyy dari daerah Dair al-Zur. Dia telah dibuang daerah oleh pihak kerajaan Perancis sepanjang penjajahan negara Syria selepas tamatnya peperangan dunia yang pertama pada tahun 1919 M. Kami sempat belajar darinya semasa dia berada di Antakiyyah.

Di Universiti al-Azhar

Kemudian aku sampai juga di Mesir sekalipun saudara ku Ahmad telah sampai lebih awal daripadaku. Hampir sebulan kami belajar di Universiti al-Azhar, Syaikh Sa'id al-'Urfiyy pun datang. Dan kedatangannya ke Mesir banyak memberi faedah kepada kami. Dan di Universiti al-Azharlah kami menuntut berbagai-bagai ilmu pengetahuan daripada Syaikh-Syaikh al-Azhar yang masyhur.

Guru-guru ku di Universiti al-Azhar

1. al-'Allamah al-Akbar Syaikh Mustafa al-Maraghi, Rektor Universiti al-Azhar dan Ketua Majlis Islam.
2. al-'Allamah al-Kabir Syaikh Muhammad Abu Taha al-Mihniyy.
3. al-'Allamah al-Kabir syaikh Rahim dan syaikh-syaikh al-Azhar yang lain.

Pencapaian Ijazah dari Universiti al-Azhar

Manakala kami tamat belajar, kami telah memperolehi beberapa ijazah yang tinggi dari Universiti al-Azhar. Dan apabila kami ingin pulang ke tanah air, beberapa orang yang terkemuka di Mesir meminta supaya kami menjadi Pensyarah di Universiti al-Azhar. Tetapi disebabkan negara kami lebih memerlukan kami apatah lagi Mesir sebuah negara ilmu yang mempunyai para ulamak yang masyhur, tidak begitu memerlukan kami sedangkan negara kami hampir tidak mempunyai ulamak yang berwibawa di dalam ilmu Fiqh, Tafsir dan Hadis.

Kembalinya kami ke tanah air

Kami kembali ke negara kami dan bertugas sebagai imam sembahyang jama'ah dan juma'at, mengajar, memberi fatwa dan syarahan selama lima belas tahun.

Perselisihan di kalangan mazhab empat

Selama lima belas tahun kami mengkaji tentang perselisihan (*Khilaff*) di kalangan mazhab empat. Aku dan saudara ku Ahmad merasai suatu kepelikan kerana kami dapati perselisihan berlaku di dalam satu masalah di dalam mazhab yang sama. Lebih-lebih lagi perselisihan yang berlaku di antara satu mazhab dengan tiga mazhab yang lain. Sehingga kami dapati satu mazhab menghalalkan satu masalah sementara mazhab yang lain pula mengharamkannya. Begitu juga satu mazhab mengatakan ianya makruh sementara mazhab yang lain pula mengatakan ianya sunnat. Begitulah seterusnya. Sebagai contoh Syafi'i berpendapat bahawa menyentuhi perempuan ajnabi membatalkan wudhuk sementara Hanafi berpendapat ianya tidak membatalkan wudhuk.

Malik pula berpendapat bahawa sentuhan jika dengan syahwat atau sengaja membatalkan wudhuk. Jika tidak maka ia tidak membatalkan wudhuk.

Syafi'i mengharuskan seseorang mengahwini anak perempuan zinanya, sementara Abu Hanifah, Malik dan Ahmad bin Hanbal mengharamkannya.

Hanafi berpendapat bahawa sedikit darah yang keluar dari tubuh badan adalah membatalkan wudhuk. Sementara yang tiga lagi berpendapat bahawa ianya tidak membatalkannya.

Hanafi berpendapat bahawa wudhuk harus dilakukan dengan Nabidh (air kurma umpamanya) dan susu yang bercampur dengan air. Sementara yang tiga lagi berpendapat ianya tidak harus.

Malik berpendapat bahawa memakan daging anjing adalah harus. Sementara yang tiga lagi berpendapat bahawa ianya tidak harus.

Syafi'i berpendapat bahawa memakan daging serigala (*Tha'lab*), daging musang (*dhab'*) dan daging belut (*Jar'y*) adalah harus. Sementara Abu Hanifah berpendapat bahawa memakannya adalah haram.

Syafi'i berpendapat bahawa landak (*qunfuz*) adalah halal sementara yang tiga lagi berpendapat ianya haram. Dan banyak lagi perselisihan-perselisihan yang berlaku di kalangan mereka bermula dari bab pertama fiqh hinggalah keakhir nya.

Subhanallah! Adakah syariat Islam itu tidak lengkap sehingga mereka melengkapinya dengan perselisihan di kalangan mereka? Satu mazhab menghalalkannya, dan satu lagi mengharamkannya. Sementara yang lain pula mengharuskannya dan yang lain pula berpendapat sebaliknya.

Tetapi apa yang jelas daripada Rasulullah *sawaw* ialah sabdanya: *'Halal Muhammad adalah halal sehingga hari kiamat dan haram Muhammad adalah haram sehingga hari kiamat'*.

Perhatikanlah bagaimana Syafi'i telah menyusun mazhabnya yang lama (*Qadim*) dan menyibarkannya di kalangan kaum Muslimin di 'Iraq, Hijaz, Yaman dan Syria. Kemudian dia berpindah ke Mesir kerana sebab-sebab tertentu. Di sana dia bergaul dengan orang Maghribi dan mengambil ilmu daripada mereka. Lalu dia berpindah dari mazhabnya yang lama dengan menyusun mazhab lain yang dia menamakannya dengan mazhab *jadid* (baru). Sehingga beberapa masalah sahaja tinggal pada mazhabnya yang pertama.

Aku berkata: Sekiranya mazhab pertamanya betul

kenapa dia mencipta mazhab yang kedua dan sebaliknya.

Begitu juga kita perhatikan Abu Hanifah memberi pendapatnya di dalam satu-satu masalah, murid-muridnya, Abu Yusuf, Muhammad dan Zufar menyalahinya. Kadangkala seorang daripada mereka sependapat dengannya. Sementara dua lagi menyalahinya. Atau ketiga- tiga menyalahinya atau bersetuju dengannya. Begitu juga Malik dan Ahmad bin Hanbal, perselisihan berlaku di kalangan mereka dalam semua masalah dan ia tentu sekali membuatkan kita berada di dalam keraguan.

Fahaman Wahabi[1]

Kami mendengar daripada orang Wahabi bahawa mereka melaksanakan hukum hudud dan hukum-hukum syarak yang lain dengan sepenuhnya.

Akhirnya kami berpindah ke Hijaz dan bersahabat dengan mereka beberapa ketika. Tetapi sayangnya kami dapati berita-berita yang telah sampai kepada kami dahulu dari Hijaz adalah bertentangan dengan hakikat sebenar. Kerana wahabi adalah lebih membahayakan Islam daripada yang lain. Mereka telah mengkaburkan imej Islam dengan perbuatan-perbuatan dan fatwa-fatwa ulamak mereka serta layanan mereka yang jahat terhadap *'itrah tahirah* dengan merosakkan makam-makam mereka. Malah mereka telah mencuba untuk merosakkan makam nabi suci *sawaw*. Tetapi ianya ditentang oleh kebanyakan Mukminin di Timur dan di Barat. Justeru itu mereka tidak melaksanakannya kerana takut fitnah dan pemberontakan. Perhatikanlah fatwa-fatwa mereka yang pelik. Wahabi berkata:

"Apabila seorang haji atau seorang meletakkan tangannya di atas kubur, maka dia adalah musyrik (Dia dihampiri oleh seorang polis Saudi seraya berkata: Angkatlah tangan anda wahai musyrik). Dan apabila seorang berkata: Wahai Rasulullah, maka dia adalah musyrik. Dan apabila seorang memegang kubur atau mengucupnya, atau mengambil berkat dengannya, maka dia adalah seorang musyrik (polis akan memukulnya dan menengkingnya sambil berkata kepada-

---

1. Wahabi adalah golongan yang dinisbahkan kepada Muhamad bin 'Abdu l-Wahab yang lahir pada 1111H. Di antara ajarannya ialah pengharaman perayaan terhadap orang yang telah meninggal dunia termasuk para nabi dan para imam. Pengharaman pembinaan di atas kubur, penziarahan kubur, *tawasul*, syafa'at melalui para nabi dan para wali. Untuk mengetahui akidah-akidah Wahabi yang menyalahi nas, lihat *Tauhid dan Syirik* oleh Syaikh Ja'far Subhani, *Mizan*, 1987.

nya: Jangan anda melakukannya wahai musyrik).

Demikianlah di antara fikiran-fikiran cetek yang tidak sejajar dengan syariat Islam yang mulia malah ianya mentertawakan. Di dalam khutbah-khutbah, mereka mengkeji amalan suci tersebut dengan perkataan: Wahai musyrik, wahai kafir, itu adalah pada peringkat pertama jika tidak, darahnya halal dan ia wajib dibunuh sebagaimana telah dilakukan oleh wahabi di Hijaz, di Iraq dan lain-lain. Apakah pendapat kalian wahai kaum Muslimin di Timur dan di Barat tentang mazhab kotor yang baru direka yang menentang Islam hakiki dan Muslimin selain daripada mereka? Maka kepada Engkaulah wahai Tuhan rayuan kami terhadap mereka.

Ringkasnya, apabila kami telah melihat perlakuan-perlakuan mereka, maka kamipun kembali ke negara kami. Dan meneruskan kerja kami dahulu. Maka berpanjanganlah keadaan kami sehingga bila wahai Tuhanku?

Disebabkan kami sentiasa di dalam keadaan syak kepada apa yang kami lihat tentang perselisihan-perselisihan yang berlaku di kalangan mazhab empat bersama mereka sendiri, Kemungkinan ia adalah di antara sebab-sebab yang membawa kepada terjalinnya hubungan kami dengan golongan Syi'ah.

Siapakah Syi'ah

Mereka itulah golongan yang benar dan yang terpilih daripada makhluk Allah. Golongan yang berjaya yang berpegang kepada *wila'* Allah, RasulNya dan para imam yang suci daripada Ahlu l-Baitnya *sawaw*. Mereka mengetahui hak para imam mereka dengan sebenar-benarnya; mengetahui orang yang memusuhi mereka. Lalu memberikan setiap mereka hak mereka pula. Mereka menyembah Allah yang satu, tidak ada sekutu dan tidak ada sesuatupun yang menyerupaiNya.

Mereka beriman dengan risalah Nabi yang teragong Muhammad bin 'Abdullah *sawaw*. Mereka beriman dengan:

1. Imam Amiru l-Mukminin Abu l-Hasan **'Ali** bin AbiTalib,**al Murtadha**. (Lahir 23 tahun sebelum Hijrah, wafat 40 H. 601 - 661 M.).
2. Abu Muhammad **Hasan** bin 'Ali, **al-Mujtaba** (2 - 50 H./ 623 - 670 M.)
3. Abu 'Abdullah **Husain** bin 'Ali, **Sayyidu sy-Syuhada'** (38

- 95 H./658 - 713 M.)
4. Abu l-Hasan **'Ali** bin Husain, **Zaina l-'Abidin** (38 - 95H./ 658 - 713 M.)
5. Abu Ja'far **Muhammad** bin 'Ali, **al-Baqir** (57 - 114 H./ 478 - 732 M.)
6. Abu 'Abdillah **Ja'far** bin Muhammad, **al-Sadiq** (83 - 148 H./702 - 765 M.)
7. Abu l-Hasan **Musa** bin Ja'far, **al-Kazim** (128 - 183 H./ 745 - 799 M.)
8. Abu l-Hasan **'Ali** bin Musa, **al-Ridha** (148 - 203 H./732 - 818 M.)
9. Abu Ja'far **Muhammad** bin 'Ali, al-Taqiyy **al-Jawad** (195 - 220 H./810 - 835 M.)
10. Abu l-Hasan **'Ali** bin Muhammad, **al-Hadi** al-Naqiyy (212 - 254 H./827 - 868 M.)
11. Abu Muhammad **Hasan** bin 'Ali, al-Zakiyy **al-'Askari** (232 - 260 H./846 - 870 M.)
12. Abu l-Qasim **Muhammad** bin Hasan, **al-Mahdi** alMuntazar (256 H./870 M.)

Syi'ah mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat, khums, mengerjakan haji, berjuang di jalan Allah dengan harta dan jiwa mereka sebagaimana diperintahkan oleh Allah dan RasulNya, dan tidak takut kerana Allah celaan orang yang mencela. Menyuruh perkara baik dan menegah kemungkaran. Bersegera kepada kebaikan, melakukan kewajipan dan menegah segala apa yang diharamkan.

Syi'ah adalah golongan yang berjaya

Sebab kejayaan golongan ini di samping apa yang telah disebutkan, ialah keistimewaannya daripada semua golongan Islam sebagaimana sabda Nabi *sawaw* yang bermaksud: "*Umatku akan berpecah kepada 73 golongan semuanya ke neraka melainkan satu golongan sahaja*".

Kita dapati bahawa umat Islam semuanya mengucap: *La-ilaha illa lah Muhammadun Rasulullah.* Sekiranya kita berkata: Semuanya berjaya, nescaya kita membohongi hadis ini. Dan jika kita berkata: Semuanya binasa, nescaya kita membohongi hadis tersebut. Lantaran itu golongan yang berjaya ialah golongan yang berpegang kepada Ahlu l-Bait Rasulullah *sawaw*. Dan dalil kejayaannya ialah wujudnya dalil-dalil daripada al-Qur'an dan Sunnah Nabi *sawaw* dikedua-dua pihak Sunnah dan Syi'ah.

Lantaran itu golongan yang berjaya mesti mempunyai keistimewaan yang tidak dimiliki oleh semua golongan iaitu *al-Wila'* (mewalikan ahlu l-Bait A.S.) dan *al-Bara'* (membersihkan diri dari musuh Ahlu l-Bait A.S.). Mereka juga percaya kemaksuman para imam mereka.

Dengan nama Tuhan wahai pembaca yang insaf, mulia dan mukmin. Adakah dikatakan kepada orang seperti itu kafir, musyrik, murtad dan halal darah mereka? Dikaitkan kepada mereka dengan segala tuhmahan yang penuh dengan kebatilan, pembohongan yang diciptakan dan kata-kata yang bohong dan keji sebagaimana yang telah dilakukan oleh Ibn Taimiyyah, Ibn Hajr al-Haithami, al-Qusaimi, al-Hafnawi, Musa Jarullah, Ahmad Amin, al-Jabhani dan lain-lain?

Begitu juga dengan Syaikh Nuh yang telah memberi fatwa kekafiran Syi'ah, pembunuhan mereka, perampasan harta mereka dan lain-lain. Dia mengakhiri fatwanya yang panjang dengan kata-katanya: Sama ada mereka bertaubat ataupun tidak. Lihatlah fatwanya yang ditulis oleh Imam Syarafuddin di dalam bukunya *al-Fusul al-Muhimmah* [2] bab sembilan.

Tidakkah anda mengetahui wahai pembaca yang budiman apakah dosa Syi'ah? Adakah disebabkan mereka tidak mengiktiraf khilafah selain dari para imam mereka atau kerana mereka berkata: *Khilafah* adalah untuk mereka dari awal kerasulan Muhammad *sawaw* hinggalah keakhirnya dunia. Maka dengan nama Tuhan kalian katakanlah: Adakah dosa ini menyebabkan kekafiran dan kemurtadan? *La haula wala Quwwata illa bi llah*

Selepas kajian yang mendalam, kami dapati bahawa bilangan Syi'ah hari ini lebih daripada seratus juta. Dan jikalaulah mereka tidak menghadapi pembunuhan, permusuhan daripada musuh-musuh mereka, serta berbagai-bagai kezaliman dan tekanan sepanjang abad-abad yang lalu, nescaya bilangan mereka hari ini sekurang-kurangnya seribu juta. Mereka berkembang di seluruh pelusuk dunia, timur dan barat, utara dan selatan.

Kebanyakan mereka berada di dalam negara-negara Islam. Mereka menyibarkan dakwah Islam menurut mazhab

---

2. Telah diditerjemah ke dalam bahasa Indonesia dengan jodol *Isu-isu Penting Ikhtilaf Sunnah Syi'ah.*

mereka. Mereka telah melakukan perkhidmatan yang besar di mana orang-orang Islam bermegah dengan khidmat mereka. Buku-buku mereka melimpahi dunia sehingga tidak terhitung banyaknya. Untuk tujuan ini lihatlah buku *al-Dahri'ah ila Tasanif al- Syi'ah* karangan Syaikh Bazrak al-Tahrani. Dan ini merupakan sebahagian kecil daripada senarai buku-buku tersebut.

Di kalangan Syi'ah terdapat para ulamak Islam, Fuqaha', Failasuf dan ahli-ahli fikir. Sultan-sultan, menteri-menteri, sasterawan-sasterawan, penyair-penyair, penulis-penulis, pakar-pakar ilmu bintang, matematik, falak, akitek-akitek, doktor-doktor, ahli- ahli seni dan lain-lain. Mereka memenuhi bumi Allah yang luas dengan ilmu dan amal. Mereka mempunyai pusat-pusat pengajian tinggi, masjid-masjid yang besar yang dipenuhi oleh orang-orang yang datang bersembahyang, baik di Timur mahupun di Barat. Sebagai contoh Imam al-Akbar al-Sayyid Abu l-Hasan al-Musawi al-Asfahani(r.h) telah membina masjid-masjid dan madrasah-madrasah di merata tempat di dunia. Begitu juga al-Imam al-Burujurdi(r.h) telah menghantar pendakwah-pendakwah ke seluruh dunia dan membina masjid-masjid di Amerika, Jerman, London dan Paris. Adakah anda benar-benar mengenali Syi'ah wahai pencaci?.

Apa yang mendukacitakan ialah kami tidak dapati di-dalam buku-buku sirah, dan sejarah di kalangan Ahli Sunnah selain daripada cacian, malah pengkafiran terhadap Syi'ah secara terang-terang. Kenapa? Sebabnya kerana mereka (Syi'ah) adalah Musyrikin! Begitulah ditulis di dalam buku *al-Sawa'iq al-Muhriqah* (petir- petir yang membakar) oleh Ibn Hajr al-Haithami. Semoga Allah membakar penulisnya di akhirat kelak.

Jika dikatakan kerana mereka tidak hadir sembahyang juma'at dan jama'ah, ini adalah tuduhan yang besar. Adakah harus mengkafirkan muslim yang meninggalkan juma'at dan jama'ah wahai Muslimun?

Sebab-sebab yang mendorongkan kami berpegang kepada mazhab Ahlu l- Bait A.S.

1. Aku fikir beramal dengan mazhab Ahlu l-Bait A.S. diberi ganjaran yang sewajar di samping mendapat kebersihan jiwa tanpa sebarang syak. Apatah lagi ramai di kalangan para ulamak Ahlu s- Sunnah yang terdahulu dan sekarang

telah memberi fatwa-fatwa mereka tentang keharusan berpegang kepada mazhab Syi'ah Ja'fariyyah seperti sahabat kami Syaikh al-Akbar, Syaikh Mahmud Syaltut. Dia telah mengeluarkan fatwanya yang disiarkan pada tahun 1959 M. di majalah *Risalatu l-Islam* yang diterbitkan oleh Daru al-Taqrib baina l-Madhahib al-Islamiyyah atau Lembaga Pendekatan antara Mazhab-mazhab dalam Islam, yang berpusat di Kairo Mesir, nombor 3 tahun ke 11 halaman 227 sebagai berikut:

"Agama Islam tidak mewajibkan suatu mazhab tertentu atas siapapun di antara pengikutnya. Setiap muslim berhak sepenuhnya untuk mengikuti salah satu mazhab yang manapun jua yang telah sampai kepadanya dengan cara yang benar dan meyakinkan. Dan hukum-hukum yang berlaku di dalamnya telah dicatat dengan teliti dan sempurna dalam kitab-kitab mazhab bersangkutan, yang memang dikhususkan untuknya. Begitu pula, setiap orang yang telah mengikuti salah satu di antara mazhab-mazhab itu, diperbolehkan pula untuk berpindah ke mazhab yang lain - yang manapun jua - dan dia tidak berdosa sedikitpun dalam perbuatannya itu...."

Kemudian dia berkata lagi: "Sesungguhnya mazhab Ja`-fariyyah yang dikenali dengan sebutan mazhab *Syi`ah Imamiyyah Ithna `Asy`ariyah* adalah satu mazhab yang setiap orang boleh beribadah dengan berpegang kepada aturan-aturannya, seperti juga mazhab-mazhab yang lain...."

"Kaum Muslimin sayugia mengerti tentang hal ini, dan berusaha melepaskan diri dari kongkongan 'Asabiyyah (fanatik) dalam membela sesuatu mazhab tertentu tanpa berasaskan kebenaran...."

2. Dalil-dalil yang kuat dan hujah-hujah yang kukuh dan terang seperti matahari di waktu siang tanpa dilindungi awan, telah menyakinkan kami bahawa mazhab Ahlu l-Bait A.S. adalah mazhab yang benar yang telah diambil oleh Syi'ah daripada para imam Ahlu l-Bait A.S. dan daripada datuk mereka Rasulullah *sawaw* daripada Jibra'il A.S. daripada Allah S.W.T. Mereka tidak akan menukarnya dengan yang lain sehingga mereka berjumpa dengan Allah S.W.T.
3. Wahyu telah diturunkan di rumah mereka dan Ahlu l-Bait(isi rumah) lebih mengetahui dengan apa yang ada di

dalam rumah daripada orang lain. Lantaran itu orang yang berfikiran waras tidak akan meninggalkan dalil-dalil dari Ahlu l-Bait A.S. dengan mengambil dalil-dalil dari orang-orang asing (di luar rumah).

4. Banyak ayat-ayat al-Qur'an yang menyokong dakwaan kami dan kami akan menerangkannya kepada kalian nanti.
5. Banyak hadis-hadis yang sahih daripada Nabi *sawaw* yang menunjukkan kebenaran Ahlu l-Bait A.S. di dalam buku-buku Ahlu Sunnah dan Syi'ah. Sila lihat buku kami *Syi'ah Wa Hujjatu-hum fi al- Tasyayyu'* (Syi'ah dan hujah mereka tentang Tasyayyu') dan juga buku *al-Muraja'at* (Dialog Sunnah - Syi'ah) khususnya dialog keempat. Ianya akan memuaskan hati anda jika anda orang yang insaf. Jika tidak, keuzuran anda adalah disebabkan kejahilan anda sendiri.

Dialog di antaraku dan para ulamak Syi'ah

Ianya juga merupakan sebahagian daripada sebab-sebab yang mendorongku menjadi seorang Syi'ah. Manakala berdialog dengan mereka, aku dapati diriku dikalahkan oleh hujah-hujah mereka, tetapi aku tetap berdegil. Aku cuba mempertahankan hujah-hujahku yang lemah walhal aku mempunyai keilmuan yang tinggi di dalam mazhab Syafi'i dan mazhab lain. Kerana aku telah menuntut di universiti al-Azhar lebih kurang dua puluh lima tahun dari syaikh-syaikh al- Azhar sehingga aku memperolehi ijazah yang tinggi sebagaimana aku telah menyebutkannya.

Dialog kami mengambil masa tidak kurang daripada tiga tahun. Kemudian aku mula mengsyaki mazhab empat kerana perselisihan sesama sendiri begitu ketara sekali.[3]

Mengkaji buku *al-Muraja'at* (Dialog Sunnah-Syi'ah)

Akhirnya aku mengkaji buku *al-Muraja'at* (Dialog Sunnah-Syi'ah) karangan Ayatullah al-'Uzma Sayyid Syarafuddin. Aku mengkajinya dengan teliti. Gaya bahasa dan kemanisan lafaznya mengkagumkanku dan membuatkan aku berfikir bagaimana dia dapat memberi hujah-hujah yang kuat di dalam dialognya dengan Syaikh al-Akbar Syaikh Salim al-Busyra, Rektor Universiti al-Azhar ketika itu.

---

3. Sila lihat lampiran D

Aku dapati pengarangnya ketika berhujah tidak berpegang kepada buku-buku Syi'ah, malah dia berpegang kepada buku-buku Sunnah wa l-Jama'ah. Lantaran itu ianya menjadi sukar bagi lawannya untuk menolaknya. Pada malam itu aku tidak tidur sehingga aku berpuas hati bahawa kebenaran adalah bersama Syi'ah. Mereka berada di atas mazhab yang benar sabit daripada Rasulullah *sawaw* dan Ahlu l-Baitnya A.S. Tidak ada syubhat sedikitpun padaku. Aku percaya bahawa mereka tidaklah sebagaimana apa yang diperkatakan kepada mereka oleh tuduhan, celaan dan kata-kata batil yang diciptakan.

Buku *al-Muraja'at* (Dialog Sunnah Syi'ah) untuk saudaraku

Pada keesokannya, aku memberi buku tersebut kepada saudaraku Ahmad. Dia berkata kepadaku: Apakah ini? Aku menjawab kitab Syi'ah oleh pengarang Syi'ah. Lantas dia berkata kepadaku: Jauhkanlah buku itu dariku, sebanyak tiga kali. Ia adalah daripada buku-buku yang sesat, aku tidak perlu kepadanya. Aku benci kepada Syi'ah dan perkara yang berkaitan dengan Syi'ah. Aku berkata: Ambillah dan bacalah sahaja kerana kita tidak perlu beramal dengannya. Ia tidak akan merosakkan anda jika anda membacanya. Lalu diapun mengambil buku tersebut, mengkajinya dengan teliti. Dan akhirnya dia mengakui kebenaran mazhab Syi'ah. Dia berkata: Syi'ah di atas kebenaran. Selain daripada mereka adalah bersalah (*Khati'un*).

Kemudian aku dan saudaraku meninggalkan mazhab Syafi'i dan kami berpegang kepada mazhab Syi'ah Ja'fariyyah. Ini disebabkan oleh dalil-dalil yang banyak dan terang. Hati kecilku menikmati ketenangan dengan berpegang kepada mazhab Ja'fari, mazhab Ahlu l-Bait Rasulullah *sawaw* kerana aku mengetahui bahawa aku telah sampai kepada matlamat yang paling jauh iaitu berpegang kepada mazhab keluarga suci (*al-'Itrah al-Tahirah*).

Justeru itu aku mempercayai suatu keyakinan yang tidak dicampuri syak bahawa aku telah berjaya daripada siksaan Allah S.W.T. Aku bersyukur kepada Allah S.W.T. di atas kejayaan semua keluargaku dan kebanyakan kaum kerabatku, sahabat-sahabatku dan lain-lain. Ini adalah satu kurniaan dan nikmat daripada Allah S.W.T. yang tidak dapat dinilainya selain daripada Dia; Wilayah keluarga Rasul *sa-*

waw kerana tidak ada kejayaan kecuali dengan mengangkat mereka sebagai *auliya'*. Sebuah hadis Rasul *sawaw* yang dipersetujui oleh Sunnah dan Syi'ah yang bermaksud: *'Umpama keluargaku sepertilah bahtera Nuh, sesiapa yang menaikinya ia akan berjaya dan sesiapa yang tidak menaikinya akan tenggelam dan binasa'*. Aku memohon kepada Allah S.W.T. agar merestui kami kerana mengangkat wilayah Ahlu l-Bait A.S. dan mencintai mereka.

Beberapa kumpulan menjadi Syi'ah bersama-sama kami

Sebilangan besar daripada saudara-saudara kami Ahlu s-Sunnah dari Syria, Lubnan, Turkey dan lain-lain telah turut menjadi Syi'ah bersama kami. Segala puji bagi Allah yang telah memberi hidayat kepada kami dan kami tidak akan mendapat hidayah sekiranya Allah tidak memberi hidayat kepada kami.

Apabila tersibarnya berita mengenai kami, orang ramai berpusu-pusu datang kepada kami, bertanya kami sebab-sebab yang mendorongkan kami berpegang kepada mazhab Ahlu l-Bait, dan meninggalkan mazhab Syafi'i. Kami memberikan jawapan kepada mereka bahawa dalil-dalil yang kuat bersama kami. Maka sesiapa yang ingin supaya kami menerangkan kepadanya mazhab al-Haqq, maka hendaklah ia datang kepada kami.

Orang ramai membuat rujukan kepada kami

Dalam masa yang singkat saja, orang ramai telah datang kepada kami. Mereka terdiri daripada para ulamak, guru, pegawai, peniaga, dan lain-lain. Kami menjelaskan kepada mereka kebenaran mazhab Ahlu l-Bait A.S. berdasarkan rujukan Ahlu s-Sunnah yang muktabar. Di kalangan mereka ada yang mendengar dan berpuas hati, kemudian berpegang kepada mazhab Ahlu l-Bait A.S. dengan meninggalkan mazhab yang terdahulu. Di kalangan mereka ada yang fanatik, dan terus berpegang kepada mazhabnya. Keuzurannya adalah kejahilannya, dan fanatiknya adalah kesedarannya bahawa dia tidak mampu mempertahankan mazhabnya. Demikianlah berlalunya hari-hari, kami terus berdakwah sehingga ramai orang berpegang kepada mazhab Ahlu l-Bait A.S. di- Syria dan di Turkey, *al-Hamdu Lillah*.

Muzakarah di antaraku dan saudaraku

Untuk menambahkan keyakinan, aku dan saudaraku bermuzakarah tentang mazhab Ja'fari. Kadang-kadang dia jadikan dirinya sebagai seorang Syi'ah dan aku menjadikan diriku seorang Sunnah. Kemudian kami memulakan perbincangan. Aku mengemukakan kepadanya beberapa persoalan, maka dia memberi jawapan kepadaku mengenainya berdasarkan al-Qur'an dan Sunnah. Di dalam perbincangan itu, aku melihat diriku dikalahkan olehnya, lalu aku melihat kebenaran bersama Syi'ah. Dan pada masa yang lain aku jadikan diriku sebagai seorang Syi'ah dan saudaraku sebagai seorang Sunnah, maka kami pun bermuzakarah di dalam beberapa masalah. Dia ketawa dan melihat dirinya dikalahkan dan berkata: Kebenaran adalah bersama Syi'ah. Demikianlah berulangnya muzakarah di antara kami. Dan dengan cara ini kami dapati bahawa sesungguhnya kebenaran bersama Syi'ah kerana kebenaran adalah tinggi dan tidak ada sesuatu yang lebih tinggi daripadanya.

Sebagai contoh manakala dia jadikan dirinya sebagai seorang Syi'ah, dia meminta dalil daripada ku kerana berpegang kepada salah satu daripada mazhab empat seraya berkata: "Apakah dalil anda berpegang kepada mazhab Syafi'i atau Hanafi, Maliki atau Hanbali? Adakah anda dapati dalil daripada ayat al-Qur'an seperti maksud firmanNya (di dalam Surah *al-An'am* 6:153) yang bermaksud: *'dan bahawa (yang kami perintahkan) ini adalah jalanku yang lurus, maka ikuti lah dia dan janganlah kamu mengikuti jalan (yang lain) kerana jalan itu menceraiberaikan kamu dari jalanNya'"*. Lihatlah bagaimana Allah S.W.T. menyuruh orang-orang Mukminin supaya berpegang kepada jalanNya yang lurus, dan melarang kami daripada mengambil jalan-jalan (*Subul*) yang bermacam-macam supaya kami tidak sesat daripada jalan-Nya.

Dia bertanya lagi: Adakah anda mendapati hadis Sahih yang menyokong pegangan anda kepada salah satu daripada empat mazhab?

Aku menjawab: Ijmak. Maka dia berkata kepadaku: Tidak ada ijmak, kerana mereka berselisih faham pada mazhab-mazhab tersebut bagaimana pula ijmak dapat dilakukan.

Apabila dia bertanya kepadaku, aku jadikan diriku sebagai seorang Ja'fari, aku memberikan kepadanya dalil-dalil daripada al-Qur'an dan Sunnah RasulNya. Aku berkata:

Sebuah hadis Rasulullah *sawaw* yang bermaksud: '*Aku tinggalkan kepada kalian dua perkara yang berharga kitab Allah dan 'Itrah Ahlu l-Baitku selama kalian berpegang kepada kedua-duanya, kalian tidak akan sesat selepasku selama-lamanya, Kedua-duanya tidak akan terpisah sehingga kedua-duanya dikembalikan di Haudh. Justeru itu jagalah baik-baik, bagaimana kalian memperlakukan kedua peninggalanku itu*'.Dan sabda Rasulullah sawaw yang bermaksud: '*Umpama Ahlu l-Baitku pada kalian sepertilah bahtera Nuh, sesiapa yang menaikinya berjaya, dan sesiapa yang tidak menaiki-nya tenggelam*'. Dia menyerah kalah dan berkata kepadaku: Kebenaran bersama anda.

Begitulah kami melihat kebenaran itu tetap di samping Ahlu l-Bait[4] Rasulullah *sawaw.*

Pengisytiharan sebagai Syi'ah

Sebagaimana kalian telah mengetahui bahawa dalil-dalil yang kuat dan hujah-hujah yang terang terdapat di dalam buku-buku Ahlu s-Sunnah dan Syi'ah tentang kebenaran berpegang kepada mazhab Ja'fari kerana ianya merupakan salsilah keemasan yang tersusun rapi dan tidak dapat dipisahkan sebagaimana firmanNya dalam (Surah *al-Baqarah* 2:256) yang bermaksud: '*Tidak ada paksaan untuk (memasuki) agama (Islam). Sesungguhnya telah jelas jalan yang benar daripada jalan yang salah. Kerana itu barangsiapa yang ingkar kepada Thaghut dan beriman kepada Allah maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada buhul tali yang amat kuat yang tidak akan putus*'.

Sebagaimana sebuah hadis muktabar yang diriwayatkan oleh Ali A.S. daripada Nabi *sawaw* bersabda: '*Kamilah al-Urwah al-Wuthqa (buhul tali yang amat kuat)*'.

Di dalam riwayat yang lain beliau bersabda: '*Kamilah al-Sirat al-Mustaqim kamilah subul jalan-jalan kepada Allah*'. Contoh-contoh hadis seperti ini adalah banyak. Semuanya menjelaskan kepada kita *sabil* (jalan) untuk berpegang kepada mazhab Syi'ah. Maka kami menerimanya dengan penuh kegembiraan kerana inginkan kejayaan dan kemenangan di akhirat kelak. Semoga Allah juga memberi petunjuk kepada kalian.

---

4. Untuk mengetahui dialog Imam Ridha A.S. dengan para ulamak Baghdad dan Khurasan mengenai Ahlu l-Bait A.S. sila lihat Lampiran A.

Sebagaimana seorang penyair bernama al-Kumait berkata dalam piusinya:

'Aku adalah Syi'ah Ahmad

dan Mazhabku adalah mazhab al-Haqq.

Imam Syafi'i berkata:Manakala aku melihat manusia berpegang kepada mazhab yang bermacam-macam di lautan kebodohan dan kejahilan.

Aku menaiki dengan nama Allah bahtera kejayaan mereka adalah Ahlu l-Bait al-Mustafa

dan penamat segala Rasul

Aku berpegang kepada tali Allah dengan mewalikan mereka sebagaimana Dia memerintahkan kita berpegang kepada taliNya.

Telah berpecah di dalam agama tujuh puluh golongan lebih sebagaimana tercatat di dalam hadis.

Semuanya tidak berjaya kecuali satu golongan maka katakanlah kepadaku mengenainya wahai orang yang mempunyai fikiran dan akal.

Adakah golongan yang binasa itu Ali Muhammad?

atau golongan lain yang berjaya? Katakanlah kepadaku.

Sekiranya anda berkata mengenai orang-orang yang berjaya, maka jawapannya ialah satu (keluarga Muhammad dan pengikut-pengikutnya).

Dan sekiranya anda berkata tentang golongan yang binasa nescaya anda tidak boleh berbuat apa-apa lagi.

Dan sekiranya *maula* mereka adalah daripada mereka (Ahlul-Bait A.S.) maka sesungguhnya aku telah meredhai mereka dan sentiasa berteduh di bayangan mereka.

Kalian tinggallah Ali untukku sebagai Wali dan Keturunannya.

Dan kalian termasuk orang-orang yang tinggal di dalam kesenangan (abadi di akhirat kelak).

Dan dia berkata lagi:

Jikalaulah anda ingin mencari untuk diri anda satu

mazhab yang akan menyelamatkan anda di hari kiamat daripada jilatan api

Maka tinggallah pendapat Syafi'i dan Malik dan Ahmad dan apa yang diriwayatkan oleh Ka'ab Ahbar

Maka perwalikanlah orang-orang di mana kata-kata dan percakapan mereka telah diriwayatkan oleh datuk kami daripada Jibra'il daripada Allah SWT '

Dan aku akan kemukakan kepada anda kelebihan-kelebihan *al-'itrah al-Tahirah* dari buku-buku rujukan saudara-saudara kami Ahlu s-Sunnah di dalam buku ini nanti Insya Allah.

Rancangan-rancangan jahat bagi menentang kami

Apabila kami mengisytiharkan bahawa kami telah berpegang kepada mazhab Syi'ah, maka ianya tersibar cepat ke seluruh negara. Orang ramai mulai berpegang kepada Syi'ah, secara kumpulan dan ada secara individu. Pada masa itu beberapa kumpulan yang menentang mazhab Ahlu l-Bait A.S. kerana kejahilan mereka mengenai mazhab tersebut, menjadi musuh kepada apa yang mereka tidak tahu. Lantaran itu mereka telah melakukan perbuatan-perbuatan serta layanan yang keji terhadap kami di mana kami merasa malu untuk menyatakannya disebabkan kekejiannya.

Sesungguhnya kebanyakan daripada mereka menghukum kami dengan kekafiran, dan kemurtadan.[5] Lantaran itu kami menentang tuduhan mereka. Lalu mereka menggalakkan orang-orang bodoh mereka *Sufaha'u-hum* menentang kami. Mereka juga menggalakkan kanak-kanak mereka, supaya menyakiti kami dengan kata-kata yang keji dan melontar kami dengan batu seraya berkata kepada kami: Wahai penyembah *al-Qarmidah*. Mereka maksudkan: Wahai penyembah *turbah husainiyyah*. Mereka mulai mengingatkan orang ramai melalui mimbar-mimbar masjid tentang "pergaulan kami" dengan tuduhan kekufuran dan kemurtadan. Mereka memotong mata pencarian kami. Sekiranya kami mahu menyewa rumah untuk didiami, mereka akan datang kepada tuannya dan mengugutnya pula seraya berkata: Mereka itu adalah Musyrikun. Mereka mencaci sahabat. Jangan sekali-kali anda menyewakan rumah anda kepada mereka. Dan

5. Untuk mengetahui akidah Syi'ah tentang al-Quran, sila lihat lampiran C.

jikalau anda menyewakannya, nescaya kami akan menyakiti anda".

Ianya sungguh menghairankan seolah-olah kami telah keluar dari Agama Islam dengan berpegang kepada mazhab Ahlu l-Bait A.S. Begitu juga dengan sekumpulan syaikh-syaikh di Halab, mereka telah menubuhkan persatuan yang mereka namakan "Persatuan dakwah Muhammadiyyah ke jalan yang lurus". Seorang daripada mereka bernama Amin Airudh telah mengarang sebuah buku dengan nama persatuan tersebut. Dia menulis di dalamnya kata-kata yang keji bagi menentang kami di antaranya: *Tasyayyu'* telah berkembang di seluruh Halab di tahap yang menakutkan. Justeru itu kami menentang golongan tersebut". Ia telah menjadi riuh rendah kemudian ia padam kerana suara kebenaran menjadi tinggi menjulang dan suaranya sentiasa kedengaran sehingga ia berkembang dengan pesat, sehingga tidak boleh didiamkannya oleh gegaran.

Walau apapun terjadi kami tetap cekal seperti gunung yang kukuh, tidak dapat digerakkan oleh ribut taufan. Kerana kami berpegang kepada kebenaran. Kami menyeru kepada jalan Allah dengan hikmah dan nasihat yang baik dan berbincang dengan cara yang lebih baik dan perkataan siapakah yang lebih baik daripada orang yang menyeru kepada Allah dan beramal salih dan berkata: "Sesungguhnya aku adalah daripada orang-orang Islam". Sesungguhnya Allah telah menolong kami menghadapi mereka dengan berkat Ahlu l-Bait A.S. Sebenarnya merekalah yang gagal dan rugi, malah "perbuatan" mereka di hari kiamat nanti akan dibalas.

Suatu keluhan

Terlintas di hatiku untuk menulis satu tajuk yang mendukacita dan memalukan tentang ahli agama yang sentiasa mencari keaiban Muslimin *salihin* terutamanya mengenai keaiban Syi'ah yang baik, pengikut Ahlu l-Bait A.S. Mereka adalah kuman kejahatan yang berusaha untuk melakukan kerosakan di bumi. Mereka tidak hidup dengan jiwa yang bersih bersama golongan-golongan Islam, dan menjamin hak-hak mereka.

Malah mereka menaburkan fitnah di kalangan barisan Muslimin untuk menyibarkan sebab-sebab kefasadan bagi menangguk di air yang keruh bagi mengecapi kesenangan

duniawi sebagaimana yang telah dilakukan oleh orang-orang sebelum mereka. Seolah-olah berpegang kepada mazhab Ahlu l- Bait A.S. menurut pandangan mereka yang jahat, telah terkeluar daripada agama Islam. Darahku pada masa itu menjadi halal dan penghormatan tidak ada lagi untukku.

Jikalaulah mereka kembali kepada pendapat yang betul dan berdiri di atas mazhab Ahlu l-Bait A.S., nescaya mereka mengetahui sesungguhnya Syi'ah berada di pihak yang benar. Sesungguhnya orang yang memperkuatkan mazhab ini adalah Nabi Muhammad *sawaw* sendiri. Dan orang yang menetapkan tiang-tiangnya ialah Ali dan anak-anaknya yang disucikan oleh Allah daripada kekotoran dosa. Dialah yang menjaga mereka dari melakukan dosa kecil ataupun besar. Lantaran itu hadis mereka ialah hadis anak daripada bapanya daripada datuknya daripada Rasulullah *sawaw* daripada Jibra'il daripada Allah S.W.T.

Begitulah Syi'ah telah mengambilnya dari tangan ke tangan, kebenaran dari kebenaran dan yang akhir mereka tidak membelakangi yang awal mereka. Adalah menghairankan sekali, orang yang benar itu dibunuh dan orang yang batil itu dilepaskan? Adakah orang yang berpegang kepada mazhab ini dicela? Dan orang yang beribadat menurut cara mereka dianggap sesat, ia dikafir dan dilontarkan dengan batu?

Adakah hartanya dirampas, anak-anaknya dibunuh dan semua manfaat ditegah untuknya? Adakah dikata kepadanya wahai penyembah berhala sedangkan dia menyembah Allah S.W.T. dengan kebenaran dan keyakinan. Hatinya tersimpul kepada *wilayah* Allah, RasulNya dan para imam yang suci dan siapa yang mewalikan Allah, RasulNya dan orang-orang yang beriman, maka sesungguhnya parti Allah yang mendapat kemenangan (Surah *al-Maidah* 5:56). Tetapi sudah menjadi lumrah bahawa pendusta dimuliakan sementara orang yang benar dihina.

Lihatlah apa yang dilakukan oleh Bani Umaiyyah terhadap Rasul A.S., *'itrah*nya dan Syi'ah mereka yang terpilih. Abu Sufyan telah menentang Rasul *sawaw*, Mu'awiyah menentang Amiru l-Mukminin Ali A.S., Yazid menentang Sayyid Syuhada' Husain A.S., Bani Marwan menentang Syi'ah yang baik. Begitulah keadaannya sehingga Allah memotong belakang mereka. Begitulah keadaannya di hari kami memilih mazhab Syi'ah dan meninggalkan mazhab Syafi'i. Ber-

lakulah "kiamat" dan penentangan mereka terhadap kami.

Kami tidak mencela orang yang mempunyai akhlak seperti ini. Kerana itulah cara mereka dididik. Mereka menjadi talibarut Bani Umayyah dan kuncu Bani Marwan. Pertalian yang rapat di antara satu sama lain di mana tidak ada perbezaan di antara akhir mereka dengan yang awal mereka sehingga tiba suatu hari orang yang zalim diberikan balasan dan orang yang dizalimi diselamatkan. Kezaliman lebih dikenali oleh orang yang cekal menghadapinya.

Sikap Imam Akbar Ayatullah al-Burujurdi terhadap kami

Apabila berita kesulitan hidup kami sampai kepada Sayyid Syarafuddin (r.h), dia mengutus surat kepada Ayatullah al-'Uzma Sayyid al-Husain al-Tabataba'i (r.h) menerangkan keadaan kami. Lalu Ayatullah Burujurdi menolong kami. Pada hakikatnya dialah yang menyokong kami di dalam menyampaikan mazhab yang benar daripada Allah, Rasul dan *'itrah* nya yang disucikan A.S. Begitu juga Sayyid Syarafuddin (r.h.) yang telah memainkan peranan yang tidak kurang juga pentingnya. Lantaran itu kami membuat keputusan untuk melawat Iraq dan Iran kerana sebab-sebab tertentu.

Lawatanku ke Iraq

Pada tahun 1370 H./1950 M. dengan taufik Allah S.W.T. aku dapat menziarahi makam-makam yang suci di Iraq. Akù juga diberi kesempatan untuk bertemu dengan para ulamak dan para mujtahid yang mulia, dengan penuh kemesraan yang aku tidak dapat membayangkannya.

Bandar Baghdad

Di Baghdad aku menjadi tetamu kepada Sayyid al-Sadr, Perdana Menteri Iraq. Sepanjang aku di Baghdad, aku berjumpa dengan kebanyakan ulamak Baghdad seperti al-Allamah Sayyid Hibat al-Din al-Syahrastani, Sayyid 'Ali Naqiyy al-Haidari, Ustaz Ahmad Amin, pengarang buku *al-Takamul fi l- Islam* dan lain-lain.

Bandar Kazimiyyah yang mulia

Aku juga berjumpa dengan para ulamak di Kazimiyyah seperti al-'Allamah al-Sayyid Ahmad al-Kisywan, al- 'Allamah al-Sayyid 'Ali al-Sadr, al-'Allamah al-Sayyid Muhammad al-Mahdi al-Isfahani al-Kazimi, al-'Allamah Syaikh Marzah 'Ali

Zanjani dan lain-lain.

Bandar Karbala' al-Muqaddasah

Di bandar ini aku menjadi tetamu kepada al-'Allamah al-Sayyid al-'Abbas al-Kasyani. Aku juga sempat berjumpa dengan mujtahid Sayyid Mirza Hadi al-Khurasani, Mujtahid al-Sayyid al-Hasan Aghamir, Mujtahid Syaikh Muhammad al-Khatib, Mujtahid Mahdi Syirazi, Mujtahid Muhammad Ridha al-Asfahani al-Ha'iri, Mujtahid Sayyid Muhammad al-Tahir al-Bahrani, Sayyid Murtadha daripada keluarga Tabataba'i, al-'Allamah Syaikh Muhammad 'Ali daripada keluarga Sibawaih, Sayyid al-Milani, Syaikh Ja'far al-Rasyti dan lain-lain.

Bandar Najaf al-Asyraf

Di Najaf aku menjadi tetamu kepada Ayatullah al- 'Uzma Sayyid al-Muhsin al-Hakim al-Tabataba'i. Semasa di Najaf aku berjumpa para mujtahid yang masyhur seperti Ayatullah al-'Uzma Sayyid Mirzah 'Abdu l-Hadi Syirazi, Ayatullah al-'Uzma Sayyid Mahmud al-Syahrudi, Ayatullah al-'Uzma Sayyid Abu l-Qasim al-Khu'i.[6] Ayatullah Sayyid al-Husain al-Hamami, Ayatullah Sayyid Mirzah Agha al-Istahbanani, Ayatullah al-'Uzma Syaikh Muhammad al-Husain Kasyif al-Ghita', Ayatullah Syaikh Muhammad al-Hasan al-Muzaffar, Ayatullah Sayyid Muhammad al-Baghdadi, Ayatullah Agha Bazrak al-Tahrani, al-'Allamah 'Abdu l-Muhsin Ahmad al-Amini, Syaikh Nasrullah al-Khalkhali dan lain-lain lagi. Mereka menghormatiku sesuai dengan kedudukanku. Kemudian aku pulang dengan penuh kegembiraan.

Lawatanku ke Iran

Aku meninggalkan Iraq menuju ke Iran untuk menziarahi makam imam Ridha A.S. dan bertemu dengan *Marja' Taqlid* Ayatullah al-'Uzma Sayyid Agha Husain al-Tabataba'i al-Burujurdi. Aku berjumpa dengannya di bandar Qom al-Muqaddasah. Aku mendapatinya seorang yang tenang, mempunyai kehebatan dan keistimewaan tertentu. Dia menghormatiku sejajar dengan kedudukanku. Dan aku kembali dengan senang hati. Aku menyedari bahawa kebanyakan

---

6. **Ayatullah al-'Uzma Sayyid abu l- Qasim al-Musawi al-Khu'i adalah seorang Marja' Taqlid yang mempunyai ramai pengikut di seluruh dunia. Beliau adalah dari keturunan Imam Musa al- Kazim A.S., Imam ketujuh mazhab Ahlu l-Bait.(wafat pada 8hb Ogos 1992) Semoga Allah mencucuri rahmat keatas ruhnya yang mulia.**

pemimpin-pemimpin dunia Islam dan individu-individu yang masyhur datang menziarahinya. Walaupun begitu mereka tidak dibenarkan berjumpa dengannya secara terus. Ini disebabkan kesibukannya melayani urusan Muslimin. Dia telah memberi kepadaku hadiah yang sesuai dengan kedudukannya dan kedudukanku. Selamat sejahtera dihari dia dilahirkan dan selamat sejahtera di hari dia dimatikan dan selamat sejahtera di hari dia dibangkitkan.

Bandar Qom al-Muqaddasah

Sepanjang aku berada di sini, aku sempat berjumpa dengan para mujtahid yang masyhur seperti Ayatullah Sayyid Muhammad al- Hujjah, *marja' taqlid* Ayatullah Sayyid Sadr al-Din Sadr, Ayatullah Sayyid Muhammad Taqi al-Khunsari, Ayatullah Sayyid Syahabuddin Najafi al-Mar'asyi, Ayatullah Sayyid Kazim Syariat Madari, Ayatullah Sayyid Muhammad Ridha Gulpaigani, Ayatullah al-'Uzma Sayyid Ruhullah al-Musawi al-Khumaini.[7] Ayatullah Sayyid al-Damad dan lain-lain. Aku berjumpa mereka dengan sambutan yang sungguh meriah.

Bandar Taheran

Semasa di Taheran, aku menjadi tetamu kepada Ayatullah Sayyid Mirzah Hasan al-Liwasani. Aku juga berjumpa dengan para mujtahid yang lain seperti Ayatullah al-'Uzma Sayyid Ahmad al-Musawi al-Khunsari, Ayatullah al-'Uzma al-Imam Sayyid Abu l-Qasim al-Kasyani, Ayatullah Sayyid Mir Muhammad al-Bahbani, Ayatullah Syaikh Mirzah Ahmad al-Isytiani, Ayatullah Syaikh Muhammad al-Ghurawi al-Kasyani dan lain-lain.

Bandar Khurasan

Di Khurasan, aku menziarahi makam Imam Ridha A.S. Aku berjumpa *marja' taqlid* yang masyhur Ayatullah al-'Uzma Sayyid Muhammad al-Hadi al-Milani dan lain-lain. Aku begitu gembira dengan layanan dan sambutan mereka yang begitu mesra yang layak dengan kedudukan ku. Aku meneruskan khidmatku untuk menyibar mazhab Ahlu l-Bait A.S.. Meskipun aku menghadapi berbagai-bagai ugutan dan

---

7. Ayatullah al-'Uzma Imam al-Khomaini adalah pengasas Ripublik Islam Iran. Pemimpin yang begitu unik di abad ini. Beliau adalah dari keturunan Imam Musa al-Kazim A.S.(Wafat pada 3hb. Jun 1989) Semoga Allah mencucuri rahmat keatas ruhnya yang mulia.

tekanan yang menyedihkan. Aku menyerahkan urusanku kepada Allah S.W.T. kerana Dia sebaik-baik wakil, sebaik-baik *maula* dan sebaik-baik pembantu. *La haula wa la Quwwata illabillahi l-`Azim.*

BAB KEDUA

Syi'ah dan al-Qur'an

Syi'ah mengambil hukum-hukum agama mereka selepas Nabi *sawaw* daripada al-Qur'an dan Sunnah Nabawiyyah. Adapun daripada al-Qur'an para mujtahid mereka mengambil hukum-hukum daripada nas-nas yang terang. Adapun nas-nas yang memerlukan pentafsiran, mereka merujukkan kepada pentafsiran *al-'Itrah* yang suci.

Bagi orang yang bukan mujtahid, sama ada dia seorang *muhtat* yang memilih hukum untuk dirinya sendiri atau seorang *muqallid* yang mentaklidkan kepada seorang mujtahid yang adil menurut syarat-syarat yang ditetapkan di dalam buku-buku mereka. Apa yang paling penting baginya ialah mujtahid tersebut mestilah mengambil fiqhnya daripada Nabi *sawaw* dan Ahlu l-Baitnya yang suci bersama al-Qur'an dan membuat kesimpulan dengan cahaya akal: Syi'ah mempunyai hujah-hujah yang kuat di dalam buku-buku mereka. Justeru itu aku kemukakan kepada kalian sebahagian daripada ayat-ayat al-Qur'an dan hadis-hadis Nabi *sawaw* yang menunjukkan sabitnya hak dan dakwaan mereka.

Di sini dikemukakan ayat-ayat al-Qur'an yang menyokong dakwaan Syi'ah yang telah ditafsirkan oleh para ulamak Ahlu s-Sunnah sejajar dengan pentafsiran Syi'ah seperti berikut:

1. Ayat al-Wilayah

FirmanNya di dalam (Surah *al-Maidah* 5:55): '*Sesungguhnya wali kamu adalah Allah, RasulNya, dan orang-orang yang beriman yang mendirikan solat dan memberi zakat dalam keadaan rukuk*'.

Telah sepakat semua Ahlu l-Bait A.S., para ulamak Tafsir dan Hadis dari golongan Syi'ah dan kebanyakan para ulamak tafsir Ahlu s-Sunnah, malah keseluruhan mereka bahawa ayat ini telah diturunkan pada Amiru l-Mukminin Ali A.S., ketika beliau memberi sadqah cincinnya kepada si miskin di dalam keadaan beliau (Ali a.s) sedang solat di Masjid Rasulullah *sawaw*. Peristiwa ini telah diakui oleh para sahabat pada zaman Nabi *sawaw*, para tabi'in dan penyair-

penyair yang terdahulu sehingga mereka memasukkan peristiwa ini ke dalam syair-syair mereka.

Di sini dipeturunkan kenyataan para ulamak Ahlu s-Sunnah mengenai perkara tersebut seperti berikut:

Al-Suyuti di dalam *al-Durr al-Manthur*[1] berkata: al-Khatib telah mengeluarkannya di dalam *al-Muttafaq* daripada Ibn 'Abbas, dia berkata: 'Ali a.s. telah menyedekahkan cincinnya dalam keadaan rukuk. Maka Nabi *sawaw* bersabda: *Siapakah yang memberikan kepada anda cincin ini?* Lelaki itu menjawab: Lelaki yang sedang rukuk itu. Maka Allah S.W.T. menurunkan ayat *'Sesungguhnya wali kamu adalah Allah, Rasul-Nya dan orang-orang yang beriman yang mendirikan salat dan memberi zakat di dalam keadaan rukuk* (Surah *al-Maidah* 5:55)

Al-Tabrani telah menulisnya di dalam *al-Ausat.*[2] Ibn Mardawaih daripada 'Ammar bin Yasir berkata: Seorang peminta sadqah berdiri di sisi Ali yang sedang rukuk di dalam sembahyang sunat. Lalu beliau mencabutkan cincinnya dan memberikannya kepada peminta tersebut. Kemudian dia memberitahukan Rasulullah *sawaw* mengenainya. Lalu ayat tersebut diturunkan. Kemudian Nabi *sawaw* membacakannya kepada para sahabatnya. Beliau bersabda: *Siapa yang telah menjadikan aku maulanya, maka Ali adalah maulanya. Wahai Tuhanku, hormatilah orang yang memperwalikannya dan musuhilah orang yang memusuhinya, cintailah orang yang mencintainya, bencilah orang yang membencinya, tolonglah orang yang menolongnya, tinggallah orang meninggalkannya dan penuhilah kebenaran bersamanya di mana saja dia berada'.*

Begitu juga Abdu l-Razzaq, 'Abd b. Hamid, Ibn Jarir dan Abu Syaikh telah mengesahkan bahawa Ibn Mardawaih meriwayatkannya daripada Ibn 'Abbas, dia berkata: ayat *'Sesungguhnya wali kamu adalah Allah, RasulNya dan orang-orang yang beriman* ...(Surah *al-Maidah* 5:55) telah diturunkan ke atas 'Ali bin Abi Talib.

Hadis ini telah dikeluarkan juga oleh Ibn Abi Hatim, Abu Syaikh dan Ibn 'Asakir daripada Salmah bin Kuhail. Dia berkata: Ali menyedekahkan cincinnya dalam keadaan rukuk. Kemudian ayat (Surah *al-Ahzab* 33:33) diturunkan.

1. *al-Durr al-Manthur*. II, hlm. 293.
2. *al-Ausat*, hlm. 89 - 90

Begitu juga Ibn Jarir, daripada Sudi dan 'Atbah bin Hakim telah mengeluarkan hadis yang sama, sementara Abu Syaikh dan Ibn Mardawaih meriwayatkan hadis ini daripada 'Ali bin Abi Talib. Dia berkata: Ayat (Surah *al-Maidah* 5:55) *'Sesungguhnya wali kamu adalah Allah, RasulNya dan orang-orang yang beriman ...'* adalah diturunkan kepada Rasulullah *sawaw* di rumahnya. Lalu Rasulullah *sawaw* keluar dari rumahnya dan memasuki masjid. Orang ramai bersembahyang di antara rukuk dan sujud, malah ada yang berdiri. Tiba-tiba datang seorang peminta sadqah, maka Rasulullah bertanya kepadanya: *Wahai peminta sadqah, adakah seseorang telah memberikan kepada anda sesuatu?* Dia menjawab: *Tidak, selain daripada lelaki yang sedang rukuk iaitu 'Ali bin Abi Talib telah memberikan cincinnya kepadaku.*

Ibn Mardawaih telah mengeluarkan hadis ini melalui al-Kalbi daripada Abi Salih daripada Ibn 'Abbas dia berkata: 'Abdullah bin Salam dan beberapa orang Ahlu l-Kitab datang kepada Nabi *sawaw* di waktu zuhr. Mereka berkata: Sesungguhnya jarak rumah-rumah kami jauh sekali. Kami tidak dapati orang yang ingin duduk bersama kami dan bergaul dengan kami selain di masjid ini. Dan sesungguhnya kaum kami apabila mereka melihat kami telah membenarkan Allah dan RasulNya, dan meninggalkan agama mereka, lalu mereka melahirkan permusuhan mereka dan bersumpah supaya mereka tidak bergaul dengan kami, mereka tidak makan bersama-sama kami. Lantaran itu ianya menimbulkan kesulitan kepada kami. Dan di kalangan mereka ada yang merayu perkara itu kepada Rasulullah *sawaw*. Dan kemudian ayat yang bermaksud: *Sesungguhnya wali kamu adalah Allah, RasulNya dan orang yang beriman ...* [*al-Maidah* 5:55] diturunkan. Kemudian azan diadakan bagi menunaikan solat Zuhr.

Kemudian Rasulullah *sawaw* keluar ke masjid, tiba-tiba beliau melihat peminta sadqah lalu beliau bersabda: *Adakah seseorang telah memberikan anda sesuatu?* Dia menjawab: *Ya. Beliau bertanya: Siapa?* Dia menjawab: *Lelaki yang sedang berdiri itu.* Beliau bertanya lagi: *Di dalam keadaan manakah dia memberikannya kepada anda?* Dia menjawab: *Dalam keadaan rukuk.* Beliau bersabda: *Itulah 'Ali bin Abi Talib (a.s.).* Lalu Rasulullah *sawaw* bertakbir dan dimasa itu beliau membaca ayat al-Qur'an (Surah *al-Ma'idah* 5:56): *'Siapa yang mewalikan Allah dan RasulNya dan orang-orang*

yang beriman, maka sesungguhnya parti Allah itulah yang pasti kemenangan'.

Al-Kanji al-Syafi'i telah menyebutkannya di dalam *Kifayah al-Talib* [3] daripada Anas bin Malik: Sesungguhnya ada seorang peminta sadqah di masjid bertanya: Siapakah yang akan memberikan sadqah kepadanya. 'Ali yang sedang rukuk memberikan isyarat kepadanya supaya mencabutkan cincin di tangannya. Rasulullah *sawaw* bersabda: *Wahai 'Umar! Sesungguhnya telah wajib baginya ('Ali) syurga kerana Allah tidak mencabutkannya daripada tangannya sehingga Dia mencabutkan segala dosa dan kesalahan daripadanya.* Dan ayat (Surah *al-Ma'idah* 5:55) diturunkan.

Kemudian penyair Hasan bin Thabit memperkatakan syairnya:

> Wahai Abu l-Hasan! Jiwa ragaku berkorban untukmu dan setiap pencinta pertunjuk
>
> Adakah akan sia-sia orang yang memujimu? orang yang memuji pada zat Allah tidak akan sesat
>
> Kaulah yang telah memberi di dalam keadaan rukuk seluruh jiwa ragaku berkorban untukmu wahai sebaik-baik orang yang rukuk.

Di antara perawi-perawi yang menegaskan bahawa ayat ini telah diturunkan pada Amiru l-Mukminin 'Ali a.s. ialah Fakhruddin al-Razi di dalam tafsirnya.[4] Dia telah meriwayatkannya daripada 'Ata' daripada Ibn 'Abbas bahawa sesungguhnya ayat ini diturunkan pada 'Ali bin Abi Talib a.s. Dia meriwayatkan bahawa 'Abdullah bin Salam berkata: Manakala ayat ini diturunkan, aku bertanyakan Rasulullah *sawaw* wahai Rasulullah *sawaw* ! Aku melihat 'Ali memberikan cincinnya kepada seorang yang memerlukannya di dalam keadaan rukuk, maka kamipun mewalikannya.

Dia juga meriwayatkan daripada Abu Dhar (r.h) bahawa dia berkata: Pada suatu hari aku menunaikan solat Zuhr bersama Rasulullah *sawaw*. Maka seorang peminta sadqah di masjid meminta (sesuatu), tidak seorangpun mempedulikannya. Lantas peminta itu mengangkat tangannya ke langit dan berkata: Wahai Tuhanku persaksikanlah sesungguhnya aku telah meminta di masjid Rasulullah *sawaw*, tetapi tidak

---

3 *Kifayah all-Talib* , hlm.106
4 *Mafatih al-Ghaib*, III, h lm.417.

ada seorangpun yang memberi sesuatu kepadaku. Dan 'Ali a.s. pada ketika itu sedang rukuk lalu beliau memberikan isyarat kepadanya dengan anak jari tangan kanannya yang bercincin. Maka lelaki tadi datang mencabutnya dan ianya dilihat oleh Nabi *sawaw* lalu beliau bersabda: *Sesungguhnya saudaraku Musa telah meminta kepada Engkau dan berkata*: (Surah *Taha* 20:25): *Wahai Tuhanku lapangkanlah untukku dadaku dan jadikanlah dia sekutu di dalam urusanku.* Maka ayat (surah *al-Qasas* 28: 35) *'Kami akan membantumu dengan saudaramu dan kami berikan kepada kamu berdua kekuasaan yang besar'* diturunkan.

'Wahai Tuhanku, aku adalah Muhammad Nabi kalian dan pilihan kalian, maka lapangkanlah dadaku dan permudahkanlah urusanku dan jadikanlah untukku seorang pembantuku (wazir) daripada keluargaku 'Ali dan perkukuhkanlah dengannya kekuatan'. Abu Dhar berkata: Demi Allah sebaik saja Rasulullah *sawaw* selesai membaca doa itu, Jibra'il turun dan berkata: *Wahai Muhammad 'Sesungguhnya wali kamu adalah Allah, RasulNya dan orang-orang yang beriman, yang mendirikan sembahyang dan memberikan zakat di dalam keadaan rukuk* (*al-Ma'idah* 5:55).

Hadis ini juga telah diriwayatkan oleh al-Syablanji di dalam *Nur al-Absar*[5] sanadnya sampai kepada Abu Dhar. Di antara orang-orang yang meriwayatkan hadis ini diturunkan pada Amiru l-Mukminin 'Ali a.s. ialah al-Wahidi di dalam *Asbab al-Nuzul*,[6] al-Zamakhsyari di dalam tafsirnya *al-Kasysyaf*[7] bahawa ayat ini diturunkan kepada 'Ali ketika peminta sadqah meminta kepada beliau di dalam keadaan rukuk di dalam solatnya, maka beliaupun mencampakkan cincinnya. Ibn Hajr al-'Asqalani, di dalam *al-Kafi al-Syafi fi Takhrij Ahadith al-Kasysyaf*[8] ketika mengeluarkan hadis ini, dia berkata: Hadis ini telah diriwayatkan oleh Ibn Abi Hatim dan Salmah bin Kuhail dia berkata: Ali bersadqah dengan cincinnya dalam keadaan rukuk. Maka ayat *'Sesungguhnya wali kamu adalah Allah dan RasulNya dan orang-orang yang beriman'* [*al-Ma'idah* 5:55] diturunkan.

Hadis ini juga diriwayatkan daripada Ibn Mardawaih dan Sufyan al-Thauri daripada Ibn Sinan daripada al-Dhahak dari-

---

5. al-Syablanji, *Nur al-Absar*, hlm. 105.
6. *Asbab al-Nuzul*, I, hlm. 422
7. *al-Kasysyaf*, I, hlm.422.
8. *al-Kafi al-Syafi*, hlm. 56.

pada Ibn 'Abbas, dia berkata: 'Ali A.S. sedang menunaikan solat di dalam keadaan berdiri, tiba-tiba datang seorang peminta sadqah ketika 'Ali sedang rukuk. Maka beliaupun memberikan cincinnya kepada orang itu. Lalu ayat yang bermaksud: '*Sesungguhnya wali kamu adalah Allah, Rasul-nya ....*' [*al-Ma'idah* 5: 55] diturunkan.

Abu Bakr Ahmad bin 'Ali al-Razi al-Hanafi di dalam *Ahkam al-Qur'an* [9] mengeluarkan beberapa riwayat yang menunjukkan bahawa ayat ini diturunkan mengenai hak 'Ali A.S. Sanad-sanadnya berakhir kepada Mujahid, Sudi, Abu Ja'far, 'Atbah bin Abi Hakim dan lain-lain.

Al-Qurtubi al-Andalusi di dalam *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an,*[10] memindahkan hadis ini daripada Imam al-Baqir a.s. bahawa ayat ini diturunkan kepada Amiru l-Mukminin 'Ali A.S. dan keluarganya. Dia berkata: Mereka memberi zakat di dalam keadaan rukuk' menunjukkan bahawa sadqah sunat dinamakan zakat kerana 'Ali A.S. telah bersadqah sunat dengan cincinnya semasa rukuk.

Rasyid Ridha yang bermazhab Wahabi di dalam tafsirnya *al-Manar,*[11] al-Alusi di dalam *Ruh al-Ma'ani* [12] menyatakan bahawa ayat ini diturunkan kepada hak Amiru l-Mukminin 'Ali A.S. dengan berbagai riwayat yang berakhir setengahnya kepada Ibn 'Abbas dan setengahnya kepada 'Abdullah bin Salam.

Muhibbuddin al-Tabari di dalam *Dhakha'ir al-'Uqba,*[13] telah meriwayatkan beberapa riwayat yang *sahih* di dalam bab ini. Sibt Ibn al-Jauzi di dalam *Tadhkirah al-Huffaz.*[14]

Fakhruddin al-Razi di dalam *Mafatih al-Ghaib,*[15] mengatakan bahawa ayat ini menunjukkan bahawa imam selepas Rasulul-lah *sawaw* ialah 'Ali bin Abi Talib a.s. Justeru itu untuk mengukuhnya, aku berkata: Bahawa sesungguhnya ayat ini menunjukkan bahawa apa yang dimaksudkannya ialah seorang imam. Dan apabila ianya menunjukkan sedemikian maka imam tadi mestilah 'Ali bin Abi Talib a.s.

Al-Bahrani di dalam *Ghayah al-Maram* [16] telah mengemukakan hadis-hadis yang menunjukkan ayat ini telah diturunkan kepada Amiru l-Mukminin 'Ali A.S. Dia meriwayat-

---

9 *Ahkam al-Qur'an*, II, hlm. 543.
10 *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*, VI, hlm. 221.
11 *Tafsir al-Manar*, VI, hlm. 442.
12 *Ruh al-Ma'ani*, VI, hlm 149.
13 *Dhakha'ir al-'Uqba*, hlm. 88.
14 *Tadhkirah al-Huffaz*, hlm. 18.
15 *Mafatih al-Ghaib*, III, hlm. 156.
16 *Ghayah al-Maram*, hlm. 103-107.

kan sebanyak dua puluh empat hadis menurut saluran Ahlu s-Sunnah dan dua puluh hadis menurut saluran Syi'ah.

Begitu juga al-Allamah al-Amini di dalam *al-Ghadir* [17] telah mencatat enam puluh enam nama-nama ulamak Ahlu s-Sunnah yang masyhur yang telah menyebutkan hadis ini dan mereka pula menegaskan bahawa ayat ini telah diturunkan kepada Amiru l-Mukminin 'Ali A.S. dengan menyebutkan perawi-perawinya sekali.

Aku berkata: Ini sahajalah peluang yang mengizinkan kami menyebutkan kata-kata Ahlu s-Sunnah di dalam bab ini. Adapun sahabat-sahabat kami Imamiyah, Syi'ah keluarga suci, mereka bersepakat di dalam buku-buku Hadis, Tafsir dan ilmu l-Kalam bahawa ayat tersebut diturunkan pada hak Ali a.s. Sesungguhnya beliaulah yang dimaksudkan dengan ayat ini. Tidak seorangpun menyalahinya. Kadangkala mereka mendakwa bahawa hadis ini telah sampai ke peringkat kemutawatirannya. Lantaran itu tidak ada ruang dan helah bagi seseorang itu untuk mengsyaki dan menolaknya melainkan ianya seorang pemarah, penentang ataupun terlalu rendah daya pemikirannya.

Aku berkata: Ayat ini menentukan bahawa sesungguhnya imam dan khalifah selepas Rasulullah *sawaw* ialah 'Ali bin Abi Talib a.s. kerana Allah S.W.T. mengiringi wilayah Ali dengan wilayahNya dan wilayah RasulNya.

Perkataan *innama* (bahawa sesungguhnya) di dalam ayat tersebut memberi maksud *al-Hasr* dengan persetujuan ahli bahasa. Lantaran itu wilayah adalah ditentukan untuk mereka. Dan maksud dengan wali di sini adalah orang yang paling utama (*aula*) untuk mengurus sesuatu dan seseorang itu tidak dikatakan *aula* (lebih utama) melainkan apabila dia adalah khalifah dan imam. Ini adalah pengertian yang masyhur menurut ahli bahasa.

Dari segi syarak mereka berkata: Sultan adalah wali kepada orang yang tidak mempunyai wali. Dan mereka berkata: Wali darah dan wali mayat, sianu adalah wali urusan rakyat dan sianu adalah wali bagi orang yang kurang daya kecerdikan. Nabi bersabda: *Mana-mana perempuan yang mengahwini dirinya tanpa keizinan walinya, maka nikahnya adalah batil.* Apa yang dimaksudkan dengan wali di dalam contoh-contoh tadi ialah *al-Aula* sebagaimana kata Mibrad

---

17 *al-Ghadir*, III, hlm. 156

di dalam buku *al-'Ibarah* tentang sifat-sifat Tuhan bahawa wali ialah *aula*.

Wali sekalipun sah dikaitkan dari segi bahasa dengan *al-Nasir* (pembantu) dan *al-Muhibb* (pencinta) tetapi kedua-dua pengertian itu tidak sesuai di tempat ini kerana kedua-duanya adalah umum, tanpa terbatas kepada orang yang dikehendaki di dalam ayat yang mulia ini iaitu firmanNya di dalam (Surah *al-Taubah* 9:71): *'Dan mukminin dan mukminat setengah mereka menjadi Auliya' ke atas setengah yang lain'*.

Jika ditanya bagaimana dikehendaki dengan *al-Ladhina amanu* (orang-orang yang beriman) itu Imam Amiru l-Mukminin a.s. seorang sahaja, sedangkan perkataan itu adalah umum? Maka kami menjawabnya:

1. Banyak terdapat di dalam percakapan Arab penggunaan perkataan jamak tetapi dikehendaki seorang sahaja berserta *Qarinah* dan sebaliknya. Ini adalah masyhur di kalangan mereka. Di dalam al-Qur'an firmanNya (Surah *Ali Imran* 3: 173): *'Orang-orang (yang mentaati Allah dan Rasul) yang kepada mereka ada orang-orang yang mengatakanSesungguhnya 'manusia' telah mengumpulkan pasukan untuk menyerang kamu, kerana itu takutlah kepada mereka'*. Apa yang dimaksudkan dengannya ialah Nu'aim bin Mas'ud al-Asyja'i sahaja dengan ijmak ahli-ahli Tafsir dan Hadis.
2. Sesungguhnya Allah S.W.T. telah mensifatkan *al-Ladhina amanu* di dalam ayat yang mulia ini dengan sifat yang tidak menyeluruh kepada semua iaitu *yuqimu s-Solah wa yu'tuna z-Zakat wa hum raki'un* (yang mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat di dalam keadaan rukuk).
3. Ahli bahasa menggunakan perkataan jamak kepada seseorang adalah untuk *ta'zim* (penghormatan) sebagaimana disebutkan oleh al-Tabarsi di dalam *Tafsir* nya[18] mengenai ayat ini dengan menerangkan bahawa penggunaan perkataan jamak kepada Amiru l-Mukminin 'Ali A.S. adalah untuk *tafkhim* (kemuliaan) dan penghormatan. Dia berkata: Cara ini adalah paling masyhur di dalam percakapan mereka tanpa memerlukan dalil lagi.
4. Apa yang pasti jika dikehendaki dengan 'semua' *jami'* ialah penyatuan wali dan *mutawalli* tetapi yang lazimnya

18 *Majma' al-Bayan*, I. hlm. 148.

ialah menyalahi kedua-duanya.

Al-Zamakhsyari di dalam *al-Kasysyaf* [19] mengatakan bahawa ayat ini diturunkan kepada Amiru l-Mukminin 'Ali a.s. Jika anda bertanya: Bagaimana boleh ianya untuk 'Ali a.s sedangkan perkataan di dalam ayat tersebut adalah jamak? Aku menjawab: Ianya dibawa dengan perkataan jamak sekalipun sebabnya seorang lelaki sahaja adalah untuk menerangkan kepada orang ramai supaya mengikuti perbuatannya ('Ali A.S.). Maka dengan ini, mereka akan mendapat pahala setanding dengan pahalanya. Dan menyedarkan bahawa tabiat Mukminin mestilah mempunyai matlamat bagi melakukan kebaikan, ihsan dan melayani fakir miskin sehingga tidak menangguhkannya meskipun di dalam solat sehingga selesai solat.

Jika ditanya: Sesungguhnya Amiru l-Mukminin 'Ali A.S. telah menunaikan solat menghadapi Tuhannya dengan sepenuh hatinya tanpa merasai sesuatu di luar solatnya. Maka bagaimana beliau 'merasai' perkataan peminta sadqah dan memahaminya. Maka jawapannya: Fahamannya tentang percakapan peminta sadqah tidak menafikan kekhusukannya di dalam solat kerana ianya ibadah di dalam ibadah. Tidak ada jawapan yang lebih baik daripada apa yang telah dijawabkan oleh Abu l-Faraj al-Jauzi ketika ditanya mengenainya:

> Dia menuang dan meminum tanpa dilalaikan oleh kemabukkannya
>
> daripada minuman dan tidak melupai gelasnya.
>
> Kemabukan yang mematuhinya sehingga membolehkannya
>
> (melakukan) perbuatan orang yang segar, maka ini seunik-unik manusia.

Al-Wahidi di dalam *Asbab al-Nuzul* mencatatkan *wa man yatawalla* iaitu sesiapa yang mencintai Allah dan RasulNya dan *al-lladhina amanu* iaitu 'Ali, *fa inna hizballah* (sesungguhnya parti Allah) iaitu Syi'ah Allah dan RasulNya dan walinya *hum al-Ghalibun* (mereka yang pasti menang) iaitu merekalah yang mendapat kemenangan. (Di dalam naskhah yang lain) *al-'Alimun* (yang mengetahui) sebagai ganti *al-Gha-*

---

19 *al-Kasysyaf*, *I*, hlm. 422

libun yang mendapat kemenangan. Dan di dalam perkiraannya (*al-Hisab*); 'Sesungguhnya wali kamu adalah Allah, Rasul-Nya dan orang-orang yang beriman yang mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat di dalam keadaan rukuk' penilaiannya ialah Muhammad *sawaw* selepasnya 'Ali bin Abi Talib dan *'itrah* nya A.S.

Di dalam *al-Kafi* daripada Ja'far bin Muhammad daripada bapanya daripada datuknya a.s. beliau berkata: Manakala ayat *innama wa liyyukumu llah wa Rasuluh* diturunkan, beberapa orang sahabat Rasulullah *sawaw* berkumpul di Masjid Madinah. Sebahagian mereka berkata kepada sebahagian yang lain: Apa pendapat kalian tentang ayat ini? Sebahagian mereka menjawab: Sekiranya kita mengingkari ayat ini nescaya kita mengingkari kesemuanya (al-Qur'an). Dan sekiranya kita mempercayainya, maka ianya merupakan satu kehinaan kepada kita manakala 'Ali menguasai ke atas kita. Mereka menjawab: Sesungguhnya kalian telah mengetahui bahawa Muhammad adalah benar apa yang diucapkannya. Justeru itu kita menjadikannya wali tetapi kita tidak akan mematuhi 'Ali tentang apa yang diperintahkannya. Maka turunlah ayat (Surah *al-Nahl* 16:83): *'Mereka mengetahui nikmat Allah, kemudian mereka mengingkarinya'* iaitu wilayah Muhammad *sawaw* (dan kebanyakan mereka mengingkarinya) iaitu wilayah 'Ali A.S.

Al-Sadduq di dalam *al-Amali* berkata: 'Umar bin al-Khattab berkata: Aku telah bersadqah cincin dalam keadaan rukuk supaya aku diturunkan (ayat) sebagaimana telah diturunkan kepada 'Ali bin Abi Talib a.s., tetapi ia tidak juga turun. Aku berkata: Apabila anda mengetahui dalil-dalil Sunnah dan Syi'ah yang telah aku kemukakan kepada anda, maka aku berkata: Tidak harus mendahului selain daripada 'Ali ke atas 'Ali sebagaimana tidak harus mendahului seseorangpun ke atas Nabi *sawaw* kerana sesungguhnya Allah S.W.T. telah menjadikan Muhammad dan 'Ali bersamaNya di dalam *al-Wilayah*. Adapun orang-orang yang bertentangan dengan kami sekalipun mereka mengetahui sesungguhnya ayat *al-Wilayah* telah diturunkan pada 'Ali A.S. secara *Qat'i* sebagaimana telah aku kemukakan tadi, mereka sengaja mengubah maknanya menurut mazhab merekadan hawa nafsu mereka.

2. Ayat *at-Tathir*

FirmanNya di dalam (Surah *al-Ahzab* 33:33): '*Sesungguhnya Allah bermaksud hendak menghilangkan segala dosa dari kamu ('an-kum) wahai Ahlu l-Bait, dan membersihkan kamu sebersih-bersihnya*'.

Menurut tafsir-tafsir Syi'ah, ayat ini diturunkan secara khusus kepada Ahlu l-Bait A.S. sahaja. Sementara orang lain tidak termasuk di dalam ayat tersebut. Manakala tafsir-tafsir Ahlu s-Sunnah pula, ada yang mengakui bahawa ayat tersebut dikhususkan untuk Ahlu l-Bait A.S. sahaja, ada yang menyatakan ayat tersebut termasuk isteri-isteri Nabi (*sawaw*), dan ada yang mengatakan ianya dikhususkan kepada isteri-isterinya (*sawaw*) sahaja. Lantaran itu ianya bertentangan dengan kaedah Bahasa Arab yang tidak menggunakan *Dhamir Ta'nith* (ganti nama perempuan) untuk perempuan di dalam ayat tersebut. Malah Allah S.W.T. menggunakan *Dhamir Tadhkir* (ganti nama lelaki) iaitu perkataan *'an-Kum* (daripada kamu) dan perkataan *yutahhira-kum* membersihkan kamu (lelaki).

Kaedah ini memang diketahui oleh penuntut-penuntut yang kecil dan kebanyakan orang awam. Di dalam ertikata yang lain, jikalaulah Allah S.W.T. di dalam ayat tadi menghendaki isteri-isteri Nabi (*sawaw*), nescaya Dia menggunakan *dhamir Ta'nith*, *'an-kunna* (daripada kamu isteri-isteri) dan *yutahhirakunna* Dia membersihkan (kamu isteri-isteri) sebagaimana Dia menggunakan *dhamir Ta'nith* sebelumnya (Surah *al-Ahzab* 33:32). Lantaran itu Allah telah menggunakan *dhamir tadhkir* untuk mengeluarkan isteri-isteri daripada ayat tersebut.

'Ali bin Ibrahim di dalam *Tafsirnya*[20] daripada Zaid bin 'Ali a.s. dia berkata: Sesungguhnya orang-orang yang jahil mengatakan bahawa Allah menghendaki dengan ayat ini isteri-isteri Nabi *sawaw*. Pada hakikatnya mereka berbohong dan mereka berdosa. Demi Allah sekiranya Dia maksudkan isteri-isteri Nabi *sawaw*, nescaya Dia akan berkata: *an kunna al-Rijs* (daripada kalian isteri-isteri) dan *yutahhira-kunna* (membersihkan kalian isteri-isteri dengan sebersih-bersihnya). Dan Dia menggunakan perkataan *muannathan* (ganti nama perempuan) sebagaimana Dia berfirman: *Wazkurna mayutla fi buyuti-kunna, wa la Tabarrajna, wa lastunna Kaa-*

---

20 *Tafsir 'Ali bin Ibrahim*, hlm. 531.

hadin min l-Nisa'. Oleh itu ayat *Tathir* (Surah *al- Ahzab* 33: 33) tidak harus pada isteri-isteri Nabi *sawaw* sekalipun ianya ditafsirkan sebagai berkongsi dengan Ahlu l-Bait A.S. Kerana Allah S.W.T. telah mengancam mereka sebelum ayat *Tathir* dalam firmanNya (Surah *al-Ahzab* 33:28-30).

Dan Dia juga telah mengancam mereka dengan firman-Nya (Surah *al-Tahrim* 66:4-5): *'Jika kamu berdua bertaubat kepada Allah, maka sesungguhnya hati kamu berdua telah condong (untuk menerima kebaikan); dan jika kamu berdua bantu membantu menyusahkan Nabi, maka sesungguhnya Allah adalah Pelindungnya dan (begitu pula) Jibril dan orang-orang mukmin yang baik; dan selain dari itu malaikat-malaikat adalah penolongnya pula. Jika Nabi menceraikan kamu, boleh jadi Tuhannya akan memberi ganti kepadanya dengan isteri-isteri yang lebih baik daripada kamu, yang patuh, yang beriman, yang taat, yang bertaubat, yang mengerjakan ibadat, yang berpuasa, yang janda dan yang perawan'*.

Inilah adalah menurut apa yang difirmankanNya (*al-Mantuq*). Adapun *mafhumNya*: Wahai isteri-isteri Nabi kalian tidaklah *mukminat, qanitat, ta'ibat*, sekiranya kalian masih menyakitinya *sawaw*. Dan diriwayatkan bahawa Nabi *sawaw* tidak mencampuri mereka selama sebulan kerana mereka menyakiti hatinya *sawaw*. Rujuklah kepada tafsir-tafsir Ahlu s-Sunnah mengenai ayat ini.

Dan apa yang jelas terdapat di kalangan isteri-isteri tersebut yang telah memerangi Khalifah 'Ali, Hasan dan Husain A.S. Memerangi mereka bererti memerangi Allah menurut hadis Rasulullah (*sawaw*): Jangan anda melupai bahawa 'Aisyah telah mengetuai angkatan bersenjata kerana memprotes jenazah Hasan untuk disemadikan di samping datuknya Rasulullah *sawaw*.[21] Jikalaulah 'Aisyah masih hidup di hari peperangan Husain A.S. di Karbala', nescaya dia akan memerangi Husain bin 'Ali A.S. pula kerana sifatnya yang sentiasa memerangi Ahlu l-Bait A.S.

Justeru itu tidak hairanlah jika Ibn 'Abbas berkata kepada 'Aisyah:

> Anda menaiki unta, menaiki baghal, dan sekiranya anda hidup anda akan menaiki gajah.
>
> Bagi anda sepersembilan daripada seperlapan tetapi

---

21. Hasan a.s .disemadikan berjauhan dari datuknya *sawaw* sebagai menyauhuti protes'Aishah(r.d.): Sabt Ibnu al-Jauzi. *Tadhkirah al-Khawwas*, hlm. 122.

anda memiliki kesemuanya.

Iaitu anda memiliki rumah anda sedangkan anda memiliki sepersembilan daripada seperlapan dan bakinya adalah untuk isteri-isterinya *(sawaw)*. Dan tujuh perlapan adalah untuk Fatimah kemudian untuk anak-anaknya.

Jikalaulah setengah daripada isteri-isteri beliau bertindak begitu keadaannya, bagaimana mereka termasuk di dalam ayat at-Tathir yang disucikan daripada segala dosa? Telah diriwayatkan bahawa 'Aisyah (r.d) berkata kepada Nabi *sawaw* di dalam keadaan marah: "Tidakkah anda sahaja yang menyangka anda seorang nabi Allah?".[22]

Adakah mereka layak dengan tindakan mereka yang menyalahi peradaban sebagai isteri, lebih-lebih lagi suami mereka itu adalah Rasulullah *sawaw*, dimasukkan ke dalam ayat *Tathir* (Surah *al- Ahzab* 33:33) daripada dosa sedangkan mereka berlumuran dengannya? Jikalaulah ayat itu termasuk 'isteri-isteri' khususnya 'Aisyah, nescaya dia berpesta dan memberitahukannya kepada orang yang masih hidup dan orang yang telah mati. Dan tentu sekali Umm Salmah lebih berhak untuk dimasukkan di dalam ayat tersebut. Kerana kedudukannya di sisi Rasulullah *sawaw* dan ayat *Tathir* telah diturunkan di rumahnya. Manakala mereka tidak dimaksudkan di dalam ayat tersebut, Rasulullah *sawaw* mengeluarkannya (Umm Salmah) dengan menarikkan *al- kisa'* daripada tangannya lantas Umm Salmah bertanya: Tidakkah aku daripada Ahlu l-Bait anda? Beliau menjawab: *Tidak. Berdirilah di tempat anda. Mudah-mudahan anda berada di dalam kebaikan.*

Sebagaimana juga beliau menegah 'Aisyah dan Zainab dari memasuki bersama mereka dan memberi jawapan kepada mereka berdua sebagaimana jawapan beliau terhadap Umm Salmah.

Rasulullah *sawaw* telah menutup ke atas 'Ali, Fatimah, Hasan dan Husain dengan *al-Kisa'* (pakaian) dan mengangkatkan tangannya ke atas mereka sambil membaca ayat *Tathir* yang bermaksud: *'Sesungguhnya Allah bermaksud hendak menghilangkan segala dosa dari kamu ('an-kum) wahai Ahlu l-Bait, dan membersihkan kamu sebersih-bersihnya'* adalah semata-mata untuk memisahkan mereka daripada isteri-

22. *Ihya' 'Ulum al-din*, II, hlm. 20.

isterinya dan orang-orang Islam yang lain, dan sabdanya yang bermaksud: *Wahai Tuhanku, mereka itulah Ahlu l-Baitku.*

Di dalam riwayat yang lain (Ahli) keluargaku iaitu tidak ada selain daripada mereka. Pentafsir kepada ayat ini ialah Rasulullah *sawaw* sendiri. Manakah pentafsiran yang diterima selepas pentafsirannya? Adakah orang yang datang dengan al-Qur'an (Nabi *sawaw*) yang mengeluarkan isteri-isterinya daripada ayat *al-Tathir* lebih diterima pentafsirannya? Atau sebaliknya orang yang tidak mengetahui takwilnya sehingga memasukkan isteri-isterinya atau sebaliknya di dalam ayat tersebut?

Dan juga dalil yang lebih kuat bahawa isteri-isteri Nabi *sawaw* tidak termasuk Ahlu l-Baitnya ialah Nabi *sawaw* tidak membawa mereka keluar di hari Mubahalah dengan Kristian Najran kerana beliau menjanjikan mereka untuk membawa wanita-wanitanya bersama sebagaimana firman-Nya di dalam (Surah *Ali Imran* 3:61): '... *maka katakanlah (kepadanya): Marilah kita memanggil anak-anak kami dan anak-anak kamu, wanita-wanita kami dan wanita-wanita kamu, diri kami dan diri kamu; kemudian marilah kita bermubahalah kepada Allah dan kita minta supaya laknat Allah ditimpakan kepada orang-orang yang dusta* '.

Sebagaimana ketua Kristian Najran berpidato kepada kumpulannya: Sekiranya Muhammad keluar dengan Ahlu l-Baitnya, maka jangan kalian lakukan *mubahalah.* Dan sekiranya beliau keluar dengan sahabat-sahabatnya, maka lakukanlah *mubahalah.* Semua ahli tafsir dan sejarah bersepakat bahawa Nabi *sawaw* tidak keluar bersamanya untuk *mubahalah* selain daripada 'Ali, Fatimah, Hasan dan Husain A.S. Justeru itu merekalah Ahlu l-Baitnya bukan orang lain. Sekiranya ada orang lain selain daripada mereka, nescaya Nabi *sawaw* akan mengajak mereka keluar untuk 'ber*mubahalah* ' bersama disa'at yang paling genting bagi menentang kebatilan.

Oleh itu orang yang Nabi *sawaw* ber*mubahalah* bersama mereka bagi menentang Nasara Najran ialah orang yang Allah telah menghilangkan daripada mereka kekotoran di dalam al-Qur'an yang mulia. Lagipun apabila perkataan Ahlu l-Bait A.S. diucapkan secara langsung bererti *al-Itrah al-Tahirah* A.S.; 'Ali, Fatimah, Hasan dan Husain A.S. tidak termasuk isteri-isteri. Justeru itulah Nabi *sawaw* memaksudkan mereka semenjak beliau mewasiatkan mereka dan

menerangkan kelebihan-kelebihan mereka di dalam hadis-hadisnya yang *mutawatir* di dalam buku-buku *Sahih* 'mereka'. Dan tidak seorangpun memasukkan 'isteri-isteri' di dalam hadis-hadis tersebut. Di antaranya dua hadis yang muktabar yang diriwayatkan oleh jumhur Muslimin:

1. Hadis *Thaqalain*: Sabda Nabi *sawaw* yang bermaksud: *Aku tinggalkan kepada kalian dua perkara yang berharga; kitab Allah dan 'itrahku (Ahlu l-Baitku) selama kalian berpegang kepada kedua-duanya kalian tidak akan sesat selama-lamanya.*[23]
2. Hadis *al-Safinah*: Sabdanya yang bermaksud: *Umpama Ahlu l-Baitku sepertilah bahtera Nuh, siapa yang menaikinya akan berjaya, dan siapa yang tidak menaikinya akan tenggelam.*[24]

Adalah menjadi kebiasaan kepada kaum Muslimin apabila mereka menyebutkan Ahlu l-Bait di dalam majlis-majlis mereka, mereka tidak maksudkan isteri-isteri Nabi *sawaw*.

Begitu juga penyair-penyair Ahlu s-Sunnah dan Syi'ah apabila mereka menyusun syair memuji Ahlu l-Bait A.S., mereka maksudkan lima Ahlu l-Kisa'; Muhammad *sawaw*, Fatimah, 'Ali, Hasan dan Husain A.S. Perhatikanlah kenyataan yang dibuat oleh Imam Syafi'i mengenai Ahlu l-Bait A.S.:

> Wahai Ahlu l-Bait Rasulullah cintamu suatu fardhu daripada Tuhan di dalam al-Qur'an telah diturunkan.
>
> Memadailah kebesaran nabimu sesungguhnya kami siapa yang tidak bersalawat ke atas kamu tidak sah sembahyangnya.

Dimaksudkan dengan Ahlu l-Bait A.S. ialah 'Ali, Fatimah, Hasan dan Husain A.S. Demikian juga beribu-ribu karangan para ulamak Ahlu s-Sunnah menjelaskan bahawa maksud Ahlu l-Bait ialah Nabi *sawaw* dan keturunan 'Ali yang disucikan.

Ya, memang terdapat orang-orang seperti 'Ikramah al-Barbari, Muqatil dan lain-lain yang terkenal dengan pembohongan ke atas Rasulullah *sawaw* telah membuat hadis-hadis palsu. Rasulullah *sawaw* bersabda maksudnya: *Akan*

---

23. Muslim, *Sahih*, VII, hlm. 123. Turmudhi, *al-Sunan*, II, hlm. 307. al-Darimi, *al-Sunan*, II, hlm. 332. Ibn Hanbal, *al-Musnad*, III, hlm. 14, 17 dan 36.
24. *al-Mustadrak*, II, hlm. 343.

banyak pembohongan ke atasku, siapa yang membohongi ke atasku dengan sengaja maka hendaklah ia duduk di tempatnya di neraka.

Oleh itu mengkhususkan 'isteri-isteri' atau meletakkan mereka bersama Ahlu l-Bait A.S. di dalam ayat *Tathir* (Surah *al-Ahzab* 33:33) adalah rekaan musuh-musuh Ahlu l-Bait. Malah mereka mencipta perkara-perkara yang berlawanan dengan Ahlu l-Bait A.S. perkara ini adalah jelas. Lantaran itu menolak hadis-hadis palsu dan membersihkan buku-buku sirah dan sejarah daripadanya adalah perkara yang wajib dilaksanakan.

Justeru itu ianya suatu kepastian bahawa ayat *Tathir* dan pembersihan kekotoran daripada mereka adalah istimewa untuk para imam Ahlu l-Bait A.S. Mereka adalah zuriat Rasulullah *sawaw* dan mereka lebih berhak dengannya. Justeru itu perkataan *innama* di dalam ayat tersebut bermaksud *al-Hasr* (pengkhususan kepada mereka sahaja).

Ayat ini juga dengan jelas menunjukkan bersihnya *'itrah* Nabi *sawaw* daripada keaiban dan kemaksuman mereka daripada dosa-dosa. Dan aku akan menerangkan dalam buku-ku ini bahawa *imamah* tidak layak melainkan bagi mereka yang bersih daripada segala keaiban dan dosa. Justeru itu sabitnya *imamah* 'Ali dan anak-anaknya a.s. sama ada mereka memegang jawatan itu ataupun tidak disebabkan orang ramai tidak menyokong mereka sebagaimana sabdanya: '*Hasan dan Husain kedua-duanya imam sama ada mereka memegang jawatan ataupun tidak*' kerana kedua-duanya telah dilantik oleh Allah S.W.T. Dan sesiapa yang mempunyai kedudukan sedemikian, ke*imamah*annya tidak akan dicacatkan oleh penentangan orang ramai terhadapnya. Kerana *imamah* bukanlah melalui perlantikan orang ramai, malah melalui nas daripada Allah S.W.T.

Imam al-Bahrani di dalam *Ghayat al-Maram* [25] telah mencatat lebih daripada satu ratus dua puluh hadis yang mengkhususkan Ahlu l-Bait A.S. dengan 'mereka' bukan isteri-isteri Nabi *sawaw* dan lebih sepertiga daripada hadis-hadis tersebut adalah menurut saluran Ahlu s-Sunnah. Oleh itu buatlah rujukan kepada buku-buku tersebut wahai pembaca yang budiman.

---

25 *Ghayat al-Maram*, hlm. 150.

Al-Suyuti di dalam *al-Durr al-Manthur* [26] menegaskan bahawa ayat tersebut diturunkan kepada lima orang Ahlu l-Kisa' melalui dua puluh saluran. Al-Tabari di dalam *Jami' al-Bayan* [27] menyatakan ianya diturunkan kepada Nabi *sawaw*, Fatimah, 'Ali, Hasan dan Husain melalui enam belas saluran. Al-Sayyid Syihabuddin al-Mar'asyi al-Najafi di dalam *Ta'liqatuhu 'Ala Ihqaq al-Haq* [28] karangan Qadhi Nur Allah al-Tastari (r.h) telah menyebutkan riwayat-riwayat dan hadis-hadis yang banyak semuanya menurut saluran Ahlu s-Sunnah wa l-Jama'ah bahawa ayat tersebut telah diturunkan kepada lima orang Ahlu l-Kisa'; Muhammad, Fatimah, 'Ali, Hasan dan Husain A.S.

Di sini dipeturunkan beberapa riwayat Ahlu s-Sunnah yang menunjukkan bahawa ayat *Tathir* diturunkan kepada lima orang Ashabu l-Kisa' seperti berikut:

1. Ahmad bin Hanbal telah mencatat dalam*Musnad*nya[29] daripada Anas bin Malik bahawa Nabi *sawaw* telah melalui rumah Fatimah A.S. selama enam bulan. Apabila beliau keluar untuk sembahyang Subuh, beliau bersabda: *Wahai Ahlu l-Bait! Sesungguhnya Allah menghendaki untuk menghilangkan daripada kamu kekotoran Ahlu l-Bait dan membersihkan kamu sebersih-bersihnya.* Al-Wahidi di dalam *Asbab al-Nuzul* [30] telah mentafsirkan ayat tersebut dengan menyatakan bahawa ianya diturunkan kepada lima orang Ashabu l-Kisa'.
2. Ibn Jarir telah mencatat di dalam *Tafsir*nya begitu juga Ibn al-Mundhir, Ibn Abi Hatim, Ibn Mardawaih, al-Tabrani dan lain-lain. Al-Turmudhi dan al-Hakim menyatakan kesahihan hadis tersebut. Begitu juga al-Baihaqi di dalam *Sunan*nya dengan bermacam-macam saluran. Umm Salmah berkata: Ayat *Tathir* telah diturunkan di rumahku. Di dalam rumah itu ada 'Ali, Fatimah, Hasan dan Husain. Maka Rasulullah *sawaw* menyelimutkan mereka dengan *al-Kisa'* (kain berwarna hitam) dan bersabda: *Wahai Tuhanku, mereka itulah Ahlu l-Baitku. Justeru itu hilanglah daripada mereka kekotoran dan bersihlah mereka dengan sebersih-bersihnya.*
3. Muslim di dalam *Sahih*nya[31] bab *'Fadhl Ahlu l-Bait A.S.'* meriwayatkan daripada 'Aisyah dia berkata: Rasulullah

---

26. *al-Durr al-Manthur*, V, hlm. 198.
27. *Jami 'al-Bayan*, XXII, hlm. 5.
28. *Ta'liqatuhu 'Ala Ihqaq*, II, hlm. 502.
29. *al-Musnad*, III hlm. 259.
30. *Asbab al-Nuzul*, hlm. 251.
31. *Sahih*, hlm. 331.

keluar diwaktu pagi, di atasnya kain hitam, maka datanglah Hasan bin 'Ali, maka beliau memasukkan ke dalamnya. Kemudian datang Husain, maka dia memasukkan bersamanya, kemudian datang Fatimah, maka beliau memasukkannya. Kemudian datang 'Ali, maka beliau memasukkannya. Kemudian beliau bersabda: *Sesungguhnya Allah menghendaki untuk menghilangkan daripada kamu kekotoran dosa Ahlu l-Bait dan membersihkan mereka dengan sebersih-bersihnya.* Hadis ini telah dikeluarkan oleh Ahmad daripada hadis 'Aisyah di dalam *Musnad* nya. Dan ianya juga telah dikeluarkan oleh Ibn Jarir, Ibn Abi Hatim, al-Hakim pengarang *al-Jam' baina al-Sahihaini*, dan pengarang *al-Jam' Baina al-Sihah al-Sittah.* Dan sesiapa yang ingin mengetahui dengan lebih lanjut, hendaklah membuat rujukan kepada *Rasyfah al-Sadi* karangan Abu Bakr Syahabuddin dan *Muraja'at* (Dialog Sunnah dan Syi'ah) karangan Sayyid Syarafuddin tentang pengkhususan ayat *Tathir* kepada lima Ahlu l-Kisa'. Dan ianya sudah mencukupi bagi orang yang mempunyai mata hati.

Di sini aku akan mengemukakan sebahagian daripada nas-nas yang menerangkan tentang terkeluarnya isteri-isteri Nabi *sawaw* dari ayat *at-Tathir* dan ianya tidak bertentangan dengan nas-nas yang telah lepas yang mengkhususkan ayat tersebut kepada lima orang A.S. Sesungguhnya apa yang aku kemukakan di sini adalah berdasarkan kepada penerangan Nabi *sawaw* sendiri bahawa isteri-isterinya adalah terkeluar daripada ayat tersebut di antaranya:

Ahmad bin Hanbal di dalam *Musnad*nya[32] daripada 'Abdu l-Malik daripada 'Ata Ibn Abi Riyah dia berkata: Orang yang telah mendengar Umm Salmah meriwayatkan kepadaku bahawa dia berkata: Sesungguhnnya Nabi *sawaw* berada di rumahnya. Maka Fatimah mendatanginya dengan cerek yang berisi makanan, maka dia memberikan kepadanya. Lalu beliau bersabda: Panggilkan suami anda dan dua anak lelaki anda. Dia berkata: Maka datanglah 'Ali, Hasan dan Husain maka merekapun masuk dan memakan makanan tersebut. Nabi *sawaw* berada di atas tempat tidurnya di penjuru di bawahnya *al-Kisa'* khaibar. Dia bersabda: *Aku sedang sembahyang di dalam kamarku, maka Allahpun menurunkan ayat (Surah al-Ahzab 33:33) 'Sesungguhnya Allah bermaksud*

32 *al-Musnad*, VI, hlm. 292.

hendak menghilangkan segala dosa dari kamu wahai Ahlu l-Bait dan membersihkan kamu sebersih-bersihnya'.

Maka dia berkata: Beliau (Nabi *sawaw*) mengambil *al-Kisa'* dan membentangkannya ke atas mereka. Kemudian beliau mengeluarkan tangannya mengangkat ke langit sambil berkata: *Wahai Tuhanku mereka itulah Ahlu l-Baitku dan orang istimewaku. Hilanglah daripada mereka kekotoran dan bersihlah mereka dengan sebersih-bersihnya.* Dia berkata: Aku memasukkan kepalaku di dalamnya maka aku berkata: Aku bersama kalian wahai Rasulullah: Beliau bersabda: *Sesungguhnya anda akan mendapat kebaikan di akhirat kelak.* Ahmad berkata selepas meriwayatkan hadis ini, 'Abdu l-Malik berkata: Abu Laila telah meriwayatkan kepadaku daripada Umm Salmah seperti hadis 'Ata. 'Abdu l-Malik berkata: Daud bin Abi 'Auf al-Jahaf telah meriwayatkan kepadaku daripada Hausyab daripada Umm Salmah seumpamanya.

Ibn Kathir di dalam *Tafsirnya*[33] telah meriwayatkan hadis ini. Al-Wahidi di dalam *Asbab al-Nuzul* [34] daripada 'Ata. Ibn al-Sibagh al-Maliki dalam *al-Fusul al-Muhimmah*[35] meriwayatkannya daripada al-Wahidi.

Al-Suyuti di dalam *al-Durr al-Manthur*,[36] Ibn Jarir, Ibn al-Mundhir, Ibn Abi Hatim, al-Tabari dan Ibn Mardawaih daripada Umm Salmah (r.d) isteri Nabi *sawaw*: Sesungguhnya Rasulullah *sawaw* berada di rumahnya (Umm Salmah) di atas tempat tidur dan di bawahnya *al-Kisa'* khaibar. Maka Fatimah membawa kepadanya cerek yang berisi makanan. Maka Rasulullah *sawaw* berkata: *Panggilah suami anda dan dua anak lelaki anda, Hasan dan Husain.* Maka beliaupun memanggil mereka dan ketika mereka sedang makan, tiba-tiba diturunkan ke atas Rasulullah (Surah *al-Ahzab* 33:33) *'Sesungguhnya Allah bermaksud hendak menghilangkan segala dosa dari kamu wahai Ahlu l-Bait dan membersihkan kamu sebersih-bersihnya'.*

Maka Nabi *sawaw* mengambil *al-Kisa'* dan membentangkannya ke atas mereka kemudian beliau mengeluarkan tangannya daripada *al-Kisa'* dan memberi isyarat ke langit sambil bersabda: *'Wahai Tuhanku! Mereka itulah Ahlu l-Baitku*

33. *Tafsir Ibn Kathir*, III. hlm.484.
34. Al-wahidi, *op. cit.* hlm. 268.
35. *al-Fusul al- Muhimmah*, hlm. 8.
36. Al-Suyuti,*al-Durr al-Manthur*, V. hlm. 198.
37. *A'yan al-Syiah*, II. hlm 433

dan orang istimewaku. Oleh itu hilanglah daripada mereka kekotoran dan bersihlah mereka dengan sebersih-bersihnya'. Beliau berkata sebanyak tiga kali. Umm Salmah berkata: Aku memasukkan kepalaku ke dalam *al-Kisa'* maka aku berkata: Wahai Rasulullah! Aku bersama kalian? Beliau menjawab: *Sesungguhnya anda akan mendapat kebaikan (di akhirat kelak).* Beliau mengulanginya sebanyak dua kali.

Hadis ini juga telah diriwayatkan oleh Sayyid Muhsin al-Amini di dalam *A'yan al-Syi'ah*[37] daripada *Usd al-Ghabah*. Al-Suyuti di dalam *al-Durr al-Manthur* juga mengatakan: Al-Tabrani telah mengeluarkan hadis ini daripada Umm Salmah (r.d), sesungguhnya Rasulullah *sawaw* bersabda kepada Fatimah A.S.: *Panggillah suami dan dua anak lelaki anda.* Maka beliaupun datang bersama mereka semua. Kemudian beliau bersabda: *Wahai Tuhanku! Mereka itulah Ali Muhammad.* Di dalam perkataan lain: *Jadikanlah salawat Engkau ke atas Ali Muhammad sebagaimana Engkau telah menjadikannya untuk Ali Ibrahim Innaka hamidun majid.*

Maka Umm Salmah berkata: Akupun mengangkat *al-Kisa'* supaya aku memasuki bersama mereka. Tetapi beliau menariknya daripada tanganku dan bersabda: *Sesungguhnya anda akan mendapat kebaikan (di akhirat kelak).* Hadis ini telah diriwayatkan oleh Ahmad bin Hanbal di dalam *Musnad* nya[38] daripada Umm Salmah. Al-Kanji al-Syafi'i di dalam *Kifayah al-Talib*[39] daripada Ahmad di dalam *Manaqib 'Ali A.S.* dan daripada Syahr bin Hausyab daripada Umm Salmah r.d.

Al-Tabari di dalam *Dhakha'ir al-'Uqba*,[40] al-Muttaqi al-Hindi di dalam *Kanz al-'Ummal*,[41] Ibn Kathir di dalam *Tafsir*nya,[42] Ibn Sibaqh al-Maliki di dalam *al-Fusul al-Muhimmah*,[43] al-Turmudhi di dalam *Sahih*nya,[44] al-Qunduzi al-Hanafi di dalam *Yanabi' al-Mawaddah*,[45] al-Syablanji al-Syafi'i di dalam *Nur al-Absar*,[46] Syaikh Muhammad al-Siban di dalam *As'af al-Raghibin Hamisy Nur al-Absar*,[47] dan lain-lain pembesar-pembesar ulamak Ahlu s-Sunnah yang meriwayatkan hadis tersebut dengan sedikit perbezaan dari segi lafaz.

---

37. *A'yan al-Syi'ah*, II. hlm 433
38. *al-Musnad*, VI. hlm. 32
39. *Kifayah al-Talib*, hlm. 228.
40. *Dhakha'ir al-'Uqba*, hlm. 21.
41. *Kanz al-'Ummal*, VII. hlm. 103
42. *Tafsir Ibn Kathir*, III. hlm. 484.
43. *al-Fusul al-Muhimmah*, hlm. 7.
44. *Sahih*, II. hlm. 308
45. *Yanabi'al-Mawaddah*, hlm. 78
46. *Nur al-Absar*, hlm. 104.
47. *As'af al-Raghibin*, hlm. 104.

Nas-nas yang *sahih* dan *mutawatir* yang dikemukakan adalah diriwayatkan oleh semua lapisan Muslimin, dan ianya merupakan bukti-bukti yang jelas dan hujah-hujah yang kuat tentang terkeluarnya isteri-isteri Nabi *sawaw* daripada ayat tersebut dan ianya diturunkan kepada lima manusia suci *Ashabu l-Kisa'*, dan ianya tidak dapat diingkari melainkan oleh orang yang fanatik (*muta'assib*) kepada kebatilan.

Apa yang telah aku kemukakan tentang terkeluarnya 'isteri-isteri' daripada ayat al-Tathir dan turunnya ayat tersebut ke atas lima manusia suci Ahlu l-Kisa' A.S., adalah mencukupi bagi menolak sangkaan yang menyatakan ianya diturunkan ke atas 'isteri-isteri' secara khusus atau secara perkongsian (*al-Isytirak*). Dan sekiranya anda ingin mendapatkan maklumat yang lebih daripada apa yang telahku kemukakan, maka buatlah rujukan kepada bukuku yang berjudul *al-Syi'ah wa hujjatu humfi al-Tasyayyu'* (Syi'ah dan hujah mereka tentang *Tasyayyu'*).

Oleh itu aku ingin menegaskan bahawa apa yang telahku kemukakan adalah menunjukkan bahawa ayat *al-Tathir* adalah dikhususkan kepada lima Ashab al-Kisa' dan juga menunjukkan bahawa mereka adalah maksum daripada segala dosa. Dan ianya menunjukkan bahawa khalifah selepas Rasulullah *sawaw* secara terus ialah 'Ali bin Abi Talib A.S. Selepas beliau ialah Hasan, kemudian Husain, kemudian sembilan daripada anak-anak Husain A.S. secara berturut-turut menurut nas-nas yang wujud dalam buku-buku Sunnah dan Syi'ah.

Dalilku di atas dakwaan tersebut ada dua perkara:

1. *al-'Ismah* adalah menjadi syarat pada seorang imam menurut Syi'ah kerana imam yang diikuti selepas Nabi *sawaw* bila tidak maksum, tidak boleh dipercayai kata-katanya. Oleh itu sabitnya *'Ismah* imam seperti sabitnya *'Ismah* Nabi *sawaw*. Ayat tersebut telah menunjukkan kemaksuman Amiru l-Mukminin 'Ali dan dua anaknya Hasan dan Husain A.S. Justeru itu, terbukti bahawa jawatan khalifah adalah untuk mereka bukan selain daripada mereka. Mereka itulah para imam dan khalifah-khalifah selepas Rasulullah *sawaw*. Setiap orang daripada mereka mengnaskan kepada imam selepasnya. Begitulah seterusnya sehingga sampai kepada Imam Mahdi al-Muntazar (A.S). Oleh itu berpegang kepada pendapat mereka adalah wajib kerana orang lain tidak maksum. Dan apabila tidak wujudnya *'Ismah* maka berlakulah

kesalahan. Oleh itu ianya tidak sah untuk menjadi khalifah yang mengendalikan syariat Rasulullah *sawaw* tanpa *'ismah*.

2. Imam Amiru l-Mukminin telah berulang-ulang kali menuntut jawatan khalifah untuk dirinya di tempat-tempat yang bermacam-macam. Di antaranya beliau berkata di dalam khutbah *al-Syiqsyiqiyyah*[48] yang dicatat oleh jumhur Muslimin Sunnah dan Syi'ah seperti berikut:

> 'Demi Allah, si anu (Abu Bakr Ibn Abi Quhafah) telah memakai baju (kekhalifahan) itu, padahal ia mengetahui dengan yakin bahawa kedudukanku sehubungan (kekhalifahan) itu samalah seperti kedudukan sumbu dengan roda. Air mengalir menjauhiku dan burung tidak dapat terbang kepadaku. Aku memasang tirai (terhadap kekhalifahan itu) dan melepaskan diri daripadanya.
>
> Akupun mulai berfikir, apakah aku akan menyerangnya atau aku harus menanggung kesengsaraan kegelapan yang membutakan itu sehingga orang dewasa menjadi dha'if, orang muda menjadi tua, dan mukmin yang saleh hidup dalam kungkungan sampai ia menemui Allah (di saat kematiannya). Aku berpendapat adalah lebih bijaksana untuk menanggungnya dengan tabah. Lalu aku menempuh jalan kesabaran, meskipun mata rasa tertusuk-tusuk dan kerongkongan rasa tercekik. Aku menyaksikan perampasan terhadap warisanku hingga yang pertama (Abu Bakr) menemui ajalnya; namun ia memberikan kekhalifahan itu kepada Ibn Khattab. (Lalu 'Ali A.S. mengutip syair A'syah):
>
> 'Hari-hariku kini berlalu di punggung unta,
>
> Dan berlalu sudah hariku bersama Jabir, saudara
>
> Hayyan'.
>
> Aneh, semasa hidupnya ia ingin terbebas dari jabatan khalifah, tapi ia mengukuhkannya kepada 'Umar setelah kematiannya. Tiada syak kedua orang ini hanya membahagi-bahagikan tetek susu di antara keduanya sahaja. Yang satu ini ('Umar) mengungkung kekhalifahan itu rapat-rapat, di mana ucapannya congkak dan sentuhannya kasar. Kekeliruan sangat banyak, dan kerana itu maka dalihnyapun sangat banyak. Orang yang berhubungan dengan kekhalifahan itu ibarat penunggang unta liar. Apabila ia menarik kekangnya maka muncungnya akan koyak; dan apabila ia membiarkannya maka ia akan jatuh terlempar. Sebagai akibatnya, demi Allah, rakyat terjerumus ke dalam kebingungan, penipuan dan penyelewengan. Sekalipun demikian, aku tetap bersabar dalam waktu yang lama dengan cubaan yang keras, sampai ketika ia ('Umar) menemui ajalnya ia menyerah

48. Seramai dua puluh lapan orang para ulamak Ahlu s-sunnah memperakui kesahihan *khutbah al-Syiqsyiqiyyah*. Lihat al-Amini, *al-Ghadir*, I, hlm. 82-85.

urusan (kekhalifahan) itu kepada satu kelompok dan menganggap aku sebagai salah seorang daripadanya.

Tetapi, ya Allah! Apa urusanku dengan mesyuarat ini! Di manakah keraguan tentang diriku dibandingkan dengan yang pertama mereka (Abu Bakr) sehingga sekarang aku harus dipandang sama dengan orang-orang ini? Namun aku terus merendah sementara mereka merendah, dan membumbung tinggi ketika mereka terbang tinggi. Seorang dari mereka berpaling menentangku kerana hubungan kekeluargaannya, manakala yang lainnya cenderung memihak ke jalan lain kerana hubungan ipar-nya, dan ini, dan itu, sampai yang ketiga dari orang-orang ini berdiri dengan dada membusung di antara kotoran dan makanannya. Bersama dia anak-anak dari Bani Umayyah bangkit menelan harta Allah, bagaikan unta melalap dedaunan musim bunga sampai talinya putus, tindak tanduknya mengakhirinya dan keserakahannya menyebabkan ia terguling.

(Pada saat itu) orang ramai datang membanjiri ke arahku dari segala penjuru seperti serbuan kumpulan rubah sehingga Hasanain (Hasan dan Husain) terinjak dan kedua tepi bahagian bahu kemejaku koyak. Mereka berkumpul di sekelilingku seperti kumpulan domba dan kambing. Tatkala aku memegang teraju pemerintahan sebahagian memutuskan bai'ahnya (*nakatha*) dan sebahagian lagi mengingkari (*maraqa*) dan yang lainnya bertindak salah, kerana mereka tidak mendengar firman Allah S.W.T yang berbunyi:

'(Kebahagiaan) di negeri akhirat Kami sediakan bagi mereka yang tiada suka menyombongkan diri dan melakukan kerosakan di bumi. Dan kesudahannya (adalah baik) bagi mereka yang takwa'. (Surah *al-Qasas* 28:83).

Tidak, demi Allah, mereka mendengarnya dan memahaminya tetapi dunia terlihat kemilau di mata mereka dan hiasan dunia menggoda mereka. Lihat, demi Dia yang mengembangkan biji-bijian dan menciptakan makhluk hidup, bila orang-orang tidak datang kepadaku dan pendukung-pendukung tidak menegakkan hujah dalam bentuk penolong, dan bila tidak ada perjanjian Allah dengan ulama bahawa mereka tidak boleh menyerah terhadap kerakusan seorang yang zalim dan kelaparan orang yang dizalimi maka aku akan melemparkan tali kekang (kekhalifahan) itu dan akan aku beri minum kepada yang terakhir dengan piala yang ku gunakan untuk orang yang pertama. Maka akan kamu lihat bahawa dalam pandanganku duniamu tidak lebih dari bersinnya seekor kambing'.[49]

Begitu juga anak perempuan Rasulullah, dan kedua-dua anaknya Hasan dan Husain dan sembilan anak-anak Husain A.S. menuntut khalifah untuk Amiru l-Mukminin A.S. Lantaran itu, ianya menjadi kewajipan kepada umat membenar-

49. *Nahj al-Balaghah*, hlm. 48 - 50.

kan mereka kerana kemaksuman mereka. Dan tidak harus ke atas mereka pembohongan kerana pembohongan adalah suatu kekotoran (*rijsun*) yang dinafikan daripada mereka oleh ayat tersebut.

Oleh itu jelaslah sabitnya khalifah selepas Rasulullah *sawaw* bagi 'Ali bin Abi Talib A.S. Dan ianya bukanlah mencukupi dengan ayat at-Tathir sahaja, malah banyak dalil-dalil dan hujah-hujah yang kuat yang menunjukkan 'Ali A.S. berhak menjadi khalifah selepas Rasulullah *sawaw* sehingga diakui oleh musuh-musuhnya dan diketahui oleh yang dekat dan yang jauh.

Dan buku-buku mengenainya telah ditulis dengan banyak. Di antaranya buku karangan Ayutullah al-'Uzma Muhammad bin Yusuf bin al-Mutahhar dikenali dengan al-'Allamah al-Hulli (r.h). Dia telah menulis dua ribu dalil menyokong 'Ali A.S. sebagai khalifah selepas Rasulullah *sawaw*. Seribu daripadanya mengandungi dalil-dalil *aqliyyah* dan seribu lagi mengandungi dalil-dalil *naqliyyah*. Dan dia menamakan bukunya *al-Faini*.

3. Ayat *al-Mubahalah*

Iaitu firmanNya yang di dalam (surah *Ali Imran* 3:61) '*Sesiapa yang membantahmu mengenainya (kisah 'Isa) sesudah datang ilmu (yang meyakinkan kamu), maka katakanlah (kepadanya): Marilah kita memanggil anak-anak kami dan anak-anak kamu, wanita-wanita kami dan wanita-wanita kamu, diri kami dan diri kamu; kemudian marilah kita bermubahalah kepada Allah dan kita minta supaya laknat Allah ditimpakan kepada orang-orang yang dusta*'.

Semua ulamak Tafsir Sunnah dan Syi'ah bersepakat bahawa ayat *al-Mubahalah* diturunkan kepada lima manusia suci; Muhammad, 'Ali, Fatimah, Hasan dan Husain. Di sana terdapat para sahabat lelaki tetapi beliau tidak memanggil seorangpun daripada mereka selain daripada 'Ali, Hasan dan Husain. Kemudian di sana juga terdapat *Ummahat al-Mukminin* dan wanita-wanita Bani Hasyim, tetapi beliau tidak memanggil seorangpun daripada mereka selain daripada anak kandungnya Fatimah al-Zahra' A.S.

Satu hakikat yang tidak dapat disembunyikan lagi oleh orang yang mempunyai pandangan yang tajam bahawa maksud *Anfusa-na* (diri kami) di sini ialah saudara Rasulullah *sawaw* yang kedudukannya di sisi Rasulullah *sawaw* sa-

malah dengan kedudukan Harun disisi Musa. Beliau ialah Imam Amiru l-Mukminin 'Ali A.S. kerana Allah menjadikannya ('Ali A.S.) di dalam ayat ini *nafs* Muhammad *sawaw* (diri Muhammad itu sendiri).

Demi Allah sesungguhnya itu adalah keistimewaan yang besar yang dikhususkan oleh Allah S.W.T. kepada mereka dan tidak ada orang lain selain daripada mereka dari umat ini. Ibn Hajr telah menyebutkannya di dalam *al-Sawa'iq Muhriqah* di dalam bab kesebelas riwayat daripada al-Dar al-Qutni bahawa 'Ali di majlis Syura ('Umar) telah berhujah dengan menyatakan: Aku menyeru kalian dengan nama Allah adakah pada kalian seorang yang lebih hampir kepada Rasulullah dari segi kekeluargaan selain daripadaku? Dan siapakah yang telah dijadikan dirinya oleh beliau seperti dirinya sendiri? Anak-anaknya seperti anak-anaknya dan wanita-wanitanya seperti wanita-wanitanya selain daripadaku? Mereka menjawab: *Allahuma la*. Wahai Tuhanku! Tidak ada seorangpun selain daripada anda sekeluarga. Seorang penyair yang memuji Imam 'Ali A.S. mengemukakan syairnya:

> Dia di dalam ayat *al-Tabahul* adalah diri nabi sendiri.
>
> Tiada selain daripadanya ('Ali) yang dimaksudkan dengannya.

Kemudian hadis *al-Mubahalah* adalah masyhur dan disebutkan oleh Ahli Tafsir, Hadis dan Sirah. Mereka menulis peristiwa itu pada tahun kesepuluh Hijrah iaitu tahun Mubahalah. Fakhruddin al-Razi di dalam *Mafatih al-Ghaib*[50] berkata: Ketahuilah, sesungguhnya riwayat ini adalah seperti disepakati kesahihannya di kalangan Ahli-ahli Tafsir, Hadis dan lain-lain.

Al-Zamakhsyari di dalam *al-Kasysyaf*[51] mengenai ayat *al-Mubahalah* berkata: Ianya diriwayatkan manakala Rasulullah *sawaw* menyeru Kristian Najran untuk ber*mubahalah*, mereka berkata: Kami akan pulang dan kami akan membuat keputusannya. Manakala mereka pergi, mereka berkata kepada 'Aqib seorang yang pintar mereka, wahai hamba al-Masih apa pandangan anda? Dia menjawab: Demi Allah sesungguhnya kalian telah mengetahui bahawa sesungguh-

---

50. *Mafatih al-Ghaib*. III. hlm. 20
51. *al-Kasysyaf*. I. hlm. 482.

nya Muhammad adalah seorang Nabi yang diutuskan. Dia telah mendatangi kalian dengan keterangan daripada Tuhan kalian. Demi Allah tidak ada satu kaumpun yang pernah bermubahalah dengan seorang Nabi sehingga yang kecil dan besar mereka dapat hidup. Sekiranya kalian lakukan, nescaya kalian akan binasa. Dan sekiranya kalian enggan bermubahalah maka dia akan membiarkan agama kalian dan kalian kekal dengan agama kalian. Lantaran itu ucaplah selamat tinggal kepada lelaki itu dan kembalilah ke tempat kalian.

Maka merekapun datang kembali menemui Rasulullah *sawaw* pada ketika itu beliau sedang mendukung Husain memegang tangan Hasan, Fatimah berjalan di belakangnya dan 'Ali di belakang Fatimah A.S. dan bersabda: Tidakkah aku telah menyeru kalian maka berimanlah. Lalu Bisyop Najran menjawab: Wahai kaum Nasarai Sesungguhnya aku sedang melihat kepada muka-muka mereka, sekiranya Allah mahu menghilangkan bukit dari tempatnya, nescaya Dia akan menghilangkannya melalui kemuliaan muka-muka mereka. Justeru itu janganlah kalian *bermubahalah*, nanti kalian akan binasa, dan tidak tinggal lagi seorang Nasranipun di bumi ini hingga di Hari Kiamat. Mereka berkata: Wahai Abu l Qasim, kami fikir kami tidak akan *bermubahalah* dengan anda sebaliknya kami mengakui anda di atas agama anda sementara kami kekal di atas agama kami. Nabi *sawaw* menjawab *'Sekiranya kalian enggan bermubahalah, maka masuklah Islam. Kalian akan dilayani dengan baik dan mendapat hak seperti mereka'.*

Lantas mereka menolaknya, kemudian beliau *sawaw* bersabda: *Aku melepaskan kalian.* Mereka menjawab: Kami tidak mampu untuk memerangi Arab, justeru itu kami membuat perdamaian dengan anda supaya anda tidak memerangi kami, menakut-nakutkan kami dan memaksa kami supaya meninggalkan agama kami. Sebagai balasan kami akan memberikan kepada anda setiap tahun dua ribu Hillah seribu pada bulan Safar dan seribu pada bulan Rajab, dan tiga puluh baju besi biasa.

Maka beliau *sawaw* mengadakan perdamaian dengan mereka dengan syarat-syarat tersebut. Beliau bersabda: *Demi diriku ditangannya sesungguhnya kebinasaan telah jelas ke atas ahli Najran. Dan sekiranya mereka bermubahalah, nescaya mereka bertukar menjadi kera dan babi serta lembah it*

menjadi api membakar mereka. Allah S.W.T. akan melenyapkan Najran dan penduduk-penduduknya sekali sehingga burung yang hinggap di atas pokok'. Manakala genap setahun, mereka dibinasakan (kerana tidak menepati janji mereka).

Daripada 'Aisyah (r.d): Sesungguhnya Rasulullah *sawaw* keluar dengan meletakkan kain hitam di atasnya. Maka Hasan pun datang, lalu beliaupun memasukkannya, kemudian datang Husain maka beliau memasukkannya, kemudian Fatimah, kemudian 'Ali, lalu beliau membaca ayat *at-Tathir* (Surah *al-Ahzab* 33:33) *'Sesungguhnya Allah bermaksud hendak menghilangkan segala dosa dari kamu wahai Ahlu l-Bait dan membersihkan kamu sebersih-bersihnya'.*

Ini menunjukkan tidak ada dalil yang lebih kuat daripada ini tentang kelebihan Ashab al-Kisa' A.S. Aku berkata: Ianya suatu kemuliaan yang sejati dan penghormatan yang agung dimana Dia tidak akan mengurniakan seorangpun dengannya sebelum dan selepas mereka. Dan ketahuilah sesungguhnya hadis-hadis muktabar yang diriwayatkan adalah mutawatir tentang turunnya ayat ini mengenai Ahlu l-Bait A.S. 'Ali, Fatimah, Hasan dan Husain A.S. Ianya telah dicatat oleh ahli-ahli Tafsir, Hadis dan Sirah. Semuanya mencatat peristiwa-peristiwa tahun kesepuluh Hijrah iaitu Tahun Mubahalah.

Di sini aku ingin mengemukakan kepada pembaca yang budiman, sebahagian daripada nama-nama para imam Ahlu s-Sunnah wa l-Jama'ah yang menulis mengenainya seperti berikut:

Muslim di dalam *Sahihnya*,[52] mengatakan bahawa Qutaibah bin Sa'id dan Muhammad bin 'Ubbad telah memberitahukannya kepada kami dengan lafaz yang hampir sama. Mereka berdua berkata: Hatim telah memberitahukan kami (iaitu anak lelaki Ismail) daripada Bakir bin Mismar daripada 'Amir bin Sa'ad bin Abi Waqqas daripada bapanya dia berkata: Mu'awiyah bin Abu Sufyan memerintahkan Sa'ad bahawa dia berkata: Apa yang menegah anda dari mencaci Abu Turab ('Ali A.S.)? Maka dia menjawab: Aku mengingati tiga perkara di mana Rasulullah *sawaw* mengucapkan kepadanya. Justeru itu aku sekali-kali tidak akan mencacinya kerana jikalaulah aku mempunyai satu perkara sahaja adalah lebih aku

---

52. *Sahih*, VII, hlm. 120.

cintai daripada segala nikmat; sehingga dia berkata: Manakala turun ayat *al-Mubahalah*: Maka katalah: '*Marilah kita memanggil anak-anak kami dan anak-anak kamu, wanita-wanita kami dan wanita-wanita kamu*'. Maka Rasulullah *sawaw* menyeru 'Ali, Fatimah, Hasan dan Husain. Dia bersabda: *Allahumma Haula' Ahli* (Wahai Tuhanku! Mereka itu adalah keluargaku).

Ahmad bin Hanbal di dalam *Musnad*nya[53] berkata: 'Abdullah telah memberitahukan kami dia berkata: Bapaku memberitahuku dia berkata: Qutaibah bin Sa'id dan Hatim bin Isma'il telah memberitahukan kami daripada Bakir bin Mismar daripada 'Amir bin Sa'ad daripada bapanya dia berkata: Aku mendengar Rasulullah *sawaw* bersabda kepadanya: Dia berkata: Manakala turun ayat *al-Mubahalah* maka beliau *sawaw* menyeru 'Ali, Fatimah, Hasan dan Husain dan bersabda: *Wahai Tuhanku, mereka itulah keluargaku.*

Al-Tabari di dalam *Jami' al-Bayan*[54] telah mengeluarkan banyak hadis-hadis mengenai ayat *al-Mubahalah* dengan saluran yang bermacam-macam daripada Zaid bin 'Ali, al-Sudi, Qatadah, Thana bin Zaid dan daripada al-Yasykari.

Al-Suyuti di dalam *al-Durr al-Manthur*[55] daripada Jabir dia berkata di akhirnya: Jabir berkata: *anfusa-na wa anfusa-kum* (diri kami dan diri kamu): Rasulullah *sawaw* dan 'Ali A.S. *wa abnaa-na* (anak-anak lelaki kami): Hasan dan Husain dan *Nisaa-na* (wanita-wanita kami): Fatimah.

Al-Wahidi di dalam *Asbab al-Nuzul*[56] berkata pada akhirnya: Sya'bi berkata: *Abnaa-na* (anak-anak lelaki kami): Hasan dan Husain dan *Nisaa-na* (wanita-wanita kami): Fatimah, *Wa anfasa-na* (diri-diri kami): 'Ali bin Abi Talib A.S.

Al-Qunduzi al-Hanafi di dalam *Yanabi' al-Mawaddah*[57] meriwayatkan bahawa 'Ali A.S. adalah *nafs* Rasulullah (diri Rasulullah sendiri) sejajar dengan nas tersebut.

Al-Syablanji di dalam *Nur al-Absar*[58] menyatakan bahawa maksud *Nisaa-na* (wanita-wanita kami) ialah Fatimah, *Abnaa-na* (anak-anak lelaki kami) ialah Hasan dan Husain, *Anfusa-na* (diri-diri kami) ialah *nafsu-hu* dirinya sendiri dan diri Ali A.S.

---

53. *al-Musnad*, I, hlm. 185
54. *Jami'al-Bayan*, III, hlm. 192.
55. *al-Durr al-Manthur*, II, hlm. 38.
56. *Asbab al-Nuzul*, hlm. 47.
57. *Yanabi'al-Mawaddah*, hlm. 43.
58. *Nur al-Absar*, hlm. 101.

Muhibbuddin al-Tabari di dalam *Dhakha'ir al-'Uqba.*[59]
Al-Kanji al-Syafi'i di dalam *Kifayah al-Talib.*[60]
Al-Hakim di dalam *al-Mustadrak.*[61]
Abu Nu'im di dalam *Dala'il al-Nubuwwah.*[62]
Al-Baghawi di dalam *Ma'alim al-Tanzil.*[63]
Fakhruddin al-Razi di dalam *Mafatih al-Ghaib.*[64]
Al-Dhahabi di dalam *Talkhis*nya.[65]
Ibn al-Athir al-Jazari di dalam *Usd al-Ghabah.*[66]
Sibt bin al-Jauzi di dalam *Tadhkirah al-Huffaz.*[67]
Al-Qurtubi di dalam *Jami' li Ahkam al-Qur'an.*[68]
Al-Baidhawi di dalam *Anwar al-Tanzil.*[69]
Ibn Hajr al-'Asqalani di dalam *al-Isabah.*[70]

Syaikh Muhammad bin Talhah al-Syafi'i di dalam *Matalib al-Su'ul*, [71] menyatakan bahawa ayat *al-Mubahalah* telah diriwayatkan oleh perawi-perawi yang *thiqah* bahawa ianya diturunkan pada 'Ali, Fatimah, Hasan dan Husain A.S.

Dan ramai lagi bilangan para imam Ahlu s-Sunnah yang aku tidak dapat menyebutkan nama mereka di dalam buku ini. Semuanya menegaskan bahawa ayat ini diturunkan kepada lima manusia yang suci. Imam Bahrani telah menyatakan di dalam *Ghayah al-Maram* [72] bahawa ayat ini telah diturunkan kepada 'Ali, Fatimah, Hasan dan Husain A.S. melalui sembilan belas hadis menurut Ahlu s-Sunnah dan lima belas hadis menurut Syi'ah. Ayatullah al-Najafi telah menyebutkan nama-nama para ulamak Ahlu s-Sunnah yang menyatakan bahawa ayat al-Mubahalah diturunkan kepada lima manusia yang suci di dalam *Ta'liqatuhu 'Ala Ihqaq al-Haq.*[73]

Justeru itu aku membuat kesimpulan bahawa khalifah yang wajib selepas Rasulullah *sawaw* ialah 'Ali bin Abi Talib A.S. kerana 'Ali di dalam ayat tersebut ialah *nafs* Muhammad *sawaw*. Dengan ilmunya, akhlaknya, kemuliaannya, keberaniannya, lemah lembutnya, kasihan belasnya terhadap orang yang lemah,garangnya terhadap orang yang zalim dan kedudukannya yang tinggi di sisi Allah selain daripada

---

59. *Dhakha'ir al-'Ugba*, hlm. 25.
60. *Kifayah al-Talib*, hlm. 54.
61. *Al-Mustadrak*, III, hlm 150.
62. *Dala'il al-Nubuwwah*, hlm. 297.
63. *Ma'alim al-Tanzil*, I, hlm. 302.
64. *Mafatih al-Ghaib*, VIII, hlm. 85.
65. *al-Talkhis*, III, hlm. 150.
66. *Usd al-Ghabah*, IV, hlm. 25
67. *Tadhkhirah al-Hufaz*, hlm. 17
68. *Jami' li Ahkam al-Qura'an*, III, hlm. 104
69. *Anwar al-Tanzil*, II, hlm. 22.
70. *Al-Isabah*, II, hlm. 503.
71. *Matalib al-S'ul*, hlm. 7.
72. *Ghayah al-Maram*, hlm. 300.
73. *Ta'Ligatuhu 'Ala Ihgag al-Hag*, hlm. 46.

kenabian, bersandarkan sabda Nabi *sawaw* maksudnya: *'Anda di sisiku sepertilah kedudukan Harun di sisi Musa hanya tiada Nabi selepasku'*. Lantaran itu seorangpun tidak harus mendahuluinya kerana 'mendahuluinya' sepertilah mendahului Rasulullah *sawaw*. Oleh itu berwaspadalah anda dan insaflah wahai pembaca yang budiman.

4. Ayat *al-Mawaddah*

Iaitu firmanNya dalam (Surah *al-Syu'ara'* 42:23) *'Katakan lah: 'Aku tidak meminta kepadamu sesuatu upahpun atas seruankukecuali kasih sayang dalam kekeluargaan (al-qurba). Dan siapa yang mengerjakan kebaikan (al-Hasanah) akan Kami tambahkan baginya kebaikan pada kebaikannya itu. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Mensyukuri'*.

Ahli Tafsir Syi'ah bersepakat bahawa ayat tersebut diturunkan secara khusus kepada Ahlu l-Bait; 'Ali, Fatimah, Hasan dan Husain. Demikian juga kebanyakan Ahli Tafsir Ahlu s-Sunnah wa l-Jama'ah di dalam buku-buku *Sahih* dan *Musnad* mereka, mengakui bahawa ayat tersebut diturunkan kepada *'itrah* yang suci. Tetapi terdapat sebilangan kecil daripada mereka membuat pentafsiran yang menyalahi apa yang diturunkan Allah S.W.T.

Ahlu l-Bait A.S. dan para ulamak Syi'ah bersepakat bahawa perkataan *al-Qurba* di dalam ayat tersebut ialah kerabat Rasulullah *sawaw*; 'Ali, Fatimah, Hasan dan Husain. Merekalah orang yang paling rapat dengan Rasulullah *sawaw*. Dan perkataan *al-Hasanah* (kebaikan) bererti kasih sayang kepada mereka dan menjadikan mereka imam, kerana Allah amat mengampuni orang yang mewalikan mereka.

Dan ini adalah satu perkara yang disepakati oleh kami kerana ianya merupakan suatu kepastian kerana banyak hadis-hadis yang muktabar mengenainya. Kami akan kemukakan kepada pembaca kami yang budiman beberapa hadis yang muktabar menurut Ahlu s-Sunnah wa l-Jama'ah seperti berikut:

Ahmad bin Hanbal telah meriwayatkan di dalam *al-Manaqib*, al-Tabrani, al-Hakim dan Ibn Abi Hatim daripada 'Abbas sebagaimana telah dinyatakan oleh Ibn Hajr di dalam pentafsiran ayat 14 daripada ayat-ayat yang telah dinyatakan di dalam fasal pertama daripada bab sebelas daripada *al-Sawa'iq* nya dia berkata: Manakala turunnya ayat ini mere-

ka bertanya: Wahai Rasulullah! Siapakah kerabat anda yang diwajibkan ke atas kami mengasihi mereka? Beliau *sawaw* menjawab: *Ali, Fatimah dan dua anak lelaki mereka berdua.*

Hadis ini juga telah dicatat oleh Ibn Mardawaih,[74] diriwayatkan daripada Ibn 'Abbas oleh Ibn al-Mundhir, al-Muqrizi, al-Baghawi, al-Tha'labi di dalam tafsir-tafsir mereka. Al-Suyuti di dalam *al-Durr al-Manthur*, Abu Nu'aim di dalam *Hilyah*nya, al-Hamawaini di dalam *al-Fara'id*, al-Wahidi di dalam *Asbab al-Nuzul* dan Ibn al-Maghazili di dalam *al-Manaqib*. al-Zamakhsyari di dalam *al-Kasysyaf*,[75] Muhibbuddin al-Tabari di dalam *Dhakha'ir al-'Uqba*,[76] Talhah al-Syafi'i di dalam *Matalib Su'ul*,[77] Abu Sa'id di dalam *Tafsir*nya,[78] al-Nasafi di dalam *Tafsir*nya[79], Abu Hayyan di dalam *Tafsir*nya,[80] Ibn Sibagh al-Maliki di dalam *al-Fusul al-Muhimmah*,[81] al-Hafiz al-Haithami di dalam *al-Majma'*,[82] al-Kanji al-Syafi'i di dalam *Kifayah al-Talib*.[83]

Al-Qastalani di dalam *al-Mawahib*, berkata: Allah memastikan kasih sayang kepada semua kerabat Rasulullah *sawaw* dan mewajibkan kasih sayang sebahagian daripada Ahlu l-Baitnya A.S. dan zuriatnya. Justeru itu Dia berfirman dalam (Surah *al-Syura'* 42:23) '... *Katakanlah: Aku tidak meminta kepadamu sesuatu upahpun atas seruanku kecuali kasih sayang dalam kekeluargaan'*. al-Zurqani di dalam *Syarh al-Mawahib*,[84] al-Syablanji di dalam *Nur al-Absar*,[85] Ibn Hajr di dalam *al-Sawa'iq al-Muhriqah*,[86] al-Suyuti di dalam *Ihya' al-Mayyit di Hamisy al-Ithaf*.[87]

Al-Bukhari di dalam *Sahih*nya,[88] daripada Ibn 'Abbas (r.d) bahawa dia ditanya mengenai firmanNya: '*Kecuali kasih sayang di dalam kekeluargaan*'. Dia menjawab: Ianya adalah kerabat Rasulullah *sawaw*. Al-Tabari di dalam *Tafsir*nya,[89] daripada Sa'id bin Jubair tentang firmanNya, (Surah *al-Syura'* 42:23) '*Katakanlah: Aku tidak meminta kepadamu sesuatu upahpun atas seruanku kecuali kasih sayang dalam kekeluargaan*'. Dia menjawab: Ianya adalah kerabat Rasulullah *sawaw*.

---

74. *al-Nabhan, al-Arba'in*, hlm. 90.
75. *al-Kasysyaf*, II, hlm. 339.
76. *Dhakha'ir al - 'Ugba*, hlm. 25.
77. *Matalib al-su'ul*, hlm. 8.
78. *Hamisyh Mafatih al-Ghaib*, VI, hlm. 665.
79. *Tafsir al-Nasafi*, hlm. 99.
80. *Tafsir Abu Hayyan*, VII, hlm. 156.
81. *al-Fusul al-Mahimmah*, hlm. 12.
82. *Majma'al-Zawa'id*, IX, hlm. 168.
83. *Kifayah al-Talib*, hlm. 31.
84. *Syarh al-Mawahib*, VII, hlm. 3 & 21.
85. *Nur al-Absar*, hlm . 112.
86. *al-Sawa'iq al-Muhriqah*, hlm. 105.
87. *Ihya' al-Mayyit*, 101 & 135.
88. *Sahih*, VI, hlm. 129.
89. *Jami' al-Bayan*, XXV, hlm. 14 - 15.

Ibn Hajr al-'Asqalani di dalam *al-Kafi al-Syafi fi Takhrij Ahadith al-Kasysyaf*,[90] berkata: al-Tabrani, Ibn Abi Hatim dan al-Hakim telah meriwayatkannya di dalam *Manaqib al-Syafi'i* daripada Husain al-Asyqar daripada Qais bin al-Rabi' daripada al-A'masy daripada Sa'id bin Jubair daripada Ibn 'Abbas ditanya: Wahai Rasulullah! Siapakah kerabat anda yang diwajibkan ke atas kami mengasihi mereka? Beliau menjawab: *'Ali, Fatimah, Hasan dan Husain.*

Al-Qunduzi al-Hanafi di dalam *Yanabi' al-Mawaddah*,[91] berkata: Ahmad telah meriwayatkan di dalam *Musnad* nya dengan sanadnya daripada Sa'id bin Jubair daripada Ibn 'Abbas (r.d) bahawa ayat ini diturunkan kepada lima orang. Al-Tabrani di dalam *Mu'jam al-Kabir*nya menyatakan ayat ini diturunkan kepada lima orang.

Ibn Abi Hatim di dalam *Tafsir*nya dan al-Hakim di dalam *al-Manaqib*, menyatakan bahawa ayat ini diturunkan kepada lima orang. Al-Wahidi dalam *al-Wasit*, Abu Nu'aim di dalam *Hilyah al-Auliya'*, al-Tha'labi di dalam *Tafsir*nya, al-Hamawaini dalam *Fara'id al-Simtin*, Abu Bakr bin Syahabuddin al-Syafi'i dalam *Rasyfah Sadi*[92] semuanya meriwayatkan bahawa ayat tersebut diturunkan kepada lima orang.

Al-Mulla di dalam *Sirah*nya meriwayatkan sebuah hadis: *'Sesungguhnya Allah telah mewajibkan ke atas kalian kasih sayang terhadap kerabatku dan aku bertanyakan kalian tentang mereka di hari esok'.* Ahmad di dalam *al-Manaqib* dan al-Tabrani di dalam *al-Kabir* meriwayatkan daripada 'Abbas (r.d) dia berkata: Manakala turunnya ayat ini mereka bertanya: Wahai Rasulullah *sawaw* siapakah kerabat kamu yang diwajibkan ke atas kami mengasihi mereka? Beliau menjawab: *'Ali, Fatimah, dan kedua-dua anak lelaki mereka.*

Al-Baghawi dan al-Tha'labi meriwayatkan di dalam *Tafsir Tafsir* mereka daripada Ibn 'Abbas (r.d) dia berkata: Manakala turun ayat (Surah *al-Syu'ara'* 42:24), sebahagian orang ramai pula berkata: Beliau hanya menghendaki supaya kita mengasihi kerabatnya. Lantas Jibrail memberitahukan Nabi *sawaw* tentang tuduhan mereka. Maka turunlah ayat (Surah *al-Syu'ara'* 42:24) *'Bahkan mereka mengatakan: Dia (Muhammad) telah mengada-adakan dusta terhadap Allah'*. Maka sebahagian mereka pula berkata: Wahai Rasulullah kami me-

---

90. *al-Kafi al-Syafi*, hlm. 145.
91. *Yanabi' al-Mawaddah*, hlm. 106
92. *Rasyfah al-sadi*, hlm. 21.. 106.

nyaksikan sesungguhnya anda adalah seorang yang benar. Maka turunlah pula ayat (Surah *al-Syu'ara'* 42:25) '*Dan Dialah yang menerima taubat dari hamba-hambaNya dan memaafkan kesalahan-kesalahan dan mengetahui apa yang kamu kerjakan*'.

Al-Tabrani di dalam *al-Ausat* dan *al-Kabir* telah meriwayatkan daripada Abu Tufail sebuah khutbah Hasan A.S.: Kami daripada Ahlu l-Bait yang telah difardhukan Allah untuk mengasihi mereka dan menjadikan mereka pemimpin. Maka beliau berkata: Di antara apa yang telah diturunkan ke atas Muhammad *sawaw* ialah: *Katakanlah: 'Aku tidak meminta kepadamu sesuatu upahpun atas seruanku kecuali kasih sayang dalam kekeluargaan*'. Di dalam riwayat yang lain: Kami adalah daripada Ahlu l-Bait yang telah difardhukan Allah ke atas setiap muslim mengasihi mereka. Maka turunlah ayat (Surah *al-Syu'ara'* 24:23) `*Katakanlah: "Aku tidak meminta kepadamu sesuatu upahpun atas seruanku kecuali kasih sayang dalam kekeluargaan". Dan siapa yang mengerjakan kebaikan akan Kami tambahkan baginya kebaikan pada kebaikannya itu. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Mensyukuri*'.

Al-Sudi meriwayatkan daripada Ibn 'Abbas mengenai firmanNya: '*Dan siapa yang mengerjakan kebaikan akan Kami tambahkan baginya kebaikan pada kebaikannya itu. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Mensyukuri*' dia berkata: *al-Mawwaddah* (cinta) terhadap kerabat keluarga Muhammad *sawaw*.

Al-Hakim di dalam *al-Mustadrak*[93] dengan membuang sanad-sanadnya daripada 'Umar bin 'Ali daripada bapanya daripada 'Ali bin Husain dia berkata: Hasan bin Ali berpidato ketika pembunuhan 'Ali A.S. Beliau memuji Tuhan hingga akhirnya beliau berkata: "Kami adalah daripada Ahlu l-Bait yang dihilangkan kekotoran mereka oleh Allah dan membersihkan mereka dengan sebersih-bersihnya. Dan kamilah Ahlu l-Bait yang difardhukan Allah ke atas setiap muslim supaya mengasihi mereka. Maka beliau berkata: Allah berfirman kepada NabiNya: *Katakanlah 'Aku tidak meminta kepadamu sesuatu upahpun...*".

Al-Dhahabi juga meriwayatkan hadis tersebut di dalam

---

93. *al-Mustadrak*, III, hlm. 172.
94. *al-Talkhis*, III, hlm. 172.
95. *al-Kasysyaf*, III, hlm. 402.96. *Maqtal al-Husain*, hlm. 1.

*al-Talkhis*nya.[94] Al-Zamakhsyari di dalam *al-Kasysyaf* [9]
berkata: Manakala ayat tersebut diturunkan, ada orang ber
tanya: Wahai Rasulullah, siapakah kerabat anda yang diwa
jibkan ke atas kami mengasihi mereka? Beliau menjawab
'Ali, Fatimah dan kedua-dua anak lelaki mereka.

Dan diriwayatkan daripada 'Ali (r.d): Aku merayu kepa
da Rasulullah *sawaw* tentang hasad dengki manusia terha
dapku. Maka beliau menjawab: *Tidakkah anda meridhai ba
hawa anda di kalangan empat orang pertama akan memasu
ki syurga? Aku, anda, Hasan dan Husain...*

Al-Karimi meriwayatkan daripada 'Aisyah dengan sanad
nya daripada 'Ali r.d. al-Tabrani meriwayatkannya daripad
Abi Rafi' di dalam *Takhrij al-Kasysyaf* daripada Nabi *sawaw*
*Diharamkan syurga ke atas orang yang menzalimi Ahlu l
Baitku dan menyakitiku pada itrahku.* Hadis ini juga telal
diriwayatkan oleh al-Tha'labi di dalam *Takhrij al-Kasysya*
Al-Khawarizmi di dalam *Maqtal al-Husain*,[96] Ibn Batriq d
dalam *al-Umdah* [97] daripada *Musnad Ahmad* dengan mem
buang beberapa sanad daripada Sa'id bin Jubair daripad
Ibn 'Abbas bahawa ayat tersebut telah diturunkan kepad
lima orang.

Muhammad bin Talhah al-Syafi'i dalam *Matalib al
Su'ul* [98] berkata: Merekalah *dhawi l-Qurba* di dalam aya
tersebut, ianya telah diterangkan dan diperakui oleh perawi
perawi hadis di dalam *musnad-musnad* mereka daripada Sa'i
bin Jubair daripada Ibn 'Abbas manakala turunnya firman
Nya: *Katakanlah 'Aku tidak meminta kepadamu sesuatu up
ahpun atas seruanku kecuali kasih sayang dalam kekeluar
gaan'. Dan siapa yang mengerjakan kebaikan akan Kam
tambahkan baginya kebaikan pada kebaikannya itu. Sesung
guhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Mensyukuri'.* Mere
ka bertanya wahai Rasulullah *sawaw*: Siapakah mereka yan
diwajibkan ke atas kami mengasihi mereka? Beliau *sawau*
menjawab: *'Ali, Fatimah, Hasan dan Husain.*

Al-Wahidi dan al-Tha'labi meriwayatkan hadis ini de
ngan sanadnya al-Tha'labi menyatakan: Ketika Rasulullal
sawaw melihat kepada 'Ali, Fatimah, Hasan dan Husain

94. *al-Talkhis*, III, hlm. 172.
95. *al-Kasysyaf*, III, hlm. 402.
96. *Maqtal al-Husain*, hlm. 1.
97. *al-Umdah*, hlm. 23.
98. *Matalib al-Su'ul*, hlm. 3.

beliau bersabda: *Aku memerangi orang yang memerangi kalian dan berdamai dengan orang yang berdamai dengan kalian.* Al-Hijazi di dalam *al-Wadhih*[99] berkata: Mereka itu ialah 'Ali, Fatimah dan kedua-dua anak lelaki mereka berdua. Dia berkata lagi: Pengertian ini telah diriwayatkan oleh Rasulullah *sawaw* yang telah diterangkan oleh Allah S.W.T.

Al-Kanji al-Syafi'i di dalam *Kifayah al-Talib*[100] dengan membuang beberapa sanad daripada Jabir bin 'Abdullah, berkata: Seorang badwi datang kepada Nabi *sawaw* dengan berkata: Wahai Muhammad bentangkan ke atasku Islam. Maka dia berkata: *Kami naik saksi bahawa tiada tuhan melainkan Dia yang tunggal tiada sekutu bagiNya dan sesungguhnya Muhammad adalah hambaNya dan pesuruhNya.* Dia bertanya: Adakah anda meminta upah dariku ke atasnya? Beliau menjawab: *Tidak! Melainkan mengasihi kerabatku.* Dia bertanya: Kerabatku atau kerabat anda? Beliau *sawaw* menjawab: *Kerabatku.* Dia menjawab: Sekarang aku membai'ah anda, dan bagi orang yang tidak mencintai anda dan mencintai kerabat anda, maka laknat Allah ke atas mereka. Maka Nabi *sawaw* bersabda: *Amin...* Buatlah rujukan kepada buku-buku hadis karangan Ahlu s-Sunnah wa l-Jama'ah, nescaya anda akan mendapati hadis-hadis yang banyak mengenainya.

Ayatullah Mar'asyi al-Najafi di dalam *Ta'liqatuhu 'Ala Ihqaq al-Haqa'iq*[101] karangan al-Sa'id al-Syahid Nur Allah al-Tastari, telah mengumpulkan hadis-hadis yang banyak dari rujukan-rujukan Ahlu s-Sunnah dengan menyebutkan perawi-perawi mereka. Begitu juga al-'Allamah al-Amini di dalam *al-Ghadir.*[102]

Justeru itu rujukan-rujukan Ahlu s-Sunnah sendiri telah mengukuhkan dakwaan Syi'ah kerana terdapat hadis-hadis yang muktabar dan mutawatir tentang hak 'Ali dan keluarganya A.S. Sesungguhnya kebenaran terserlah *wa l-hamdulillah.*

Ringkasnya, dengan ayat ini orang yang menjadi imam dan khalifah selepas Rasulullah *sawaw* secara langsung ialah imam Amiru l-Mukminin 'Ali A.S. Kerana ayat tersebut membuktikan bahawa mengasihi 'Ali A.S. adalah wajib kerana

---

99. *al-Wadhih*, XXV, hlm. 19.
100. *Kifayah al-Talib*, hlm. 31.
101. *Ta'liqatuhu 'Ala Ihqaq al-Haqa'iq*, III, hlm. 2 & 23.
102. *al-Ghadir*, II, hlm. 306.

Allah memberikan pahala kepada orang yang mengasihi kerabatnya. Oleh itu jika kesalahan berlaku daripada mereka, maka kasih sayang kepada mereka wajib dihentikan kerana firmanNya di dalam (Surah *al-Mujadalah* 58:22) *'Kamu tidak akan mendapati sesuatu kaum yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, saling berkasih sayang dengan orang-orang yang menentang Allah dan RasulNya'*.

Dan 'selain daripada 'Ali' A.S. adalah tidak maksum. Oleh itu beliaulah imam secara langsung. Ayatullah al-'Uzma al-Syahid al-Nur Allah al-Tastari di dalam *Ihqaq al-Haqa'iq* berkata: Orang-orang Syi'ah mengemukakan dalil-dalil tentang keimamahan 'Ali A.S. terhadap Ahlu s-Sunnah bukanlah suatu perkara yang wajib, malah ianya suatu amalan sukarela ke-rana Ahlu s-Sunnah wa l-Jama'ah telah bersetuju sesama mereka tentang keimamahan 'Ali A.S. selepas Rasulullah *sawaw*. Tetapi perbezaannya Syi'ah menafikan *wasitah* [103] sedangkan Ahlu s-Sunnah menetapkannya. Justeru itu ianya dikemukakan oleh orang-orang yang menetapkannya (*al-Muthbit*) dan bukan orang yang menafikannya sebagaimana telah ditetapkan di dalam kaedah usul fiqh melainkan mereka te-lah mencarikan ijmak dengan mengingkari keimamahannya secara mutlak. Lantaran itu Syi'ah wajib mengemukakan dalil. Dan Allah adalah Penunjuk kepada jalan yang benar.

5. Ayat Salawat

Iaitu firmanNya di dalam (Surah *al-Ahzab* 33:56) *'Sesungguhnya Allah dan malaikat-malaikatNya bersalawat untuk Nabi. Hai orang-orang yang beriman, bersalawatlah kamu untuk Nabi dan ucapkanlah salam penghormatan kepadanya'*.

Syi'ah bersepakat bahawa ayat ini telah diturunkan kepada Nabi *sawaw* dan Ahlu l-Baitnya A.S. Begitu juga sebahagian besar ulamak Ahlu s-Sunnah sependapat dengan Syi'ah bahawa ayat tersebut diturunkan kepada Muhammad, 'Ali, Fatimah, Hasan dan Husain A.S.

Imam Syafi'i dalam *musnad*nya berkata: Ibrahim bin

---

103. Syi'ah mengatakan bahawa Imamah 'Ali A.S. adalah selepas Rasulullah *sawaw* secara langsung tanpa *wasitah* iaitu tidak didahului oleh orang lain. Sementara Ahlu s-Sunnah mengatakan bahawa Imamah 'Ali A.S. adalah selepas Rasulullah *sawaw* secara wasitah (perantaraan) iaitu telah didahului oleh Khalifah Abu Bakr, 'Umar dan 'Uthman.

Muhammad telah memberitahukan kami bahawa Safwan bin Sulaiman telah memberitahukan kami daripada Abi Salmah daripada 'Abdu r-Rahman daripada Abu Hurairah dia bertanya: Wahai Rasulullah, bagaimana kami bersalawat ke atas anda? Maka Rasulullah *sawaw* menjawab: Kalian berkata: *Allahumma Salli 'Ala Muhammad wa Ali Muhammad...*[104]

Ibn Hajr di dalam *al-Sawa'iq al-Muhriqah* [105] mencatat riwayat daripada Ka'ab bin Ijrah. Dia berkata: Apabila turun ayat ini, kami bertanya wahai Rasulullah! Kami mengetahui bagaimana kami memberi salam ke atas anda. Tetapi kami tidak mengetahui bagaimana kami bersalawat ke atas anda? Maka beliau bersabda: *Kalian katalah Allahumma Salli 'Ala Muhammad wa 'Ali Muhammad.* Dan diriwayatkan daripada Nabi *sawaw*, beliau bersabda: Janganlah kalian bersalawat ke atasku dengan salawat yang terputus. Lalu mereka bertanya: Apakah salawat yang terputus itu? Beliau menjawab: Kalian berkata: *Allahumma Salli 'Ala Muhammad, kemudian kalian berhenti. Justeru itu katalah: Allahumma Salli 'Ala Muhammad wa Ali Muhammad.*

Al-Qurtubi di dalam *al-Jami' li-Ahkam al-Qur'an,*[106] menegaskan bahawa Ahlu l-Bait Nabi *sawaw* dihubungkait dengan Nabi *sawaw* di dalam salawat ke atasnya. Sementara Ibn 'Arabi di dalam *Ahkam al-Qur'an* [107] mengatakan bahawa ayat *al-Mawaddah* diturunkan kepada Nabi *sawaw* dan Ahlu l-Baitnya yang disucikan.

Di sini dikemukakan sebahagian daripada riwayat-riwayat para ulamak Ahlu s-Sunnah yang mengatakan bahawa ayat tersebut diturunkan kepada Nabi *sawaw* dan Ahlu l-Baitnya seperti berikut:

1. al-Bukhari dalam *Sahihnya*, VI, hlm. 12.
2. al-Wahidi dalam *Asbab al-Nuzul*, hlm. 271.
3. al-Baghawi dalam *Ma'alim al-Tanzil*, V, hlm. 225.
4. al-Hakim dalam *al-Mustadrak*, III, hlm. 148.
5 Fakhruddin al-Razi dalam *Mafatih al-Ghaib*, XV, hlm. 226.
6. al-Hafiz Abu Na'im al-Isfahani dalam *Akhbar Isfahani*, I, hlm. 131.
7. al-Hafiz abu Bakr al-Khatib dalam *Tarikh Baghdad*, VI,

---

104. *al-Musnad*, II, hlm. 97.
105. *al-Sawa'iq al-Muhriqah*, hlm. 144.
106. *al-Jami' li-Ahkam al-Qur'an*, XIV, hlm. 233.
107. *Ahkam al-Qur'an*, I, hlm. 184.

hlm. 216.
8. Ibn 'Abd al-Birr dalam *Tajrid al-Tawhid*, hlm. 185.
9. al-Nisaburi dalam *al-Tafsir*, XX, hlm. 30.
10. al-Alusi dalam *Ruh al-Ma'ani*, XXII, hlm. 22.
11. Muhibbuddin al-Tabari dalam *Dhakha'ir al-'Uqba*, hlm. 19.
12. al-Nawawi dalam *Riyadh al-Salihin*, hlm. 155.
13. Ibn Kathir dalam *al-Tafsir*, III, hlm. 506.
14. al-Tabari dalam *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*, XX, hlm.27.
15. al-Khazin dalam *al-Tafsir*, V, hlm. 226.
16. al-Suyuti dalam *al-Durr al-Manthur*, V, hlm. 215;*Bughyah al-Wu'at*, hlm. 442.
17. al-Syaukani dalam *Fath al-Qadir*, IV, hlm. 293.
18. Abu Bakr al-Hadhrami dalam *Rasyfah al-Sadi*, hlm. 24.
19. al-Sayyid Ibrahim Naqib dalam *al-Bayan wa al-Ta'rif*, I, hlm. 134.
20. Muhammad Idris al-Hanafi dalam *al-Ta'liq al-Sahih fi Syarh al-Masabih*, I, hlm. 401 & 402 telah meriwayatkan hadis ini dengan sanad yang banyak dan bermacam-macam. Semuanya meliputi salawat ke atas Nabi *sawaw* dan Ahlu l-Baitnya.

Aku berpendapat: 'menyebut mereka' di dalam sembahyang dan bukan orang yang selain daripada mereka adalah dalil yang terang betapa tingginya kedudukan mereka. Lantaran itu tidak sah sembahyang seorang mukallaf sama ada dahulu ataupun sekarang tanpa pengucapan salawat ke atas mereka Ahlu l-Bait A.S. sama ada dia seorang yang bergelar *al-Siddiq* (Abu Bakr), *al-Faruq* ('Umar) atau *dha-nur* atau *anwar* ('Uthman).

Al-Nisaburi dalam *Tafsirnya*[108] menyatakan ayat al-Mawaddah sudah cukup sebagai tanda penghormatan kepada Ahlu l-Bait Rasulullah kerana *tasyahhud* di akhiri dengan 'menyebutkan' mereka dan selawat ke atas mereka pada setiap sembahyang.

Muhibbuddin al-Tabari di dalam *Dhakha'ir al-'Uqba* [109] meriwayatkan daripada Jabir dia berkata: Jika aku sembahyang dan tidak bersalawat ke atas Muhammad dan Ahlu l-Baitnya, maka aku fikir sembahyangku tidak diterima.

Qadhi 'Iyad telah menyatakan di dalam *al-Syifa* dari-

108. *Tafsir al-Nisaburi*, XX, hlm. 30.
109.*Dhakha'ir al-'Uqba*, hlm. 19.

pada Ibn Mas'ud secara *marfu'*: Sesiapa yang mengerjakan salat tanpa bersalawat ke atasku dan Ahlu l-Baitku (di dalam-nya), nescaya salatnya tidak diterima.[110]

Ibn Hajr di dalam *al-Sawa'iq al-Muhriqah* [111] menyatakan bahawa al-Dar al-Qutni dan al-Baihaqi meriwayatkan hadis: *Sesiapa mengerjakan salat dan tidak bersalawat ke atasku dan Ahlu l-Baitku, maka salatnya tidak akan diterima*'. Hadis ini merupakan sumber rujukan Imam Syafi'i rd. yang mengatakan bahawa salawat ke atas *Al* (Ahlu l-Bait) adalah sebahagian daripada kewajipan salat sepertilah salawat ke atas Nabi *sawaw*. Pada hakikatnya ia adalah lemah kerana sumber rujukan yang sebenar ialah hadis Nabi *sawaw* yang disepakati: *Katakanlah Allahumma Salli 'Ala Muhammad wa 'Ali Muhammad.* Perintah (*amr*) di dalam hadis tersebut adalah wajib.

Fakhruddin al-Razi di dalam *Mafatih al-Ghaib* [112] menegaskan bahawa salawat ke atas Ahlu l-Bait A.S. adalah satu kedudukan yang tinggi. Oleh itu salawat ke atas mereka dijadikan sebagai penamat *tasyahhud*. Dan sabdanya: '*Allahumma Salli 'Ala Muhammad wa Ali Muhammad wa r-ham Muhammad wa Ali Muhammad*', adalah suatu kemuliaan yang tidak boleh terjadi kepada selain daripada keluarga Muhammad A.S. Ini menunjukkan bahawa cinta kepada Muhammad dan 'Ali Muhammad adalah wajib. Dan beliau berkata: Ahlu l-Baitnya *sawaw* menyamainya di dalam lima perkara:

1. Di dalam *Tasyahhud*; salawat ke atas Nabi *sawaw* dan ke atas mereka.
2. Di dalam Salam (*Salam*)
3. Di dalam kesucian *at-Taharah*
4. Di dalam pengharaman *Sadqah*
5. Di dalam kasih sayang *al-Mahabbah*

Apa yang telah kami kemukakan tadi menunjukkan bahawa salawat ke atas mereka adalah dituntut di dalam solat. Dan banyak lagi hadis-hadis di dalam buku-buku Ahlu s-Sunnah yang menjelaskan hakikat ini.

Setelah aku membaca kesemua rujukan-rujukan di atas, aku dipenuhi kehairanan. Kenapa 'mereka' mendahului

---

110. *al-Ghadir*, II, hlm. 303.
111. *al-Sawa'iq al-Muhriqah*, hlm. 144.
112. *Mafatih al-Ghaib*, VII, hlm. 391.

orang yang bukan Ahlu l-Bait daripada Ahlu l-Bait? Dan apa yang lebih menghairankan ialah kata-kata Ibn Abi al-Hadid di dalam mukadimah *Syarh Nahj al-Balaghah*[113] di mana dia berkata: Segala puji bagi Allah yang telah mendahulukan *al-Mafdhul* (kurang baik) ke atas *al-Fadhil* (lebih baik)'. Kata-katanya adalah menyalahi al-Qur'an dan Sunnah Nabi *sawaw* kerana Allah tidak meridhai pengutamaan *al-mafdhul* ke atas *al-Fadhil* (pengutamaan Abu Bakr, 'Umar dan 'Uthman ke atas 'Ali) begitu juga RasulNya, dan orang yang mempunyai akal yang sejahtera dan mempunyai hati yang bebas.

Dan apa yang menghairankan juga ialah kenapa mereka begitu berani mencaci Syi'ah Ahlu l-Bait Rasulullah *sawaw* yang mewalikan Allah, RasulNya dan orang-orang yang beriman. Sebagaimana firmanNya di dalam (Surah *al-Ma'idah* 5:56) *'Sesiapa yang mewalikan Allah dan RasulNya, maka parti Allah pasti mendapat kemenangan'.* Syi'ah mengambil apa yang datang daripada Allah dan RasulNya, mereka tidak berganjak walau sedikitpun.

Ringkasnya *khilafah* 'Ali A.S. sabit selepas Rasulullah *sawaw* menurut ayat *Salawat* kerana Allah S.W.T. mengiringinya ('Ali) bersama Rasulullah *sawaw* dalam salawat ke atasnya. Justeru itu tidak seorangpun harus mendahuluinya sebagaimana ia tidak harus mendahului Rasulullah *sawaw*. Berfikirlah wahai pembaca yang budiman jika anda orang yang berfikiran bebas.

6. Ayat *Tabligh* atau Hadis al-Ghadir

Iaitu firmanNya (Surah *al-Ma'idah* 5:67) *'Hai Rasul, sampaikan apa yany diturunkan kepadamu dari Tuhanmu. Dan jika tidak kamu kerjakan (apa yang diperintahkan itu, bererti) kamu tidak menyampaikan amanatNya. Allah memelihara kamu dari (gangguan) manusia. Sesungguhnya Allah tidak memberi petunjuk kepada orang-orang yang kafir '.*

Allah S.W.T. telah memerintahkan NabiNya di Ghadir Khum supaya menyampaikan ayat yang mulia ini kepada umat Muslimin. Semua ahli Tafsir Sunnah dan Syi'ah bersepakat bahawa ayat ini diturunkan di Ghadir Khum mengenai 'Ali A.S. bagi melaksanakan urusan *Imamah*. Ianya merupakan nas bagi jawatan khalifah yang besar dan pimpi-

113. *Syarh Nahj al-Balaghah*, I, hlm. 1.

nan agama yang mulia. Tidak akan mengsyakinya melainkan orang yang mengikut hawa nafsu atau kerana fanatik kepada mazhab yang dianuti. Sikap tersebut adalah menyalahi Qur'an dan mengingkari hadis-hadis Nabi *sawaw* yang mutawatir yang disepakati kesahihannya kecuali orang fanatik yang dikuasai oleh nafsu *al-Ammarah*. Lantaran itu dia akan binasa kerana keingkarannya terhadap asas agama.

Al-'Allamah al-Sayyid al-'Abbas al-Kasyani menyatakan di dalam buku *Masabih al-Jinan* [114] bahawa hari perayaan al-Ghadir adalah perayaan Allah yang besar dan perayaan Ahlu l-Bait Muhammad *sawaw*. Ianya sebesar-besar perayaan dan semulia-mulia perayaan di sisi mereka. Iaitu hari di mana Rasulullah *sawaw* telah melantik 'Ali sebagai imam dan khalifah selepasnya dengan kehadiran beribu-ribu kaum Muslimin yang datang dari segenap pelusuk dunia.

Beliautelahmemerintahkan mereka supaya membai'ahnya dan menyerahkan kepadanya urusan pemerintahan Mukminin. Peristiwa ini berlaku semasa Haji Wida' di suatu tempat bernama Ghadir Khum, tiga batu dari Juhfah berhampiran Rabigh selepas beliau kembali daripada mengerjakan haji di antara Makkah dan Madinah. Jibra'il datang kepada beliau untuk tujuan tersebut. Nabi *sawaw* merasa takut untuk menyalahi kaumnya, lalu beliau berdoa: *Wahai Tuhanku! Sesungguhnya kaumku masih baru dengan zaman jahiliyah. Apabila aku melakukan perintah ini, mereka akan berkata: Beliau melakukannya kepada sepupunya.* Kemudian Jibra'il a.s datang kepadanya kali kedua di mana lima jam berlalunya siang dan berkata: *Ya Muhammad! Sesungguhnya Allah menyampaikan salam kepada anda dan berfirman maksudnya: Wahai Rasul, sampaikanlah apa yang diturunkan kepada kamu dari Tuhanmu (iaitu tentang 'Ali) dan sekiranya kamu tidak melaksanakannya maka kamu tidak menyampaikan risalahNya'*.

Bilangan hadirin adalah melebihi satu ratus ribu orang. Jibrail memberitahu Nabi *sawaw* supaya orang ramai berhenti di tempat itu, dan mengisytiharkan 'Ali sebagai khalifah kepada mereka, dan menyampaikan kepada mereka ayat al-Qur'an tentangnya serta memberitahukan mereka bahawa sesungguhnya Allah S.W.T. telah memeliharanya *'Asamahu*

114. *Masabih al-Jinan*, hlm. 560.

daripada orang ramai. Manakala tiba di Ghadir Khum, azan berkumandang di udara dan solat berjama'ah didirikan.

Di hari itu panas terik, sekiranya daging dicampak ke tanah nescaya ia akan masak. Nabi *sawaw* menyuruh mereka supaya menyusun batu seperti mimbar kemudian diteduhi dengan kain di atasnya. Lalu beliau berdiri di atasnya ma-nakala mereka berhimpun, beliau memberi khutbahnya yang paling bersejarah, menguatkan suaranya supaya dapat didengari oleh seratus ribu lebih Muslimin yang datang dari setiap pelusuk. Selepas memuji Allah, beliau menyampaikan nasihat dan mengisytiharkan kepada ummah tentang kematiannya seraya berkata: *Aku telah dipanggil dan hampir aku menyahutinya dan denyutan jantung hatiku kian memuncak di hadapan kalian'*. Kemudian beliau mulai mengangkat tangan 'Ali A.S. sehingga orang ramai melihat keputihan ketiak Rasulullah *sawaw* sambil berkata: *Wahai manusia! Tidakkah aku lebih aula daripada diri kalian?* Mereka menjawab: Ya! Wahai Rasulullah (*sawaw*). Beliau bersabda: *Wahai Tuhanku, siapa yang aku telah menjadi maulanya, maka ini 'Ali adalah maulanya. Wahai Tuhanku, cintailah mereka yang mewalikannya dan memusuhilah mereka yang memusuhinya. Dan tolonglah orang yang menolongnya. Hinalah orang yang menghinanya. Marahilah orang yang memarahinya. Cintailah orang yang mencintainya. Muliakanlah orang yang memuliakannya. Sesungguhnya Allah menyempurnakan bagi kalian agama kalian dengan wilayah dan imamahnya. Tidak memarahi 'Ali melainkan orang yang celaka. Tidak mewalikan 'Ali melainkan orang yang bertakwa. Wahai manusia! Janganlah kalian kembali selepasku dalam keadaan kafir, bunuh membunuh sesama kalian. Sesungguhnya aku tinggalkan kepada kalian dua perkara yang berharga jika kalian berpegang kepadanya, kalian tidak akan sesat selama-lamanya: kitab Allah dan itrah Ahlu l-Baitku. Kedua-duanya tidak akan berpisah sehingga kedua-duanya dikembalikan di Haudh.*

Wahai manusia! Telah sesat kebanyakan orang-orang yang terdahulu. Akulah Sirat al-Mustaqim di mana Allah telah memerintahkan kalian supaya berjalan di atasnya untuk mendapat pertunjukNya. Ali selepasku, kemudian Hasan, Husain dan sembilan (manusia) imam daripada keturunannya yang menunjuk kepada kebenaran. Sesungguhnya aku telah menerangkan kepada kalian dan memahamkan kalian.

Dan inilah 'Ali yang akan memahamkan kalian selepasku. Sesungguhnya aku menyeru kalian supaya berjabat tanganku sebagai tanda membai'ahnya dan memperakuinya. Sesungguhnya aku telah membai'ah Allah dan 'Ali mengikut sama. Sesungguhnya bai'ah kalian kepadanya adalah daripada Allah. Justeru itu sesiapa yang mengingkari bai'ahnya maka dia sesungguhnya mengingkari dirinya sendiri. Dan sesiapa yang menepati apa yang telah dijanjikan oleh Allah S.W.T. maka Dia akan memberi ganjaran yang besar'.

Tiba-tiba 'Umar bin al-Khattab berkata kepada 'Ali: Tahniah kepada anda wahai anak lelaki Abu Talib. Anda adalah *maula*ku dan *maula* setiap mukmin dan mukminat. Di dalam riwayat yang lain pula 'Umar berkata: Selamat bahagia untuk anda wahai 'Ali. Abu Sa'id al-Khudri berkata: Pada masa itu kami belum pulang sehingga turunnya ayat *Ikmalu d-Din* (Surah *al-Ma'idah* 5:3) yang bermaksud: *'Pada hari ini telahku sempurnakan bagimu agamamu, dan telahku cukupkan kepadamu nikmatku, dan telahku ridha Islam itu agamamu '.*

Nabi bersabda: *Allahu Akbar kerana menyempurnakan agama, menyempurnakan nikmat dan keridhaan Tuhan dengan risalahku dan dengan wilayah 'Ali A.s. selepasku.* Kemudian Hasan bin Thabit bangun dan berkata: Izinkan aku wahai Rasulullah *sawaw* untuk mengemukakan beberapa rangkapan syair mengenai 'Ali supaya anda mendengarnya. Maka Rasulullah *sawaw* menjawab: Katakanlah semoga anda di dalam keberkatan Allah. Maka Hasan mengemukakan syair berikut:

> Mereka diseru di hari al-Ghadir oleh Nabi mereka
> di Khum aku mendengar bersama Rasul seorang penyeru.
>
> Dia berkata: siapakah *maula* dan wali kalian?
> mereka menjawab: Mereka tidak melahirkan di sana sebarang kesamaran.
>
> Tuhan anda ialah *maula* kami dan anda adalah *wali*
> kami hanya penderhaka sahaja yang menentang kami di dalam *wilayah*
>
> Maka dia berkata kepadanya: Berdirilah wahai 'Ali,
> maka sesungguhnya aku meredhai anda selepasku menjadi imam dan petunjuk.
>
> Maka sesiapa yang telah menjadikan aku sebagai

maula nya, maka ini adalah walinya maka jadilah kalian baginya pembantu-pembantu yang benar

Di sana beliau menyeru: Wahai Tuhanku perwalikanlah walinya

dan jadikanlah orang yang menentang 'Ali sebagai musuhnya.

Al-'Allamah al-Kasyani telah menyatakan di dalam *Ma-sabih al-Jinan* [115] bahawa ahli-ahli sejarah Islam dari berbagai mazhab telah menyebutkan pendirian Nabi *sawaw* di hari al-Ghadir dan perlantikan 'Ali sebagai khalifah memadailah di hari yang bersejarah itu satu kehormatan dan kemuliaan telah diberikan oleh pengarang-pengarang, penyair-penyair mengenainya. Justeru itu amatlah sukar untuk dikemukakan sekaligus apa yang terkandung di dalam buku-buku Tafsir, Hadis, Musnad, Sirah dan sastera mengenai al-Ghadir. Buatlah rujukan kepada dua buku yang masyhur; *al-'Aqabat* dan *al-Ghadir*.

Aku berpendapat sebenarnya para ulamak Islam telah bersepakat bahawa ayat al-Tabligh (Surah *al-Ma'idah* 5:67) telah diturunkan kepada 'Ali A.S. secara khusus bagi mengukuhkan khalifah untuknya. Di hari tersebut riwayat hadis al-Ghadir adalah *Mutawatir*. Ianya telah diriwayatkan oleh semua ahli sejarah dan ahli Hadis dari berbagai golongan dan ianya telah diperakukan oleh ahli Hadis dari golongan Sunnah dan Syi'ah. Ianya tidak dapat ditolak kecuali orang yang takbur, degil dan bodoh. Sebahagian meriwayatkannya dengan panjang dan sebahagian yang lain pula meriwayatkannya secara ringkas. Bilangan perawi-perawinya dari kalangan sahabat melebihi satu ratus sepuluh orang termasuk sahabat-sahabat yang terlibat di dalam peperangan Badr.[116] Bilangan perawi-perawi dari kalangan tabi'in yang meriwayatkannya ialah lapan puluh empat orang. Sementara bilangan ulamak dan Muhaddithin di kalangan Ahlu s-Sunnah yang meriwayatkan hadis al-Ghadir ialah sebanyak tiga ratus enam puluh orang berdasarkan kepada buku-buku rujukan Ahlu s-Sunnah wa l-Jama'ah.

Kemungkinan besar bilangan perawi-perawi yang tidak dapat dikesan adalah lebih ramai daripada itu. Sepatutnya

---

115. *Masabih al-Jinan*, hlm. 560.
116. Lihat lampiran B.

bilangan perawi-perawi hadis tersebut berkali ganda ramai kerana bilangan mereka yang mendengar khutbah Nabi *sawaw* adalah melebihi seratus ribu orang. Biasanya mereka menceritakan peristiwa tersebut apabila mereka kembali ke tanah air mereka sebagaimana seorang penyair berkata:

> Dan ketahuilah sesungguhnya tetamu memberitahukan keluarga malam yang dilaluinya sekalipun ia tidak ditanya.

Ya! Semuanya akan melakukan sedemikian melainkan sebilangan daripada mereka yang mempunyai perasaan dendam kesumat di hati mereka. Lalu mereka menyembunyikannya kerana kemarahan dan hasad dengki mereka.

Adapun Syi'ah, mereka telah bersepakat tentang kemutawatirannya. Tetapi manakala sabitnya hadis al-Ghadir sehingga mencapai ke tahap di mana orang yang mempunyai perasaan iri hati tidak dapat menolaknya, lalu ditanamkan perasaan curiga kepada perawi-perawi dan riwayat-riwayat mereka pula. Mereka menakwilkan perkataan *al-Maula* menurut hawa nafsu mereka. Kadangkala mereka mentafsirkannya dengan pencinta (*al-Muhibb*), pembantu (*al-Nasir*) dan dengan pengertian *al-Aula* (lebih utama).

Demikianlah sekiranya mereka tidak ada jalan lain lagi untuk melakukan kecacatan dan 'kelemahan' di dalam pentafsiran ayat dan hadis. Mereka juga mengatakan bahawa Nabi *sawaw* berada di Ghadir Khum, dan berkhutbah bagi menerangkan kepada orang ramai tentang kedudukan `Ali dan memperkenalkannya (`Ali) kepada orang ramai dan bukan bertujuan untuk menjadikannya khalifah selepasnya.

Adapun orang yang syak tentang perkataan *al-Waliyy* sebagaimana telah disebutkan, sekalipun ianya mungkin memberi pengertian-pengertian tersebut sebagaimana dikatakan oleh lawan yang angkuh, maka ianya pasti memberi pengertian 'orang yang lebih berhak dengan khalifah'. Dan tidak harus seorangpun melakukan perkara tersebut selain daripadanya (`Ali A.S.). Dalil kami ialah ayat *al-Wilayah* (Surah *al-Ma'idah* 5:55). Adapun pendapat lawan yang menyatakan bahawa Rasulullah *sawaw* berada di Ghadir Khum adalah untuk menerangkan kepada orang ramai tentang kedudukan `Ali A.S. sahaja dan bukan sebagai pengganti Nabi *sawaw* adalah rekaan semata-mata. Lantaran itu percakap-

annya adalah batil, tidak sampai kepada hakikat dan ianya tidak dapat diterima.

Kerana seolah-olah 'Ali A.S. tidak dikenali sebelumnya sehingga Rasulullah *sawaw* berada di tempat tersebut dan memperkenalkannya kepada orang ramai pada masa yang mencemaskan dengan suhu panas yang tinggi. Sebagaimana telah diterangkan kepada kalian sesungguhnya 'Ali lebih dikenali di dalam peperangan-peperangannya, disaksikan oleh peristiwa-peristiwa tersebut dan beliau ('Ali)lah yang telah mengukuhkan agama ini dengan pedangnya.

Oleh itu dalil yang paling kuat tentang kebenaran dakwaan kami ialah 'Ali A.S. sendiri berdiri memberi khutbahnya di atas mimbar di Rahbah sebagaimana telah disebutkan oleh semua ahli sejarah selepas beliau menjadi khalifah.

Dia berkata: Aku menyeru kerana Allah bagi setiap orang yang mendengar Rasulullah *sawaw* bersabda di Hari al-Ghadir supaya berdiri dan mempersaksikan apa yang telah didengarinya. Dan tidak boleh berdiri melainkan orang yang melihatnya (Nabi *sawaw*) dengan matanya dan mendengar dengan kedua telinganya. Maka tiga puluh sahabat berdiri termasuk dua belas orang yang telah mengambil bahagian di dalam peperangan Badr. Maka mereka telah menyaksikan bahawa beliau *sawaw* telah memegang 'Ali dengan tangannya dan berkata kepada orang ramai: Tidakkah anda mengetahui bahawa sesungguhnya aku lebih *aula* dengan Mukminin daripada diri mereka sendiri? Mereka menjawab: Ya. Beliau *sawaw* bersabda: *Siapa yang telah menjadikan aku maula-nya, maka 'Ali adalah maulanya.*

Pembaca yang budiman tentu sekali tidak akan mengatakan bahawa tiga puluh sahabat itu telah berbohong, kerana ini tidak dapat diterima oleh akal yang waras. Lantaran itu pencapaian tahap kemutawatiran hadis al-Ghadir yang berlaku semata-mata dengan penyaksian mereka adalah *Qat'i*. Dan tidak syak lagi bahawa hadis ini pula diambil oleh semua orang yang berada di Rahbah di dalam perhimpunan tersebut, dan menyibarkannya selepas mereka pulang ke tempat-tempat mereka.

Sebagaimana Sayyid Syarafuddin al-Musawi berkata di dalam bukunya *al-Muraja'at* [117] (Dialog Sunnah dan Syi'ah): Tidak dapat disembunyikan lagi bahawa hari Rahbah itu ber-

---

117. *al-Muraja'at* (Dialog Sunnah - Syi'ah), hlm. 262 dan seterusnya.

iaku semasa khalifah Amiru l-Mukminin. Beliau telah dibai'ah pada tiga puluh lima hijrah. Hari al-Ghadir ialah pada Haji *Wida'* tahun kesepuluh hijrah. Dan jarak masa di antara dua hari tersebut (hari al-Ghadir dan hari Rahbah) ialah dua puluh lima tahun.

Di sepanjang masa tersebut telah menular penyakit ta'un dan berlaku beberapa peperangan yang telah meragut nyawa sebahagian besar para sahabat yang telah menyaksikan hari al-Ghadir dan pemuda-pemuda mereka yang terlibat di dalam peperangan meninggal dunia. Sehingga tinggal bilangan kecil yang masih hidup dan yang masih hidup pula tinggal di merata-rata tempat. Justeru itu mereka yang menyaksikan hari Rahbah ialah mereka yang tinggal bersama Amiru l-Mukminin di Iraq. Meskipun begitu tiga puluh sahabat berdiri dan memberikan penyaksian mereka. Dua belas daripada mereka terlibat di dalam peperangan Badr, telah menyaksikan hadis hari al-Ghadir dan mendengarnya daripada Nabi *sawaw*.[118] Memang terdapat sahabat-sahabat seperti Anas bin Malik yang enggan memberi penyaksian tersebut di mana 'Ali A.S. berkata kepadanya: Kenapa anda tidak berdiri bersama sahabat-sahabat Rasulullah *sawaw* untuk memberi penyaksian kepada apa yang telah anda dengari daripadanya di hari itu? Dia menjawab: Wahai Amiru l-Mukminin. Aku telah tua dan pelupa pula. Lantas 'Ali A.S. berkata: Sekiranya anda berbohong, nescaya Allah akan me-ngenakan anda dengan penyakit keputihan kulit yang tidak dapat ditutupi serban. Dia tetap tidak berdiri sehingga mukanya dihinggapi keputihan kanser. Selepas itu dia berkata: Aku ditimpa penyakit ini disebabkan berkat hamba yang salih ('Ali A.S.).[119] Jikalaulah Imam 'Ali A.S. membuat persiapan bagi menghimpunkan semua sahabat yang masih hidup di masa itu, kemudian beliau menyeru mereka sebagaimana beliau telah melakukannya di hari Rahbah, nescaya bilangan mereka akan berlipat ganda lagi. Apatah lagi jika beliau membuat persiapan itu di Hijaz sebelum berlakunya Hari al-Ghadir. Lantaran itu perhatikanlah wahai pembaca yang budiman. Renunglah hakikat ini nescaya anda akan mendapatinya sekuat-kuat dalil kemutawatiran hadis al-Ghadir.

---

118. *al-Musnad*, IV, hlm. 370; *Dialog Sunnah - Syi'ah*, hlm. 254.
119. Ibn Qutaibah, *Kitab al-Ma'arif*, hlm. 251.

Di sini aku akan kemukakan kepada pembaca yang budiman sebahagian daripada pendapat-pendapat ahli Tafsir dan ahli hadis mengenai ayat *al-Tabligh* (Surah *al-Ma'idah* 5:67) *'Wahai Rasul, sampaikanlah apa yang diturunkan kepadamu...'* dan ayat *Ikmaluddin* dalam (Surah *al-Ma'idah* 5:3) *'Pada hari ini telah ku sempurnakan bagimu agamamu...'* dan ayat (Surah *al-Ma'arij* 70:1) *'Seorang telah meminta kedatangan azab...'* serta hadis: *Siapa yang telah menjadikan aku maula-nya, maka 'Ali adalah maulanya..* dan lain-lain hadis yang telah dikaitkan secara khusus mengenai 'Ali A.S. untuk jawatan *khilafah* dan *Imamah* selepas Rasulullah *sawaw* secara langsung di Hari al-Ghadir.

Hadis al-Ghadir telah diriwayatkan oleh para ulamak besar Muslimin dengan sanad yang *mutawatir* dan dikhususkan kepada Imam Amiru l-Mukminin 'Ali A.S.

Al-Wahidi di dalam *Asbab al-Nuzul* [120] berkata: Sesungguhnya ayat *al-Tabligh* (Surah *al-Ma'idah* 5:67) telah diturunkan di hari al-Ghadir pada 'Ali bin Abi Talib rd. Al-Suyuti di dalam *al-Durr al-Manthur* [121] berkata: Ibn Abi Hatim, Ibn Mardawaih dan Ibn Asakir telah meriwayatkannya daripada Abu Sa'id al-Khudri bahawa ayat *al-Tabligh* (Surah *al-Ma'idah* 5:67) telah diturunkan ke atas Rasulullah di hari al-Ghadir mengenai 'Ali bin Abu Talib A.S.

Al-Suyuti juga berkata: Ibn Mardawaih meriwayatkan daripada Ibn Mas'ud dia berkata: Kami membaca ayat *al-Tabligh* (Surah *al-Ma'idah* 5:67) pada masa Rasulullah *sawaw 'Wahai Rasul, sampailah apa yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu, sesungguhnya 'Ali adalah maula Mukminin. Dan jika tidak kamu kerjakan...*

Fakhruddin al-Razi di dalam *Mafatih al-Ghaib* [122] berkata: Ahli Tafsir telah menyebutkan bahawa sebab turun ayat ini sehingga dia berkata: (kesepuluh) ayat ini telah diturunkan tentang kelebihan 'Ali bin Abi Talib A.S.. Manakala ayat ini diturunkan Nabi *sawaw* memegang tangan 'Ali A.S. dan bersabda: *Siapa yang telah menjadikan aku maulanya, maka 'Ali adalah maulanya. Hormatilah orang yang mewalikannya dan musuhilah orang yang memusuhinya.* Kemudian 'Umar (r.d) memujinya dan berkata: Tahniah kepada anda wahai anak Abu Talib. Anda telah menjadi *maula*ku dan *maula* semua

120. *Asbab al-Nuzul*, hlm. 150.
121. *al-Durr al-Manthur*, II, hlm. 298.
122. *Mafatih al-Ghaib*, hlm. 636.

mukmin dan mukminah. Ini adalah riwayat Ibn 'Abbas, al-Barra' bin 'Azib dan Muhammad bin 'Ali.

Al-Nisaburi di dalam *Tafsirnya*[123] menyatakan bahawa ayat ini telah diturunkan mengenai kelebihan 'Ali bin Abi Talib (r.d) di hari al-Ghadir. Dia menyebut sebagaimana telah disebutkan oleh Fakhruddin al-Razi satu demi satu.

Al-Syaukani di dalam *Tafsirnya*[124] menyebutkan bahawa Abu al-Syaikh meriwayatkan daripada al-Hasan bahawa Rasulullah *sawaw* bersabda: *Sesungguhnya Allah telah mengutuskan (kepadaku) satu missi yang mencemaskan, aku telah mengetahui bahawa sesungguhnya orang ramai akan membohongiku. Maka Dia telah menjanjikan aku supaya aku menyampaikannya atau Dia akan menyiksaku.* Maka turunlah ayat al-Tabligh (Surah *al-Ma'idah* 5:67) *'Wahai Rasul, sampailah apa yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu...* Dia telah menyebutkan apa yang telah disebutkan oleh al-Suyuti bahawa ianya diturunkan di hari Ghadir Khum tentang 'Ali bin Abi Talib A.S. Dan mereka membaca ayat tersebut dengan: ***Inna 'Aliyyan Maula al-Mukminin*** (Sesungguhnya 'Ali adalah wali mukminin).

Al-Qunduzi al-Hanafi di dalam *Yanabi' al-Mawaddah*[125] menulis: al-Tha'labi telah meriwayatkan daripada Ibn Salih daripada Ibn 'Abbas daripada Muhammad al-Baqir (r.d) mereka berdua berkata: Ayat ini diturunkan mengenai 'Ali A.S.

Al-Alusi di dalam *Ruh al-Ma'ani*[126] berkata: Ibn 'Abbas berkata: Ayat ini diturunkan pada 'Ali A.S. Allah S.W.T. memerintahkan Nabi *sawaw* supaya mengisytiharkan kepada orang ramai (para sahabatnya) mengenai wilayah 'Ali A.S. Rasulullah *sawaw* merasa takut bahawa mereka akan berkata bahawa beliau *sawaw* memilih sepupunya. Mereka akan menentang beliau mengenainya. Lantaran itu Allah menurunkan ayat ini, maka beliau melaksanakan wilayahnya ('Ali A.S.) di hari al-Ghadir sambil memegang tangannya ('Ali A.S.) dan berkata: Siapa yang telah menjadikan aku *maula*nya, maka 'Ali adalah *maula*nya... Dia telah menyebutkannya sebagaimana telah disebutkan oleh al-Suyuti di dalam *al-Durr al-Manthur* hingga ke akhirnya.

---

123. *Tafsir al-Nisaburi*, VI, hlm. 194.
124. *Tafsir al-syaukani*, II, hlm. 57.
125. *Yanabi'al-Mawaddah*, hlm. 120.
126. *Ruh al-Ma'ani*, VI, hlm. 172.

Muhammad Rasyid Ridha di dalam *Tafsir al-Manar* [127] menyatakan bahawa Syaikh Muhammad 'Abduh menyatakan bahawa ayat ini telah diturunkan di hari al-Ghadir mengenai 'Ali bin Abu Talib A.S. Dia menyebutkannya daripada Abi Hatim, Ibn Mardawaih dan Ibn Asakir. Kemudian dia menyebutkan riwayat Ibn 'Abbas bahawa ayat yang mulia ini telah diturunkan mengenainya ('Ali A.S.) di Ghadir Khum sebagaimana telah disebutkan oleh al-Alusi mengenai ayat Ikmalu d-Din (Surah al-Ma'idah 5:3) *'Pada hari ini telahku sempurnakan bagimu agamamu'.*

Al-Suyuti di dalam *al-Durr al-Manthur* [128] mengaitkan riwayat Ibn Mardawaih daripada Ibn Asakir kepada Abu Sa'id al-Khudri. Dia berkata: Manakala Rasulullah *sawaw* melantik 'Ali A.S. pada hari Ghadir Khum, maka beliau *sawaw* mengisytiharkan wilayah 'Ali A.S. Lalu Jibra'il A.S. menurunkan ayat Ikmalu d-Din (Surah *al-Ma'idah* 5:3) *'Pada hari ini telahku sempurnakan agamamu'.*

Melalui Ibn Mardawaih, Ibn Asakir dan al-Khatib kepada Abu Hurairah, dia berkata: Manakala hari Ghadir Khum iaitu hari kelapan belas Dhul Hijjah, Nabi *sawaw* bersabda: *Siapa yang telah menjadikan aku maulanya maka 'Ali adalah maula-nya.* Maka Allah pun menurunkan ayat *Ikmalu d-Din* (Surah *al-Ma'idah* 5:3) *'Pada hari ini telahku sempurnakan agamamu'....*

Al-Khatib di dalam *Tarikh Baghdad* [129] mengaitkan sanad secara langsung daripada Abu Hurairah: Manakala Nabi *sawaw* memegang tangan 'Ali bin Abi Talib A.S. beliau bersabda: Tidakkah aku wali bagi Mukminin? Mereka menjawab: Ya! Wahai Rasulullah *sawaw*. Beliau bersabda: *Siapa yang telah menjadikan aku maulanya, maka 'Ali adalah maulanya.* 'Umar bin al-Khattab berkata: Selamat bahagia untuk anda anak lelaki Abu Talib. Anda menjadi *maula*ku dan *maula* setiap muslim. Maka Allahpun menurunkan ayat Ikmalu d-Din (Surah *al-Ma'idah* 5:3) *'Pada hari ini telahku sempurnakan bagimu agamamu'* Al-Samhudi dalam *Fara'id al-Simtin* bab kedua belas dengan sanadnya berhubung dengan Abu Sa'id al-Khudri bahawa Rasulullah *sawaw* telah menyeru orang ramai pada hari Ghadir Khum kepada (pimpinan) 'Ali A.S. Nabi *sawaw* meminta 'Ali A.S. berdiri. Peristi-

---

127. *Tafsir al-Manar*, III, hlm. 463.
128. *al-Durr al-Manthur*, II, hlm. 259.
129. *Tarikh Baghdad*, VIII, hlm. 290.

wa itu berlaku pada hari Khamis. Beliau *sawaw* mengangkat tangan 'Ali A.S. sehingga orang ramai melihat keputihan ketiak Rasulullah *sawaw*. Kemudian mereka tidak meninggalkan tempat itu sehingga turunnya ayat *Ikmalu d-Din* (Surah *al-Ma'idah* 5:3) *'Pada hari ini telahku sempurnakan bagimu agamamu'*. Maka Rasulullah *sawaw* bersabda: *Allahu Akbar kerana menyempurnakan agama dan menyempurnakan nikmat dan keridhaan Tuhan dengan risalahku dan wilayah 'Ali A.S. selepasku*, kemudian beliau bersabda: *Siapa yang telah menjadikan aku maulanya, maka 'Alilah maulanya...*

Al-Ya'qubi di dalam *Tarikhnya*[130] berkata: Ada pendapat yang mengatakan bahawa ayat yang akhir sekali diturunkan ialah *'Pada hari ini telahku sempurnakan bagimu agamamu'*. Ia adalah riwayat yang *sahih* dan telah diturunkan pada hari perlantikan Amiru l-Mukminin 'Ali bin Abi Talib A.S. di Ghadir Khum. Begitu juga mengenai ayat *al-Ma'arij*, mereka menyatakan bahawa ayat tersebut diturunkan mengenai hak 'Ali A.S.

Al-Syablanji di dalam *Nur al-Absar*[131] menjelaskan bahawa al-Tha'labi telah menyatakan bahawa Sufyan bin 'Uyai-nah ditanya tentang (Surah *al-Ma'arij* 70:1-2) *'Seseorang telah meminta kedatangan azab yang akan menimpa orang kafir yang tidak seorangpun dapat menolaknya'*. Kepada siapakah ayat ini diturunkan? Maka dia menjawab: Anda bertanya kepadaku tentang masalah yang tidak pernah ditanya oleh seorangpun mengenainya. Sebelum anda bapaku telah memberitahukannya kepadaku daripada Ja'far bin Muhammad A.S. daripada moyangnya bahawa Rasulullah manakala di Ghadir Khum, menyeru orang ramai supaya berhimpun. Maka beliau *sawaw* memegang tangan 'Ali A.S. dan bersabda: *Siapa yang telah menjadikan aku maulanya, maka 'Ali adalah maulanya...*

Perkara ini telah tersibar di seluruh pelusuk negara sehingga sampai kepada al-Harith bin al-Nu'man al-Fihri. Lantas dia mendatangi Rasulullah *sawaw* dengan menaiki untanya. Dia berkata: Wahai Muhammad! Anda telah memerintahkan kami supaya kami mengucap tiada tuhan yang lain melainkan Allah dan sesungguhnya anda pesuruhNya, maka kami menerimanya daripada anda. Anda telah memerintahkan kami berpuasa pada bulan Ramadhan, maka kami

---

130. *Tarikh al-Ya'qubi*. II hlm. 32.
131. *Nur al-Absar*, hlm. 75.

menerimanya. Anda memerintahkan kami tentang Haji, maka kami menerimanya. Kemudian anda tidak puas lagi dengan ini semua sehingga anda mengangkat sepupu anda mendahului kami. Kemudian anda berkata: *Siapa yang menjadikan aku maulanya, maka Ali adalah maula-nya..* Adakah ini daripada Allah atau daripada anda? Nabi *sawaw* bersabda: *Demi Tuhan, tiada tuhan yang lain selain daripada Dia sesungguhnya ini adalah daripada Allah 'Azza wajalla.* Lantas al-Harith berpaling untuk meneruskan perjalanannya seraya berkata: Wahai Tuhan, sekiranya apa yang dikatakan oleh Muhammad itu benar 'maka hujanilah ke atas kami batu daripada langit atau datanglah kepada kami siksaan yang pedih'. Belum sempat dia sampai ke untanya, dia dipanah petir. Maka Allah 'Azza wajalla menurunkan ayat (Surah *al-Ma'arij* 70:12).

Ibn al-Sibagh al-Maliki dalam *al-Fusul al-Muhimmah*,[132] Sibt Ibn al-Jauzi di dalam *Tadhkirah al-Khawwas*,[133] Rasulullah *sawaw* bersabda dalam keadaan dua matanya kelihatan merah: *Demi Allah yang tiada tuhan melainkan Dia bahawa ianya daripada Allah dan bukan daripadaku.* Beliau mengulanginya sebanyak tiga kali.

Adapun hadis Nabi *sawaw*: *Siapa yang telah menjadikan aku maulanya, maka 'Ali adalah maulanya,* Ahmad bin Hanbal di dalam *Musnad*nya[134] telah mengambil *sanad*nya daripada al-Barra' bin 'Azib dia berkata: Kami bersama Rasulullah *sawaw* di dalam satu perjalanan. Maka kamipun sampai di Ghadir Khum. Kami 'diseru' supaya melakukan solat secara berjamaah dan dibersihkan untuk Rasulullah *sawaw* satu tempat di bawah dua pokok. Maka beliau mengerjakan solat Zuhr kemudian memegang tangan 'Ali A.S. sambil bersabda: *Tidakkah kalian mengetahui sesungguhnya aku lebih aula dengan Mukminin daripada diri mereka sendiri?* Mereka menjawab: Ya! Beliau bersabda lagi: *Tidakkah kalian mengetahui bahawa aku lebih aula daripada setiap mukmin dari dirinya?* Mereka menjawab: Ya! Maka beliau memegang tangan 'Ali A.S. dan bersabda: *Siapa yang telah menjadikan aku maula-nya, maka 'Ali adalah maulanya...* Maka 'Umar menemuinya selepas itu dan berkata: Tahniah kepada anda

132. *al-Fusul al-Muhimmah*, hlm. 26 - 27.
133. *Tadhkirah al-Khawwas*, hlm. 19.
134. *al-Musnad*. IV, hlm. 382.

wahai anak lelaki Abu Talib. Anda adalah *maula* setiap mukmin dan mukminat.

Ahmad bin Hanbal juga di dalam *Musnadnya*[135] meriwayatkan hadis ini daripada 'Atiyyah al-'Aufi dia berkata: Aku bertanya Zaid bin al-Arqam. Dan aku berkata kepadanya bahawa menantuku telah memberitahukan kepadaku tentang anda mengenai hadis tentang 'Ali A.S. pada hari Ghadir Khum. Aku ingin mendengarnya daripada anda sendiri. Maka dia menjawab: Wahai orang-orang Iraq! Kalian telah mengetahuinya. Maka aku berkata kepadanya teruskanlah. Maka dia berkata: Ya! Kami berada di Juhfah. Rasulullah *sawaw* keluar kepada kami di waktu Zuhr dengan memegang tangan 'Ali A.S. dan berkata: *Wahai manusia! Tidakkah kalian mengetahui sesungguhnya aku lebih aula dengan Mukminin daripada diri mereka sendiri?* Mereka menjawab: Ya! Beliau bersabda: *Siapa yang telah menjadikan aku maulanya, maka 'Ali adalah maulanya...*

Ibn Majah di dalam *Sunannya*[136] telah meriwayatkannya sehingga kepada al-Barra' bin 'Azib. Al-Nasa'i di dalam *Khasa'is 'Ali* [137] meriwayatkan sanadnya kepada Sa'ad, dia berkata: Rasulullah *sawaw* bersabda: *Siapa yang telah menjadikan aku maulanya, maka 'Ali adalah maulanya...* Dia juga meriwayatkan sanadnya sampai kepada Zaid bin al-Arqam, dia berkata: Rasulullah *sawaw* berdiri, memuji Allah kemudian bersabda: *Tidakkah kalian mengetahui sesungguhnya aku aula dengan setiap mukmin daripada dirinya?* Mereka menjawab: Ya! Wahai Rasulullah *sawaw* kami menyaksikan bahawa anda adalah *aula* bagi setiap mukmin daripada dirinya. Maka beliau bersabda: *Siapa yang telah menjadikan aku maulanya, maka 'Ali adalah maulanya...* Beliau lalu memegang tangan 'Ali A.S.

Ibn 'Abd Rabbih di dalam *al-'Aqd al-Farid* [138] telah meriwayatkan ketika menyebutkan hujah al-Makmun ke atas *fuqaha'* mengenai kelebihan 'Ali bin Abu Talib dia berkata di antaranya: Rasulullah *sawaw* bersabda: Siapa yang telah menjadikan aku *maulanya*, maka 'Ali adalah *maulanya*...

Al-Suyuti di dalam *Tarikh al-Khulafa'* [139] berkata: al-Tur-

135. *al-Musnad*, IV, 1, 52 & 368.
136. *al-Sunan*, I, hlm. 55 - 56.
137. *Khasa'is 'Ali*, hlm. 22.
138. *al-'Aqd al-Farid*, III, hlm. 38.
139. *Tarikh al-Khulafa'*, hlm. 65.

mudhi telah meriwayatkannya daripada Abu Sarihah atau Zaid bin Arqam daripada Nabi *sawaw* beliau bersabda: *Siapa yang menjadikan aku maulanya, maka Ali adalah maulanya...* Dia juga meriwayatkan perkara yang sama di dalam *Kunuz al- Haqa'iq di Hamisy al-Jami' al-Saghir* [140] hadis: *Siapa yang telahmenjadikan aku maulanya, maka 'Ali adalah maulanya...*

Di dalam *Is'af al-Raghibin* [141] di Hamisy *Nur al-Absar* menyatakan bahawa Rasulullah *sawaw* berkata pada hari Ghadir Khum: *Siapa yang telah menjadikan aku maulanya, maka 'Ali adalah maulanya...* Al-Muhibb al-Tabari di dalam *al-Riyadh al-Nadhirah* [142] berkata: Daripada 'Umar bahawa dia berkata: 'Ali adalah *maula* bagi orang yang telah menjadikan Rasulullah *sawaw* sebagai *maulanya*.

Al-Baghawi di dalam *Masabih al-Sunnah* [143] meriwayatkan daripada Nabi *sawaw* beliau bersabda: *Siapa yang telah menjadikan aku maulanya, maka 'Ali adalah maulanya.* Abu Nu'aim Al-Isfahani di dalam *Hilyah al-Auliya'* [144] meriwayatkan daripada Nabi *sawaw* beliau bersabda: *Siapa yang telah menjadikan aku maulanya, maka 'Ali adalah maulanya...* Ibn al-Jauzi di dalam *Tadhkirah al-Huffaz* [145], menyatakan bahawa Rasulullah *sawaw* bersabda: *Siapa yang menjadikan aku maulanya, maka 'Ali adalah maulanya...* Al-Khatib di dalam *Tarikh Baghdad* [146] meriwayatkan hadis al-Ghadir daripada Anas, dia berkata: Aku mendengar Nabi *sawaw* bersabda: Siapa yang telah menjadikan aku *maula*nya, maka 'Ali adalah *maula*nya...

Demikianlah aku telah kemukakan kepada pembaca yang budiman sebahagian kecil daripada buku-buku rujukan Ahlu s-Sunnah wa l-Jama'ah. Walau bagaimanapun aku akan kemukakan pula kepada anda nama-nama perawi dengan menyebutkan rujukan mereka bagi menambahkan lagi penjelasan seperti berikut:

Al-Wahidi di dalam *Asbab al-Nuzul.*[147] Muhammad bin Talhah al-Syafi'i di dalam *Matalib al-Su'ul.*[148] Fakhruddin al-

140. *Kunuz al-Haqa'iq di Hamisy al-Jami' al-Saghir*, II, hlm. 117.
141. *Is'af al-Raghibin di Hamisy Nur al-absar*, hlm. 51.
142. *Riyadh al-Nadhirah*, II, hlm. 170.
143. *Masabih al-Sunnah*, II, hlm. 220.
144. *Hilyah al-Auliya'*, IV, hlm. 23; *Nathr al-Li'ali*, hlm. 166.
145. *Tadhkirah al-Huffaz*, I, hlm. 10; *Syaraf al-Muabbah*, III.
146. *Tarikh Baghdad*, VII, hlm. 377.
147. *Asbab al-Nuzul*, hlm. 150.
148. *Matalib al-Su'ul*, hlm. 100.

Razi di dalam *Mafatih al-Ghaib.*[149] Al-Tha'labi dalam *Tafsir*nya.[150] Al-Suyuti di dalam *al-Durr al-Manthur.* Ibn Sibagh al-Maliki di dalam *al-Fusul al-Muhimmah.*[151] Al-Turmudhi di dalam *Sahih*nya,[152] dia berkata: Hadis ini adalah *Hasan sahih.* Al-Hakim di dalam *al-Mustadrak,*[153] berkata: Ini adalah hadis *sahih* menurut syarat al-Syaikhaini (al-Bukhari dan Muslim) tetapi mereka berdua tidak meriwayatkannya. Ibn Kathir di dalam *al-Bidayah wa al-Nihayah.*[154] Al-Ya'qubi di dalam *Tarikh* nya.[155]

Ibn Hajr di dalam fasal yang kelima daripada bab pertama bukunya *al-Sawa'iq al-Muhriqah* berkata: Ini adalah hadis *sahih.* Ianya telah diriwayatkan oleh golongan yang banyak seperti al-Turmudhi, al-Nasa'i dan Ahmad dengan cara yang banyak. Kemudian ianya diriwayatkan oleh enam belas sahabat. Ahmad bin Hanbal meriwayatkan tiga puluh sahabat yang telah mendengarnya daripada Nabi *sawaw* dan mempersaksikannya di hadapan 'Ali pada masa pemerintahannya di Rahbah. Kebanyakan sanadnya *sahih* atau *hasan.*

Ibn Kathir di dalam *al-Bidayah wa al-Nihayah*[156] berkata: Abu Ja'far Muhammad bin Jarir al-Tabari pengarang *al-Tafsir* dan *al-Tarikh* telah mengumpulkan dua jilid riwayat dan lafaz-lafaznya. Begitu juga al-Hafiz Abu l-Qasim bin 'Asakir telah meriwayatkan hadis-hadis yang banyak di dalam khutbahnya.

Al-Qanduzi al-Hanafi di dalam *Yanabi' al-Mawaddah*[157] telah menceritakan daripada Abu l-Ma'ali al-Jawaini yang dikenali dengan Imam al-Haranaini, guru kepada al-Ghazali, bahawa dia menjadi hairan dan berkata: Aku melihat satu jilid buku mengenai hadis Ghadir Khum tertulis di atasnya jilid yang kedua puluh lapan. Ianya mengandungi berbagai riwayat tentang sabda Nabi *sawaw*: *Siapa yang telah menjadikan aku maulanya, maka 'Ali adalah maulanya...* dan ianya akan disusuli dengan jilid yang kedua puluh sembilan.

Sebenarnya hadis-hadis mengenai al-Ghadir yang kami telah kemukakan tadi adalah merupakan sebilangan kecil sahaja, jika dibandingkan dengan hadis-hadis yang telah diriwayatkan di dalam bab ini yang tidak terkira banyaknya.

---

149. *Mafatih al-Ghaib*, XII, hlm. 50.
150. *Tafsir al-Tha'labi*, III, hlm. 120.
151. *al-Fusul al-Muhimmah*, hlm. 23.
152. *Sahih*, II, hlm. 297.
153. *al-Mustadrak*, III, hlm. 109.
154. *al-Bidayah wa al-Nihayah*, V,hlm. 208.
155. *Tarikh al-Ya'qubi*, II, hlm. 93.
156. *al-Bidayah wa al-Nihayah*, V, hlm. 208.
157. *Yanabi ' al-Mawaddah*, hlm. 30.

Ayatullah al-'Uzma Sayyid Hamid Husain al-Nisaburi (r.h) di dalam *'Abaqat* telah menyenaraikan nama-nama perawi yang telah menyebutkan hadis al-Ghadir. Semuanya daripada ulamak-ulamak besar Ahlu s-Sunnah. Ayatullah al-'Uzma Sayyid Syihab al-Din al-Mar'asyi al-Najafi di dalam *Ta'liqatuhu 'Ala Ihqaq al-Haqa'iq* karangan al-Sa'id al-Syahid al-Qadhi Nur Allah al-Tastari, al-Allamah al-Amini di dalam bukunya *al-Ghadir*. Begitu juga al-Imam al-Sayyid bin Tawus (r.h) di dalam bukunya *al-Iqbal* (hlm. 663) telah menyenaraikan nama-nama ulamak besar Ahlu s-Sunnah bahawa sesungguhnya mereka telah meriwayatkan hadis al-Ghadir dan memperakukan kesahihannya. Rujuklah kepada buku-buku tersebut wahai pembaca yang budiman!

Tahniah para sahabat kepada 'Ali kerana jawatan khalifah

Manakala Rasulullah *sawaw* memberi khutbahnya yang penuh bersejarah, beliau memerintahkan orang yang menyaksikan peristiwa itu termasuk Abu Bakr, 'Umar, syaikh-syaikh Quraisy dan pembesar-pembesar kaum Ansar, isteri-isteri beliau supaya tampil mengucap tahniah kepada Amiru l-Mukminin A.S. kerana memegang jawatan *al-Wilayah*, pelaksanaan, suruhan dan larangan di dalam agama Allah S.W.T.

Sebilangan besar para ulamak Ahlu s-Sunnah wa l-Jama'ah meriwayatkannya di antaranya:

Al-Tabari di dalam bukunya *al-Wilayah* [158] telah meriwayatkan hadis dengan sanadnya daripada Zaid bin Arqam dan diakhirnya dia berkata: Orang yang pertama berjabat tangan (bersalam) dengan Nabi *sawaw* dan 'Ali ialah Abu Bakr, 'Umar, 'Uthman, Talhah, Zubair, Muhajirin, Ansar dan lain-lain sehingga beliau mengerjakan solat Zuhr dan 'Asr berjama'ah di dalam satu masa dan berpanjangan sehingga beliau *sawaw* mengerjakan solat *al-'Isya'in* (solat Maghrib dan Isyak) di dalam satu masa. Para sahabat meneruskan bai'ah dan bertepuk tangan tiga kali.

Al-Dar al-Qutni: Ibn Hajr telah meriwayatkan daripadanya di dalam fasal kelima, bab pertama *al-Sawa'iq al-Muhriqah* bahawa Abu Bakr dan 'Umar manakala kedua-duanya mendengar hadis al-Ghadir, mereka berkata kepada Imam 'Ali A.S.: Andalah *maula* bagi setiap mukmin dan mukminah.

---

158. *Kitab al-Wilayah*, hlm. 18 dan seterusnya.

Dikatakan kepada 'Umar: Sesungguhnya anda melakukan sesuatu kepada 'Ali di mana anda tidak melakukannya kepada orang lain daripada sahabat-sahabat Rasulullah *sawaw*. Dia menjawab: Sesungguhnya beliau adalah *maula* ku.

Al-Hafiz Abu Sa'id al-Nisaburi di dalam bukunya *Syaraf al-Musfa* dengan isnadnya daripada al-Barra' bin 'Azib dengan lafaz Ahmad bin Hanbal dan dengan isnad yang lain daripada Abu Sa'id al-Khudri dan lafaznya. Kemudian Nabi *sawaw* bersabda: *Kalian ucaplah tahniah kepadaku, kalian ucaplah tahniah kepadaku. Sesungguhnya Allah telah memberi keistimewaanku dengan kenabian, dan memberi keistimewaan Ahlu l-Baitku dengan Imamah.* Maka 'Umar bin al-Khattab menemui Amiru l-Mukminin dan berkata: Alangkah beruntungnya anda wahai Abu l-Hassan. Anda menjadi *maulaku* dan *maula* setiap mukmin dan mukminat.

Pengarang *Raudhah al-Safa*[159] selepas menyebutkan hadis *al-Ghadir* berkata: Kemudian Rasulullah *sawaw* duduk di dalam satu khemah dan menempatkan 'Ali di khemah yang lain. Beliau menyuruh para sahabat supaya memberi tahniah kepada 'Ali di dalam khemahnya. Dan apabila orang lelaki selesai mengucap tahniah, beliau menyuruh isteri-isterinya pergi ke khemah dan mengucapkan tahniah kepada 'Ali A.S.

Kuand Amir di dalam *Habib al-Siyar* [160] berkata: Kemudian Amiru l-Mukminin 'Ali A.S. duduk di khemah khas. Para sahabat Rasulullah *sawaw* datang kepadanya dan mengucap tahniah kepadanya. Di antara mereka ialah Abu Bakr dan 'Umar. 'Umar berkata: Alangkah beruntungnya anda wahai anak lelaki Abu Talib. Anda telah menjadi *maulaku* dan *maula* setiap mukmin dan mukminat. Kemudian beliau memerintahkan Ummahat al-Mukminin supaya datang kepada 'Ali A.S. dan mengucap tahniah kepadanya.

Ahmad bin Hanbal di dalam *Musnadnya*,[161] al-Tabari di dalam *Tafsirnya*,[162] Ibn Mardawaih di dalam *Tafsirnya*,[163] al-Tha'labi di dalam *Tafsirnya*[164] al-Baihaqi di dalam *al-Sunan*,[165] al-Khatib al-Baghdadi di dalam *Tarikhnya*,[166] Ibn al-Maqhaz-

159. *Raudhah al-Safa*, I hlm. 173.
160. *Habib al-Siyar*, III. hlm. 144.
161. *al-Musnad*, IV. hlm. 281.
162. *Jami'll Ahkam al-Qur'an*, III. hlm. 428.
163. *Tafsir al-Mardawaih*, hlm. 58.
164. *Tafsir al-Tha'labi*, III. hlm. 428
165. *al-Sunan*, I. hlm. 55 - 58.
166. *Tarikh Baghdad*, VIII. hlm. 378.
167. *al-Managib*, hlm. 48 - 50.

162. *Jami'll Ahkam al-Qur'an*, III. hlm. 428.
163. *Tafsir al-Mardawaih*, hlm. 58.
164. *Tafsir al-Tha'labi*, III. hlm. 428
165. *al-Sunan*, I. hlm. 55 - 58.
166. *Tarikh Baghdad*, VIII. hlm. 378.

ali di dalam *Manaqibnya*,[167] al-Ghazali di dalam *Sirr al-'Alamain*,[168] al-Syahrastani di dalam *al-Milal wa al-Nihal*,[169] Abu l-Faraj Ibn al-Jauzi al-Hanbali di dalam *Manaqibnya*,[170] Fakhruddin al-Razi di dalam *Mafatih al-Ghaib*,[171] al-Kanji al-Syafi'i di dalam *Kifayah al-Talib*,[172] Muhibbuddin al-Tabari di dalam *al-Riyadh al-Nadhirah*,[173] al-Hamawaini di dalam *al-Fara'id* al-Simtin[174] *bab yang ketiga belas.*

Abu l-Fida', Ibn Kathir al-Syafi'i di dalam al-Bidayahwa *al-Nihayah*,[175] al-Muqrizi di dalam *al-Khutat*, [176] Ibn Sibagh al-Maliki di dalam *al-Fusul al-Muhimmah*,[177] al-Suyuti di dalam *Jam' al-Jawami'*,[178] al-Muttaqi al-Hindi di dalam *Kanz al-'Ummal*,[179] al-Samhudi di dalam *Wafa' al-Wafa bi Akhbar Dar al-Mustafa*.[180]

Ibn Hajr di dalam *al-Sawa'iq al-Muhriqah* [181] dan lain-lain yang terdiri daripada ulamak-ulamak hadis, Tafsir, dan sejarah Ahlu s-Sunnah wa l-Jama'ah di mana kami tidak dapat menyenaraikan kesemua nama-nama mereka di dalam buku kami ini. Mereka semua meriwayatkan hadis ini di dalam *musnad-musnad* dan *sahih-sahih* mereka daripada perawi-perawi yang *thiqah* yang berakhir bukan hanya kepada seorang sahabat seperti Ibn 'Abbas, Abu Hurairah, al-Barra' bin 'Azib, Zaid bin Arqam dan lain-lain.

Kata-kata yang agak menarik ialah ucapan yang dikatakan oleh al-Ghazali di dalam bukunya *Sirr al-'Alamain*:[182] Hujah telah terang, jumhur telah sepakat bahawa teks hadis adalah khutbah Rasulullah *sawaw* di hari al-Ghadir. Beliau bersabda: *Siapa yang telah menjadikan aku maulanya, maka 'Ali adalah maulanya*... 'Umar berkata: Alangkah bahagianya anda wahai Abu l-Hasan. Anda telah menjadi *maula*ku dan *maula* setiap mukmin dan mukminat. Ini adalah satu penyerahan, keridhaan dan pertimbangan yang waras. Kemudian hawa nafsu lebih mencintai pangkat dan segala-galanya sehingga membawa kepada perselisihan dan pembunuhan.

---

167. *al-Manaqib*, hlm. 48-50
168. *Sir al-'Alamain*, hlm. 9.
169. *al-Milal wa al-Nihal*, hlm. 9 - 14.
170. *al-Managib*, hlm. 49 - 60.
171. *al-Mafatih al-Ghaib*, III. hlm. 636.
172. *Kifayah al-Talib*, hlm. 48 - 52.
173. *Riyadh al-Nadhirah*, II. hlm. 169.
174. *al-Fara'id al-Simtin*, hlm. 50 -61.
175. *al-Bidayah wa al-Nihayah*, V, hlm.209.
176. *al-khutat*, II, hlm. 223.
177. *al-Fusul al-Muhimmah*, hlm. 25.
178. *Jam'al-Jawami'*, hlm. 50 - 62.
179. *Kanz al-'Ummal*, IV, hlm. 397.
180. *Wafa' al-Wafa' bi Akhbar Dar Al-Mustafa*, II, hlm. 173.
181. *al-Sawa'iq al-Muhriqah*, hlm. 26.
182. *Sirr al-'Alamain*, hlm. 9 - 13.

Lantaran itu mereka meninggalkan kebenaran di belakang lalu membelinya dengan harga yang murah. Maka sejahat-jahat apa yang mereka lakukan.

Segala puji bagi Allah yang telah membuat al-Ghazali bercakap benar di mana ianya adalah hujah kami dan ianya mengukuhkan dakwaan kami sebagaimana tertulis di dalam bukunya *Sirr al-'Alamain*. Kerana Allah membuatkan lidahnya bercakap dengan kebenaran dan menjelaskan hakikat yang sebenarnya, meskipun dia seorang yang dikenali dengan fanatik dan keras. Sebagaimana kata seorang pujangga: Kebenaran membuat orang yang insaf dan degil bercakap.

Tetapi apa yang mendukacitakan kami ialah sikap Ahlu s-Sunnah apabila seorang daripada mereka mengemukakan dalil yang mengukuhkan dakwaan Syi'ah tentang hak 'Ali Amiru l-Mukminin dan anak-anaknya tentang jawatan khalifah, lantas mereka menuduhnya sebagai seorang Syi'ah sekalipun kami melihat mereka begitu fanatik kepada mazhab mereka. Mereka menuduh Syi'ah dengan pembohongan, tetapi Allah S.W.T. membuatkan lidahnya bercakap benar secara sukarela ataupun tidak. Maka dia bercakap benar kerana kebenaran itu tinggi dan tidak ada yang lebih tinggi daripadanya.

Syi'ah adalah orang yang mempunyai ilmu kebenaran dan ijtihad. Mereka memenuhi bumi Allah dengan keilmuan, amalan, dan kebenaran di dalam percakapan meskipun musuh-musuh mereka memperkatakan apa yang mereka mahu dengan penuh pembohongan dan rekaan semata-mata.

Perhatikanlah wahai pembaca yang budiman. Bagaimana Allah S.W.T. mendedahkan kebenaran Syi'ah di dalam buku-buku ahlu s-Sunnah wa l-Jama'ah. Kebenaran sekalipun lama masanya terpendam, pasti akan terserlah juga sama ada Ahlu s-Sunnah mahu ataupun tidak. Dan kebatilan pasti pudar juga sama ada mereka mahu ataupun tidak.

Aku telah mengemukakan kepada anda di dalam buku ini sebahagian daripada hadis-hadis yang berkaitan dengan hari al-Ghadir, sedangkan banyak lagi hadis-hadis yang ada kaitan dengannya dipandang sepi oleh Ahlu s-Sunnah kerana hasad dan kemarahan mereka terhadap Amiru l-Mukminin A.S. Lebih-lebih lagi dimasa Mu'awiyah memegang jawatan khalifah. Sekalipun tekanan-tekanan yang kuat telah dilakukan kepada perawi-perawi hadis tentang hak Abu Turab ('Ali A.S.) tetapi Allah menghendaki supaya kebenaran Amiru

l-Mukminin terserlah dan memenuhi bumi ini dengan kelebihan-kelebihannya A.S.

Di sini aku cuba meringkaskan apa yang telah aku kemukakan mengenai hadis al-Ghadir kerana ianya sudah memadai bagi orang yang mempunyai fikiran yang waras. Jikalaulah aku ingin membentangkan kesemuanya, nescaya aku akan menulis buku yang lebih tebal dan berjilid-jilid dan ini adalah bertentangan dengan 'buku ringkas' yang aku telah janjikan kepada pembaca yang budiman. Dan sesiapa yang ingin mendapatkan keterangan yang lebih lanjut mengenainya, hendaklah membuat rujukan kepada buku-buku yang telah aku sebutkan terlebih dahulu yang mengandungi dalil-dalil yang jelas tentang keutamaan Amiru l-Mukminin 'Ali A.S. menjadi khalifah daripada orang lain.

Kerana apa yang dimaksudkan dengan perkataan *al-Maula* ialah *aula* di dalam segala urusan. Pengertian ini telah dikenali dari sudut bahasa dan penggunaannya di dalam al-Qur'an *al-Nar aula-kum* (api neraka itu adalah lebih utama untuk kalian) iaitu *aula* dengan kalian. Akhtal berkata: *Maulanya* mengandungi semua manusia.

Rasulullah *sawaw* telah menentukan pengertian *al-Maula* di dalam sabdanya: *Tidakkah aku aula dari kalian?* Justeru itu beliau telah menerangkan padanya *aulawiyyah* kemudian beliau mengikutinya terus dengan sabdanya: *Siapa yang telah menjadikan aku maulanya, maka 'Ali adalah maulanya...* iaitu siapa yang aku *aula* dengannya daripada dirinya maka 'Ali adalah *aula* dengannya daripada dirinya sendiri. Maka 'Ali A.S. *aula* di dalam pengurusan mereka. Dan beliau tidak menjadi *aula* melainkan apabila beliau menjadi khalifah dan imam. Ini merupakan nas yang terang menghendaki pimpinan ugama dan dunia. Kerana orang yang *aula* dengan ummat ini ialah Nabi dan Imam A.S. sebagaimana urutan ayat terdahulu. Lagipun pengertian tersebut telah difahami oleh orang-orang yang fasih dengan *madlul* bahasa Arab seperti 'Umar bin al-Khattab, Hasan bin Thabit, Harith bin al-Nu'man al-Fihri sebagaimana anda mengetahui ucapan-ucapan mereka yang lalu. Oleh itu tida seorangpun harus mendahului Rasulullah *sawaw* sebagaimana juga ia tidak harus mendahului 'Ali A.S.

Di antara dalil-dalil yang menunjukkan bahawa *maula* yang dimaksudkan ialah *aula* yang memberi pengertian *imamah* dan *imarah* (pemerintahan), ialah tahniah para

sahabat kepada 'Ali A.S. sebagaimana aku telah menyebutkannya terlebih dahulu. Tidak ada dorongan yang lain bagi Abu Bakr dan 'Umar mengucap tahniah kepada 'Ali apabila mereka berdua mendengar apa yang disabdakan oleh Nabi *sawaw* melainkan mereka berdua memahami perkataan *maula* iaitu *imamah* dan *imarah*. Inilah yang menyebabkan mereka berdua mengucap tahniah kepada 'Ali A.S. Bukan dengan pengertian pembantu (*al-Nasir*) atau pertolongan (*al-Nusrah*) yang diketahui oleh mereka dan 'Ali A.S. Dan tidaklah tepat jika para sahabat mengucap tahniah kepadanya disebabkan perkara-perkara biasa yang dilakukan olehnya ('Ali A.S.).

Sebagaimana dorongan 'Umar bin al-Khattab melakukan kepada 'Ali A.S. apa yang tidak dilakukan terhadap sahabat-sahabat Rasulullah *sawaw* yang lain. Dia berkata: Beliau adalah *maula*ku. Iaitu apa yang dia memahami dan mengetahui pengertian *al-imarah* dan *al-imamah* bukan pengertian pembantu (*al-Nasir*) kerana ianya merupakan jawapan yang tidak memberi erti kerana pengertiannya: Beliaulah pembantuku. Dan apabila orang yang bertanya tadi jahil tentang pertolongan sahabat-sahabat Nabi *sawaw* sesama mereka. 'Umar bin al-Khattab menjawab: Sesungguhnya 'Ali adalah pembantuku. Sekiranya pengertian itulah yang dimaksudkan oleh Nabi *sawaw* dan difahami oleh 'Umar bin al-Khattab, kenapa dia begitu marah kepada dua orang badwi yang sedang bertengkar. Dia berkata kepada 'Ali A.S.: Adililah mereka berdua wahai Abu l-Hasan. Salah seorang daripada mereka berkata dengan angkuh: Lelaki inikah yang akan mengadili kami berdua? Lalu 'Umar memarahkan badwi itu dan berkata: Celaka anda! Anda tidak mengetahui siapa ini? Ini adalah *maula*ku dan *maula* setiap mukmin dan mukminat.

Pada masa yang lain pula 'Umar bertengkar dengan seorang lelaki di dalam satu masalah. 'Umar berkata: Lelaki yang sedang duduk itu akan mengadili aku dan anda. Dia mengisyaratkan kepada 'Ali A.S. Maka lelaki itu menjawab: Ini hanyalah seorang suku Arab biasa. Manakala 'Umar mengetahui bahawa lelaki itu merendahkan 'Ali dan memperkecilkannya, 'Umar terus berdiri dari tempat duduknya dan memegang pada pakaian lelaki itu sehingga dia mengangkatnya dari tanah. Kemudian dia berkata: Adakah anda mengetahui siapakah orang yang anda memperkecilkan-

nya? Beliau adalah *maulaku* dan *maula* setiap muslim.

Perhatikanlah wahai pembaca yang budiman, manaka la dia berkata kepadanya: Adakah anda mengetahui siapa kah orang yang anda memperkecilkannya? Beliaulah *maula* ku dan *maula* setiap mukmin. Kenyataan ini telah dipin dahkan oleh Muhibbuddin al-Tabari di dalam *al-Riyadh al Nadhirah* [183]dan al-Khawarizmi di dalam *Manaqib*nya[184] de ngan beberapa riwayat yang *sahih* daripada 'Umar.

Sekiranya 'Umar tidak memahami perkataan *maula* se bagai *al-imarah* dan *al-imamah*, nescaya dia akan menjawab Ini adalah pembantuku dan pembantu setiap muslim. Lihat lah betapa 'Umar begitu terkilan dan marah terhadap sikap lawannya yang memperkecilkan 'Ali A.S. Katakanlah ke padaku sekiranya dia terkilan dan marah kepada badwi tad disebabkan dia memperkecilkan pembantunya. Lantas dia ingin mengajar lelaki itu mengenainya dengan berdiri? Sekiranya pembantunya bukan 'Ali maka dia bukanlah muk min atau muslim. Adakah ini yang merisau dan memarahkan 'Umar? Atau perkara lain di sebalik itu yang lebih sesua bagi 'Umar untuk bangun dari tempat duduknya memarah lelaki itu dan lebihlayak dia memarahinya? Ya! Demi kebe naran. Dia tidak merasa cemas dan marah kepadanya (badwi) melainkan dia mengetahui bahawa 'Ali A.S. adalah *aula* dengan Mukminin daripada diri mereka sendiri. Jus teru itu 'Umar mengambil tindakan yang serius dan me nentang orang yang memperkecilkannya ('Ali).

Dengan ini jelaslah apa yang didengarinya daripad Rasulullah *sawaw* kemudian dia memperkuatkannya ke ata dirinya dan Mukminin pada masa itu di mana dia dan Muk minin mengucap tahniah kepadanya ('Ali). Sebagaiman dicintai oleh Allah S.W.T. bahawa sesungguhnya beliaula *maula*nya dan *maula* setiap muslim. Dan sesiapa orang yan tidak menjadikannya sebagai *maula*nya, maka dia bukanla muslim sekalipun tanpa wilayah Nabi *sawaw*. Di dalam ke adaan demikian tidaklah patut bagi 'Umar jika maksud *maul* adalah pembantu. Jikalaulah begitu bagaimana seorang it boleh berada di dalam kesamaran jika *maula* dimaksudka pembantu? Demikianlah percakapan Arab difahami sehingg ia menjadi percakapan yang fasih dan selari dengan keadaa

183. Riyadh al-Nadhirah, II, hlm. 170.
184. al-Manaqib, hlm. 97.

semasa.

Di samping itu juga *maula* dengan pengertian pembantu membawa kepada pembohongan terhadap sabda Rasulullah *sawaw* (*wa l-'iyazu bi llahi min dhalika*) kerana berapa banyak berlaku penentangan terhadap agama dan perubahan peraturan pada ummat ini selepas kematian beliau *sawaw*. Kedua-duanya telah dilakukan oleh orang yang zalim dan orang yang dizalimi secara terpaksa serta orang murtad yang lari. Kesemuanya itu dilihat dan didengari oleh Amiru l-Mukminin yang tinggal di rumahnya lebih daripada dua puluh empat tahun, tidak pernah berhasrat untuk mendapat pertolongan daripada orang lain sehingga daripada orang yang berada di dalam rumahnya. Sejarah telah memberitahukan kita tentang pertolongannya atau kemenangan ummah dengannya. Oleh itu di manakah sabdanya *sawaw*: Siapa yang telah menjadikan aku *maulanya*, maka 'Ali adalah *maulanya*... iaitu pembantunya dan di manakah bantuan 'Ali pada masa itu dan orang yang membantunya? Adapun apa yang telah ditakwilkan oleh orang yang mempunyai tujuan yang jahat dan mempunyai akhlak yang keji seperti Ibn Hajr di dalam *al-Sawa'iq al-Muhriqah*, pada fasal kelima daripada bab pertama, al-Qausyaji di dalam *Syarh al-Tajrid* [185] dan orang yang seumpama mereka bahawa maksud *mawla* sebagai pencinta, pembantu sebagaimana telah disebutkan, adalah terbatal kerana ianya bertentangan dengan sabda Nabi *sawaw*. Lagipun cinta dan bantuan adalah di antara perkara-perkara yang diketahui oleh semua Muslimin, tanpa memerlukan keterangan kerana ayat al-Qur'an dan hadis telah menerangkannya. Sebagaimana firmanNya di dalam (Surah *al-Hujarat* 49:10) '*Sesungguhnya orang-orang mukmin adalah bersaudara*. Dan firmanNya (Surah *al-Taubah* 9:71) '*Dan orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan, sebahagian mereka adalah menjadi penolong bagi sebahagian yang lain*.' Dan firmanNya (Surah *al-Fath* 48:29) '*Dan orang-orang yang bersama dengan dia (Muhammad) adalah keras terhadap orang-orang kafir*' tidak memerlukan keterangan.

Adapun wahyu yang mengancam Rasulullah *sawaw* jika beliau tidak menyampaikannya, lalu beliau melaksanakan apa yang diperintahkannya dengan penuh kesulitan, menun-

---

185. *Syarh al-Tajrid*, hlm. 45

jukkan bahawa ianya perkara yang besar dan memerlukan kepada keterangan iaitu *awaliyyah* (keutamaan) di dalam pengendalian urusan manusia. Ianya diturunkan di hadapan lebih daripada seratus dua puluh ribu sahabat di padang pasir yang panas. Beliau mengangkat tangan 'Ali A.S. sambil bersabda: *Siapa yang telah menjadikan aku maulanya, maka 'Ali adalah maula-nya.*

Jikalaulah maksudnya ialah suatu penerangan cinta dan bantuan, maka kenapa diturunkan ayat Ikmaluddin (Surah *al-Ma'idah* 5:3) *'Pada hari ini telahku sempurnakan bagimu agamamu...'* Ketika turunnya ayat (Surah *al-Hujarat* 49:10) *'Sesungguhnya orang mukmin adalah bersaudara'*. Aku berkata: Ini adalah cukup bagi orang yang mempunyai fikiran yang waras, dan juga menjadi hujah yang pemutus ke atas lawan yang menentang dakwaan Syi'ah mengenai hak Amiru l-Mukminin 'Ali A.S. terhadap jawatan khalifah secara langsung selepas Rasulullah *sawaw*. Kami mempunyai dalil yang banyak untuk mengukuhkan dakwaan kami tentang hak 'Ali selepas Rasulullah *sawaw* secara langsung selain daripada apa yang kami telah kemukakan. Terdapat ramai ulamak Sunnah dan Syi'ah yang telah mengarang buku-buku mengenai al-Ghadir. Mereka menyebutkannya di dalam buku-buku mereka yang tidak terkira banyaknya.

Ketahuilah sesungguhnya aku telah mengemukakan kepada anda enam ayat daripada al-Qur'an, iaitu:

1. Ayat *al-Wilayah* (Surah *al-Maidah* 5:55)
2. Ayat *al-Tathir* (Surah *al-Ahzab* 33:33)
3. Ayat *al-Mubahalah* (Surah *Ali Imran* 3:61)
4. Ayat *al-Mawaddah* (Surah *al-Syu'ara'* 42:23)
5. Ayat *Salawat* (Surah *al-Ahzab* 33:56)
6. Ayat *al-Tabligh* (Surah *al-Maidah* 5:67)

Kesemua ayat-ayat ini menunjukkan keistimewaan Amiru l-Mukminin 'Ali A.S. terhadap jawatan khalifah sebaik sahaja kewafatan Nabi *sawaw* dengan nas yang pemutus. Sehingga tidak ada ruang bagi si penipu untuk menentang dakwaan kami tentang hak 'Ali A.S. Lantaran itu jawatan khalifah untuk 'Ali A.S. telah terserlah dengan enam ayat al-Qur'an yang telah diriwayatkan oleh para ulamak Ahlu s-Sunnah di samping para ulamak Syi'ah.

Oleh itu sayugialah bagi setiap orang yang mempunyai hati yang merdeka dan sejahtera supaya menyerahkan diri mereka kepada kebenaran dan tinggallah pertarungan yang

wujud di antara Sunnah dan Syi'ah. Kerana Syi'ah tidak membawa sesuatu perkara begitu sahaja malah mereka telah mengukuhkan dakwaan mereka dengan al-Qur'an dan Sunnah. Justeru itu kenapa orang yang menetapkan dakwaannya dengan al-Qur'an dan Sunnah Nabinya *sawaw* dicela, sedangkan banyak pendapat-pendapat ulamak besar mereka menyalahi mazhabnya?

Untuk menambah apa yang aku kemukakan kepada anda, Sa'id al-Syahid al-Qandhi Nur Allah al-Tastari (r.h) telah mencatat di dalam *Ihqaq al-Haq*, Jilid ketiga, cetakan Iran, lapan puluh dua ayat yang lain di antara ayat-ayat yang turun mengenai Amiru l-Mkminin 'Ali dan Ahlu l-Baitnya A.S. Dan dia telah menyebutkan rujukan Ahlu s-Sunnah mengenainya dengan terperinci.

Wahai pembaca yang budiman, adakah alasan lain lagi selepas ini bagi orang yang mengsyaki keutamaan 'Ali A.S. menjadi khalifah dan wasinya selain daripada orang yang angkuh atau degil kepada hati kecilnya atau tidak ingin melihat kepada apa yang telah kami kemukakan, sekalipun ia-nya terang seperti api di atas menara, matahari di siang hari. Aku tidak mengetahui apakah keuzuran yang telah disediakan oleh Ahlu s-sunnah di hari hisab kelak, di mana segala perkara akan diperlihatkan di hari itu dan hati akan sampai ke kerongkong.

Sampai bilakah penentangan mereka terhadap buku-buku Syi'ah yang baik? Dan sampai bilakah kedegilan dan kebebalan ini? Dan sehingga bilakah penentangan mereka terhadap hak Rasulullah *sawaw*, wasinya dan menantunya Amiru l-Mukminin 'Ali. Wahai Tuhanku persaksikanlah sesungguhnya kami telah menyempurnakan hujah dan permudahkanlah jalan untuk saudara-saudara kami Ahlu s-Sunnah. Wahai Tuhanku!, berikanlah hidayah kepada mereka sebagaimana Engkau telah memberikannya kepada kami. Sesungguhnya Engkau adalah Penunjuk dan Mursyid kepada jalan yang benar. Dan Engkau telah berfirman di dalam al-Qur'an (Surah *al-Insan* 76:3) '*Sesungguhnya kami telah menunjukinya jalan yang lurus, ada yang bersyukur dan ada pula yang kafir*'.

BAB KETIGA

Syi'ah dan Sunnah Nabawiyyah

Syi'ah adalah mereka yang mengambil sunnah *nabawiyyah* yang dibawa oleh penghulu para Nabi A.S. Mereka tidak berganjak sedikitpun dari landasannya semenjak hari pengisytiharan dakwah sehingga hari ini, dan selepas hari ini. Mereka terus berpegang kepada *al-'Urwah al-Wuthqa* berjalan di atas landasannya yang benar. Mereka mengambilnya dari para imam yang suci dari segala kesalahan. Mereka mengikut sunnah tanpa syak padanya. Oleh itu mereka tidak mengambil riwayat selain daripada para imam dengan sanad mereka yang dipercayai; imam *maksum* daripada imam *maksum* seumpamanya, daripada Rasulullah daripada Jibra'il daripada Allah *Rabu l-Jalil*. Di dalam ertikata yang lain, mereka mengambil hukum-hukum daripada hadis-hadis Nabi *Sawaw* dan para imam A.S, perbuatan dan *taqrir* mereka sebagaimana tertulis di dalam *al-Usul*.

Lantaran itu penulis-penulis *sirah* dan sejarah tidak memberitahukan kita bahawa sesungguhnya seorang imam daripada para imam dua belas telah mengambil hadis daripada seorang sahabat, tabi'in atau orang lain. Sebaliknya orang ramai mengambilnya daripada mereka tetapi mereka tidak mengambilnya daripada orang lain.

Imam Ja'far al-Sadiq A.S. berkata: "Aneh sekali mereka berkata: Mereka mengambil ilmu mereka semuanya daripada Rasulullah *Sawaw*. Lantas mereka mengetahui dan mendapat petunjuk daripadanya. Mereka fikir kami Ahlu l-Bait tidak mengambil ilmunya dan kami tidak mendapat petunjuk daripadanya. Sedangkan kami keluargaNya dan zuriatNya. Di rumah kamilah turunnya wahyu. Dan dari kamilah ia mengalir kepada orang ramai. Adakah anda fikir merekalah yang mengetahui dan mendapat petunjuk sementara kami jahil dan sesat? "

Imam al-Baqir A.S. berkata: "Sekiranya kami memberitahukan kepada orang ramai menurut pendapat dan hawa nafsu kami, nescaya kami binasa. Tetapi kami memberitahukan mereka dengan hadis-hadis yang kami kumpulkannya daripada Rasulullah *Sawaw* sebagaimana mereka mengumpulkan emas dan perak." Imam Ja'far al-Sadiq A.S. ber-

kata: "Hadisku adalah hadis bapaku. Hadis bapaku adalah hadis datukku. Hadis datukku adalah hadis Husain. Hadis Husain adalah hadis Hasan. Hadis Hasan adalah hadis Amiru l-Mukminin. Hadis Amiru l-Mukminin adalah hadis Rasulullah *Sawaw*. Dan hadis Rasulullah *Sawaw* adalah firman Allah S.W.T.[1]"

Dan beliau A.S. berkata: "Siapa yang meriwayatkan hadis tentang kami, maka kami akan bertanyakan kepadanya mengenainya di suatu hari. Sekiranya dia meriwayatkan kebenaran terhadap kami, seolah-olah dia meriwayatkan kebenaran terhadap Allah dan RasulNya. Dan sekiranya dia berbohong terhadap kami, seolah-olah dia berbohong terhadap Allah dan RasulNya kerana kami apabila meriwayatkan hadis, kami tidak berkata: Fulan bin Fulan telah berkata, tetapi apa yang kami katakan: Allah berfirman dan RasulNya bersabda."

Kemudian Syi'ah tidak mengamalkan mana-mana hadis yang datang daripada seorang *muhaddith*, atau riwayat yang datang daripada seorang perawi melainkan ianya sejajar dengan riwayat-riwayat yang datang daripada para imam yang suci A.S, dan akan diperakukan oleh al-Qur'an ketika pembentangan dilakukan ke atasnya. Kerana mereka mengetahui dengan jelas apa yang telah berlaku pada masa Bani Umayyah, terutamanya pada masa taghut Mu'awiyah. Di mana hadis pada masa itu diperniagakan, perawi diberi upah mengikut kadar keberkesanan hadis (palsu)nya ke atas orang ramai sama ada dalam bentuk pujian atau cacian sebagaimana satu riwayat yang telah diriwayatkan oleh orang kepercayaan Mu'awiyah "Tiga orang yang diamanahkan di dalam agama: Aku, Jibrail dan Mu'awiyah", sebagaimana juga riwayat yang menjadikannya penulis wahyu dan *Khal al-Mukmin*, dan hadis pembukaan Makkah: "Siapa yang memasuki rumah Abu Sufyan adalah aman" seolah-olah dia menjadikannya 'haram' sebagaimana Baitu l-Haram. Dan khutbah-khutbah yang menakutkan dan riwayat-riwayat yang mencela Imam Ali Amiru l-Mukminin dan keluarganya sehingga 'Ali A.S. dicela di atas tujuh puluh ribu mimbar masjid.

Justeru itu Syi'ah tidak menerima riwayat-riwayat daripada perawi-perawi yang memalsukan hadis seperti mereka itu. Mu'awiyah telah menamakan dirinya dan orang yang

1. al-'Allamah sayyid Muhsin al-Amini, *A'yan al-Syi'ah*, III,hlm.34

menyokongnya dengan nama Ahlu s-Sunnah wa l-Jama'ah pada masa itu sebagai penipuan (*kaidan*) kepada Syi'ah 'Ali. Oleh itu Syi'ah pada hakikatnya merekalah Ahlu s-Sunnah (*Sunniyyun*). Kerana mereka mengambil sunnah dari sumbernya yang asli, yang telah ditapis oleh orang-orang yang baik dan perawi-perawi yang terpilih. Mereka mengambil hadis dan sunnah *nabawiyyah* daripada imam-imam, penghulu-penghulu mereka sebagaimana mereka menerimanya daripada penghulu para nabi A.S. kerana mereka percaya bahawa hadis-hadis mereka adalah daripada Rasulullah *Sawaw* tanpa *ijtihad* daripada mereka. Lantaran itu mereka mengambil(nya) daripada mereka dengan penuh keyakinan tanpa syak dan penentangan. Mereka bertanya kepada mereka di dalam semua hal yang mereka perlu. Oleh itu hadis-hadis riwayat mereka meliputi segala aspek.

Justeru itu tidak hairanlah jika Imam Ja'far al-Sadiq A.S. di datangi oleh beribu-ribu cerdik pandai sehingga Abu l-Hasan al-Wasya berkata kepada penduduk Kufah: Aku dapati di masjid Kufah ini lebih daripada empat ribu syaikh yang warak. Semuanya berkata: *Haddathani Ja'far bin Muhammad* (Ja'far bin Muhammad telah meriwayatkan hadis kepadaku).

Di sini aku akan kemukakan sebahagian daripada hadis-hadis dan sunnah *nabawiyyah* yang menyokong dakwaan Syi'ah dan kebenaran mer1eka menurut apa yang dibawa oleh Rasulullah *Sawaw* dan imam-imam yang suci A.S. seperti berikut:

1. *Hadis al-Dar* atau *al-Indhar* (Hadis jemputan di rumah atau hadis peringatan)

Sabda nabi *Sawaw*: *'Ini 'Ali saudaraku, wazirku, wasiku dan khalifahku selepasku '.*

Hadis ini telah diriwayatkan oleh para penghafal, para ulamak hadis, sirah dan sejarah dari golongan Sunnah dan Syi'ah di dalam *Sahih-Sahih* dan *Musnad-musnad* mereka. Mereka mengakui kesahihan dan kemuliaannya serta perawinya yang ramai. Lantaran itu tidak hairanlah jika ianya diterima oleh sejarawan-sejarawan umat Islam kerana ia adalah jelas dan nyata, tidak ada kesamaran lagi bahawa hadis ini datangnya daripada Rasulullah *Sawaw* pada permulaan

dakwahnya.

Al-Tabari telah menyebutkannya di dalam *Tarikh* [2]nya daripada Abu Hamid bahawa dia berkata: "Salmah telah memberitahukan kami dan dia berkata: Muhammad b. Ishak telah memberitahukan kepadaku daripada 'Abdu l-Ghaffar b. al-Qasim daripada al-Minhal daripada 'Umar daripada 'Abdullah b. al-Harith b. Naufal b. al-Harith b. 'Abdu l-Muttalib daripada 'Abdullah b. 'Abbas daripada 'Ali bin Abu Talib A.S. berkata: Manakala ayat *al-Indhar* (*al-Syuara'* 26:214): *'Dan berilah peringatan kepada kerabat-kerabatmu yang terdekat'* diturunkan ke atas Rasulullah *Sawaw*, beliau memanggilku dan berkata: *Wahai 'Ali! Sesungguhnya Allah telah memerintahkanku supaya memberi peringatan kepada keluarga anda yang terdekat. Maka akupun merasa cemas, kerana aku mengetahui bahawa apabila aku kemukakan kepada mereka perkara ini, aku akan lihat apa yang aku tidak menyukainya.* Maka beliau terus berdiam diri mengenainya sehingga datang Jibra'il dan berkata: *Wahai Muhammad! Sekiranya anda masih tidak melaksanakan apa yang diperintahkan kepada anda, nescaya anda akan disiksa oleh Tuhan anda.*

Justeru itu sedialah (wahai 'Ali) untuk kami segantang makanan dan letakkan di atasnya satu kaki kambing serta isikan untuk kami satu bekas yang berisi susu. Kemudian kumpulkan untukku Bani 'Abdu l-Muttalib sehingga aku sendiri bercakap kepada mereka dan menyampaikan apa yang diperintahkan kepadaku. Maka aku melakukan apa yang diperintahkannya. Kemudian aku menjemputkan mereka untuk-nya. Bilangan mereka pada hari itu lebih kurang empat puluh orang lelaki. Di antaranya bapa-bapa saudaranya Abu Talib, Hamzah, al-'Abbas dan Abu Lahab. Apabila sahaja mereka berkumpul di tempatnya, beliau memanggilku supaya membawa makanan yang aku sediakan untuk mereka. Manakala aku meletakkannya, Rasulullah *Sawaw* mengambil sepotong daging dan memecahkannya dengan giginya. Kemudian mencampakkannya di tepi hidangan itu, kemudian beliau bersabda: *Ambillah kalian dengan nama Allah.* Orang ramai memakannya sehingga kenyang. Aku tidak melihat melainkan tempat tangan mereka. Demi Allah di mana jiwa 'Ali di tanganNya. Sekiranya seorang daripada mereka memakannya, nescaya aku tidak dapat mengemukakannya ke

2. *Tarikh*, II, hlm. 216.

pada orang lain. Kemudian beliau bersabda: *'Berikan minuman kepada mereka semua'*, maka aku membawa kepada mereka bekas itu. Mereka meminumnya sehingga puas. Demi Tuhan sekiranya seorang daripada mereka meminumnya nescaya ianya tidak akan mencukupi untuk orang lain.

Apabila Rasulullah *Sawaw* ingin bercakap kepada mereka, Abu Lahab mendahuluinya dan berkata: "Sahabat kalian telah menyihirkan kalian. Maka orang ramaipun bersurai tanpa memberi kesempatan kepada Rasulullah *Sawaw* untuk memperkatakan sesuatu kepada mereka. Maka beliau bersabda: *'Besok wahai 'Ali sesungguhnya lelaki ini telah mendahuluiku sebagaimana anda telah mendengarnya. Maka orang ramaipun bersurai belum sempat aku memperkatakan kepada mereka. Justeru itu sediakah makanan untuk kami sebagaimana anda telah menyediakannya kelmarin. Kemudian kumpulkan mereka untukku.* Maka akupun melakukannya. Kemudian aku mengumpulkan mereka. Kemudian beliau memanggilku supaya aku membawa makanan itu. Maka akupun membawanya kepada mereka. Beliau melakukannya sebagaimana beliau telah melakukannya kelmarin. Mereka makan sehingga kenyang. Kemudian beliau bersabda: *'Berikan mereka minuman,'* maka akupun membawa minuman campuran susu itu. Lalu mereka meminumnya dengan sepuas-puasnya. Kemudian Rasulullah *Sawaw* bercakap dan bersabda: *'Wahai Bani 'Abdu l-Muttalib! Sesungguhnya demi Tuhan aku tidak mengetahui seorang pemuda Arab yang datang kepada kaumnya dapat mengemukakan apa yang lebih baik daripada apa yang aku kemukakan untuk kalian. Sesungguhnya aku akan membawa kepada kalian kebaikan dunia dan akhirat. Sesungguhnya Allah telah memerintahku supaya menyeru kalian kepadaNya. Maka siapakah di kalangan kalian yang akan membantuku di dalam urusan ini dan dialah yang akan menjadi saudaraku, wasiku, dan khalifahku pada kalian?'* Dia ('Ali) berkata: Orang ramai mulai merasa cemas mengenainya. Maka akupun berkata: Sesungguhnya aku adalah orang yang paling muda di kalangan mereka, orang yang paling mengidap sakit mata di kalangan mereka, orang yang paling besar perut di kalangan mereka, dan orang yang paling kecil betis di kalangan mereka. Aku, wahai Nabi Allah, akan menjadi wazir anda di dalam perkara itu, maka beliaupun memegang tengkukku. Kemudian dia bersabda: *'Sesungguhnya ini adalah saudaraku, wasiku dan khali-*

fahku pada kalian. Maka dengarlah kalian kepadanya dan patuhilah.' Beliau berkata: Orang ramai bangun dan ketawa sambil berkata kepada Abu Talib, sesungguhnya beliau telah memerintahkan anda supaya mendengar anak anda dan mematuhinya."

Al-'Allamah al-Amini di dalam bukunya *al-Ghadir*[3] berkata: Abu Ja'far al-Iskafi al-Mu'tazili al-Baghdadi di dalam bukunya *Naqd al-'Uthmaniyyah*[4] telah meriwayatkannya dengan lafaz yang sama dan berkata: "Ianya telah diriwayatkan di dalam hadis yang sahih."

Burhanuddin telah meriwayatkannya di dalam *Anba' Nujaba' al-Anba'*.[5] Ibn al-Athir di dalam *al-Kamil*[6] Abu l-Fida' 'Imaduddin al-Dimasyqi di dalam *Tarikh*[7]nya. Syahabuddin al-Khafaji di dalam *Syarh al-Syifa*[8] karangan al-Qadhi al-'Ayadh berkata: "Ianya telah disebutkan di dalam *Dala'il al-Baihaqi* dan lain-lain dengan sanad yang sahih."

Al-Khazin 'Alauddin al-Baghdadi di dalam *Tafsir* nya.[9] Al-Suyuti di dalam *Jam' al-Jawami'* yang dinukilkan daripada al-Tabari dan para penghafal yang enam[10] Abu Ishaq, Ibn Jarir, Ibn Abu Hatim, Ibn Mardawaih, Abu Nu'aim, al-Baihaqi dan Ibn Abu l-Hadid di dalam *Syarh Nahj al-Balaghah.*[11]

Ianya telah disebutkan juga oleh Jurji Zaidan di dalam *Tarikh al-Tamaddun al-Islami.*[12] Muhammad Husain Haikal di dalam *Hayat Muhammad.*[13] Perawi-perawi sanad semuanya *thiqah* selain daripada Abu Maryam 'Abd al-Ghaffar bin al-Qasim yang telah dianggap lemah oleh Ahlu s-Sunnah kerana dia adalah seorang Syi'ah. Tetapi Ibn 'Uqdah memujinya sebagaimana di dalam *Lisan al-Mizan.*[14]

Hadis ini telah diriwayatkan oleh para penghafal dan mereka adalah pakar-pakar di dalam hadis dan tidak seorangpun daripada mereka menganggap hadis ini sebagai lemah dan cacat disebabkan Abu Maryam di dalam isnad-isnadnya. Malah mereka berhujah dengannya tentang dalil-dalil kenabian dan keistimewaannya. Ahmad bin Hanbal di dalam *Musnad*[15]nya menyatakan bahawa semua sanad pera-

3. *al-Ghadir*, II, hlm. 279.
4. *Syarh Nahj al-Balaghah*, III, hlm. 263.
5. *Anba' Nujaba' al-Anba'*, hlm. 44 - 48.
6. *al-Kamil*, hlm. 24.
7. *Tarikh Abu l-Fida'*, I, hlm. 116.
8. *Syarh al-Syifa*, III, hlm. 37.
9. *Tafsir al-Khazin*, hlm. 390.
10. *Jam' al-Jawami'*, VI, hlm. 302-307.
11. *Syarh Nahj al-Balaghah*, III, hlm. 254.
12. *Tarikh al-Tamaddun al- Islami*, hlm.1,3
13. *Hayat Muhammad*, hlm. 104.
14. *Lisan al-Mizan*, IV, hlm. 43.
15. *al-Musnad*, I, hlm. 111.

wi-perawinya adalah *thiqah*, mereka ialah Syarik al-A'masy, al-Minhal dan 'Ubbad.

Justeru itu tidaklah menghairankan jika Ibn Taimiyah menyatakan ianya adalah hadis yang lemah kerana dia adalah seorang yang fanatik, degil dan sudah menjadi kebiasaan baginya menentang perkara-perkara yang boleh diterima akal dan menolak perkara-perkara yang *dharuriyyat*. Pendapat-pendapatnya memang sudah dikenali kerana tidak sahnya hadis di sisinya ialah apabila ianya mengandungi unsur-unsur kelebihan keluarga Rasulullah *Sawaw*.

(Kemudian al-'Allamah al-Amini menyebutkannya di dalam bentuk kedua). Sila buat rujukan kepada bukunya *al-Ghadir*. Dia berkata: "Ahmad bin Hanbal telah menyatakan di dalam *Musnad*[16]nya daripada 'Affan bin Muslim, daripada Abi 'Awanah, daripada 'Uthman bin al-Mughirah, daripada Abi Sadiq, daripada Rabi'ah bin Najidh, daripada 'Ali Amiru l-Mukminin. Dengan sanad dan teks inilah al-Tabari telah menerangkannya di dalam *Tarikh* [17]nya, al-Nisa'i di dalam *al-Khasa'is*, [18] al-Kanji al-Syafi'i di dalam *al-Kifayah*, [19] Ibn Abi l-Hadid di dalam *Syarh Nahj al-Balaghah*, [20] al-Suyuti di dalam *Jam' al-Jawami'* .[21] "

(al-'Allamah al-Amini telah menyebutkannya di dalam bentuknya yang ketiga). Daripada Amiru l-Mukminin A.S. berkata: "Manakala turun ayat *al-Indhar* (Surah *al-Syuara'* 26:214): *'Dan berilah peringatan kepada kerabat-kerabatmu yang terdekat'* beliau menyeru Bani 'Abdu l-Muttalib." Kemudian dia (al-Amini) berkata: "Hadis ini telah dicatat oleh Ibn Mardawaih dengan sanad-sanadnya dan dinukilkannya oleh al-Suyuti di dalam *Jam' al-Jawami'* [22],sebagaimana dilakukan oleh al-Muttaqi al-Hindi di dalam *Kanz al-'Ummal* [23]"

(al-'Allamah al-Amini telah menyebutkannya di dalam bentuknya yang keempat). Selepas menyebutkan permulaan hadis, kemudian Rasulullah *Sawaw* bersabda:*'Wahai Bani 'Abdu l-Muttalib! Sesungguhnya Allah telah mengutusku kepada semua makhluk dan kepada kalian semua.* Maka beliau membaca ayat *al-Indhar* (*al-Syuara'* 26:214): *'Dan berilah peringatan kepada kerabat-kerabatmu yang terdekat'. Aku menyeru kalian kepada dua kalimah yang ringan di lidah tetapi berat*

16. *Ibid*, hlm. 78, 86 & 159.
17. *Tarikh*, I, hlm. 217.
18. *al-Khasa'is*, hlm. 8.
19. *Kifayah al-Talib*, hlm. 89.
20. *Syarh Nahj al-Balaghah*, III, hlm. 255.
21. *Jam' al-Jawami'*, hlm. 408.
22. *Ibid.*
23. *Kanz al'Ummal*, VI, hlm. 401.

di neraca. Tiada tuhan melainkan Allah dan aku adalah pesuruhNya. Sesiapa yang menyahuti seruanku di dalam perkara ini dan membantuku, dia akan menjadi saudaraku, wazirku, wasiku, pewarisku, dan khalifahku selepasku.' Tidak ada seorangpun daripada mereka menjawabnya. Maka 'Alipun berdiri dan berkata: "Aku wahai Rasulullah." Beliau berkata: *'Duduklah wahai 'Ali.'* Kemudian beliau mengulanginya kepada mereka kali kedua. Mereka terus berdiam. 'Alipun berdiri dan berkata: "Akulah wahai Rasulullah." Maka beliau berkata: *'Duduklah.'* Kemudian beliau mengulanginya kepada mereka kali ketiga. Maka tidak seorangpun daripada mereka menjawabnya. 'Ali terus bangun dan berkata: "Akulah wahai Rasulullah." Maka beliau berkata: *'Duduklah, maka anda adalah saudaraku, wazirku, wasiku, pewarisku dan khalifahku selepasku.'*

Ibn Abi Hatim dan al-Ya'qubi telah meriwayatkannya dan dinukilkannya daripada mereka berdua oleh Ibn Taimiyah di dalam *Minhaj al-Sunnah.* [24] Al-Halabi meriwayatkannya daripadanya di dalam *Sirah* [25]nya.

(Kemudian al-'Allamah al-Amini menyebutkannya di dalam bentuk yang kelima), tentang hadis Qais dan Mu'awiyah menurut apa yang diriwayatkan oleh Sadiq al-Hilali di dalam bukunya daripada Qais.

(Kemudian al-'Allamah al-Amini menyebutkannya dalam bentuk yang keenam). Ianya telah dicatat oleh Abu Ishak al-Tha'labi (w. 427 H.) di dalam tafsirnya *al-Kasyf wa l-Bayan.* [26] Hadis ini juga telah disebutkan oleh al-Kanji al-Syafi'i di dalam *Kifayah al-Talib.* [27]

(Kemudian al-'Allamah al-Alimi menyebutkannya dalam bentuk yang ketujuh). Abu Ishak al-Tha'labi telah mengeluarkannya di dalam *al-Kasyf wa l-Bayan* daripada Abu Rafi' sebahagian daripada kata-katanya. Hadis ini juga disebutkan oleh seorang Kristian Mesir di dalam *al-Ta'liq 'Ala al-'Alawiyyah al-Mubarakah* [28] dengan lafaz di akhir hadis: Sesiapa yang menyahuti seruanku untuk melakukan perkara ini'. Dia telah menyebutkan hadis ini dengan begitu teratur. Buatlah rujukan kepada *al-Ghadir* [29].

Sayyid 'Abd al-Husain Syarafuddin (r.h) berkata di dalam bukunya *al-Muraja'at* [30] (Dialog Sunnah dan Syi'ah). Hadis ini

24. *Minhaj al-Sunnah*, IV, hlm. 80.
25. *al-sirah al-Halabiyyah*, I, hlm. 304.
26. *al-Kasyf wa l-Bayan*, I, hlm. 101.
27. *Kifayah al-talib*, hlm. 89.
28. *al-Ta'liq 'Ala al-'Alawiyyah al-Mubarakah*, hlm. 76.
29. *al-Ghadir*, II, hlm. 284.
30. *al-Muraja'at*, hlm. 119.

iaitu hadis *al-Dar* telah diriwayatkan oleh Muhammad Husain Haikal di dalam cetakan pertama bukunya *Hayat Muhammad*. Tetapi dia tidak menyebutkannya di dalam cetakan kedua dan ketiga.

Aku berkata: "Telah berlaku keriuhan tentang penetapan hadis ini. Ianya menerangkan kekhalifahan Amiru l-Mukminin 'Ali A.S. Ketika berlakunya keriuhan ini, Muhammad Husain Haikal telah menyiarkan rujukan-rujukan hadis ini di dalam akhbar politiknya di Mesir pada bilangan 2751 yang dikeluarkan pada 12 Dhul Qa'idah 1350 H. Sekiranya anda membuat rujukan kepada bilangan 2985, anda akan mendapatinya merujuk hadis ini kepada Muslim di dalam *Sahih* nya, Ahmad di dalam *Musnad* nya, 'Abdullah bin Ahmad di dalam *Ziyadat al-Musnad*, Ibn Hajr al-Haithami di dalam *Jam' al-Fawa'id*, Ibn Qutaibah di dalam *'Uyun al-Akhbar*, Ibn 'Abd Rabbih di dalam *al-'Aqd al-Farid*, al-Jahiz di dalam *Risalah*-nya daripada Bani Hasyim dan al-Tha'labi di dalam *Tafsir*-nya."

Aku berkata: "Hadis yang mulia ini adalah satu dalil yang terang dan hujah yang pemutus bahawa khalifah selepas Rasulullah *Sawaw* ialah 'Ali bin Abu Talib A.S. Kerana Nabi *Sawaw* telah mengeluarkan perintah ini pada permulaan dakwahnya dan telah menjadikan 'Ali wazirnya kerana tidak ada seorangpun di kalangan orang-orang yang menghadiri majlis itu setelah tiga kali dilakukannya menyahut seruannya. Malah pada setiap kali 'Ali berdiri sambil berkata: Aku wahai Rasulullah dan pada akhirnya Rasulullah *Sawaw* bersabda kepadanya: *'Andalah saudaraku, wazirku, wasiku, khalifahku selepasku. Oleh itu kalian dengar dan patuhilah beliau.'* "

Demi Tuhan anda wahai pembaca yang budiman. Adakah di sana nas yang lebih terang daripada ini tentang Khalifah 'Ali A.S. selepas Rasulullah *Sawaw* secara langsung? Wahai Muslimun! Kenapa fanatik terus berlaku sedangkan wujudnya nas yang terang di dalam buku-buku Ahlu s-Sunnah sendiri bahawa kekhalifahan 'Ali adalah secara langsung. Dan penangguhannya memerlukan dalil dan tidak ada di sana sebarang dalil.

2. *Hadis Thaqalain* (Hadis dua perkara yang berharga)

Sabda Nabi *Sawaw*: *'Sesungguhnya aku tinggalkan pada kalian thaqalain (dua perkara yang berharga) kitab Allah dan*

itrah Ahlu l-Baitku. Sekiranya kalian berpegang kepada kedua-duanya, nescaya kalian tidak akan sesat selepasku selama-lamanya'.

Hadis ini telah mencapai kemuncak kemasyhurannya sehingga sumber-sumber rujukannya tidak dapat dipertikaikan lagi. Hadis ini telah diriwayatkan oleh Sunnah dan Syi'ah serta mereka mengakui kesahihannya. Malah ianya diketahui oleh segenap lapisan masyarakat dan dihafal oleh orang yang tua dan muda, alim dan jahil. Lantaran itu ianya hampir sampai had kemutawatirannya.

Meskipun perawi-perawinya tidak sepakat mengenai nas hadis ini, tetapi perselisihan pendapat itu tidak akan mengubahkan matlamatnya sehingga ia tidak akan menjadi alasan bagi penakwilannya dan tidak akan menjadi sebab bagi melepaskan diri dari beban pengertiannya.

Tetapi perselisihan menyaksikan apa yang diperkatakan bahawa Rasulullah *Sawaw* telah bercakap mengenai pengertian hadis yang mulia ini di beberapa tempat dengan menjaga penyatuan makna serta matlamatnya.

Sebagaimana bilangan perawi-perawi di dalam hadis ini dan berbagai cara periwayatannya menggambarkan kepada kita bahawa ianya telah berlaku di beberapa tempat. Di antaranya berlaku di Haji Wida', di Hari Arafah ketika perhimpunan orang ramai, di Hari Ghadir Khum sebagaimana di dalam khutbahnya. Ianya berlaku ketika Nabi *Sawaw* sedang gering dan ketika berwasiat kepada ummatnya.

Di sini aku akan kemukakan kepada anda wahai pembaca yang budiman sebahagian daripada nama-nama pemuka Ahlu s-Sunnah yang meriwayatkan hadis *thaqalain* di dalam *sahih-sahih*, *musnad-musnad*, *sunan-sunan*, tafsir-tafsir, sirah-sirah, tarikh-tarikh mereka seperti berikut:

Muslim di dalam *Sahih* [31]nya mengutip sabda Nabi *Sawaw*: *Aku tinggalkan kepada kalian Thaqalain (dua perkara yang berharga) pertamanya kitab Allah padanya petunjuk dan cahaya. Oleh itu ambillah kalian dengan kitab Allah dan berpeganglah kepadanya. Aku peringatkan kalian kepada Allah tentang Ahlu l-Baitku ini.*

Ahmad bin Hanbal di dalam *Musnad* [32]nya daripada Sa'id al-Khudri daripada Nabi *Sawaw* bersabda: *Aku hampir dipang-*

31. *Sahih*, II, hlm. 238.
32. *al-Musnad*, III, hlm. 17, 26, 59 dan IV, hlm. 367.

gil (oleh Tuhanku) dan aku segera menyahutinya. Sesungguhnya aku tinggalkan kepada kalian Thaqalain (dua perkara yang berharga) kitab Allah dan 'itrahku. Kitab Allah adalah tali yang terbentang daripada langit ke bumi dan 'itrah Ahlu l-Baitku. Sesungguhnya Allah S.W.T. memberitahuku tentang kedua-duanya. Sesungguhnya kedua-duanya tidak akan berpisah sehingga dikembali kepadaku di Haudh. Maka kalian jagalah baik-baik kedua peninggalanku itu.

Al-Muttaqi al-Hindi meriwayatkan hadis ini di dalam *Kanz al-'Ummal.* [33] Sementara al-Turmudhi di dalam *Sahih* [34]nya daripada Jabir bin 'Abdullah al-Ansari dia berkata: Aku melihat Rasulullah *Sawaw* di Haji Wida' hari Arafah ketika beliau berada di atas unta dan bersabda: *Wahai manusia! Sesungguhnya aku telah meninggalkan kepada kalian, jika kalian mengambilnya nescaya kalian tidak akan sesat selama-lamanya: Kitab Allah dan 'itrah Ahlu l-Baitku.* Al-Turmudhi berkata: Hadis ini diriwayatkan oleh Abu Dhar, Abu Sa'id, Zaid bin Arqam dan Huzaifah bin Usyad.

Al-Turmudhi juga meriwayatkannya daripada Zaid bin Arqam bahawa Rasulullah *Sawaw* bersabda: *Sesungguhnya aku tinggalkan kepada kalian selama kalian berpegang teguh kepadanya, kalian tidak akan sesat selepasku. Salah satunya lebih besar daripada yang lain: Kitab Allah merupakan tali yang terbentang daripada langit ke bumi dan 'itrah Ahlu l-Baitku. Kedua-duanya tidak akan berpisah sehingga kedua-duanya dikembalikan di Haudh. Kalian jagalah baik-baik dan bagaimana kalian memperlakukan kedua-dua peninggalanku.* Al-Turmudhi selepas mengeluarkan hadis ini menyatakan bahawa hadis ini adalah hadis *Hasan.*

Al-Tabari di dalam *Dhakha'ir al-'Uqba,* [35] al-Hakim di dalam *al-Mustadrak* [36] daripada Zaid bin Arqam, sesungguhnya Nabi *Sawaw* bersabda semasa Haji Wida': *Sesungguhnya aku tinggalkan pada kalian Thaqalain (dua perkara yang berharga) salah satunya lebih besar dari yang lain; Kitab Allah dan 'itrahku. Oleh itu jagalah kedua-dua peninggalanku itu. Sesungguhnya kedua-duanya itu tidak akan berpisah sehingga dikembalikan di Haudh.* Al-Hakim[37] selepas menge-

33. *Kanz al-'Ummal*, VII, hlm. 112.
34. *Sahih*, II, hlm. 308.
35. *Dhakha'ir al-'Uqba*, hlm. 16.
36. *al-Mustadrak*, III, hlm. 109, 148 & 532.
37. *Ibid.*, hlm. 109.

mukakan hadis ini menyatakan bahawa hadis ini adalah *Sahih* menurut syarat Bukhari dan Muslim. Juga al-Dhahabi di dalam *Talkhis*[38]nya.

Al-Qanduzi al-Hanafi dalam *Yanabi' al-Mawaddah*[39] meriwayatkan daripada Imam al-Ridha A.S. bahawa beliau berkata tentang *'Itrah:* Mereka yang disabdakan Rasulullah *Sawaw*: *Aku tinggalkan kepada kalian dua perkara yang berharga: Kitab Allah dan 'Itrah Ahlu l-Baitku. Sesungguhnya kedua-duanya tidak akan berpisah sehingga kedua-duanya dikembalikan di Haudh. Dan jagalah baik-baik kedua-dua peninggalanku itu. Wahai manusia, janganlah kalian mengajar mereka kerana mereka lebih mengetahui daripada kalian.* Ibn Kathir telah meriwayatkan hadis ini di dalam *Tafsir*nya.[40]

Ibn Hajr di dalam *Sawa'iq*nya bab kesebelas menyatakan bahawa hadis ini telah diriwayatkan dengan banyak. Ketahuilah bahawa hadis *Thaqalain* telah diriwayatkan oleh lebih daripada dua puluh sahabat. Ada yang menyatakan ianya berlaku di Haji Wida' di Arafah, ada yang menyatakan di Madinah ketika Rasulullah *Sawaw* sedang gering di mana biliknya dipenuhi oleh para sahabat. Ada yang menyatakan ianya berlaku selepas beliau pulang dari Taif. Walau bagaimanapun ianya tidak menjadi halangan jika beliau mengulangi hadis tersebut di tempat-tempat yang berlainan kerana penekanan beliau yang serius terhadap kitab Allah dan *'Itrah* nya yang suci.

Al-Ya'qubi di dalam *Tarikh*nya[41] menyatakan bahawa Nabi *Sawaw* bersabda: *Aku melintasi kalian ketika kalian dibentangkan di hadapan Haudh. Sesungguhnya aku akan bertanya kepada kalian ketika kalian dikembalikan kepadaku tentang Thaqalain. Dan lihatlah bagaimana kalian memperlakukan kedua-dua peninggalanku. Mereka bertanya: Apakah Thaqalain (dua perkara yang berharga) wahai Rasulullah Sawaw? Beliau menjawab: Yang pertama adalah yang paling besar iaitu Kitab Allah (berada) 'ditangan' Allah dan ditangan kalian. Justeru itu kalian berpeganglah dengannya. Janganlah kalian menjadi sesat, dan janganlah kalian menukarnya dan kedua 'Itrah Ahlu l-Baitku.*

Al-Darimi telah menyebutkannya di dalam *al-Sunan*,[42] al-Nasa'i di dalam *al-Khasa'is*[43] dan al-Khanji al-Syafi'i di

38. *al-Talkhis*. III. hlm. 109.
39. *Yanabi' al-Mawaddah*, hlm. 25.
40. *Tafsir Ibn Kathir*. III. hlm. 486.
41. *Tarikh al-Ya'qubi*. II. hlm. 93
42. *al-Sunan*. II. hlm. 432.
43. *al-Khasa'is*. hlm. 30

dalam *Kifayah al-Talib.*[44] Abu Nu'aim al-Isfahani di dalam *al-Hilyah,*[45] Ibn al-Athir al-Jazari di dalam *Usd al-Ghabah,*[46] Ibn 'Abd Rabbih di dalam *al-'Iqd al-Farid,*[47] Ibn al-Jauzi di dalam *Tadhkirah al-Khawwas,*[48] al-Halabi al-Syafi'i di dalam *Insan al-'Uyun,*[49] Fakhruddin al-Razi di dalam *Mafatih al-Ghaib,*[50] al-Nisaburi di dalam *Tafsir*nya,[51] al-Khazin di dalam *Tafsir*nya,[52] Ibn Abi l-Hadid di dalam *Syarh Nahj al-Balaghah,*[53] Syablanji di dalam *Nur al-Absar,*[54] Ibn Sibaqh al-Maliki di dalam *al-Fusul al-Muhimmah,*[55] dan al-Baghawi al-Syafi'i dalam *Masabih al-Sunnah.*[56]

Sayyid Syarafuddin (r.h) menyatakan di dalam *al-Muraja'at*[57] (Dialog Sunnah - Syi'ah) bahawa buku-buku sahih yang mewajibkan berpegang kepada *Thaqalain* (dua perkara yang berharga) adalah *Mutawatir*, dan ianya telah diriwayatkan oleh lebih dua puluh sahabat. Di mana Rasulullah *Sawaw* telah bersabda di tempat yang banyak, di hari Ghadir Khum, hari Arafah di Haji Wida', selepas kembalinya dari Taif, di atas mimbar masjidnya di Madinah dan akhirnya di dalam biliknya semasa sakitnya. Bilik di waktu itu dipenuhi oleh para sahabat. Beliau bersabda: *Wahai manusia! Hampir nyawaku diambil dengan cepat, dia (Izra'il) sedang datang kepadaku. Dan sesungguhnya aku telah mengemukakan kepada kalian kata-kataku bahawa sesungguhnya aku tinggalkan kepada kalian kitab Allah 'Azza wa Jalla dan 'Itrah Ahlu l-Baitku.* Kemudian beliau mengambil tangan 'Ali lalu mengangkatnya sambil bersabda: *Ini 'Ali bersama al-Qur'an dan al-Qur'an bersama 'Ali kedua-duanya tidak akan berpisah sehingga kedua-duanya dikembalikan kepadaku di Haudh.*

Anda mengetahui bahawa khutbah *Sawaw* di hari itu tidaklah terhenti dengan perkataan ini sahaja, tetapi sayangnya politik telah membelenggukan lidah-lidah pakar-pakar hadis,dan menahan pena penulis-penulis. Meskipun titisan yang sedikit (ini) dari lautan itu dan serpihan yang kecil dari keseluruhannya adalah mencukupi. *Al-Hamdu lillah.*

Sayyid Hasyim al-Bahrani dalam *Ghayat al-Muram*[58] men-

---

44. *Kifayah al-Talib*, hlm. 89.
45. *Hilyah al-Auliya'*, I. hlm. 355.
46. *Usd al-Ghabah*, I. hlm. 12; II. hlm. 147.
47. *al-'Iqd al-Farid*, II. hlm. 346.
48. *Tadhkirah al-Khawwas*, hlm.332.
49. *Insan al-'Uyun*, III. hlm. 308
50. *Mafatih al-Ghaib*, III. hlm. 18.
51. *Tafsir al-Nisaburi*, I. hlm. 349.
52. *Tafsir al-Khazin*, I. hlm. 257.
53. *syarh Nahj al-Balaghah*, VI. hlm. 130.
54. *Nur al-Absar*, hlm. 99.
55. *al-Fusul al-Muhimmah*, hlm. 25.
56. *Masabih al-Sunnah*, III. hlm. 2056.
57. *al-Muraja'at*, hlm. 22.
58. *Ghayat al-Muram*, hlm. 211 & 217.

yatakan bahawa hadis *Thaqalain* telah diriwayatkan dengan tiga puluh sembilan cara menurut Ahlu s-Sunnah dan lapan puluh dua cara menurut Syi'ah daripada Ahlu l-Bait A.S.

Ayatullah al-'Uzma Sayyid Mir Hamid Husain al-Nisaburi telah menyebutkan hadis *Thaqalain* di dalam bukunya *'Abaqat*. Dia telah meriwayatkannya daripada hampir dua ratus para ulamak yang besar daripada berbagai mazhab bermula tahun 102 Hijrah berakhir tahun 113 Hijrah, daripada para sahabat lelaki dan perempuan di mana lebih daripada tiga puluh sahabat lelaki dan perempuan meriwayatkan hadis yang mulia ini daripada Nabi *Sawaw*.

Aku berkata: Seorang yang insaf akan membuat kesimpulan bahawa hadis *Thaqalain* jelas menunjukkan kekhalifahan Amiru l-Mukminin dan anak-anak lelakinya semua sebelas orang imam *maksum* A.S, kerana Nabi *Sawaw* telah menyamakan mereka dengan kitab al-Qur'an. Al-Qur'an adalah rujukan yang pertama bagi ummat Islam, tanpa dipertikaikan lagi sejak permulaan dakwah sehingga akhir dunia. Demikian juga 'Ali dan kesebelas orang anak-anaknya A.S. akan mengakhiri dunia sepertilah al-Qur'an kerana beliau telah menjadikan dua khalifahnya di dunia ini. Dan kedua-duanya tidak akan berpisah sehingga kedua-duanya dikembalikan kepadanya di Haudh di hari kiamat. Dan beliau telah menjadikan berpegang kepada kedua-duanya sebagai syarat untuk tidak menjadi sesat. Dan sesiapa yang berpaling daripada kedua-duanya akan binasa kerana beliau menyamakan Ahlu l-Baitnya dengan kitab Allah dan memerintahkan umatnya supaya berpegang kepada kedua-duanya sekali. Lantaran itu seorang itu tidak harus berpegang kepada salah satu daripada keduanya.

Justeru itu setiap *mukallaf* mesti berpegang kepada *Thaqalain*. Bukan hanya kepada kitab Allah sahaja tanpa *'Itrah* dan bukan *al-'Itrah* sahaja tanpa kitab Allah. Oleh itu berpegang kepada kedua-dua sekali kerana ianya merupakan satu ikatan yang tidak dapat dipisahkan kerana *'Itrah* adalah lisan yang bercakap untuk kitab yang membisu. Justeru itu kita tidak dinilai sekiranya kita berpegang kepada kitab Allah tanpa menurut cara mereka. Kerana mengetahui ayat-ayat *muhkam*, *mutasyabih*, *nasikh* dan *mansukh* dan lain-lain, tidak tepat selain daripada penerangan dan penjelasan mereka. Lantaran itu berpegang kepada kedua-duanya akan menjamin kejayaan seseorang. Dan penentang terha-

dap kedua-duanya atau salah satu daripadanya akan membawa kepada kebinasaan dan kerugian. Kerana Allah S.W.T telah memerintahkan orang ramai supaya berpegang kepada kedua-duanya. Rasulullah *Sawaw* tidak menyuruh orang ramai untuk melakukan sesuatu dengan sia-sia dan tidak menegah sesuatu dengan sia-sia. Kerana beliau tidak bercakap dengan hawa nafsunya malah dengan wahyu yang diwahyukan kepadanya. Oleh itu berpegang kepada kitab Allah dan *'itrah* yang suci adalah satu kewajipan bagi menjamin kejayaan manusia seluruhnya dengan nikmat yang abadi.

Sayyid Syarafuddin al-Musawi di dalam *Muraja'at*nya[59] menegaskan bahawa mafhum sabda Nabi *Sawaw*: *Sesungguhnya aku tinggalkan kepada kalian sekiranya kalian berpegang kepadanya, kalian tidak akan sesat selamanya; kitab Allah dan 'itrahku. Iaitu orang yang tidak berpegang kepada kedua-duanya adalah berada di dalam kesesatan.* Sebagaimana diperkuatkan oleh hadis Nabi *Sawaw*: *Janganlah kalian mendahului kedua-duanya nescaya kalian akan binasa dan janganlah mengabaikan kedua-duanya nescaya kalian juga akan binasa. Dan janganlah kalian mengajar mereka kerana mereka itu lebih mengetahui daripada kalian.*

Ibn Hajr berkata tentang sabdanya *Sawaw* di dalam *Sawa'iq*nya: '*Janganlah kalian mendahului kedua-duanya, maka kalian akan binasa atau janganlah kalian mengabaikan kedua-duanya, nescaya kalian akan binasa. Dan janganlah kalian mengajar mereka kerana mereka lebih mengetahui daripada kalian*,[60] adalah dalil ke atas orang yang layak di kalangan mereka untuk memegang jawatan yang tinggi di dalam agama. Dan mereka diutamakan daripada orang lain. Aku berpendapat: Rasulullah *Sawaw* menamakan *Thaqalain* kerana kedua-duanya mempunyai nilai yang tinggi. Lantaran itu pakar-pakar bahasa mengatakan setiap yang bernilai tinggi itu *thiqal*. Kerana berpegang kepada kedua-duanya bukanlah perkara yang mudah. Atau kerana beramal dengan kedua-duanya adalah berat sebagaimana telah dinyatakan oleh Ibn Hajr dalam *al-Sawa'iq Muhriqah* bab wasiat Nabi *Sawaw*. Ini menunjukkan bahawa khilafah dan imamah adalah untuk mereka; Ahlu l-Bait A.S. Sebagaimana kata seorang penyair:

Mereka menyamai kitab Allah yang

---

59. *al-Muraja'at*. hlm. 23.
60. *al-Sawa'iq al-Muhriqah*. hlm. 153.

bisu, sedangkan mereka adalah kitab yang bercakap.

Dari hadis*Thaqalain* ini menunjukkan kemaksuman Ahlu l-Bait A.S. sepertilah kemaksuman al-Qur'an yang tidak syak pada kemaksumannya kerana perintah Nabi *Sawaw* kepada ummatnya supaya merujuk kepada mereka selepasnya. Oleh itu segala urusan tidak akan diselesaikan melainkan oleh orang yang telah dipelihara dari kesalahan dan dosa. Dan dalil kemaksuman mereka ialah sabitnya kekhalifahan dan imamah untuk mereka. Justeru itu kemaksuman adalah menjadi syarat di dalam *Khilafah* dan *Imamah*. Dan orang yang selain daripada mereka tidaklah *maksum* secara ijmak.

3. *Hadis al-Manzilah* (Hadis mengenai kedudukan 'Ali dan Harun)

Sabdanya *Sawaw*: *'Tidakkah anda meridhai wahai 'Ali, anda di sisiku sepertilah Manzilah (kedudukan) Harun di sisi Musa hanya tidak ada nabi selepasku'.*

Kaum Muslimin bersepakat tentang kesahihan hadis yang mulia ini dan mencatatnya di dalam *Sahih-sahih* dan *Musnad-musnad* mereka yang muktabar. Sebab berlakunya hadis ini menurut pakar-pakar sejarah Hadis dan Sirah bahawa manakala Nabi *Sawaw* keluar untuk peperangan Tabuk, beliau melantik 'Ali A.S. sebagai penggantinya di Madinah ke atas keluarganya. Maka 'Ali A.S. berkata: Aku tidak suka jika anda keluar tanpa aku bersama anda. Maka beliau bersabda:*'Tidakkah anda meredhai bahawa kedudukan anda di sisiku seperti kedudukan Harun di sisi Musa, hanya tiada nabi selepasku'.*

Aku tidak mampu untuk menyebutkan kesemua nama-nama orang yang meriwayatkan hadis ini disebabkan perawi-perawinya terlalu ramai dan rujukan-rujukan yang banyak. Walau bagaimanapun aku akan kemukakan sebahagian daripada perawi-perawi yang masyhur di kalangan ulamak Ahlu s-Sunnah bagi mengukuhkan rujukanku dan menyempurnakan tujuanku:

Al-Bukhari di dalam *Sahih*nya, III, hlm. 54 di dalam 'kitab al-Maghazi', bab 'Peperangan Tabuk'. Dan di dalam jilid keduanya, hlm. 185, bab *'Bad' al-Khalq'* tentang keistimewaan 'Ali bin Abu Talib A.S.

Muslim di dalam *Sahih*nya, II, hlm. 236 dan 237 di dalam

kitab *Fadhl al-Sahabah*, 'bab fadhl 'Ali A.S.'
Ahmad bin Hanbal di dalam *Musnad* nya I, hlm.98,118 & 119.
Al-Hakim di dalam *al-Mustadrak*nya, III, hlm. 109, telah memperakui kesahihan hadis ini menurut syarat Bukhari dan Muslim.
Ibn 'Abd al-Birr di dalam *al-Isti'ab*, II, hlm. 473, 'riwayat hidup 'Ali A.S.'
Al-Muttaqi al-Hindi di dalam*Kanz al-'Ummal*, VI,hlm.152-153.
Ibn Hajr al-'Asqalani di dalam *al-Isabah*, II, hlm. 507, 'riwayat hidup 'Ali A.S.'
Ibn Hajr di dalam *al-Sawa'iq al-Muhriqah*, hlm. 30 dan 74.
Al-Syablanji di dalam *Nur al-Absar*, hlm. 68.
Al-Suyuti di dalam *Tarikh al-Khulafa'*, hlm. 65.
Ibn 'Abd Rabbih di dalam *al-'Iqd al-Farid*, II, hlm. 194.
Al-Nasa'i di dalam *al-Khasa'is*, hlm. 7.
Abu Nu'aim di dalam *Hilyah al-Auliya'*, VII, hlm. 196.
Ibn Hisyam di dalam *al-Sirah*, II, hlm. 520.
Abu l-Fida' di dalam *al-Bidayah wa n-Nihayah*, VII, hlm. 339.
Al-Muhibb al-Tabari di dalam *Dhakha'ir al-'Uqba*, hlm.63.
Al-Qunduzi al-Hanafi di dalam *Yanabi' al-Mawaddah*, hlm.204.
Al-Khawarizmi di dalam *al-Manaqib*, hlm. 79.
Ibn 'Asakir di dalam *Tarikh*nya, IV, hlm. 196.
Ibn al-Athir di dalam *Usd al-Ghabah*, IV, hlm. 26.
Ibn Abi l-Hadid di dalam *Syarh Nahj al-Balaghah*, II, hlm. 495.
Al-Kanji al-Syafi'i di dalam *Kifayah al-Talib*, hlm. 148.
Abu Bakr al-Baghdadi di dalam *Tarikh Baghdad*, II, hlm.432.
Ibn al-Jauzi di dalam *Safwah al-Safwah*, I, hlm. 120.
Al-Sibt Ibn al-Jauzi di dalam*Tadhkirah al-Khawwas*, hlm. 22.
Al-Dhahabi di dalam *Tadhkirah al-Huffaz*, II, hlm. 95.
Ibn Sa'd di dalam *al-Tabaqat-al-Kubra*, III, hlm. 24.

Dan ianya dikutip oleh semua penulis-penulis riwayat hidup Imam Amiru l-Mukminin A.S. dahulu dan sekarang. Dan ianya juga dikutip oleh setiap orang yang menulis tentang kelebihan Ahlu l-Bait dan kelebihan sahabat, iaitu hadis yang diterima oleh orang dahulu dan sekarang.

Aku berkata: Hadis ini menunjukkan keutamaan Amiru l-Mukminin 'Ali A.S. menjadi khalifah selepas Rasulullah *Sawaw* secara langsung tanpa memberi peluang bagi orang yang mengingkarinya untuk menentang Syi'ah *al-Abrar*, Syi'ah Ahlu l-Bait A.S.

Sayyid Syarafuddin (r.h) di dalam *al-Muraja'at* [61] berka-

ta: Hadis ini mempunyai hujah yang kuat bahawa 'Ali adalah penggantinya dan khalifahnya selepasnya. Lihatlah bagai-mana Nabi *Sawaw* menjadikannya walinya di dunia dan akhirat. Dan beliau mengasihinya daripada semua keluarganya. Bagaimana beliau menjadikan kedudukannya seperti ke-dudukan Harun di sisi Musa. Beliau tidak mengecualikannya selain daripada *nubuwwah*. Dan pengecualiannya adalah bukti umum. Dan anda mengetahui bahawa kedudukan yang paling ketara bagi Harun di sisi Musa ialah menjadi wazir ke atas semua ummatnya. Sebagaimana firmanNya di dalam Surah *Taha* 20:29-32: '*dan jadilah untukku seorang pembantu dari keluargaku iaitu Harun saudaraku, teguhlah dengan dia kekuatanku, dan jadilah dia sekutu dalam urusanku*' dan firmanNya di dalam Surah *al-A'raf* 7:142: '*Gantilah aku dalam (memimpin) kaumku, dan perbaikilah, dan janganlah kamu mengikuti jalan orang-orang membuat kerosakan*', dan firmanNya di dalam Surah *Taha* 20:36: '*Sesungguhnya telah diperkenankan permintaanmu, wahai Musa*'.

Lantaran itu 'Ali, menurut ayat ini, adalah khalifah Rasulullah pada kaumnya, wazirnya pada keluarganya dan rakan kongsinya di dalam urusannya sebagai penggantinya dan bukan sebagai nabi. Beliau adalah orang yang paling layak pada ummatnya semasa hidup dan mati. Oleh itu mereka wajib mentaatinya semasa beliau menjadi pembantunya sepertilah Harun kepada ummat Musa di zaman Musa.

Ini telah dijelaskan oleh Rasulullah *Sawaw* di dalam sabdanya: '*Aku tidak boleh pergi tanpa anda menjadi khalifahku*'. Ini adalah nas yang terang bahawa 'Ali adalah khalifahnya. Malah ianya menunjukkan bahawa sekiranya Nabi *Sawaw* pergi tanpa melantik 'Ali sebagai penggantinya, nescaya beliau telah melakukan perkara yang tidak sepatutnya beliau lakukan. Ini adalah disebabkan beliau telah diperintahkan oleh Allah S.W.T supaya melantik 'Ali A.S. sebagaimana firmanNya di dalam Surah *al-Ma'idah* 5:67: '*Hai Rasul, sampaikanlah apa yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu. Dan jika tidak kamu kerjakan (apa yang diperintahkan itu, berertl) kamu tidak menyampaikan amanatNya. Allah memelihara kamu dari (gangguan) manusia. Sesungguhnya Allah tidak memberi petunjuk kepada orang-orang yang kafir*'.

Kemudian perhatikanlah sabda Nabi *Sawaw*: '*Sepatut-*

61. *al-Muraja'at*, hlm. 127.

nya aku tidak pergi tanpa anda menjadi khalifahku', nescaya anda dapati kedua-duanya menuju kepada satu tujuan sebagaimana juga sabdanya: *'Andalah wali bagi setiap mukmin selepasku'*. Maka ia adalah nas bahawa beliau adalah wali *al-Amr*, dan menduduki tempatnya mengenainya sebagaimana al-Kumait (r.h) berkata:

Sebaik-baik wali *al-Amr* selepas walinya

dan tempat datangnya takwa dan sebaik-baik pendidik.

Al-Allamah al-Amini di dalam *al-Ghadir*[62] berkata: Sabdanya: *'Tidakkah anda meridhai bahawa anda di sisiku sepertilah kedudukan Harun di sisi Musa...'* mensabitkan setiap sifat yang ada pada Nabi *Sawaw* dari segi martabat, amal, makam, kebangkitan, hukum, pemerintahan dan ketuanan pada Amiru l-Mukminin selain daripada kenabian sebagaimana Harun di sisi Musa. Justeru itu beliaulah khalifahnya *Sawaw*, pengurniaan kedudukan 'Ali seperti kedudukan dirinya bukanlah dikurniakan begitu sahaja sebagaimana yang telah disangkakan oleh semua orang. Beliau telah melantik sebelum ini orang-orang tertentu di seluruh negera, dan beliau juga telah melantik beberapa orang dalam ekspidisi tentera, tetapi beliau tidak pernah bersabda sesuatu sebagaimana beliau bersabda kepada 'Ali A.S. Justeru itu ianya suatu keistimewaan yang dikurniakan kepada Amiru l-Mukminin 'Ali A.S.

Aku berkata: Ini menunjukkan bahawa khalifah selepas Rasulullah *Sawaw* ialah 'Ali secara terus dan kemaksuman 'Ali A.S. sebagaimana maksumnya Harun A.S. selain daripada kenabian sebagaimana anda telah mengetahuinya.

4. *Hadis al-Safinah* (Hadis Bahtera)

Sabda Nabi *Sawaw*: *'Umpama Ahlu l-Baitku samalah seperti bahtera Nuh. Siapa yang menaikinya berjaya. Dan siapa yang enggan atau terlambat, akan tenggelam'*.

Para ulamak Islam telah bersepakat tentang kesahihan hadis ini. Ianya telah diriwayatkan oleh para ulamak Sunnah dan Syi'ah di mana lebih seratus daripada para penghafal, ahli Hadis, Sirah, Sejarah telah mencatatnya di dalam buku-buku mereka, mengakui kepentingannya kerana

62. *al-Ghadir*, III, hlm. 199.

kepatuhan kepada kebesaran Allah S.W.T. Mereka menerimanya dengan senang hati.

Nas Hadis

Di sini dipeturunkan sebahagian daripada nama-nama ulamak Ahlu s-Sunnah yang meriwayatkan hadis ini seperti berikut:

Al-Hakim di dalam *al-Mustadrak*[63] dengan sanadnya daripada Hunsy al-Kinani berkata: Aku mendengar Abu Dhar yang sedang berpegang di pintu Ka'bah berkata: Siapa yang mengenaliku, maka akulah orang yang kalian kenali dan siapa yang tidak mengenaliku, maka akulah Abu Dhar. Aku mendengar Rasulullah *Sawaw* bersabda: *Umpama Ahlu l-Baitku sepertilah bahtera Nuh siapa yang menaikinya berjaya dan siapa yang enggan atau terlambat akan tenggelam.* Hadis ini adalah sahih menurut pensyaratan Muslim.

Al-Tabrani telah mencatatnya di dalam *al-Ausat*[64] daripada Abu Sa'id, Nabi *Sawaw* bersabda: *Umpama Ahlu l-Baitku pada kalian sepertilah bahtera Nuh. Siapa yang menaikinya berjaya dan siapa yang enggan atau terlambat akan tenggelam. Dan umpama Ahlu l-Baitku pada kalian sepertilah pintu pengampunan bagi Bani Isra'il. Siapa yang memasukinya akan diampun.*

Ibn Hajr dalam *al-Sawa'iq al-Muhriqah* mengemukakan beberapa riwayat yang menyokong satu sama lain bahawa Nabi *Sawaw* bersabda: *Sesungguhnya umpama Ahlu l-Baitku pada kalian sepertilah bahtera Nuh. Siapa yang menaikinya berjaya.* Di dalam riwayat Muslim: *'Dan siapa yang membelakanginya akan tenggelam. Sesungguhnya umpama Ahlu l-Baitku pada kalian sepertilah pintu pengampunan bagi Bani Isra'il. Siapa yang memasukinya akan diampun'.* Dan dalam riwayat yang lain: *'Dosa-dosanya akan diampun '.*

(Kemudian dia berkata) selepas mengemukakan hadis ini dan hadis-hadis yang seumpamanya dan membentangkan perumpamaan mereka dengan bahtera bahawa sesungguhnya orang yang mencintai mereka, dan menghormati mereka kerana mengsyukuri nikmat yang dikurniakan dan berpegang kepada petunjuk para ulamak mereka, akan berjaya daripada kegelapan perselisihan. Dan sesiapa yang

---

63. *al-Mustadrak*, II, hlm. 343.
64. *al-Ausat*, hlm. 216.

membelakanginya, akan tenggelam di lautan kekufuran nikmat dan binasa di dalam arus kezaliman. Sehingga dia berkata: Cinta kepada Ahlu l-Bait adalah menjadi sebab ummat ini dijadikan.

Al-Hamawaini di dalam *Fara'id al-Simtin* dengan membuang sanad-sanadnya daripada Sa'id bin Jubair daripada Ibn 'Abbas, dia berkata: Rasulullah *Sawaw* bersabda kepada 'Ali A.S.: *Wahai 'Ali, aku adalah bandar hikmat, dan anda adalah pintunya, dan tidak akan memasuki bandar melainkan melalui pintunya. Dan berbohonglah orang yang menyatakan bahawa dia mencintaiku sedangkan dia memarahi anda, kerana anda adalah daripadaku dan aku adalah daripada anda. Daging anda adalah dagingku. Darah anda adalah darahku. Jiwa anda adalah jiwaku. Batin anda adalah batinku. Zahir anda adalah zahirku. Anda adalah imam umatku dan khalifahku ke atasnya selepasku. Berbahagialah orang yang mentaati anda. Celakalah orang yang menderhakai anda. Beruntunglah orang yang mewalikan anda. Rugilah orang yang memusuhi anda. Beroleh kemenanganlah orang yang berada di samping anda. Dan binasalah orang yang menjauhi anda. Anda samalah seperti para imam daripada anak-anak lelaki anda selepasku seperti bahtera Nuh siapa yang menaikinya berjaya dan siapa yang membelakanginya akan tenggelam. Dan kalian sepertilah bintang-bintang setiap kali satu bintang tidak kelihatan, timbul pula bintang yang lain sehingga ke hari kiamat.*

Ibn al-Maghazili al-Syafi'i meriwayatkan tentang kelebihan-kelebihan Ahlu l-Bait A.S. dengan sanadnya daripada Harun al-Rasyid daripada al-Mahdi daripada al-Mansur daripada bapanya daripada datuknya daripada Ibn 'Abbas (r.d) berkata: Rasulullah *Sawaw* bersabda:.*Umpama Ahlu l-Baitku sepertilah bahtera Nuh, siapa yang menaikinya berjaya. Dan siapa yang enggan atau terlambat akan binasa.* Tetapi apa yang menghairankan ialah tindakan kekerasan mereka terhadap Ahlu l-Bait A.S. meskipun mereka mempercayai kelebihan 'mereka'.

Al-Syablanji di dalam *Nur al-Absar* meriwayatkan bahawa sekumpulan pengarang-pengarang *Sunan* telah meriwayatkan daripada para sahabat bahawa Nabi *Sawaw* bersabda: *Umpama Ahlu l-Baitku pada kalian samalah seperti bahtera Nuh. Siapa yang menaikinya berjaya dan siapa yang membelakanginya binasa.* Di dalam riwayat yang lain 'tenggelam'.

Hadis ini bukan sahaja *mutawatir* di kalangan Ahlu s-Sunnah malah ianya menjadi *mutawatir* di kalangan Syi'ah. Aku berkata: Ini adalah ringkasan tentang hadis *al-Safinah* yang banyak. Walau bagaimanapun aku kemukakan sebahagian daripada nama-nama ulamak Ahlu s-Sunnah yang meriwayatkan hadis *al-Safinah* di dalam buku-buku mereka:

Muslim di dalam *Sahih*nya, Ahmad bin Hanbal di dalam *Musnad*nya, al-Tabari di dalam *Tarikh*nya, al-Hakim di dalam *al-Mustadrak*, Muhibbuddin al-Tabbari di dalam *Dhakha'ir al-'Uqba*, Abu Nu'aim al-Asfahani di dalam *al-Hilyah* dan *Dala'il al-Nubuwwah*, Ibn 'Abd al-Birr di dalam *al-Isti'ab*, al-Khatib di dalam *Tarikh Baghdad*, Ibn al-Athir al-Jazari di dalam *Usd al-Ghabah*, Fakhruddin al-Razi di dalam *Mafatih al-Ghaib*, Ibn Talhah al-Syafi'i di dalam *Matalib al-Su'ul*, Muhibb al-Tabari di dalam *al-Riyadh al-Nadhirah*, Sibt Ibn al-Jauzi didalam *al-Tadhkirah*, Ibn al-Sibagh al-Maliki di dalam *al-Fusul al-Muhimmah*, al-Suyuti di dalam *al-Jami' al-Saghir*, Ibn Hajr di dalam *al-Sawa'iq*, al-Syblanji di dalam *Nur al-Absar*, al-Siban di dalam *al-Is'af*, al-Qunduzi al-Hanafi di dalam *Yanabi' al-Mawaddah*, al-Kanji al-Syafi'i di dalam *Kifayah al-Talib*, dan lain-lain.

Di antara orang yang mengakui kesahihannya ialah Imam al-Syafi'i sendiri. Al-Ujaili telah mengaitkan kata-kata Syafi'i di dalam *Dhakhirah al-Mal*:

> Manakala aku melihat manusia telah berpegang kepada mazhab yang bermacam-macam di lautan kebodohan dan kejahilan
>
> Aku menaiki dengan nama Allah bahtera kejayaan mereka itulah Ahlu l-Bait al-Mustafa dan penamat segala Rasul.

Wahai pembaca yang budiman, sesungguhnya hadis yang mulia ini datangnya daripada Nabi *Sawaw*. Beliau telah menutup jalan-jalan yang banyak. Justeru itu beliau tidak meninggalkan selain daripada jalan Ahlu l-Bait yang terang seperti matahari di siang hari. Beliau telah memimpin mereka ke jalan yang benar dengan hujah yang terang yang akan membawa mereka ke syurga.

Dan perumpamaan Ahlu l-Baitnya dengan bahtera Nuh adalah jelas menunjukkan bahawa mengikuti mereka, mematuhi kata-kata dan perbuatan-perbuatan mereka adalah wa-

jib. Dan untuk mendapat kejayaan adalah dengan menaiki bahtera, nescaya mereka berjaya daripada tenggelam kerana bahtera itu terselamat daripada keaiban. Sekiranya terdapat kecacatan, nescaya binasalah orang yang berada di dalamnya tanpa syak lagi. Kerana ombak-ombak taufan begitu kuat memukul seperti bukit sebagaimana diceritakan oleh al-Qur'an tentang kesengsaraan yang menakutkan. Nuh menyeru anak lelakinya dari jauh: *'Wahai anakku! Naiklah bersama kami dan janganlah anda berada bersama orang yang kafir.* Anaknya berdegil tidak mahu menaikinya sambil berkata: *Aku akan berlindung di bukit yang dapat memeliharaku daripada air. Maka Nuh menjawab: Tidak ada pemliharaan di hari ini (sesuatupun) dari suruhan Allah (selama-lamanya) selain daripada orang yang dirahmati Allah (dengan menaiki bahtera).* Lantas orang yang ingkar tetap berkeras dengan penuh penentangannya. Maka ombak telah memisahkan di antara keduanya, maka termasuklah dia dari golongan orang yang tenggelam yang berdegil di atas kekufuran mereka. Maka ombak-ombak tadi memukul mereka, lalu mereka pun binasa. *Wa l-Hamdulillah 'Ala Halaki Ahli l-Kufr.*

Demikianlah para imam Ahlu l-Bait A.S. dengan ummat ini. Siapa yang berlindung kepada mereka dan berjalan menurut jalan mereka yang lurus, berpegang kepada ikatan kukuh yang tidak akan terpisah buat selama-lamanya, mengambil daripada mereka asas-asas agamanya serta cabang-cabangnya, berakhlak dengan akhlak mereka yang mulia, berpegang kepada kewalian mereka, benar-benar mencintai mereka di dalam ertikata orang lain tidak mendahului mereka, nescaya dia akan berjaya dari tenggelam dan akan mendapat ganjaran yang sewajarnya. Selamat daripada siksaan Allah di hari akhirat dan akan mendapat ganjaran daripada Allah dan Nabi *Sawaw*. Dan sesiapa yang membelakangi mereka adalah seperti orang yang berlindung di hari Taufan kepada bukit untuk menyelamatkannya daripada urusan Allah. Maka dia disambar oleh ombak lalu tenggelam dan binasa. Demikian juga ombak-ombak fitnah telah melanda (mereka) bertubi-tubi samalah seperti ombak-ombak Taufan Nuh. Tidak ada beza di antara kedua-duanya menurut nas hadis. Ombak mengambilnya dan menenggelamkannya kemudian dia tinggal di neraka. Perbezaannya yang pertama tenggelam di air sementara yang kedua tenggelam di neraka jahanam (*Wa l-'Iyadhubillah*).

Begitu juga hadis ini mewajibkan mukmin berpegang kepada Ahlu l-Bait A.S. bagi mendapat kejayaan yang abadi dan menjauhi siksaan di hari hisab.

Al-Sayyid al-Muhsin al-Amin al-'Amili[65] berkata: Manakah kata-kata yang lebih jelas daripada sabdanya: *'siapa yang menaikinya berjaya dan siapa yang membelakanginya binasa atau tenggelam'* sebagaimana orang yang menaiki bahtera Nuh berjaya daripada tenggelam. Dan siapa yang tidak menaikinya tenggelam dan binasa. Begitu juga dengan orang yang mengikuti Ahlu l-Bait A.S. berada di dalam kebenaran dan selamat daripada kemurkaan Allah S.W.T. serta mendapat kemenangan dengan keridhaanNya. Dan siapa yang menyalahi mereka, akan binasa dan jatuh ke dalam kemurkaan Allah dan siksaanNya. Ini menunjukkan kemaksuman mereka. Jikalau tidak, bagaimana orang yang mengikuti mereka, berjaya dan orang yang menyalahi mereka binasa.

Ini adalah secara umum dan khusus sebagaimana telah diterangkan di dalam hadis *Thaqalain*. Apa yang dimaksudkan di dalam hadis itu ialah para imam Ahlu l-Bait yang telah disepakati kelebihan mereka. Dikenali dengan keilmuan, kezuhudan dan kewarakan mereka. Dan ummat juga bersepakat selain daripada mereka tidaklah *maksum*. Orang yang tidak *maksum* tidak menjamin kejayaan pengikutnya, dan penentangnya pula tidaklah binasa dalam setiap keadaan.

Justeru itu memadailah mereka dinamakan pintu pengampunan kerana kejayaan terletak pada mengikuti mereka, dan pelepasan dosa serta kemaksiatan, adalah dengan mengambil jalan mereka.

Aku berkata: Hadis yang mulia ini merupakan hujah yang pemutus dan dalil yang kuat terhadap dakwaan Syi'ah al-Abrar dan pengikut-pengikut Ahlu l-Bait A.S. bahawa khalifah adalah untuk 'Ali Amiru l-Mukminin A.S. Selepas Rasulullah *Sawaw* secara langsung dan selepasnya adalah zuriatnya yang terpilih berdasarkan kepada nas hadis bahawa orang-orang yang berpegang kepada *'itrah* yang suci akan berjaya. Dan orang yang membelakangi mereka akan binasa. Lantaran itu tidak ada ruang bagi seseorang untuk menentang hujah mereka dan mengambil selain daripada mereka serta mendakwa kejayaan bagi dirinya. Aku memohon ke pada Allah supaya menunjukkan Muslimin kepada jalan yang

---

65. *A'yan al-Syi'ah*, III, hlm. 265.

benar dan menyatukan pemikiran mereka bagi mengikuti kebenaran dan mengilhamkan mereka percakapan yang benar.

5. ***Hadis Madinah al-'Ilm* (Hadis Bandar Ilmu)**
Sabda Nabi *Sawaw*: *'Aku adalah bandar ilmu dan 'Ali adalah pintunya'.*

Hadis ini adalah di antara hadis-hadis yang sabit di sisi para ulamak Islam secara langsung daripada para penghafal hadis, pakar-pakar sejarah dan sirah. Dan pemindahannya adalah secara *mutawatir* daripada para ulamak Islam dari berbagai-bagai pihak di setiap masa.

Adapun para sahabat yang meriwayatkan hadis ini adalah ramai di antaranya:

Imam Amiru l-Mukminin 'Ali A.S, Imam Hasan A.S; 'Abdullah bin 'Abbas, Jabir bin 'Abdullah al-Ansari, 'Abdullah bin Mas'ud al-Hazali, Huzaifah bin al-Yaman, 'Abdullah bin 'Umar, Anas bin Malik, Amru bin al-'As dan lain-lain.

Adapun para perawi hadis ini di peringkat Tabi'in ialah: Imam Zain al-'Abidin bin 'Ali bin al-Husain A.S. Anaknya Imam Muhammad al-Baqir A.S, Asbagh bin Nubatah, Jarir al- Dhubbi, Haris bin 'Abdullah al-Hamdami al-Kufi, Sa'd bin Tarif al-Hamzali al-Kufi, Sa'id bin Jubair al-Asadi al-Kufi, Salmah bin Kuhail al-Hadhrami al-Kufi, Sulaiman bin Mihran al-Asadi al-Kufi, 'Asim bin Hamzah al-Saluli al-Kufi, 'Abdullah bin 'Uthman bin Khaitham al-Qari' al-Makki, Abdul Rahman bin 'Uthman, 'Abdullah bin Usailah al-Muradi Abu 'Abdullah al-Sinaiji, Mujahid bin Jubair Abu al-Hajjaj al-Makhzumi al-Makki.

Adapun para ulamak yang menghukum kesahihannya adalah ramai di antaranya: al-Tabari di dalam *Tahdhib al-Athar*, al-Hakim di dalam *al-Mustadrak*, al-Suyuti di dalam *Jam' al-Jawami'*, al-Biruni di dalam *Asna al-Matalib*, al-Muttaqi al-Hindi di dalam *Kanz al-'Ummal*, Fadhlullah bin Ruzabhan al-Syirazi di dalam *Abtal al-Abatil*, al-Fairuz Abadi di dalam *Naqd al-Sahih*, Ibn Hajr al-Asqalani di dalam beberapa fatwanya yang diceritakan oleh al-Suyuti di dalam *al-Li'ali al-Masnu'ah* dan *Jam' al-Jawami'*, al-Sakhawi di dalam *al-Maqasid al-Hasanah*, Muhammad bin Yusuf al-Syammi di dalam *Subul al-Huda wa r-Rasyad fi Asma' al-'Ibad*, Ibn Hajr di dalam *al-Sawa'iq al-Muhriqah*, al-Munawi di dalam *Faidh al-Qadir Syarh al-Jami' al-Saghir*, 'Abd al-Haq al-Dahlawi di dalam *al-Luma'at*, al-Siban al-Misri di dalam *Is'af al-Raghib-*

in, dan lain-lain.

Adapun para ulamak yang mencatat hadis ini di dalam buku-buku dan*musnad-musnad* mereka adalah ramai di antara-nya: al-Hakim di dalam *al-Mustadrak*[66], dia berkata: Abu al-'Abbas Muhammad bin Ya'qub telah memberitahukan kami, Muhammad bin 'Abd al-Rahim al-Harwi telah mem beritahukan kami di Ramlah, Àbu al-Salt 'Abd al-Salam bin Salih telah memberitahukan kami, Abu Mu'awiyah telah mem-beritahukan kami daripada al-A'masy daripada Mujahid dari-pada Ibn 'Abbas (r.d) dia berkata: Rasulullah *Sawaw* ber-sabda: *Aku adalah bandar ilmu dan 'Ali adalah pintunya. Maka sesiapa yang ingin datang ke bandar ilmu, maka hendak-lah dia datang melalui pintunya.* Sanad hadis ini adalah sa-hih tetapi Bukhari dan Muslim tidak mengeluarkannya di dalam *sahih-sahih* mereka.

Al-Khatib al-Baghdadi di dalam *Tarikh Baghdad* [67] ber-kata: Yahya bin 'Ali al-Daskari Bahlawan telah memberitahu-kan kami. Begitu juga Abu Bakr Muhammad bin al-Muqri, Abu Tayyib Muhammad bin 'Abd al-Samad al-Daqqaq al-Bagh-dadi, Ahmad bin 'Abdullah Abu Ja'far al-Maktab, 'Abd al-Raz-zaq, Sufyan al-Thauri telah memberitahukan kami daripada 'Abdullah bin 'Uthman bin Khaitham daripada 'Abd al-Rah-man bin 'Uthman, dia berkata: Aku telah mendengar Jabir bin 'Abdullah (r.d) berkata: Aku mendengar Rasulullah *Sa-waw* bersabda di dalam keadaan memegang lengan 'Ali bin Abu Talib (A.S): *'Inilah amir orang-orang yang baik, pembunuh orang-orang yang jahat, menolong orang yang menolongnya, menghina orang yang menghinanya. Aku adalah bandar ilmu dan 'Ali adalah pintunya. Maka sesiapa yang ingin datang ke bandar ilmu, maka hendaklah dia datang melalui pintunya'.*

Al-Qunduzi al-Hanafi di dalam *Yanabi' al-Mawaddah,*[68] hlm. 183. berkata: Ibn 'Udayy dan al-hakim telah meriwa-yatkannya daripada Jabir, dia berkata: Rasulullah *Sawaw* bersabda: *'Aku adalah bandar ilmu dan 'Ali adalah pintunya. Dan sesiapa yang ingin datang kepada bandar ilmu, maka hendaklah dia datang melalui pintunya'.*

Ibn Hajr di dalam *al-Sawa'iq al-Muhriqah*[69] menerangkan bahawa hadis ini telah diriwayatkan melalui al-'Uqaili dan

---

66. ***al-Mustadrak***, III, hlm. 126.
66. ***al-Mustadrak***, III, hlm. 126.
67. ***Tarikh Baghdad***, II, hlm. 377.
68. ***Yanabi' al-Mawaddah***, hlm. 183.
69. ***al-Sawa'iq-al-Muhriqah***, hlm. 37.

Ibn 'Udayy daripada Ibn 'Umar dia berkata: Rasulullah *Sawaw* bersabda: *'Aku adalah bandar ilmu dan 'Ali adalah pintunya'*. Di dalam riwayat yang lain pula *'Sesiapa yang inginkan ilmu, maka hendaklah datang melalui pintunya'*.

Ibn Kathir di dalam *al-Bidayah wa al-Nihayah* [70] berkata: 'Hadis ini telah diriwayatkan oleh Suwaid bin Sa'id daripada Syarik daripada Salmah daripada al-Sinaiji daripada 'Ali secara *marfu'*: *'Aku adalah bandar ilmu dan 'Ali adalah pintunya. Maka sesiapa yang inginkan ilmu, maka hendaklah datang melalui pintunya'*."

Al-Muttaqi al-Hindi di dalam *Kanz al-'Ummal* [71] menyatakan bahawa hadis ini telah diriwayatkan daripada 'Ali sebagaimana telah disebutkan oleh Ibn Kathir.

Ibn 'Abd al-Birr di dalam *al-Isti'ab* [72] berkata: Hadis ini telah diriwayatkan daripada Nabi *Sawaw*, beliau bersabda: *'Aku adalah bandar ilmu dan 'Ali adalah pintunya. Maka sesiapa yang inginkan ilmu, maka hendaklah datang melalui pintunya'*.

Muhibb al-Tabari di dalam *al-Riyadh al-Nadhirah* [73] menerangkan bahawa hadis ini telah diriwayatkan melalui Abu 'Umar sebagaimana telah diterangkan di dalam *al-Isti'ab* dan *Dhakha'ir al-'Uqba*. [74]

Ibn Abi al-Hadid di dalam *Syarh Nahj al-Balaghah* [75] berkata: Rasulullah *Sawaw* bersabda: *'Aku adalah bandar ilmu dan 'Ali adalah pintunya. Maka sesiapa yang ingin datang ke bandar ilmu, maka hendaklah datang melalui pintunya'*. Hadis ini juga telah dicatat oleh Ibn al-Athir al-Jazari di dalam *Usd al-Ghabah* [76], al-Kanji al-Syafi'i di dalam *Kifayah al-Talib* [77], al-Dhahabi di dalam *al-Talkhis* [78], Ibn Hajr al-'Asqalani di dalam *Lisan al-Mizan* [79] dan *Tahdhib al-Tahdhib* [80]., al-Sakhawi di dalam *al-Maqasid al-Hasanah*, al-Nabhani di dalam *al-Fath al-Kabir*, al-Suyuti di dalam *Tarikh al-Khulafa'* dan *al-Jami' al-Saghir*, Sibt Ibn al-Jauzi di dalam *Tadhkirah al-Khawwas* dan lain-lain.

Sayyid Najafi al-Mar'asyi telah menyebutkan hadis ini di dalam *Ta'liqatuhu 'Ala Ihqaq al-Haqa'iq* karangan Ayatullah

---

70. *al-Bidayah wa al-Nihayah*, VII. hlm. 358.
71. *Kanz al-'Ummal*, V. hlm. 30.
72. *al-Isti'ab*, II. hlm. 461.
73. *al-Riyadh al-Nadhirah*, II. hlm. 193.
74. *Dhakhair al-'Uqba*, hlm.77.
75. *Syarh Nahj al-Balaqhah*. II. hlm. 236.
76. *Usd al-Ghabah*, IV. hlm. 22.
77. *Kifayah al-Talib*, hlm. 99.
78. *al-Talkhis*. III. hlm. 126.
79. *Lisan al-Mizan*. I. hlm. 432.
80. *Tahdbib al-Tahdhib*, II. hlm. 320.

'Uzma Sayyid Qadhi Nurullah al-Tastari (r.h). Kemudian dia menyebutkan nama-nama ulamak Ahlu s-Sunnah yang menyokong hadis ini di dalam Jilid V, hlm. 469 - 514.

Aku berkata: Sekiranya Ahlu s-Sunnah yang meriwayatkan hadis ini telah membohongi Rasulullah *Sawaw* sebagaimana telah disangkakan oleh dajal-dajal yang menjadi kebiasaan mereka melakukan keaiban-keaiban dan berusaha untuk kerosakan dan menentang darurat, maka mereka akan dipertanggungjawabkan terhadap agama di hadapan Allah S.W.T. Ya! Kita dapati ramai daripada orang yang memalsukan hadis ke atas Rasulullah *Sawaw* mengenai 'kelebihan sahabat' telah menerima upah yang lumayan dan ada yang melakukannya secara sukarela. Apabila mereka dapati tidak ada kecacatan pada hadis ini, kerana ia diakui oleh Sunnah dan Syi'ah, lalu mereka menambah beberapa rangkaian padanya bagi mengalihkannya daripada apa yang sepatutnya. Maka mereka memindahkannya seperti: Aku adalah bandar ilmu, Abu Bakr asasnya, 'Umar dindingnya, 'Uthman bumbungnya dan 'Ali pintunya.

Para ulamak Ahlu s-Sunnah mencela sesama mereka. Kerana mereka menjadikan 'Uthman bumbungnya lalu mereka berkata: Bandar tidak ada bumbung. Sekiranya mereka berfikir sejenak nescaya mereka mengetahui bahawa *madinah al-'Ilm* (Bandar ilmu) adalah 'suasananya'. Bagaimana Abu Bakr menjadi asasnya sedangkan dia tidak mengetahui perkataan *Abba*. Sebagaimana diriwayatkan oleh para ahli Tafsir dari golongan Sunnah dan Syi'ah bahawa dia pernah ditanya tentang firmanNya di dalam Surah *'Abasa* 80:31: *'Fakihatan wa abba (buah-buah dan rumput-rumputan*)'."*Fakihatan* kami mengetahui maknanya adapun *Abba* kami tidak mengetahuinya. Bumi manakah yang aku akan pijak dan langit manakah yang aku akan junjung, apabila aku berkata sesuatu tentang kitab Allah dengan fikiranku sedang-kan aku tidak mengetahuinya". Dia juga berkata: "Sesungguhnya syaitan selalu menggodaku dan apabila aku melakukan kesalahan, maka perbetulkanlah (kesalahan) ku".

Begitu juga halnya dengan 'Umar. Bagaimana dia boleh menjadi dindingnya sedangkan dia berkata: "Orang ramai lebih mengetahui daripada 'Umar sehingga gadis-gadis sunti di dalam khemah". Dia berkata: "Sekiranya 'Ali tidak ada, nescaya binasalah 'Umar". Dia juga berkata: "Semoga Allah tidak meninggalkan aku di dalam permasalahan di mana Abu l-

Hasan tidak ada". Dan banyak lagi contoh-contoh seumpama itu dari pengakuannya sendiri tentang kejahilannya di dalam beberapa perkara termasuk hukum-hukum dan lain-lain. Demi Tuhan Ka'bah, Ahlu s-Sunnah tidak boleh mengatakan bahawa kata-kata 'Umar itu sebagai tawadhuk (merendah diri).

Keuzuran yang sejuk ini tidak mempunyai kemuliaan lagi kerana tidak ada jalan keluar bagi sifat *tawadhuk* yang disangkakan. Kerana *maqam* yang kita bincangkan sekarang adalah *maqam khilafah* daripada Nabi *Sawaw* yang *maksum* yang membawa syariat yang kuat sehingga berakhirnya dunia ini. Sebagai menunaikan kewajipan tersebut maka *tawadhuk* tidak menjadi alasan lagi. Dan sesungguhnya dakwaan tawadhuk memerlukan dalil dan tidak ada dalil bagi Ahlu s-Sunnah. Kemudian kata-kata 'Umar itu menunjukkan kelebihan 'Ali A.S. di setiap keadaan. Dan cukuplah itu menjadi dalil bagi Syi'ah al-Abrar.

Dengan nama Tuhan anda, katakanlah kepadaku wahai Muslim yang budiman! Adakah layak orang seperti 'Umar yang mengakui kejahilannya sendiri menjadi khalifah kepada ummat yang baru Islam sedangkan ada orang yang disabdakan oleh Rasulullah *Sawaw*: *'Anda wahai 'Ali! Pewaris ilmuku, suami anak perempuanku, pelaksana agamaku dan khalifahku selepasku'.* Justeru itu Amiru l-Mukminin telah menunjuk kepada dadanya di suatu hari di atas mimbar Masjid Kufah sebanyak tiga kali sambil berkata: "Di sinilah sifat ilmu. Bertanyalah kepadaku sebelum kalian kehilanganku. Demi Allah sekiranya kalian bertanya kepadaku tentang jalan-jalan langit dan bumi, nescaya aku akan memberitahukan kalian mengenainya. Maka sesungguhnya aku lebih mengetahui jalan-jalan langit dan jalan-jalan bumi". Hadis-hadis seumpama ini memanglah banyak, maka di manakah nilainya wahai Muslimun!

Mereka juga telah menjadikan 'Uthman sebagai bumbung, ianya ditertawakan oleh ibu yang kehilangan anaknya. Mereka menjadikan Abu Bakr sebagai asas dan 'Umar sebagai dindingnya. Aku tidak mengerti syaitan, jin dan manusia mana yang membuat tambahan kepada hadis ini? Kerana apa yang terdapat di dalam *musnad-musnad* Ahlu s-sunnah menyalahinya. Malah terdapat sanadnya yang tidak boleh dipercayai. Mudah-mudahan mereka akan sedar dari kelalaian mereka dan memerhatikan hadis yang mulia ini dari

segi *balaghah* dan *fasahah*nya.

Malah penambahan kepada hadis tersebut, telah menurunkan darjat ketiga-tiga khalifah dan menghina mereka. Kerana orang yang menuju ke bandar ilmu tidak akan memasuki melalui asasnya, dindingnya dan bumbungnya, malah melalui pintunya.

Hadis (tambahan) seperti ini telah dilakukan di zaman Taghut Mu'awiyah yang telah mengambil hadis sebagai bahan perniagaan sebagaimana kami telah kemukakannya sebelum ini. Dia telah memerintahkan gabenor-gabenornya supaya memalsukan hadis tentang kelebihan sahabat dan mencela Ahlu l-Bait A.S. Apatah lagi tentang hak Amiru l-Mukminin A.S.

Kesimpulannya: Tertegaknya khalifah Amiru l-Mukminin 'Ali A.S. selepas Rasulullah *Sawaw* secara langsung dengan hadis: *Aku adalah bandar ilmu dan 'Ali adalah pintunya* di samping dalil-dalil akal dan *naqliyyah* kerana Rasulullah *Sawaw* telah menjadikan 'Ali sebagai pintu bandar ilmu yang didatangi oleh penuntut-penuntut ilmu dari segenap pelusuk dunia. Dan Nabi *Sawaw* tidak pernah mewakilkan urusan ini selain daripada 'Ali, kerana orang lain tidak mempunyai kelayakan untuk memikul bebanan yang berat dan besar di mana kejayaan ummat terletak di atasnya.

Atau kebinasaan jika ia menyalahi dan mendurhakai perintah orang yang memerintah. Sebagaimana sabdanya: *'Siapa yang inginkan ilmu, maka hendaklah datang melalui pintunya dan siapa yang datang bukan melalui pintunya dikira pencuri dan dia adalah dari parti iblis'.*

Sayyid Mir Hamid Husain al-Nisaburi di dalam bukunya *al-'Aqabat* telah menyebutkan hadis *'Aku adalah bandar ilmu, maka 'Ali adalah pintunya'*. Kemudian dia mengatakan bahawa 'Ali berhak menjadi khalifah selepas Rasulullah *Sawaw* secara langsung dan mengemukakan dalil yang kuat mengenainya.

Ringkasnya, aku telah mengemukakan di sini lima hadis *ma'thurah* daripada Rasulullah *Sawaw* yang sabit di dalam buku-buku Ahlu s-Sunnah. Dan yang dipersetujui oleh mereka bagi menunjukkan betapa benarnya dakwaan Syi'ah tentang keutamaan Amiru l-Mukminin 'Ali A.S. menjadi khalifah secara langsung selepas Rasulullah *Sawaw*:

1. Hadis *al-Dar* atau *al-Indhar*.

2. Hadis *al-Thaqalain.*
3. Hadis *al-Manzilah.*
4. Hadis *al-Safinah.*
5. Hadis *al-Madinah.*

Aku telah mengemukakannya kepada anda wahai pembaca yang budiman, setelah aku memaparkan enam ayat al-Qur'an:

1. Ayat *al-Wilayah* (*al-Ma'idah* 5:55).
2. Ayat *al-Tathir* (*al-Ahzab* 33:33).
3. Ayat *al-Mubahalah* (*Ali Imran* 3:61).
4. Ayat *al-Mawaddah* (*al-Syura'* 42:20).
5. Ayat *al-Salawat* (*al-Ahzab* 33:56).
6. Ayat *al-Tabligh* (*al-Ma'idah* 5:67).

Lantaran itu enam ayat al-Qur'an dan lima hadis yang *ma'thurah*, maka jumlahnya sebelas yang saling lengkap melengkapi dan diakui oleh Ahlu s-Sunnah dan Syi'ah. Justeru itu tidak seorangpun akan menentangnya kecuali orang yang dikuasai oleh hawa nafsunya. Lantaran itu dia akan dibawa ke jurang yang amat dalam, yang tidak ada batasan dan penentuan baginya. Oleh itu urusan khalifah terserlah secara langsung kepada 'Ali A.S.

Sebelas dalil yang sempurna ini telah dicatat oleh para ulamak Islam dan telah disahkan oleh pemuka-pemuka ulamak Sunnah di samping ulamak Syi'ah al-Abrar. Justeru itu tidak ada jalan (tipudaya) untuk memisahkan 'Ali A.S. dari menjadi khalifah secara langsung selepas Rasulullah *Sawaw.*

Apa yang diharap-harapkan ialah supaya saudara-saudara ku Ahlu s-Sunnah mematuhi kebenaran dan meninggalkan celaan ke atas saudara-saudara mereka Syi'ah. Kerana mereka berjalan menurut jalan Ahlu l-Bait Rasulullah *Sawaw.* Mereka tidak berganjak sedikitpun daripada mereka (Ahlu l-Bait A.S.). Oleh itu janganlah mengaitkan mereka dengan pembohongan-pembohongan yang keji dan rekaan-rekaan yang hina serta perkataan yang dibuat-buat. Dan tidak menghubungkaitkan mereka dengan tohmahan-tohmahan yang batil sebagaimana dilakukan oleh sebahagian Ahlu s-Sunnah seperti Ibn Taimiyyah, Ibn Hazm, Ibn Hajr, Ahmad Amin Mesir, Musa Jarullah, Muhammad Thabit al-Misri, al-Hafnawi dan al-Jubhan. Seperti Syaikh Nuh yang telah mengeluarkan fatwa tentang kekafiran Syi'ah al-Abrar, dan membunuh mereka... sama ada mereka bertaubat ataupun tidak.

Dan orang-orang yang menurut jejak langkah mereka yang jahat. Mereka menjadi kuncu-kuncu Bani Umayyah. Aku memohon perlindungan kepada Tuhan Arasy daripada golongan yang melakukan kezaliman dan permusuhan ke atas kami,sama ada secara jahil atau berpura-pura jahil, mengambil upah atau secara sukarela.

Aku juga berharap dari saudara-saudaraku Ahlu s-Sunnah supaya mengkaji kebenaran yang terdapat di dalam buku-buku mereka sendiri tentang Syi'ah dan meninggalkan celaan ke atas mereka dan apa yang tidak diredhai Allah S.W.T. Dan janganlah mereka menulis di dalam buku-buku mereka apa yang tidak terdapat di dalam buku-buku Syi'ah. Apatah lagi jika ianya telah menjadi asas mazhab mereka kerana zaman sekarang adalah zaman cahaya. Hakikat kebenaran Syi'ah telah terserlah kepada kebanyakan orang. Dan orang ramai mulai berpegang kepada mazhab *Tasyayyu'* secara beramai-ramai.

Sesungguhnya aku memberi nasihatku yang berguna ini kerana aku mengetahui celaan-celaan dan cacian-cacian yang menggerunkan jiwa-jiwa yang sejahtera terdapat di dalam buku-buku karangan Ahlu s-Sunnah. Allah menjadi saksi sesungguhnya aku sebelum berpegang kepada mazhab Ahlu l-Bait A.S, sentiasa menasihati sahabat-sahabat ku dan ulamak-ulamak yang besar di Qahirah, Damsyiq, Halab, Makkah, Madinah dan lain-lainnya terutamanya penulis-penulis supaya tidak mencela golongan yang berpegang kepada mazhab Ahlu l-Bait A.S. sambil berkata: Sebaik-baik bagi kalian menentang Syi'ah dengan cara yang lebih baik iaitu dengan dalil akal atau *naql* bukan dengan cacian dan tohmahan kerana ianya tidak sesuai dengan peradaban Islam yang dibawa oleh Rasulullah *Sawaw*.

Kalian perhatikanlah buku-buku karangan Syi'ah, pasti mempunyai hujah-hujah yang mengukuhkan dakwaan mereka dan mereka menahan daripada cacian dan tohmahan yang batil. Malah mereka menyeru kalian (Ahlu s-Sunnah) dengan kata-kata yang sopan: Mudah-mudahan Allah memperbaiki saudara-saudara kami Ahlu s-Sunnah. Inilah akhlak mereka yang diambil daripada imam-imam mereka dan buku-buku mereka berada di merata-rata tempat. Justeru itu hendaklah kalian mengkajinya atau menjawabnya jika kalian mampu.

Aku mengkaji banyak buku-buku karangan Syi'ah, maka

aku dapati ianya menyalahi apa yang dikatakan kepada mereka. Demi Allah! Mereka adalah golongan Mukminin kepada hukum lima yang datang daripada Allah dan RasulNya dan akan terus beramal dengannya dari hari beliau diutuskan sehingga hari beliau dibangkitkan. Aku tidak dapati dosa mereka selain dari tidak mengutamakan selain daripada Ahlu l-Bait ke atas Ahlu l-Bait A.S. Dan adakah ini dikira dosa wahai Muslimin?

BAB KEEMPAT

Hadis-hadis yang menghadkan pengganti Nabi *sawaw* kepada dua belas orang.

Hadis-hadis yang menghadkan pengganti-pengganti Nabi *sawaw* kepada dua belas orang, telah diriwayatkan oleh jumhur ulamak Muslimin Sunnah dan Syi'ah di dalam *Sahih-sahih* dan *Musnad-musnad* mereka.

Ahmad bin Hanbal di dalam *Musnad* [1] nya meriwayatkan hadis ini daripada Sya'bi daripada Masruq berkata: "Kami berada di sisi 'Abdullah bin Mas'ud yang sedang memperdengarkan bacaan al-Qur'an kepada kami. Tiba-tiba seorang lelaki bertanya kepadanya: Wahai Abu 'Abdu r-Rahman! Adakah anda telah bertanya Rasulullah *sawaw* berapakah ummat ini memiliki khalifah?" 'Abdullah bin Mas'ud menjawab: "Tiada seorangpun bertanya kepadaku mengenainya semenjak aku datang ke Iraq sebelum anda". Kemudian dia berkata: "Ya! Sesungguhnya kami telah bertanya kepada Rasulullah *sawaw* mengenainya. Maka beliau *sawaw* menjawab: *'Dua belas (khalifah) seperti bilangan naqib Bani Isra'il'*".

Di dalam riwayat yang lain Ahmad bin Hanbal meriwayatkan daripada Jabir bin Samurah, sesungguhnya dia berkata: "Aku mendengar Rasulullah *sawaw* bersabda semasa Haji Wida': *'Urusan agama ini masih pada zahirnya ditangan penentangnya dan tidak akan dihancurkan oleh orang-orang yang menyalahinya sehingga berlalunya dua belas Amir, semuanya daripada Quraisy*".[2]

Muslim di dalam *Sahih*nya meriwayatkan daripada Jabir bin Samurah sesungguhnya dia berkata: "Aku bersama bapaku berjumpa Nabi *sawaw*. Maka aku mendengar Nabi *sawaw* bersabda: *'Urusan 'ini' tidak akan selesai hingga berlaku pada mereka dua belas khalifah'*. Dia berkata: Kemudian beliau bercakap dengan perlahan kepadaku. Akupun bertanya bapaku apakah yang diucapkan oleh beliau? Dia menjawab: "*Semuanya daripada Quraisy*".[3]

---

1. *al-Musnad*, I, hlm. 398.
2. *al-Musnad*, I, hlm. 406; dan V, hlm. 89.
3. *Sahih*, II, hlm. 79.

Muslim juga meriwayatkan di dalam *Sahih*[4]nya daripada Nabi *sawaw* beliau bersabda: *Ugama sentiasa teguh sehingga hari kiamat dan dua belas khalifah memimpin mereka, semuanya daripada Quraisy'*. Di dalam riwayat yang lain *'Urusan manusia berlalu dengan perlantikan dua belas lelaki dari Quraisy'*,[5] *'Sentiasa Islam itu kuat sehingga kepada dua belas khalifah daripada Quraisy'*[6] dan *'Sentiasa ugama ini kuat dan kukuh sehingga dua belas khalifah daripada Quraisy .'*[7]

Al-Turmudhi di dalam *al-Sunan*nya[8] mencatat hadis tersebut dengan lafaz amir bukan khalifah.

Sementara al-Bukhari di dalam *Sahih*nya[9] meriwayatkannya daripada Jabir bin Samurah bahawa Nabi *sawaw* bersabda: *'Selepasku ialah dua belas amir'*. Maka beliau berucap dengan perkataan yang aku tidak mendengarnya. Bapaku memberitahuku bahawa beliau bersabda: *'Semuanya daripada Quraisy'*.

Al-Muttaqi al-Hindi di dalam *Kanz al-'Ummal*, [10] meriwayatkan bahawa Nabi *sawaw* bersabda: *'Selepasku akan (diikuti) oleh dua belas khalifah'*.

Ibn Hajr di dalam *al-Sawa'iq al-Muhriqah* [11] meriwayatkan daripada Jabir bin Samurah bahawa Nabi *sawaw* bersabda: *'Selepasku akan (diikuti) dua belas amir semuanya daripada Quraisy'*.

Al-Qunduzi al-Hanafi di dalam *Yanabi' al-Mawaddah* [12] mencatat riwayat daripada Jabir bin Samurah sesungguhnya dia berkata: "Aku bersama bapaku di sisi Nabi *sawaw* beliau bersabda: *'Selepasku dua belas khalifah'*. Kemudian beliau merendahkan suaranya. Maka akupun bertanya bapaku mengenainya. Dia menjawab: Beliau bersabda: *'Semuanya daripada Bani Hasyim'* ".

Samak bin Harb juga meriwayatkannya dengan lafaz yang sama.Diriwayatkan daripada al-Sya'bi daripada Masruq daripada Ibn Mas'ud bahawa sesungguhnya Nabi *sawaw* telah menjanjikan kita bahawa selepasnya dua belas khalifah sama dengan bilangan naqib Bani Isra'il. Dan dia berkata di dalam bab yang sama bahawa Yahya bin al-Hasan telah menyebut-

---

4. *Ibid.*
5. *Ibid.*
6. *Ibid.*
7. *Ibid.*
8. *al-Sunan*, II, hlm. 110.
9. *Sahih*, IV, hlm. 120 *(Kitab al-Ahkam)*
10. *Kanz al-'Ummal*, VI, hlm. 160.
11. *al-Sawa'iq al-Muhriqah*, bab XI, fasal II.
12. *Yanabi' al-Mawaddah*, hlm. 444 (bab 7).

kannya di dalam *Kitab al-Umdah* dengan dua puluh riwayat bahawa khalifah-khalifah selepas Nabi *sawaw* adalah dua belas orang. Semuanya daripada Quraisy. Al-Bukhari telah menyebutkannya dengan tiga riwayat, Muslim sembilan riwayat, Abu Daud tiga riwayat, al-Turmudhi satu riwayat dan al-Humaidi tiga riwayat.

Pengkaji-pengkaji menegaskan bahawa hadis-hadis tersebut menunjukkan bahawa khalifah-khalifah selepas Nabi *sawaw* ialah dua belas orang.Dan maksud hadis Nabi *sawaw* ialah dua belas orang daripada Ahlu l-Baitnya. Kerana tidak mungkin dikaitkan hadis ini kepada khalifah-khalifah yang terdiri daripada bilangan mereka kurang daripada dua belas orang. Dan tidak mungkin dikaitkan dengan khalifah-khalifah Bani Umayyah kerana bilangan mereka melebihi dua belas orang dan kezaliman mereka yang ketara selain daripada 'Umar bin 'Abdu l-Aziz. Tambahan pula mereka bukan daripada Bani Hasyim kerana Nabi *sawaw* bersabda: *Semuanya daripada Bani Haysim.* Di dalam riwayat yang lain beliau memilih Bani Hasyim di kalangan Quraisy dan memilih Ahlu l-Baitnya di kalangan Bani Hasyim.[13]

Di dalam riwayat 'Abdu l-Malik daripada Jabir bahawa Nabi *sawaw* telah merendahkan suaranya ketika menyebutkan Bani Hasyim kerana 'mereka' tidak menyukai Bani Hasyim. Hadis ini juga tidak boleh dikaitkan dengan khalifah-khalifah Bani 'Abbas kerana bilangan mereka melebihi bilangan tersebut. Dan mereka tidak mengambil berat tentang firmanNya '*Katakan! Aku tidak meminta upah daripada kamu kecuali mencintai keluargaku*', sebagaimana juga mereka tidak menghormati hadis *al-Kisa'*. Justeru itu, hadis tersebut mestilah dikaitkan dengan dua belas Ahlu l-Baitnya kerana merekalah orang yang paling alim, warak, takwa, paling tinggi keturunan dan ilmu-ilmu mereka adalah daripada datuk-datuk mereka yang berhubungkait dengan datuk mereka Rasulullah *sawaw* dari segi warisan dan hikmah. Mereka pula dikenali oleh para ilmuan. Oleh itu apa yang dimaksudkan oleh hadis tersebut ialah dua belas Ahlu l-Bait Rasulullah *sawaw*.[14] Ianya diperkuatkan oleh hadis *thaqalain*, hadis *al-Safinah*, hadis *al-Manzilah* dan lain-lain.

---

13. Muslim, *Sahih*, II, hlm. 81 *(Fadhl Ahlu l-Bait)*.
14. *Yanabi' al-Mawaddah*, hlm. 445.

Al-Qunduzi al-Hanafi[15] juga telah meriwayatkan hadis daripada Jabir dia berkata: Rasulullah *sawaw* besabda: *'Akulah penghulu para Nabi dan 'Ali adalah penghulu para wasi. Dan sesungguhnya para wasi selepasku ialah dua belas orang, pertamanya 'Ali dan yang akhirnya Qaim al-Mahdi'.*

Hadis-hadis yang menerangkan bahawa merekalah para wasi Rasulullah di dalam buku-buku Ahlu l-Sunnah adalah banyak, dan ianya melebihi had *mutawatir*. Ini tidak ter-masuk hadis-hadis riwayat Syi'ah. Umpamanya hadis daripada Salman (r.d) berkata: Aku berjumpa Nabi *sawaw* dan Husain berada di atas dua pahanya. Nabi *sawaw* sedang mengucup dahinya sambil berkata: *'Anda adalah Sayyid bin Sayyid dan adik Sayyid. Anda adalah imam bin imam dan adik imam. Anda adalah Hujjah bin Hujjah dan adik Hujjah dan bapa hujjah-hujjah yang sembilan. Dan yang kesembilan mereka ialah Mahdi Muntazar'.*

Al-Hamawaini al-Syafi'i di dalam *Fara'id al-Simtin*,[16] meriwayatkan daripada Ibn 'Abbas berkata: Aku mendengar Rasulullah *sawaw* bersabda: *'Aku, 'Ali, Hasan, Husain dan sembilan daripada anak-anak Husain adalah disuci dan dimaksumkan'.*

Ibn 'Abbas juga meriwayatkan bahawa Nabi *sawaw* bersabda: *'Wasi-wasiku, hujjah-hujjah Allah ke atas makhlukNya dua belas orang, pertamanya saudaraku dan akhirnya ialah anak lelakiku (waladi)'.* Lalu ditanya Rasulullah siapakah saudara anda wahai Rasulullah? Beliau menjawab: *'Ali.* Dan ditanya lagi siapakah anak lelaki anda? Beliau menjawab: *al-Mahdi yang akan memenuhi bumi ini dengan kejujuran dan keadilan sebagaimana ianya dipenuhi dengan kerosakan dan kezaliman. Demi Tuhan yang mengutusku dengan kebenaran sebagai kegembiraan dan peringatan, sekiranya dunia ini tinggal hanya satu hari lagi nescaya Allah akan memanjangkannya sehingga keluar anak lelakiku al-Mahdi. Kemudian diikuti oleh 'Isa bin Maryam. Beliau akan mengerjakan solat di belakang anak lelakiku. Dunia pada ketika itu berseri dengan cahaya Tuhannya dan pemerintahannya meliputi Timur dan Barat.*

Al-Qunduzi al-Hanafi di dalam *Yanabi' al-Mawaddah*[17]

---

15. *Ibid.*
16. *Fara'id al-Simtin*. II hlm. 26.
17. *Yanabi' al-Mawaddah*. hlm. 494.

bab 95, meriwayatkan bahawa Jabir bin 'Abdullah berkata: Rasulullah *sawaw* bersabda: *Wahai Jabir! Sesungguhnya para wasiku dan para imam selepasku pertamanya 'Ali kemudian Hasan kemudian Husain kemudian 'Ali bin Husain. Kemudian Muhammad bin 'Ali al-Baqir. Anda akan menemui -nya wahai Jabir sekiranya anda mendapatinya, maka sampailah salamku kepadanya. Kemudian Ja'far bin Muhammad, kemudian Musa bin Ja'far, kemudian 'Ali bin Musa, kemudian Muhammad bin 'Ali, kemudian 'Ali bin Muhammad, kemudian Hasan bin 'Ali. Kemudian al-Qa'im namanya sama dengan namaku dan kunyahnya adalah kunyahku, anak Hasan bin 'Ali. Dengan beliaulah Allah akan 'membuka' seluruh pelusuk bumi di Timur dan di Barat, dialah yang ghaib dari penglihatan. Tidak akan percaya kepada imamahnya melainkan orang yang telah diuji hatinya oleh Allah SWT.* Jabir berkata: Wahai Rasulullah! Adakah orang ramai boleh mengambil faedah darinya ketika ghaibnya? Beliau menjawab: '*Ya! Demi yang mengutuskan aku dengan kenabian sesungguhnya mereka mengambil cahaya daripada wilayahnya ketika ghaibnya, seperti orang ramai mengambil faedah dari matahari sekalipun ianya ditutupi awan* '. Ini adalah di antara rahsia-rahsia ilmu Allah yang tersembunyi. Justeru itu rahsiakanlah mengenainya melainkan kepada orang yang ahli.

Di dalam *Yanabi' al-Mawaddah* [18] bab 76 daripada Jabir al-Ansari berkata: Jundal bin Janadah berjumpa Rasulullah *sawaw* dan bertanya kepada beliau beberapa masalah. Kemudian dia berkata: Beritahukan kepadaku wahai Rasulullah tentang wasi-wasi anda selepas anda supaya aku berpegang kepada mereka. Beliau menjawab: *Wasi-wasiku dua belas orang.* Lalu Jundal berkata: Begitulah kami dapati di dalam Taurat. Kemudian dia berkata: Namakan mereka kepadaku wahai Rasullah. Maka beliau menjawab: '*Pertamanya penghulu dan bapa kepada wasi-wasi adalah 'Ali. Kemudian dua anak lelakinya Hasan dan Husain. Justeru itu berpeganglah kepada mereka dan janganlah kejahilan orang-orang yang jahil itu memperdayakan anda. Kemudian 'Ali bin Husain Zaina l-'Abidin Allah akan mematikan anda ('Ali bin Husain) dan menjadikan air susu sebagai bekalan terakhir anda di dunia ini* '.

Jundal berkata: Kami telah mendapatinya dalam Taurat dan di dalam buku-buku para Nabi A.S. seperti nama Iliya,

18. *Yanabi' al-Mawaddah*, hlm. 441 - 444.

Syibra dan Syabir. Maka ini adalah nama 'Ali, Hasan dan Husain. Dan selepasHusain beliau bersabda: *Apabila tamatnya zaman Husain, maka imam selepasnya dipanggil Zaina l-'Abidin selepasnya anak lelakinya Muhammad, dipanggil al-Baqir. Selepasnya anak lelakinya Ja'far dipanggil al-Sadiq. Selepasnya anak lelakinya Musa dipanggil al-Kazim. Selepasnya anak lelakinya 'Ali dipanggil al-Ridha. Selepasnya anak lelakinya Muhammad dipanggil al-Taqiyy dan al-Jawad. Selepasnya anak lelakinya 'Ali dipanggil al-Naqiyy al-Hadi. Selepasnyaanak lelakinya Hasan dipanggil al-Askari. Selepasnya anak lelakinya Muhammad dipanggil al-Mahdi ai-Qa'im dan al-Hujjah. Beliau ghaib dan akan keluar memenuhi bumi dengan kejujuran dan keadilan sebagaimana ianya dipenuhi dengan kefasadan dan kezaliman. Alangkah beruntungnya bagi orang-orang yang bersabar semasa ghaibnya. Dan alangkah beruntungnya bagi orang-orang yang bertakwa terhadap Hujjah mereka. Dan mereka itulah orang yang disifatkan oleh Allah di dalam firmanNya* (Surah *al-Baqarah* 2: 2-3) *'Petunjuk bagi mereka yang bertakwa iaitu mereka yang beriman kepada yang ghaib'*. Kemudian beliau membaca (Surah *al-Ma'idah* 5:56) *'Sesungguhnya parti Allahlah yang pasti menang'*. Beliau bersabda: *Mereka itu adalah daripada parti Allah (hizbullah).*

Al-Hamawaini di dalam *Fara'id al-Simtin* telah meriwayatkan hadis ini dan dinukilkan oleh al-Qunduzi al-Hanafi di dalam *Yanabi' al-Mawaddah*[19] bab 76 dengan sanad daripada Ibn 'Abbas dia berkata: Seorang Yahudi bernama Na'thal datang kepada Rasulullah *sawaw* dan berkata: Wahai Muhammad! Aku akan bertanya anda beberapa perkara yang tidak menyenangkan hatiku seketika. Sekiranya anda dapat memberi jawapan kepadaku, nescaya aku akan memeluk Islam di tangan anda. Beliau *sawaw* bersabda: *'Tanyalah wahai Abu 'Ammarah'*. Dia bertanya beberapa perkara sehingga dia berkata: Beritahukan kepadaku tentang wasi anda siapa dia? Tidak ada seorang nabi melainkan ada baginya seorang wasi. Dan sesungguhnya nabi kami Musa bin 'Imran telah berwasiatkan kepada Yusyu'bin Nun. Maka Nabi *sawaw* menjawab: *'Sesungguhnya wasiku ialah 'Ali bin Abi Talib, selepasnya dua anak lelakinya Hasan dan Husain kemudian diikutinya oleh sembilan imam daripada keturunan Hu-*

19. *Yanabi' al-Mawaddah*, hlm. 446-447

sain'. Dia berkata: Namakan mereka kepadaku. Beliau menjawab: *'Apabila wafatnya Husain, maka anaknya 'Ali dan apabila wafatnya 'Ali, anaknya Muhammad. Dan apabila wafatnya Muhammad anaknya Ja'far. Apabila wafatnya Ja'far anaknya Musa. Apabila wafatnya Musa, anaknya 'Ali. Apabila wafatnya Ali, anak-nya Muhammad. Apabila wafatnya ·Muhammad, anaknya 'Ali. Apabila wafatnya 'Ali anaknya Hasan. Dan apabila wafatnya Hasan, anaknya al-Hujjah Muhammad al-Mahdi. Mereka semua dua belas orang....* Akhirnya lelaki Yahudi tadi memeluk Islam dan menceritakan bahawa nama-nama para imam dua belas telah tertulis di dalam buku-buku para nabi yang terdahulu, dan ia termasuk di antara apa yang telah dijanjikan oleh Musa A.S.

Al-Hamawaini di dalam *Fara'id al-Simtin* meriwayatkan sanadnya kepada Abu Sulaiman penjaga unta Rasulullah *sawaw*, dia berkata: "Aku mendengar Rasulullah *sawaw* bersabda: *'Di malam aku diperjalankan atau dibawa ke langit, Allah SWT berfirman: 'Rasul mempercayai apa yang telah diturunkan kepadanya oleh Tuhannya'. Aku bersabda: Mukminun. Dia menjawab: Benar. Allah SWT berfirman lagi: Wahai Muhammad! Kali pertama Aku memerhatikan ahli bumi, Aku memilih anda. Aku menamakan anda dengan salah satu daripada nama-namaku. Oleh itu di mana sahaja Aku diingati, anda diingati bersamaku. Akulah al-Mahmud dan andalah Muhammad. Kemudian Aku memerhatikannya kali kedua, maka Aku memilih 'Ali. Maka Aku menamakannya dengan namaku.Wahai Muhammad! Aku telah menjadikan anda dari Aku dan menjadikan 'Ali, Fatimah, Hasan, Husain dan imam-imam daripada keturunan Husain daripada cahayaKu. Akupun membentangkan wilayah mereka kepada seluruh ahli langit dan bumi. Sesiapa yang menerimanya akan berada di sisiKu sebagai mukminin. Dan sesiapa yang mengingkarinya akan berada di sisiKu sebagai kafirin. Wahai Muhammad! Sekiranya seorang daripada hamba-hambaKu beribadat kepadaKu tanpa berhenti-henti kemudian mendatangiKu dalam keadaan mengingkari wilayah kalian, nescaya Aku tidak mengampuninya. Allah SWT berfirman lagi kepada Nabi sawaw: Adakah anda ingin melihat mereka? Beliau menjawab: Ya! Wahai Tuhanku. Dia berfirman: Lihatlah di kanan 'Arasy, maka aku dapati 'Ali, Fatimah, Hasan, Husain, 'Ali bin Husain, Muhammad bin 'Ali, Ja'far bin Muhammad, Musa bin Ja'far, 'Ali bin Musa, Muhammad bin 'Ali, 'Ali bin Muhammad,*

Hasan bin 'Ali dan Muhammad al-Mahdi bin Hasan. Mereka ibaratkan bintang-bintang yang bersinar di kalangan mereka. Kemudian Dia berfirman lagi: Mereka itulah hujjah-hujjah ke atas hamba-hambaKu, mereka itulah wasi-wasi anda. Dan al-Mahdi adalah daripada 'itrah anda. Demi kemuliaanKu dan kebesaranKu, dia akan membalas dendam terhadap musuh-musuhKu".

Muwaffaq bin Ahmad al-Hanafi di dalam *Manaqib* nya meriwayatkan daripada Salman daripada Nabi *sawaw*, sesungguhnya beliau bersabda kepada Husain: *'Andalah imam anak lelaki seorang imam, saudara kepada imam, bapa kepada sembilan imam. Dan yang kesembilan daripada mereka ialah Qaim mereka'* (al-Mahdi A.S.).

Begitulah juga Syahabuddin al-Hindi di dalam *Manaqib*nya telah menerangkan sanadnya daripada Nabi *sawaw* bahawa beliau bersabda: *'Sembilan imam adalah daripada anak cucu (keturunan) Husain bin 'Ali dan yang kesembilan mereka adalah Qaim mereka*'(imam al-Mahdi al-Muntazar A.S.).

Al-Hamawaini al-Syafi'i meriwayatkan di dalam *Fara'id al-Simtin* bahawa Nabi *sawaw* bersabda: *Siapa yang suka berpegang kepada ugamaku dan menaiki bahtera kejayaan selepasku, maka hendaklah dia mengikuti 'Ali bin Abi Talib, memusuhi seterunya dan mewalikan walinya kerana beliau adalah wasiku, dan khalifahku ke atas ummatku semasa hidupku dan selepas kewafatanku. Beliau adalah imam setiap muslim,dan amir setiap mukmin, perkataannya adalah perkataanku, perintahnya adalah perintahku. Larangannya adalah laranganku. Pengikutnya adalah pengikutku. Penolongnya adalah penolongku. Orang yang menjauhinya adalah menjauhiku'.*

Kemudian Nabi *sawaw* bersabda lagi: *Sesiapa yang menjauhi 'Ali selepasku, dia tidak akan 'melihatku'. Dan aku tidak melihatnya di hari kiamat. Dan siapa yang menentang 'Ali, Allah haramkan ke atasnya syurga dan menjadikan tempat tinggalnya di neraka. Siapa yang menjauhi 'Ali, Allah akan menjauhinya di hari kiamat. Di hari itu akan didedahkan segala-galanya dan sesiapa yang menolong 'Ali, nescaya Allah akan menolongnya.*

Kemudian beliau bersabda lagi: *Hasan dan Husain kedua-duanya adalah imam ummatku selepas bapa mereka berdua adalah penghulu pemuda syurga. Ibu kedua-duanya ialah penghulu wanita alam. Bapa kedua-duanya adalah penghulu*

para wasi. Dan sembilan imam adalah daripada anak cucu Husain. Dan yang kesembilan mereka adalah Qaim mereka (imam al-Mahdi). Mentaati mereka adalah ketaatan kepadaku. Mendurhakakan mereka adalah mendurhakaiku. Kepada Allah aku mengadu bagi orang yang menentang kelebihan mereka, dan menghilangkan kehormatan mereka selepasku. Cukuplah bagi Allah sebagai wali dan penghulu kepada 'itrahku, para imam ummatku. Pasti Allah akan menyiksa orang yang menentang hak mereka, 'Dan orang-orang yang zalim itu kelak akan mengetahui ke tempat mana mereka akan kembali' (al-Syuara' 26:227).

Ayatullah al-'Uzma al-Hulli di dalam bukunya *Kasyf al-Haq*[20] telah menerangkan sebahagian daripada hadis dua belas khalifah dengan riwayat yang bermacam-macam. Seorang musuh ketatnya bernama Fadhl bin Ruzbahan al-Nasibi adalah orang yang paling kuat menentang Ahlu l-Bait A.S. di dalam jawapan kepadanya mengakui bahawa apa yang disebutkan oleh Allamah al-Hulli mengenai dua belas khalifah adalah *Sahih* dan telah dicatat di dalam buku-buku *Sahih* Ahlu s-Sunnah.

Aku berkata: Riwayat hadis dua belas imam daripada Nabi *sawaw* adalah terlalu banyak. Kami hanya menyebutkan sebahagian kecil daripada buku-buku Ahlu s-Sunnah wa l-Jama'ah yang mencatat hadis tersebut. Seperti *al-Bayan* karangan al-Hafiz al-Khanji, *Fasl al-Khitab* karangan Khawajah Faris al-Hanafi, *Arba'in* karangan Syaikh As'ad bin Ibrahim al-Hanbali, *Arba'in* karangan Ibn Abi l-Fawarith dan lain-lain buku Ahlu s-Sunnah. Adapun riwayat Syi'ah mengenainya adalah tidak terhitung banyaknya.

Sayyid Hasyim al-Bahrani di dalam bukunya *Ghayah al-Maram* telah menjelaskan hadis dua belas imam sebanyak enam puluh enam riwayat dengan sanad-sanadnya menurut metod Ahlu s-Sunnah wa l-Jama'ah.[21] Tujuh riwayat daripada buku *Manaqib Amiru l-Mukminin* A.S. karangan al-Maghazali al-Syafi'i, dua puluh tiga riwayat daripada *Fara'id al-Simtin* karangan al-Hamawaini, satu riwayat daripada *al-Fusul al-Muhimmah* karangan Ibn al-Sibagh al-Maliki dan satu riwayat daripada *Syarh Nahj al-Balaghah* karangan Ibn Abi l-Hadid.

---

20. *Kasy al-Haq*, I, hlm. 108.
21. *Ghayah al-Maram*, I, hlm. 309.

Aku berkata: Sesungguhnya aku telah mengkaji risalah karangan Syaikh Kazim 'Ali Nuh (r.h) berjodol *Turuq Hadith al-A'immah min Quraysy*, hlm. 14. Dia berkata bahawa al-'Allamah Sayyid Hasan Sadr al-Din di dalam bukunya *al-Durar al-Musawiyyah Fi Syarh al-'Aqa'id al-Ja'fariyyah* telah mengeluarkan hadis dua belas khalifah daripada Ahmad bin Hanbal sebanyak tiga puluh empat riwayat. Hadis ini telah dikeluarkan juga oleh al-Bukhari, Muslim, al-Humaidi, beberapa riwayat Razin di dalam *Sahih Sittah*, riwayat al-Tha'labi, Abu Sa'id al-Khudri, Abu Bardah, Ibn 'Umar, Abdu r-Rahman Ibn Samurah, Jabir, Anas, Abu Hurairah, Ibn 'Abbas, 'Umar bin al-Khattab, 'Aisyah, Wa'ilah dan Abi Salma al-Ra'i.

Adapun riwayat 'Umar bin al-Khattab yang telah dikaitkan kepadanya oleh 'Ali bin al-Musayyab mengenai sabda Nabi *sawaw* ialah: *Para imam selepasku di antaranya Mahdi ummat ini. Siapa yang berpegang kepada mereka selepasku, maka sesungguhnya dia telah berpegang kepada tali Allah.* Hadis ini juga telah dikaitkan oleh al-Durasti dengan Ibn al-Muthanna yang bertanya kepada 'Aisyah: "Berapakah khalifah Rasulullah *sawaw*. 'Aisyah menjawab: 'Beliau (Rasulullah *sawaw*) memberitahuku bahawa selepasnya dua belas khalifah'. Aku bertanya: Siapakah mereka? Maka 'Aisyah menjawab: 'Nama-nama mereka tertulis di sisiku dengan *imla* Rasulullah *sawaw*'. Maka aku bertanya kepadanya: Apakah nama-nama mereka? Maka dia enggan memperkenalkannya kepadaku".

Sayyid al-Bahrani juga mencatat sebahagian daripada buku-buku Ahlu s-Sunnah yang menyebutkan dua belas khalifah. Di antaranya *Manaqib Ahmad bin Hanbal*, *Tanzil al-Qur'an fi Manaqib Ahlu l-Bait* karangan Ibn Nu'aim al-Isfahani, *Fara'id al-Simtin* karangan al-Hamawaini, *Matalib al-Su'ul* karangan Muhammad bin Talhah al-Syafi'i, *Kitab al-Bayan* karangan Kanji al-Syafi'i, *Musnad al-Fatimah* karangan al-Dar al-Qutni, *Fadha'il Ahlu l-Bait* karangan al-Khawarizmi al-Hanafi, *al-Manaqib* karangan Ibn al-Maghazali al-Syafi'i,*al-Fusul al-Muhimmah* karangan Ibn al-Sibagh al-Maliki, *Jawahir al-'Aqdain* karangan al-Samhudi, *Dhakha'ir al-'Uqba* karangan Muhibbuddin al-Tabari, *Mawaddah al-Qurba* karangan Syihab al-Hamdani al-Syafi'i, *al-Sawa'iq al-Muhriqah* karangan Ibn Hajr al-Haithami, *al-Isabah* karangan Ibn Hajr al-'Asqalani, *Musnad Ahmad bin Hanbal*, *Musnad Abi Ya'la al-*

Mausuli, Musnad Abi Bakr al-Bazzar, Mu'jam al-Tabrani, Jam' al-Saghir karangan al-Suyuti, *Kunuz al-Daqa'iq* karangan al-Munawi dan lain-lain.

Aku berkata: Sesungguhnya riwayat-riwayat yang berbilang-bilang yang datang kepada kita menurut metod Ahlu s-Sunnah adalah sekuat-kuat dalil, dan hujah yang paling terang bahawa sesungguhnya khalifah selepas Rasulullah *sawaw* secara langsung ialah Imam Amiru l-Mukminin 'Ali bin Abi Talib A.S. Dan selepasnya ialah anak-anaknya sebelas imam yang maksum,pengganti Rasul dan para imam Muslimin satu selepas satu sehingga manusia 'berhadapan' dengan Tuhan mereka. Tiada seorangpun yang dapat mengingkari hadis-hadis yang sabit yang diriwayatkan menurut riwayat para ulamak besar Ahlu s-Sunnah dan pakar-pakar hadis mereka, lebih-lebih lagi menurut riwayat Syi'ah. Kecuali cahaya pemikirannya telah dipadam dan dijadikan di hatinya penutup. Justeru itu ia adalah termasuk di dalam firmanNya di dalam (Surah *al-Baqarah* 2:171) *'Mereka itu bisu dan buta, maka (oleh sebab itu) mereka tidak mengerti'*. Dan firmanNya (Surah *al-Zukhruf* 43:36) *'Barangsiapa yang berpaling dari pengajaran Tuhan Yang Maha Pemurah, Kami akan adakan baginya syaitan (yang menyesatkan), maka syaitan itulah yang menjadi teman yang selalu menyertainya '*. Dan firmanNya (Surah *al-Kahf* 18:57) *'Kami jadikan di hati mereka tutupan (sehingga mereka tidak) memahaminya dan (Kami letakkan) sumbatan di telinga mereka, sekalipun kamu menyeru mereka kepada petunjuk, nescaya tidak akan mendapat petunjuk selama-lamanya.*

Ini adalah disebabkan penentangan mereka kepada dalil yang terang dan nas yang zahir kerna fanatik, kufur dan kedegilan mereka.

Muhammad bin Idris al-Syafi'i memperakui kesahihan apa yang kami telah menyebutkannya dengan syairnya yang masyhur:

Manakala aku melihat manusia telah berpegang
kepada mazhab yang bermacam-macam
dilautan kebodohan dan kejahilan.
Aku menaiki dengan nama Allah bahtera kejayaan
mereka itulah Ahlu l-Bait al-Mustafa
penamat segala Rasul.

Pengiktirafan Syafi'i bahawa 'Ali adalah imam dan selepasnya sebelas imam merupakan pengiktirafan yang besar daripada seorang daripada imam mazhab empat. Dan ianya menjadi hujah keimamahan dua belas imam maksum daripada keluarga Rasulullah *saw*.

BAB KELIMA

Hadis-hadis tentang kelebihan Amirul Mukminin dan zuriatnya yang suci

Para ulamak Islam dari semua mazhab telah meriwayatkan hadis-hadis Nabi *Sawaw* tentang kelebihan 'Ali A.S. dan zuriatnya yang suci di dalam *sahih-sahih, musnad-musnad* dan sejarah-sejarah mereka. Di sini aku peturunkan sebahagian daripadanya seperti berikut:

1. Sabda Rasulullah *Sawaw*: *'Hanya orang yang ditulis (namanya) oleh 'Ali sahaja dapat menyeberangi al-Sirat'.*

Hadis ini telah diriwayatkan oleh Ibn Hajr di dalam *al-Sawa'iq al-Muhriqah* [1] daripada Ibn Siman bahawa Abu Bakr berkata kepada 'Ali A.S.: "Aku mendengar Rasulullah *Sawaw* bersabda: *'Hanya orang yang (namanya) ditulis oleh 'Ali sahaja dapat menyeberangi al-Sirat'.*" Hadis ini juga telah dicatat oleh al-Hamawaini al-Syafi'i di dalam *Fara'id al-Simtin,* [2] al-Muhibb al-Tabari di dalam *al-Riyadh al-Nadhirah* [3] dan al-Khatib al-Baghdadi di dalam *Tarikh* [4] dan lain-lain.

2. 'Ali adalah pembahagi Syurga dan Neraka.

Al-Khawarizmi telah mencatat di dalam *Manaqib*nya bab 16, dengan membuang sanad-sanadnya daripada 'Ali bin Abi Talib A.S. Beliau berkata: Rasulullah *Sawaw* bersabda: *'Wahai 'Ali! Sesungguhnya anda adalah pembahagi Syurga dan Neraka. Dan sesungguhnya anda akan mengetuk pintu syurga kemudian akan memasukinya tanpa hisab'.*

3. Sekiranya manusia bersepakat mencintai 'Ali A.S. nescaya Allah tidak menjadikan neraka.

Hadis ini telah dikeluarkan oleh al-Qunduzi al-Hanafi di dalam *Yanabi' al-Mawaddah* [5] daripada al-Hamdani al-Syafi'i daripada 'Umar bin al-Khattab berkata: "Nabi *Sawaw* bersabda: *'Sekiranya manusia bersepakat mencintai 'Ali A.S., nescaya Allah tidak menjadikan neraka'.*" Hadis ini juga dikutip oleh al-'Allamah al-Askari di dalam *Maqam al-Imam Amiru l-*

---

1. *al-Sawa'iq al-Muhriqah*, hlm. 78.
2. *Fara'id al-Simtin*, I, bab 54.
3. *al-Riyadh al-Nadhirah*, II, hlm. 173, 177 & 244.
4. *Tarikh*, III, hlm. 161.
5. *Yanabi' al-Muwaddah*, hlm. 251.

Mukminin 'anda l-Khulafa'. [6] daripada 'Umar bin al-Khattab dan sahabat-sahabat yang lain. Al-Khawarizmi di dalam *Maqtal al-Husain,* [7] telah meriwayatkan hadis ini daripada Ibn 'Abbas. Dan Muhammad Salih al-Hanafi di dalam *al-Kaukab al-Durriy,* [8] daripada 'Umar bin al-Khattab.

4. *'Ali adalah orang yang paling akrab kepada Rasulullah Sawaw.'*

Hadis ini telah dikeluarkan oleh al-Khawarizmi[9] dengan sanadnya daripada Sya'bi berkata: "Abu Bakr melihat kepada 'Ali bin Abi Talib secara berdepan dan berkata: Siapa yang ingin melihat kepada orang yang paling akrab kepada Rasulullah *Sawaw*, paling tinggi kedudukannya, dan paling tinggi di sisi Allah S.W.T, hendaklah dia melihat kepada lelaki ini dan dia mengisyaratkan kepada 'Ali bin Abi Talib kerana aku mendengar Rasulullah *Sawaw* bersabda: *'Dia ('Ali) bersifat kasih sayang kepada orang ramai...'* "

Hadis ini juga telah dikutip oleh al-Muttaqi al-Hindi al-Hanafi di dalam *Kanz al-'Ummal* [10] dan al-Muhibb di dalam *al-Riyadh al-Nadhirah,* [11]

5. *'Wahai 'Ali! Tangan anda pada tanganku, anda memasuki syurga bersamaku '.*

Al-Muhibb al-Tabari dalam *Dhakha'ir al-'Uqba* [12] telah menerangkan hadis ini daripada 'Umar bin al-Khattab. Al-Muttaqi al-Hindi dalam *Kanz al-'Ummal,* [13] al-Khanji al-Syafi'i di dalam *Kifayah al-Talib* [14] dan lain-lain.

6. *'Ali di sisiku sepertilah kedudukanku di sisi Tuhanku'.*

Hadis ini telah diriwayatkan oleh Ibn Hajr di dalam *al-Sawa'iq al-Muhriqah,* [15] Muhibbuddin al-Tabari al-Syafi'i di dalam *Dhakha'ir al-'Uqba,* [16] dan *al-Riyadh al-Nadhirah* [17] dan lain-lain.

7. *'Sesungguhnya Allah telah menjadikan untuk saudaraku 'Ali bin Abi Talib kelebihan yang tidak terhitung '.*

Hadis ini diriwayatkan oleh al-Kanji al-Syafi'i di dalam

---

6. *Magam al-Imam Aminu l-Mukminin 'anda l -Khulafa'*, hlm. 45.
7. *Maqtal al-Husain*, II, hlm. 38.
8. *al-Kaukab al-Durriy*, hlm. 122.
9. *al-Managib*, hlm. 17.
10. *Kanz al-'Ummal*, VI, hlm. 393.
11. *al-Riyadh al-Nadhirah*, II, hlm. 163.
12. *Dhakha'ir al-'Uqha*, I, hlm. 87.
13. *Kanz al-'Ummal*, VI, hlm. 159.
14. *Kifayah al-Talib*, hlm. 76.
15. *al-Sawa'ig al-Muhriqah*, hlm. 108.
16. *Dhakha'ir al-'Uqba*, hlm. 64.
17. *al-Riyadh al-Nidhirah*, II, hlm. 163.

Kifayah al-Talib [18] dengan sanadnya daripada Imam Ja'far al-Sadiq daripada 'Ali bin Husain daripada bapanya Amirul-Mukminin 'Ali A.S. berkata: "Rasulullah *Sawaw* bersabda: *'Sesungguhnya Allah jadikan bagi saudaraku 'Ali bin Abu Talib kelebihan-kelebihan yang tidak terhitung banyaknya'.*" Dan 'Umar berkata: "Rasulullah *Sawaw* bersabda: *'Sekiranya laut menjadi dakwat, pokok-pokok menjadi pena, manusia menjadi kitab dan jin menjadi hisab, nescaya mereka tidak dapat menghitung kelebihan anda wahai Abu l-Hasan'.*"

8. *'Aku berdamai dengan orang yang berdamai dengan penghuni khemah ini ('Ali, Fatimah, Hasan dan Husain)'.*

Al-Khawarizmi di dalam *Manaqib* [19] nya telah meriwayatkan hadis ini dengan sanadnya daripada Yunus bin Sulaiman al-Tamimi daripada bapanya daripada Zaid Yathi' dia berkata: Aku mendengar Abu Bakr berkata: Rasulullah *Sawaw* bersabda: *'Aku berdamai dengan orang yang berdamai dengan penghuni khemah ini, berperang dengan orang yang berperang dengan mereka, memuliakan orang yang memuliakan mereka, memusuhi orang yang memusuhi mereka. Tidak mengasihi mereka melainkan orang yang bahagia dan baik peranakannya'. Dan tidak membencikan mereka melainkan orang yang celaka dan buruk peranakannya.* Hadis ini juga telah dicatat oleh 'Abdullah al-Hanafi di dalam *Arjah al-Matalib.* [20] Aku berpendapat: Hadis ini dinamakan hadis *al-Kisa'* telah diriwayatkan dengan lafaz-lafaz yang bermacam-macam oleh ulamak Ahlu s-Sunnah.

9. *'Kami Ahlu l-Bait tidak boleh dibandingkan dengan orang lain'.*

Hadis ini telah diriwayatkan oleh al-Qanduzi al-Hanafi di dalam *Yanabi' al-Mawaddah* [21] daripada *Mawaddah al-Qurba* karangan al-Hamdani al-Syafi'i. Dia mengeluarkan sanadnya daripada Abu Wa'il daripada Ibn 'Umar dia berkata: Apabila kami berbicara tentang darjat sahabat-sahabat Nabi *Sawaw*, kami berkata: Abu Bakr, 'Umar dan 'Uthman. Seorang lelaki bertanya: Wahai Abu 'Abdu r-Rahman, apakah kedudukan 'Ali? Dia menjawab: 'Ali adalah daripada Ahlu l-

---

18. *Kifayah al-Talib*, hlm. 124.
19. *al-Manaqib*, hlm. 206.
20. *Arjah al-Matalib*, hlm. 309.
21. *Yanabi' al-Mawaddah*, hlm. 253.

Bait tidak boleh dibandingkan beliau dengan orang lain, kerana beliau bersama Rasulullah *Sawaw* di dalam ketinggian darjatnya sebagaimana firmanNya (Surah *al-Tur* 52:21): "*Dan orang-orang yang beriman dan anak cucu mereka mengikuti mereka dalam keimanan. Kami hubungkan anak cucu mereka dengan mereka*". Justeru itu Fatimah adalah bersama Rasulullah di dalam ketinggian darjatnya dan 'Ali adalah bersama mereka berdua.

Di dalam riwayat yang lain pula 'Abdullah bin Hanbal bertanya bapanya (Hanbal) tentang kedudukan sahabat-sahabat Nabi *Sawaw*. Dia menjawab: "Abu Bakr, 'Umar, 'Uthman". Kemudian dia diam. 'Abdullah bertanya lagi: "Wahai bapaku! Di manakah kedudukan 'Ali?". Dia menjawab: "Beliau adalah daripada Ahlu l-Bait tidak boleh dibandingkan beliau dengan orang lain".[22]

10. *'Ini adalah saudaraku, khalifahku dan pewaris ilmuku '.*

Al-Turmudhi al-Hanafi telah meriwayatkan hadis ini di dalam *al-Kaukab al-Durriy*[23] daripada 'Umar dia berkata: Manakala Rasulullah *Sawaw* menjalinkan persaudaraan di kalangan sahabat-sahabatNya. Beliau bersabda:*'Ini adalah 'Ali saudaraku di dunia dan akhirat, khalifahku pada keluargaku, wasiku pada ummatku, pewaris ilmuku, pembayar hutangku. Hartanya hartaku, menafaatnya adalah menafaatku, kemudaratannya adalah kemudaratanku. Sesiapa yang mengasihinya bahawa sesungguhnya dia mengasihiku. Dan sesiapa yang membencinya maka sesungguhnya dia membenciku'.* Hadis ini telah diriwayatkan oleh al-Qunduzi al-Hanafi di dalam *Yanabi' al-Mawaddah.*[24]

Aku berpendapat: Sesungguhnya 'Umar telah mengakui bahawa 'Ali adalah wasiRasulullah pada ummatnya, dan khalifahnyapada keluarganya. Hadis yang mengandungi pengertian seperti ini telah melebihi dua ratus. Dan aku telah mencatatnya di dalam buku *Syi'ah wa hujjatu-humfi al-Tasyayyu'*.

Tetapi apa yang menghairankan ialah sikap 'Umar sendiri yang mengakui hadis ini dan seumpamanya telah melakukan perkara-perkara yang tidak menyenangkan Nabi dan keluarganya yang disucikan A.S. Seperti mengingkari perintah Nabi *Sawaw* ketika beliau sedang gering supaya dituliskan

22. *Yanabi' al-Mawaddah*, hlm. 253; *Kanz al-'Ummal*, VI, hlm. 218.
23. *al-Kaukab al-Durriy*, hlm. 143.
24. *Yanabi' al-Mawaddah*, hlm. 251.

wasiatnya. Malah 'Umar mengatakan Nabi *Sawaw* telah meracau. Serangannya ke atas rumah Fatimah, mengumpulkan kayu api untuk membakarnya, memaksa 'Ali supaya melakukan bai'ah dan lain-lain.

Semuanya dilakukan secara sengaja terhadap orang-orang yang telah diwasiatkan oleh Allah S.W.T di dalam firmanNya (Surah *al-Syura* 42:23) *'Katakan Aku tidak meminta kepadamu sesuatu upahpun kecuali kasih sayang kepada keluargaku'.*" Dan sabdanya: *'Aku wasiatkan kepada kalian kerana Allah tentang keluargaku kerana mereka adalah "barang simpananku" pada kalian'.* Adakah layak bagi 'Umar melakukan perbuatan-perbuatan yang sedemikian terhadap orang yang mempunyai kedudukan yang tinggi di sisi Allah? *La hawla wa la Quwata illa billahi aliyyi l-azim.*

11. *"Ali adalah sebaik-baik orang yang aku tinggalkan selepasku '.*

Al-Qunduzi al-Hanafi di dalam *Yanabi' al-Mawaddah* [25] daripada *Mawaddah al-Qurba* karangan al-Hamdani al-Syafi'i daripada 'Umar (r.d) dia berkata bahawa Salman al-Farisi berkata: Aku berjumpa Rasulullah *Sawaw* semasa beliau sedang gering. Aku bertanya kepada beliau: Wahai Rasulullah! Adakah anda telah berwasiat. Beliau menjawab:*Wahai Salman! Adakah anda mengetahui siapakah wasi-wasi itu? Aku menjawab: Allah dan RasulNya lebih mengetahui. Beliau berkata: Adam wasinya Thith, beliau adalah sebaik-baik orang selepasnya. Wasi Musa ialah Yusyu', beliau adalah sebaik-baik orang selepasnya. Wasi Sulaiman ialah Asif bin Barkhia, beliau adalah sebaik-baik orang selepasnya. Wasi Isa ialah Syam'un, beliau adalah sebaik-baik orang selepasnya. Sesungguhnya aku telah berwasiat kepada 'Ali dan beliau adalah sebaik-baik orang selepasku.*

Aku berpendapat: Hadis ini juga telah diriwayatkan oleh al-Turmudhi al-Hanafi di dalam *al-Kaukab al-Durriy.* [26] Malah ianya diriwayatkan dengan banyak di dalam buku-buku Ahlu s-Sunnah daripada 'Umar dan Ibn 'Umar.

Hadis ini menunjukkan bahawa setiap Nabi ada pewarisnya yang dilantik oleh Allah S.W.T. Lantaran itu seorang Nabi tidak akan mati di dalam keadaan beliau tidak

---

25. *Yanabi 'al-Mawaddah*, hlm. 253.
26. *al-Kaukat al-Durriy*, hlm. 133.

berwasiat kepada pewasinya dan meninggalkan syariat begitu sahaja. Demikian halnya dengan Rasulullah *Sawaw* pasti beliau telah berwasiat. Perhatikanlah bahawa beliau telah melantik 'Ali sebagai wazirnya di Hari al-Indhar dan di Hari al-Ghadir dan lain-lainnya ketika beliau sedang gering. Beliau memanggil orang ramai supaya (beliau) menulis perkara-perkara di mana mereka tidak akan sesat selepasnya selama-lamanya. Tetapi 'Umar menolaknya sambil berkata: Nabi anda sedang meracau, memadailah kitab Allah sahaja. Seolah-olah Rasulullah *Sawaw* tidak mengetahui kitab Allah berada di kalangan mereka.

Sekiranya Rasulullah *Sawaw* tidak meninggalkan wasiat, nescaya beliau menyalahi para nabi yang terdahulu. Perhatikanlah hadis riwayat Salman tadi dan lain-lain. Sesungguhnya penentuan wasi bagi para nabi adalah wajib. Justeru itu mereka menentukan wasi-wasi mereka dengan perintah Allah S.W.T, dan bukan menurut diri mereka sendiri kerana nabi, wasi dan imam bukan dilantik dengan pilihan seseorang kerana mereka tidak mengetahui orang yang benar-benar layak. Lantaran itu pemilihan nabi, wasi dan imam adalah terserah kepada Allah S.W.T dan bukan orang lain. Kerana Dia lebih mengetahui rahsia-rahsia dan apa yang tersirat di hati. Sebagaimana firmanNya di dalam (Surah *al-Qasas* 28:68) *'Sekali-kali tidak ada pilihan bagi mereka'.*

12. *'Sebaik-baik lelaki di kalangan kalian ialah 'Ali bin AbuTalib '.*

Al-Qunduzi al-Hanafi di dalam *Yanabi' al-Mawaddah*[27] daripada *Mawaddah al-Qurba* karangan al-Hamdani al-Syafi'i dengan sanadnya daripada Ibn 'Umar daripada Rasulullah *Sawaw* bersabda: *'Sebaik-baik lelaki kalian ialah 'Ali bin Abi Talib. Sebaik-baik pemuda kalian ialah Hasan dan Husain. Dan sebaik-baik wanita kalian ialah Fatimah'.*

Hadis ini juga telah dikeluarkan oleh al-Muttaqi al-Hindi di dalam *Kanz al-'Ummal*[28] daripada Ibn 'Abbas bahawa Nabi *Sawaw* bersabda: *'Sebaik-baik manusia lelaki ialah 'Ali bin Abu Talib'.* Di dalam riwayat yang lain: Rasulullah *Sawaw* bersabda: *'Ali adalah sebaik-baik manusia'.*

---

27. *Yanabi' al-Mawaddah*, hlm. 247.
28. *Kanz al-'Ummal*, VI, hlm. 159.

13. Siapa yang mencintai 'Ali, Allah akan menerima solatnya dan puasanya.

Al-Khawarizmi telah mencatat hadis ini di dalam *Manaqib*[29]nya dengan sanadnya daripada Nafi' daripada Ibn 'Umar berkata: Rasulullah *Sawaw* bersabda: *Sesiapa yang mencintai 'Ali, Allah akan menerima solatnya, puasanya, ibadahnya dan memperkenankan doanya. Dan siapa yang mencintai keluarga Muhammad, nescaya dia akan terlepas daripada Hisab, Mizan dan Sirat. Dan sesiapa yang mati dalam keadaan cintakan keluarga Muhammad, maka aku menjaminkan baginya syurga bersama para nabi. Dan sesiapa yang membencikan keluarga Muhammad, akan datang Hari Kiamat tertulis di dahinya orang yang putus asa dari nikmat Tuhan.*

Salih al-Hanafi di dalam *al-Kaukab*,[30] meriwayatkan bahawa 'Umar bin al-Khattab berkata: Rasulullah *Sawaw* bersabda: *'Siapa yang mencintai anda wahai 'Ali adalah bersama para nabi di Hari Kiamat dan siapa yang memarahi anda maka dia akan mati sebagai seorang Yahudi atau Nasrani'.*

Aku berpendapat: Banyak hadis-hadis Rasulullah *Sawaw* yang menyebutkan faedah-faedah cintakan imam 'Ali A.S. dan kemudaratan memarahinya di dalam *Arjah al-Matalib*[31]. Dia berkata 'Abdullah bin Mas'ud berkata bahawa Rasulullah *Sawaw* bersabda: *'Cinta kepada keluarga Muhammad satu hari adalah lebih baik daripada ibadah setahun. Dan siapa mati kerananya, akan memasuki syurga'.*

Ketahuilah wahai saudara pembaca yang budiman! Sesungguhnya cinta yang dimaksudkan di dalam hadis ini bukanlah cinta kenalan biasa kerana cinta sedemikian boleh berlaku kepada 'Ali dan orang lain. Tetapi apa yang dimaksudkan dengan cinta di sini ialah cinta yang diikuti dengan pengakuan wilayah umum untuknya. Dan jelas sekali orang yang mendahulukan musuhnya daripada kekasihnya, maka cintanya adalah palsu. Ini adalah satu hakikat yang tidak dapat disembunyikan oleh setiap pemikir yang insaf.

Banyak hadis-hadis Nabi *Sawaw* yang menggalakkan cinta kepada Ahlu l-Bait A.S. dan memperwalikan mereka. Justeru itu ianya menjadi *wajib 'Aini* bagi setiap mukallaf mengambil hukum-hukum agamanya daripada orang-orang

---

29. *al-Manaqib*, hlm. 43.
30. *al-Kaukab*, hlm. 125.
31. *Arjah al-Matalib*, hlm. 319 dan *al-Kanz-al-'Ummal*, IV, hlm. 145.

yang telah dinaskan ke atas mereka oleh Rasulullah *Sawaw* kerana kemaksuman mereka. Ini kerana orang yang bukan maksum tidak layak untuk memikul tugas yang besar dan berat ini disebabkan kesalahan akan berlaku daripadanya. Dan telah ditetapkan di dalam *ilmu l-usul* bahawa apabila kemaksuman tidak ada, maka berlakulah kesalahan atau ketepatanMungkin dia memberi fatwa menyalahi nas sebagaimana telah dilakukan oleh Khalifah Abu Bakr,'Umar dan 'Uthman. Justeru itu berpegang kepada mereka adalah tidak harus. Apa yang telah sabit disisi kami bahawa imam wajiblah dinaskan ke atasnya daripada Allah yang mengetahui rahsia dan apa yang tersembunyi. Oleh itu Rasulullah *Sawaw* yang maksum tidak akan berwasiat kepada orang yang tidak maksum kerana beliau sendiri diperintahkan oleh Allah S.W.T. Dan beliau tidak bercakap menurut hawa nafsunya.

14. *'Anda adalah saudaraku dan wazirku'.*

Hadis ini telah dicatat oleh al-Muttaqi al-Hindi di dalam *Kanz al-'Ummal* [32] dengan sanadnya daripada Ibn 'Umar.

15. *'Bintang-bintang adalah pengaman bagi penghuni langit dan Ahlu l-Baitku adalah pengaman kepada ummatku'.*

Hadis ini telah diriwayatkan oleh al-Qunduzi al-Hanafi di dalam *Yanabi' al-Mawaddah.* [33]

16. *'Tutuplah semua pintu kecuali pintu 'Ali'.*

Al-Nasa'i telah meriwayatkan hadis ini di dalam *al-Khasa'is* [34] dengan membuang sanadnya daripada Zaid bin Arqam bahawa dia berkata: Beberapa orang sahabat Rasulullah *Sawaw* mempunyai pintu-pintu sebagai jalan ke masjid. Maka Rasulullah *Sawaw* bersabda: *Tutup semua pintu kecuali pintu 'Ali.* Maka orang ramai mula bising. Lalu Rasulullah *Sawaw* berdiri memuji Allah dan bersabda: *'Sesungguhnya aku diperintahkan supaya menutup kesemua pintu-pintu kecuali pintu 'Ali. Aku diperintahkan untuk melakukannya, lalu aku mematuhinya'.*

Hadis ini juga dicatat oleh al-Hakim di dalam *al-Mustadrak,* [35] al-Tabari di dalam *Dhakha'ir al-'Uqba* [36] dan lain-lain.

---

32. *Kanz al-'Ummal*, VI, hlm. 117.
33. *Yanabi' al-Mawaddah*, hlm. 92.
34. *al-Khasa'is*, hlm. 17.
35. *al-Mustadrak*, III, hlm. 125.
36. *Dhakha'ir al-'Uqba*, hlm. 76.

17. *"Ali bersama al-Qur'an dan al-Qur'an bersama 'Ali '.*

Al-Qunduzi al-Hanafi telah mencatatnya di dalam *Yanabi' al-Mawaddah* [37] dan al-Hamawanini di dalam *Fara'id al-Simtin.* [38]

18. *"Ali adalah penghulu Muslimin'.*

Al-Qunduzi al-Hanafi di dalam *Yanabi' al-Mawaddah*[39] meriwayatkan daripada Ibn 'Abbas dia berkata: Rasulullah *Sawaw* bersabda kepada Umm Salmah: *'Wahai Umm Salmah! 'Ali adalah daripada aku dan aku adalah daripada 'Ali. Dagingnya adalah dari dagingku dan darahnya daripada darahku. Kedudukan beliau di sisiku sepertilah kedudukan Harun di sisi Musa. Wahai Salmah! Dengarlah dan persaksikanlah, ini adalah 'Ali penghulu Muslimin'.*

19. *"Ali adalah penghulu Arab '.*

Al-Qunduzi al-Hanafi di dalam *Yanabi' al-Mawaddah*[40] meriwayatkan daripada Anas bin Malik berkata: Rasulullah *Sawaw* bertanya: *Siapakah penghulu Arab?* Anda wahai Rasulullah. Beliau menjawab: *'Aku adalah penghulu anak Adam (manusia) dan 'Ali adalah penghulu Arab'.*

20. *'Ali adalah makhluk yang paling dikasihi oleh Allah dan RasulNya '.*

Hadis ini diriwayatkan oleh al-Qunduzi al-Hanafi didalam *Yanabi' al-Mawaddah*[41] melalui sanad Safinah dia berkata: Seorang perempuan Ansar telah menghadiahkan kepada beliau *Sawaw* dua ekor burung yang dibakar dengan roti. Maka beliau bersabda: *'Wahai Tuhanku! Bawa datanglah kepadaku orang yang paling dikasihi oleh Kamu dan RasulNya'.* Maka 'Alipun datang dan makan bersama-samanya.

21 *'Allah memperkuatkan RasulNya dengan 'Ali '.*

Hadis ini telah dicatat oleh al-Tabari di dalam *Dhakha'ir al-'Uqba* [42] daripada Ibn al-Hamis.

---

37. *Yanabi' al-Mawaddah*, hlm. 248.
38. *Fara'id al-simtin*, I, hlm. 85
39. *Yanabi' al-Mawaddah*, hlm. 55.
40. *Yanabi'al-Mawaddah*, hlm. 89.
41. *Ibid.* hlm. 56.
42. *Dhakha'ir al-'Uqba*, hlm. 69.

22. *'Siapa yang memarahi 'Ali maka Allah akan memasukkannya ke neraka'.*

Hadis ini telah dicatat oleh al-Qunduzi al-Hanafi di dalam *Yanabi' al-Mawaddah*.[43]

23. ' Ali adalah orang yang pertama beriman kepada Nabi *Sawaw*.

Al-Qunduzi al-Hanafi di dalam *Yanabi' al-Mawaddah*[44] meriwayatkan daripada Abu Laila al-Ghifari dia berkata: Aku mendengar Rasulullah *Sawaw* bersabda: *'Selepasku akan ada fitnah. Dan sekiranya berlaku, maka berpihaklah kepada 'Ali bin Abu Talib A.S. kerana beliau adalah orang yang pertama beriman denganku dan orang yang pertama berjabat tangan denganku di Hari Kiamat. Beliaulah al-Siddiq al-Akbar, Faruq al-Ummah, dan beliaulah Ya'sub Mukminin'.*

24. "Ali adalah wasi Rasulullah *sawaw'*.

Al-Qunduzi al-Hanafi di dalam *Yanabi' al-Mawaddah*[45] meriwayatkan daripada Ahmad binHanbal dan dikaitkan dengan Anas bin Malik dia berkata: Kami berkata kepada Salman: Tanyalah Nabi tentang wasinya. Salman berkata: Wahai Rasulullah! Siapakah wasi anda. Maka Rasulullah *Sawaw* bersabda: *'Wahai Salman siapakah wasi Musa?'* Beliau sendiri menjawab: *'Yusyu' bin Nun'.* Beliau *Sawaw* bersabda: *'Wasiku, pewarisku yang akan membayar hutangku dan melaksanakan janjiku ialah 'Ali bin Abu Talib'.*

25. 'Siapa yang mencintai 'Ali akan dicintai Allah'.

Al-Hakim di dalam *al-Mustadrak*[46] telah meriwayatkan daripada Ibn 'Abbas sesungguhnya dia berkata: Nabi *Sawaw* telah melihat kepada 'Ali A.S. dan bersabda: *'Wahai 'Ali! Anda adalah penghulu di dunia dan di akhirat. Kekasih anda adalah kekasihku, kekasihku adalah kekasih Allah. Musuh anda adalah musuhku, musuhku adalah musuh Allah. Dan Neraka Wail bagi orang yang memusuhi anda selepasku'.*

26. 'Cinta kepada 'Ali adalah satu keimanan dan memusuhinya adalah satu kemunafikan'.

Ahmad bin Hanbal telah meriwayatkan hadis ini di dalam

43. *Yanabi' al-Mawaddah*, hlm. 91.
44. *Ibid*, hlm. 82.
45. *Ibid.*, hlm. 78.
46. *al-Mustadrak*, III, hlm. 128.

Musnad [47] nya daripada 'Ali A.S. beliau berkata: *'Nabi telah menjanjikan kepadaku bahawa anda tidak akan dikasihi melainkan oleh mukmin dan anda tidak akan dibenci melainkan oleh munafiq'.*

27. 'Di antara petanda *munafiq* ialah memarahi 'Ali'.

Al-Hakim di dalam *al-Mustadrak*[48] telah meriwayatkan hadis ini daripada Abu Dhar (r.d) berkata: *'Kami tidak dapat mengenali orang-orang munafiq melainkan pembohongan mereka terhadap Allah, RasulNya, meninggalkan solat dan memarahi 'Ali bin Abu Talib'.*

28. Tiga sifat istimewa bagi Amiru l-Mukminin A.S.

Ahmad bin Hanbal di dalam *Musnad* [49]nya telah meriwayatkannya daripada Ibn 'Umar, dia berkata: 'Sebaik-baik manusia pada zaman Nabi *Sawaw* ialah Rasulullah *Sawaw*. Kemudian Abu Bakr kemudian 'Umar. Sesungguhnya 'Ali bin Abu Talib telah dikurniakan tiga sifat yang istimewa. Sekiranya satu daripadanya dikurniakan kepadaku, adalah lebih aku cintaidaripada dunia keseluruhannya. Rasulullah *Sawaw* telah mengahwininya dengan anak perempuannya. Kemudian anak perempuannya melahirkan anak daripadanya. Beliau *Sawaw* telah menutup semua pintu-pintu selain daripada pintunya di masjid dan memberikan kepadanya bendera Khaibar.

29. Allah mewajibkan ke atas makhlukNya supaya mencintai'Ali.

Al-Qunduzi al-Hanafi di dalam *Yanabi' al-Mawaddah*[50] meriwayatkannya daripada al-Khawarizmi dengan sanadnya daripada Imam Muhammad al-Baqir A.S. daripada Jabir bin 'Abdullah (r.d) dia berkata: 'Rasulullah *Sawaw* bersabda: *'Jibra'il datang kepadaku dengan membawa kertas hijau daripada syurga tertulis di atasnya': "Sesungguhnya Aku adalah Allah. Aku mewajibkan kasih sayang makhlukku ke atas 'Ali.Justeru itu sampaikanlah kepada mereka mengenainya wahai Rasulullah".*

---

47. *al-Musnad*, II, hlm. 102.
48. *al-Mustadrak*, III, hlm. 129.
49. *al-Musnad*, III, hlm. 129.
50. *Yanabi' al-Mawaddah*, hlm. 78.

30. 'Ali bermalam di tempat tidur Rasulullah *Sawaw*.

Al-Hakim di dalam *al-Mustadrak* telah meriwayatkan daripada Ibn 'Abbas bahawa dia berkata: 'Ali telah mendedahkan dirinya kepada bahaya, lalu memakai pakaian Nabi *Sawaw*. Kemudian beliau tidur di tempatnya. Orang-orang Musyrikin mengejar Nabi *Sawaw* kerana ingin membunuhnya lalu beliau *Sawaw* memakaikan 'Ali *burdahnya* (kainnya).Lantaran itu mereka mulai mengejar 'Ali kerana mereka menyangka 'Ali adalah Nabi *Sawaw*. 'Ali mulai menggeliang-geliut (di tempat tidurnya). Mereka berkata: Sesungguhnya andalah yang malang, anda sedang menggeliang-geliut kerana sakit sedangkan sahabat anda tidak menggeliang geliut. Dan sesungguhnya kami memprotesnya di hadapan anda.

Diriwayatkan bahawa 'Ali mengungkapkan beberapa bait syairnya mengenai peristiwa tersebut:

Aku menjaga diriku sebaik-baik
orang yang memijakkan anak-anak batu
Dan sebaik-baik orang yang melakukan Tawwaf
di Ka'bah dan Hajr (Ismail)
Rasul khuatir mereka melakukan rancangan
(pembunuhan)nya
maka beliau diselamatkan Allah dari rancangan
(jahat) mereka.
Rasul bermalam di gua dengan aman
dijaga dengan jagaan Tuhan secara sembunyi.
Aku telah bermalam menjaga mereka sehingga
mereka tidak menuduhku
Sesungguhnya aku telah menetapkan diriku
samaada dibunuh atau ditawan.

31. 'Ali telah memecahkan berhala Quraisy yang paling besar.

Al-Hakim di dalam *al-Mustadrak* [51] telah meriwayatkan hadis ini dengan membuang sanadnya daripada 'Ali A.S. beliau berkata: "Pada masa aku diperintahkan oleh Rasulullah *Sawaw* supaya aku tidur di atas hamparannya. Aku dan Rasulullah *Sawaw* datang di Ka'bah yang dikelilingi berhala-

51. *al-Mustadrak*, III, hlm. 5.

berhala. Lalu beliau memerintahkan aku supaya duduk di tepi Ka'bah, akupun duduk. Kemudian Rasulullah *Sawaw* menaiki di atas bahuku kemudian beliau berdiri, maka akupun berdiri. Tetapi manakala beliau melihat kelemahanku di bawahnya beliau bersabda: Duduklah. Lalu akupun duduk dan aku menurunkannya dariku. Lalu Rasulullah *Sawaw* berdiri kemudian beliau berkata kepadaku: Wahai 'Ali! Naiklah di atas bahuku, maka akupun menaiki di atas bahunya. Kemudian Rasulullah *Sawaw* berdiri. Aku terfikir andainya aku mahu nescaya aku boleh sampai ke langit. Akupun menaiki Ka'bah lalu Rasulullah menjauhkan dirinya. Maka akupun mencampakkan berhala mereka yang paling besar yang dibuat daripada tembaga yang dicampur dengan besi. Dan akhirnya aku memecah-mecahkannya dan akupun turun".

32. 'Ali telah menyampaikan Surah al-Bara'ah kepada penduduk Makkah.

Ahmad bin Hanbal di dalam *Musnad* [52]nya, al-Tabari di dalam *Dhakha'ir al-'Uqba* [53], al-Turmudhi di dalam *Sahih*[54] nya, al-Hakim di dalam *al-Mustadrak*[55]nya, al-Muttaqi al-Hindi di dalam *Kanz al-'Ummal* [56], Ibn Hajr al-Asqalani di dalam *al-Isabah* [57] dan Ibn Hajr al-Haithami di dalam *al-Sawa'iq al-Muhriqah* [58] menerangkan bahawa Nabi *Sawaw* telah memerintahkan Ali A.S. supaya menyampaikan Surah *al-Bara'ah* kepada penduduk Makkah. 'Ali terpaksa mengambil tugas ini daripada Abu Bakr kerana ianya mesti dilakukan sama ada oleh Nabi *Sawaw* sendiri atau seorang lelaki daripada keluarganya.

33. 'Pengakuan 'Umar tentang kelebihan 'Ali A.S.'

Al-Kanji al-Syafi'i di dalam *Kifayah al-Talib,* [59] al-Tabari di dalam *al-Riyadh al-Nadhirah,* [60] Ibn al-Sibaqh al-Maliki di dalam *al-Fusu l-Muhimmah,* [61] al-Suyuti di dalam *Tarikh al-Khulafa'* [62], meriwayatkan daripada Sa'id bin Jubair daripada Ibn 'Abbas daripada 'Umar dia berkata: 'Ali adalah orang yang paling alim di kalangan kami'.

---

52. *al-Musnad*, I, hlm. 156.
53. *Dhakha'ir al-'Uqba*, hlm. 69.
54. *Sahih*, II, hlm. 461.55. *al-Mustadrak*, II, hlm. 51.
55. *al-Mustadrak*, II, hlm. 51.
56. *Kanz al-'Ummal*, I, hlm. 246.
57. *al-Isabah*, II, hlm. 509.
58. *al-Sawa'iq al-Muhriqah*, hlm. 19
59. *Kifayah al-Talib*, hlm. 130.
60. *al-Riyadh al-Nadhirah*, II, hlm. 98.
61. *al-Fusu l-Muhimmah*, hlm. 17.
62. *Tarikh al-Khulafa'*, hlm. 66.

Ibn 'Abd al-Birr di dalam *al-Isti'ab* [63] meriwayatkan daripada Sa'id bin al-Musayyab dia berkata: 'Umar sentiasa meminta perlindungan daripada permasalahan di mana Abu l-Hasan tidak ada (bersamanya).

34. Kata-kata 'Umar bahawa kemuliaan tidak akan sempurna melainkan dengan wilayah 'Ali.

Ibn Hajr di dalam *al-Sawa'iq al-Muhriqah* [64] meriwayatkan bahawa 'Umar berkata: Ketahuilah kalian bahawa kemuliaan tidak akan sempurna melainkan dengan wilayah 'Ali.

35. Penyaksian Nabi *Sawaw* tentang keilmuan 'Ali A.S.

Al-Qunduzi al-Hanafi di dalam *Yanabi' al-Mawaddah* [65] daripada Ibn 'Abbas dia berkata: Nabi *Sawaw* bersabda: *'Manakala aku berjalan di "hadapan" Tuhanku, Dia berkata-kata dan "bermunajat" denganku. Aku memberitahu kepada 'Ali apa yang aku mengetahuinya. Beliaulah pintu ilmuku'.* Dan di dalam riwayat yang lain Nabi *Sawaw* bersabda kepada 'Ali: *'Andalah pintu ilmuku. Umatku yang paling alim ialah 'Ali. Siapa yang mahu melihat kepada Adam tentang ilmunya, kepada Nuh tentang kecekapannya, kepada Ibrahim tentang lemah lembutnya, kepada Musa tentang kebijaksanaannya, kepada 'Isa tentang kezuhudannya, maka hendaklah dia melihat kepada 'Ali bin Abu Talib'.*

Hadis ini telah diriwayatkan oleh al-Hamawaini di dalam *Fara'id al-Simtin*, al-Khawarizmi dan al-Maghazali di dalam *Manaqib* mereka, Kamaluddin al-Syafi'i di dalam *Matalib al-Su'ul*, Ibn al-Sibagh al-Maliki di dalam *al-Fusul al-Muhimmah*, Abu Nu'aim di dalam *Hilyah al-Auliya'*, al-Kanji al-Syafi'i di dalam *Kifayah al-Talib*, Ibn Mardawaih di dalam *Manaqib*nya daripada Anas bin Malik bahawa Nabi *Sawaw* bersabda di rumah Umm Habibah: *'Sesungguhnya anda ('Ali) akan menyampaikan risalahku selepasku, menunaikannya sebagai penggantiku, memperdengarkan kepada orang ramai suaraku, dan mengajar mereka dari kitab Allah apa yang mereka tidak mengetahuinya'.*

Aku berpendapat: Ini adalah sebahagian kecil daripada hadis-hadis yang banyak yang menunjukkan keilmuan

---

63. *al-Isti'ab*, II, hlm. 484.
64. *al-Sawa'iq al-Muhriqah*, hlm. 109.
65. *Yanabi' al-Mawaddah*, hlm. 65..

Amirul-Mukminin dan Ahlu l-Baitnya yang telah dijadikan Allah sebagai khazanah ilmunya dan pemegang amanah ke atas hamba-hambanya dengan penyaksian Rasulullah *Sawaw*, jurucakap yang dipercayai yang tidak bercakap menurut hawa nafsunya malah dengan wahyu yang diwahyukan kepadanya. Oleh itu hadis ini tidak dapat disembunyikan lagi bahawa ianya telah diriwayatkan oleh orang-orang yang *thiqah* daripada ulamak-ulamak Ahlu s-Sunnah wa l-Jama'ah. Dan di sana banyak lagi hadis-hadis yang telah dicatat oleh ulamak-ulamak Syi'ah al-Abrar. Justeru itu, buatlah rujukkan kepada buku-buku mereka, nescaya anda akan mendapati di dalamnya apa yang dihajati oleh anda.

36. Penyaksian para ulamak tentang keilmuan 'Ali dan keluarganya yang disucikan.

Amiru l-Mukminin A.S. semenjak lahirnya matahari Islam dan permulaan dakwah sehingga hari ini sentiasa menjadi bahan keilmuan dan penghormatan mereka di seluruh dunia pada setiap masa dan tempat. Mereka melihat beliau sebagai contoh yang tinggi bagi manusia sempurna yang mempunyai sifat-sifat kelebihan, kesempurnaan dan gambaran yang indah bagi seorang lelaki muslim yang tertumpu kepadanya ajaran-ajaran Islam yang bernilai dan contoh-contoh kemanusiaan yang tinggi.

Lantaran itu kita dapati pemimpin-pemimpin ummat, pembesar-pembesar mereka, para cendikiawan mereka menyokong kelebihannya dan mengisytiharkan kepada orang ramai tentang kebesarannya yang luar biasa dan kecerdikannya yang unik. Serta kelebihannya di atas semua ummat pada segala sifat-sifatnya yang baik. Justeru itu tiga khalifah (Abu Bakr, 'Umar, 'Uthman) merujuk apa yang mereka perlu kepadanya di dalam pentadbiran hukum. Mereka amat memerlukannya tetapi beliau tidak memerlukan mereka. Ini adalah dalil yang yang menunjukkan bahawa beliau adalah imam kepada semua (*imam al-Kull*). Perhatikanlah kepada kata-kata 'Umar bin al-Khattab, "Allah tidak akan meninggalkan aku di dalam permasalahan di mana Abu l-Hasan tidak ada" dan kata-katanya: Sekiranya 'Ali tidak ada, nescaya binasalah 'Umar dan lain-lain lagi. Rasulullah *Sawaw* bersabda kepadanya: *'Anda sepertilah Ka'bah didatangi dan bukan mendatangi'.*

Aku telah mengemukakan, wahai pembaca yang

budiman, penyaksian Rasulullah *Sawaw* tentang keilmuan 'Ali dan Ahlu l-Baitnya yang disucikan serta hak mereka terhadap jawatan khalifah. Perhatikan juga penyaksian pembesar-pembesar ummat ini dan cerdik pandai mereka dan lain-lain tentang mereka (Ahlu l-Bait A.S.) bahawa merekalah orang yang paling alim, paling baik dan paling berhak daripada orang lain untuk jawatan khalifah menurut al-Qur'an dan Sunnah *nabawiyyah*. Semasa aku menulis buku ini, aku sempat membaca dua risalah yang bernilai berjodol *Madhhab Ahlu l-Bait A.S.* karangan al-'Allamah Sayyid 'Ali Naqiy al-Haidar di Baghdad dan *Syi'ah wa l-'Itrah al-Tahirah A.S.* karangan al-'Allamah Sayyid al-'Abbas al-Kasyani di Karbala. Kedua-duanya menerangkan penyaksian-penyaksian kebanyakan ulamak-ulamak *ummah* dan pemimpin mereka tentang kelebihan Ahlu l-Bait A.S. Mereka mengakui keilmuan, kelebihan dan hak mereka terhadap jawatan khalifah daripada orang lain.

37. Penyaksian Abu Bakr (r.d)

Al-Bahrani di dalam *Ghayah al-Maram*[66] daripada al-Turmudhi bahawa dia berkata: Abu Bakr berkata: Pecatlah aku (dari jawatan khalifah) kerana 'Ali lebih berhak daripada aku. Dia (al-Turmudhi) berkata: Dia (Abu Bakr) berkata sedemikian kerana dia mengetahui kedudukan 'Ali dan martabatnya yang tinggi bagi memegang jawatan khalifah.

38. Penyaksian 'Umar (r.d)

Ibn Abi l-Hadid al-Muktazili di dalam *Syarh Nahj alBalaghah*[67] daripada 'Umar bin al-Khattab (r.d) sesungguhnya dia berkata: 'Demi Tuhan sekiranya pedangnya ('Ali) tidak ada nescaya tidak tegaknya Islam, beliau seorang yang paling alim di kalangan ummat ini, paling awal Islamnya dan mempunyai kemuliaan yang tinggi'.

Ahmad bin Hanbal di dalam *Musnad*nya, al-Hakim di dalam *Mustadrak*nya, daripada 'Umar bin al-Khattab (r.d) sesungguhnya dia berkata: 'Sesungguhnya 'Ali dikurniakan tiga perkara, sekiranya aku memiliki salah satu daripadanya lebih aku cintai dari keseluruhan nikmat dunia ini, isterinya Fatimah binti Rasulullah, Rasulullah membenarkannya ting-

---

66. *Ghayah al-Maram*, bab 53.
67. *Syarh Nahj al-Balaghah*, III, hlm. 89

gal di masjidnya sebagaimana Rasulullah *Sawaw* dan bendera di Hari Khaibar'.

39. Penyaksian 'Aisyah (r.d)

Al-Hamawaini di dalam *Fara'id al-Simtin*[68] menyatakan bahawa 'Aisyah telah berkata mengenai 'Ali A.S.: 'Beliau adalah orang yang paling alim di dalam Sunnah Nabi *sawaw'*.

Kenyataan ini juga telah diriwayatkan oleh Muhibbuddin al-Tabari di dalam *Dhakha'ir al-'Uqba*, Ibn 'Abd al-Birr di dalam *al-Isti'ab*, Ibn Hajr di dalam *al-Sawa'iq al-Muhriqah* dan lain-lain.

40. Penyaksian Ibn 'Abbas (r.d)

Al-Qunduzi al-Hanafi di dalam *Yanabi' al-Mawaddah*[69] meriwayatkan daripada Ibn 'Abbas bahawa dia berkata: Sesungguhnya al-Qur'an telah diturunkan dengan tujuh huruf, setiap huruf mempunyai pengertian zahir dan batin. Sesungguhnya 'Ali bin Abu Talib mengetahui ilmu zahir dan batin.

41. Penyaksian Ibn Mas'ud (r.d)

Al-Qunduzi al-Hanafi di dalam *Yanabi' al-Mawaddah*[70] meriwayatkan daripada Ibn Mas'ud bahawa dia berkata: al-Qur'an telah diturunkan dengan tujuh "huruf", setiap huruf mempunyai pengertian zahir dan batin. 'Ali mengetahui pengertian al-Qur'an zahir dan batin.

42. Penyaksian Taghut Mu'awiyah

Ahmad bin Hanbal di dalam *Musnad*[71]nya meriwayatkan daripada Mu'awiyah bahawa dia berkata: Sesungguhnya 'Ali Allah utusan Allah, beliau diliputi dengan cahaya ilmu; dan dia juga berkata: Apabila 'Umar menghadapi masalah, dia merujuk kepadanya ('Ali).

43. Penyaksian Dhirar di hadapan Taghut Mu'awiyah.

Ibn al-Sibagh al-Maliki di dalam *al-Fusul al-Muhimmah*, Ibn al-Jauzi di dalam *Tadhkirah al-Khawwas* dan ulamak-ulamak Ahlu s-Sunnah yang lain, menyatakan bahawa

---

68. *Fara'id al-Simtin*, I, hlm. 399.
69. *Yanabi'al-Mawaddah*, hlm. 360.
70. *Ibid.*, hlm. 179.
71. *al-Musnad*, III, hlm. 29.

Dhirar bin Dhumah menemui Mu'awiyah. Mu'awiyah berkata kepadanya: Ceritakan kepadaku mengenai 'Ali. Dia menjawab: Adakah anda akan memaafkan aku? Mu'awiyah menjawab: Aku tidak memaafkan anda. Dhirar berkata: Jika ianya satu perkara yang mesti aku perkatakan maka demi Allah beliau ('Ali) menghukum dengan adil, ilmunya terpancar dari segenap pelusuk, hikmah bercakap di sekitarnya, beliau takut kepada kilauan dunia, bermunajat di waktu malam, menangis, banyak berfikir....beliau seperti kita. Beliau menjawab apabila ditanya dan mendatangi kita apabila kita menjemputnya... Dia berkata: Air mata Mu'awiyah mengalir di atas janggutnya. Dia cuba mengesatnya dengan tapak tangannya dan orang ramai turut menangis.

44. Penyaksian 'Umru bin al-'As

Al-Khawarizmi al-Hanafi di dalam *Manaqib*[72]nya menyatakan bahawa Mu'awiyah telah mengutus surat kepada 'Umru bin al-'As supaya dia melibatkan diri di dalam peperangan menentang Imam 'Ali A.S. 'Umru bin al-'As menjawab surat Mu'awiyah dengan menyebutkan kelebihan-kelebihan 'Ali bin Abu Talib. Di antaranya: Bagaimana aku akan menolong anda di atas kebatilan dan menghunus pedang ke muka 'Ali. Beliau adalah saudara Rasulullah *Sawaw*, wasinya, pewarisnya, pembayar hutangnya dan orang yang melaksanakan janjinya. Walau bagaimanapun akhirnya dia melibatkan dirinya di dalam peperangan menentang 'Ali A.S. selepas mendapat tawaran yang istimewa daripada Mu'awiyah.

45. Penyaksian Mu'awiyah kedua

Al-Qunduzi al-Hanafi di dalam *Yanabi' al-Mawaddah*[73] daripada Ibn al-Jauzi daripada Qadhi Abu Ya'la di dalam Kitabnya selepasmenyebut jenayah-jenayah Yazid bahawa sesungguhnya Mu'awiyah bin Yazid manakala dilantik menjadi khalifah, dia menaiki mimbar dan berkata: Sesungguhnya khalifah ini adalah tali Allah Ta'ala. Sesungguhnya datukku Mu'awiyah telah merebutnya daripada orang lebih berhak menjadi khalifah daripadanya iaitu 'Ali bin Abu Talib.

---

72. *al-Manaqib*, hlm. 56.
73. *Yanabi' al-Mawaddah*, hlm. 318

46. Penyaksian 'Umar bin 'Abdu l-'Aziz

Ibn al-Jauzi al-Hanafi di dalam *Tadhkirah-al-Khawwas*[74] daripada'Umar bin 'Abdu l-'Aziz sesungguhnya dia berkata:Kami tidak mengetahui seorangpun daripada ummat ini selepas Rasulullah *Sawaw* lebih zuhud daripada 'Ali bin Abu Talib.

47. Penyaksian Mansur al-Dawaniqi

Al-Khawarizmi di dalam *Manaqib*nya bab 16 daripada Sulaiman bin Mihran daripada al-Mansur, sesungguhnya dia menceritakan kepadanya tentang kemuliaan kedudukan 'Ali, Fatimah, Hasan dan Husain. Akhirnya Sulaiman berkata kepada al-Mansur: Berilah jaminan keselamatan kepadaku. Al-Mansur menjawab: Aku beri jaminan keselamatan kepada anda. Maka dia berkata: Apa pendapat anda pada mereka yang membunuh mereka itu? Al-Mansur menjawab: Di neraka tidak syak lagi. Dia bertanya lagi: Apa pendapat anda pada orang yang membunuh anak-anak mereka dan anak-anak cucu mereka? Al-Mansur menggeleng kepalanya sambil menunjukkan sikap kurang senangnya kepada pertanyaan tersebut.

48. Penyaksian Harun al-Rasyid

Al-Qunduzi al-Hanafi di dalam *Yanabi' al-Mawaddah*[75] mencatat bahawa al-Makmun telah meriwayatkan daripada bapanya al-Rasyid bahawa dia berkata kepada anak-anaknya tentang hak Musa al-Kazim: Ini adalah imam manusia, hujjah Allah ke atas makhlukNya, dan khalifahNya ke atas hamba-hambaNya. Aku adalah imam orang ramai pada zahir melalui paksaan dan kekuatan. Demi Allah sesungguhnya beliau lebih berhak dengan maqam Rasulullah *Sawaw* daripada aku dan daripada semua makhluk. Tetapi demi Allah, sekiranya beliau mempertikaikan aku tentang khalifah, nescaya aku mencungkilkan kedua-dua matanya.

49. Penyaksian al-Makmun

Al-Qunduzi al-Hanafi di dalam *Yanabi' al-Mawaddah*[76] menceritakan tentang surat al-Makmun kepada Bani 'Abbas manakala mereka cuba mengalihkan pandangannya dari perlantikkan Imam al-Ridha A.S.sebagai penggantinya. Di

---

74. *Tadhkirah al-Khawwas*, hlm. 80.
75. *Yanabi' al-Mawaddah*, hlm. 355.
76. *Ibid.*, hlm. 495.

antaranya dia berkata: 'Ali adalah orang yang paling alim di kalangan mereka tentang agama Allah. Beliau dilantik oleh Nabi *Sawaw* sebagai wali Mukminin di Ghadir Khum. Beliau adalah *nafs al-Nabi* di Hari *al-Mubahalah*. Allah telah mengumpulkan segala kelebihan untuknya dan menurunkan ayat-ayat al-Qur'an memujinya. Kita dan anak-anak 'Ali A.S. pada mulanya "satu tangan" (bekerjasama) sehingga kita menguasai urusan khalifah. Lalu kita mengenakan tekanan ke atas mereka, dan kita telah membunuh mereka lebih ramai daripada pembunuhan yang dilakukan oleh Bani Umayyah terhadap mereka.

50. Penyaksian Abu Hanifah

Diriwayatkan dari *Manaqib 'Ali Abi Talib*[77] tentang Imam Ja'far al-Sadiq A.S. daripada *Musnad Abi Hanifah* dia berkata: Husain bin Ziyad berkata: Aku mendengar Abu Hanifah ditanya tentang siapakah orang yang paling alim yang anda ketahui? Dia menjawab: Ja'far bin Muhammad. Apabila dipanggil oleh Khalifah al-Mansur, dia berkata kepadaku: Wahai Abu Hanifah! Sesungguhnya orang ramai menabur fitnah tentang Ja'far bin Muhammad. Oleh itu sedialah soalan-soalan anda yang tajam untuknya. Akupun menyediakan untuknya empat puluh masalah. Kemudian aku diutuskan untuk berjumpa Khalifah al-Mansur di Hirah. Maka akupun mendatanginya, Ja'far al-Sadiq berada di kanannya. Manakala aku melihat kepadanya, aku mulai merasa kehebatan Ja'far al-Sadiq melebihi kehebatan Khalifah al-Mansur. Akupun memberi salam kepadanya. Maka dia memberi isyarat kepadaku supaya duduk. Maka akupun terus duduk kemudian dia berkata: Kemukakan soalan-soalan anda kepada Abu 'Abdillah (Imam Ja'far al-Sadiq). Akupun mengemukakannya kepadanya dan beliau memberi jawapan kepada aku dan berkata: Kalian berpendapat begitu, penduduk Madinah mempunyai pendapat yang lain. Tetapi kami berkata begini. Kadang-kadang seorang itu menurut kami, kadang-kadang menurut mereka dan kadang-kadang dia menyalahi kami di dalam semua hal, sehingga aku mengemukakan kepadanya empat puluh masalah, maka beliau menjawab semua masalah itu.

Kemudian Abu Hanifah berkata lagi: Tidakkah orang yang

---

77. *Manaqib 'Ali Abi Talib*, I, hlm. 80.

paling alim itu ialah orang yang paling alim tentang perselisihan (pendapat) orang lain?

51. Penyaksian Malik bin Anas

Diriwayatkan daripada *Manaqib 'Ali Abi Talib*[78] daripada Malik bin Anas (r.d) sesungguhnya dia berkata: Mata tidak pernah melihat, telinga tidak pernah mendengar, hati tidak pernah terlintas tentang orang yang lebih baik daripada Ja'far al-Sadiq dari segi keilmuan, ibadah dan kewarakan.

52. Penyaksian Ahmad bin Hanbal

Muhammad bin Talhah al-Syafi'i telah meriwayatkan di dalam *Matalib al-Su'ul*[79] daripada Ahmad bin Hanbal (r.d) sesungguhnya dia berkata: Tidak ada seorangpun daripada sahabat-sahabat Rasulullah *Sawaw* mempunyai kelebihan-kelebihan seperti 'Ali.

53. Penyaksian Muhammad bin Idris al-Syafi'i (r.d)

Sebilangan besar para ulamak Ahlu s-Sunnah telah meriwayatkan di dalam buku-buku mereka bahawa Syafi'i telah ditanya tentang Imam 'Ali bin Abi Talib. Maka dia menjawab: Apakah yang aku akan ucapkan kepada seorang lelaki di mana musuh-musuhnya mengingkari kelebihannya kerana hasad dan tamak. Sementara pencinta-pencintanya pula menyembunyikan kelebihannya kerana khuatirkan perpecahan. Justeru itu ia melimpahi di antara dua denyutan jantung.

Di sini dipeturunkan beberapa bait syair Imam Syafi'i memuji Ahlu l-Bait Rasulullah *Sawaw* sebagaimana telah dicatat oleh Ibn Hajr di dalam *al-Sawa'iq al-Muhriqah*[80]

Wahai Ahlu l-Bait Rasulullah

cinta kalian satu fardhu daripada Allah

di dalam al-Qur'an diturunkan.

Kebesaran kalian telah memadai

sesiapa yang tidak bersalawat ke atas kalian

tidak ada solat baginya.

---

78. *Manaqib 'Ali Abi Talib*, I, hlm. 150.
79. *Matalib al-Su'ul*, hlm. 98.
80. *al-Sawa'iq al-Muhriqah*, hlm. 81

Ibn al-Sibagh al-maliki di dalam *al-Fusul al-Muhimmah* telah mencatat syair-syair Syafi'i di antaranya Imam Syafi'i berkata:

Sekiranya seorang itu menjadi Rafidhi (Syi'i)

kerana cintanya kepada keluarga Muhammad

hendaklah jin dan manusia persaksikan bahawa

aku seorang Rafidhi (Syi'i).

Imam Syafi'i berkata:

Sekiranya al-Murtadha('Ali) mendedahkan kedudukannya

nescaya manusia akan 'sujud' kepadanya.....

Imam Syafi'i juga berkata:

Sayangnya sehingga bila

aku dicela kerana mencintai pemuda ini ('Ali)?

Fatimah tidak mengahwiniselain daripadanya('Ali)

selain daripadanya adakah turun Surah Hal Ata?

Ini adalah sebahagian kecil daripada syair-syair Imam Syafi'i yang menerangkan kelebihan 'Ali dan Ahlu l-Bait-nya A.S. Syair-syair tersebut telah dicatat oleh para ulamak Ahlu s-Sunnah di dalam buku-buku mereka. Lantaran itu rujuklah kepada buku-buku tersebut.

Demikianlahdikemukakan sebahagian daripada penyaksian pemuka-pemuka dan pemimpin-pemimpin mereka tentang kelebihan peribadi mulia yang unik di dunia ini selepas Nabi Muhammad *Sawaw*. Kerana tidak ada seorangpun sahabat yang dapat menandingi kelebihannya dengan penyaksian penentang-penentangnya sendiri sebagaimana anda mengetahuinya. Ini adalah titisan daripada limpahan yang banyak.

Sekiranya aku mahu menulis tentang kelebihan Imam 'Ali A.S. dan mencatat kesemua pendapat pembesar-pembesar ummat ini, cerdik pandai dan lain-lain mengenai kelebihan personaliti yang unik ini, nescaya aku akan memenuhinya dengan berjilid-jilid buku dan aku tidak mampu untuk melakukannya. Walau bagaimanapun tulisan ini sudah cukup bagi orang yang ingin mendengar dan menjadikan dirinya sebagai saksi.

BAB KEENAM

Pujian Nabi *sawaw* Kepada Syi'ah 'Ali *dan Ahlu l-Baitnya*

Orang yang pertama menggunakan nama Syi'ah bagi pengikut-pengikut 'Ali Amiru l-Mukminin A.S. ialah Rasulullah *sawaw*. Beliaulah orang yang meletakkan batu asas dan menyemaikan benihnya yang pertama. Dan orang yang memperkuatkannya ialah Imam Amiru l-Mukminin 'Ali A.S. Pada masa itu Syi'ah dikenali dengan Syi'ah 'Ali A.S.

Ibn Khaldun berkata di dalam *Muqaddimahnya* bahawa Syi'ah dari segi bahasa bererti sahabat dan pengikut. Dan dari segi istilah *Fuqaha'* dan *Mutakallimun* dahulu dan sekarang ialah pengikut 'Ali dan anak-anaknya.

Muhammad Kurdi 'Ali di dalam *Khutatal-Syam* berkata: 'Tidak perlu bagi kita mencari dalil bahawa sebahagian sahabat dikenali dengan Syi'ah 'Ali'. Dan dia berkata lagi: 'Adapun sebahagian penulis mengatakan bahawa mazhab Syi'ah adalah daripada bid'ah 'Abdullah bin Saba' yang dikenali dengan Ibn al-Sauda' adalah tidak dikenali di dalam mazhab mereka'. Muhammad Kurdi 'Ali bukanlah seorang Syi'ah malah seorang yang menentang Syi'ah. Tetapi "kebenaran membuatkan orang yang insaf atau degil bercakap".

Hadis-hadis yang menyokong hujahku daripada pakar-pakar bahasa Ahlu s-sunnah wa l-Jama'ah lebih-lebih lagi menurut Syi'ah hampir sampai ke peringkat *Mutawatir*.

Aku akan mengemukakan sebahagian daripada hadis-hadis menurut Ahlu s-Sunnah sebagai penerangan kepada hujahku seperti berikut:

Ibn Hajr di dalam *al-Sawa'iqal-Muhriqah* [1] meriwayatkan daripada Ibn 'Abbas bahawa dia berkata: Manakala Allah SWT menurunkan (Surah *al-Bayyinah* 98:7) '*Sesungguhnya orang-orang beriman dan mengerjakan amal saleh mereka itulah sebaik-baik makhluk*'. Rasulullah *sawaw* bersabda kepada 'Ali: '*Mereka itulah anda dan Syi'ah anda. Dan Syi'ah anda datang pada hari kiamat di dalam keadaan ridha dan diridhai*

1. *al-Sawa'iq al-Muhriqah*, hlm. 128.

dan musuh anda datang dengan marah dan dibelenggu'. Beliau berkata, siapakah musuhku? Nabi *sawaw* bersabda: *'Orang yang membersihakan diri mereka daripada anda dan melaknati anda'.*

Al-Hamawaini al-Syafi'i di dalam *Fara'id al-Simtin,*[2] dengan sanadnya daripada Jabir bahawa dia berkata: 'Kami berada di sisi Nabi *sawaw* maka 'Ali A.S. pun datang. Rasulullah *sawaw* bersabda: *'Saudaraku telah datang kepada kalian'.* Kemudian beliau bersabda: *'Demi diriku di tangan-Nya. Sesungguhnya ini ('Ali A.S.) dan Syi'ahnya, mereka itulah orang yang menang (al-Fa'izun) pada hari kiamat. Sesungguhnya beliaulah orang yang pertama di kalangan kalian beriman bersamaku, orang yang paling setia di kalangan kalian dengan janji Allah SWT, orang yang paling teguh di kalangan kalian dengan suruhan Allah SWT, orang yang paling adil di kalangan kalian tentang orang di bawah jagaannya, orang paling adil di kalangan kalian di dalam pembahagian dan orang yang paling tinggi martabatnya di kalangan kalian di sisi Allah SWT '.*

Dan dia berkata: (Surah *al-Bayyinah* 98:7) diturunkan kepada 'Ali A.S. Dan dia berkata lagi: Sahabat-sahabat Muhammad *sawaw* apabila 'Ali A.S. datang kepada mereka, mereka berkata: Sebaik-baik makhluk telah datang.

Al-Khawarizmi al-Hanafi di dalam *Manaqib* [3]nya telah meriwayatkannya daripada Jabir daripada Nabi *sawaw*. Dia juga meriwayatkannya daripada al-Mansur al-Dawaniqi di dalam hadis yang panjang daripada Nabi *sawaw* mengenainya. Nabi *sawaw* bersabda: *'Sesungguhnya 'Ali dan Syi'ahnya besok merekalah yang mendapat kemenangan di hari kiamat, memasuki syurga'.*

Dia juga meriwayatkan daripada Nabi *sawaw*, sesungguhnya Nabi *sawaw* bersabda: *'Wahai 'Ali! Sesungguhnya Allah telah mengampuni untuk anda, keluarga anda, Syi'ah anda dan pencinta-pencinta Syi'ah anda'.* Di dalam riwayat yang lain Nabi *sawaw* bersabda: *'Ali adalah orang yang paling alim, paling awal Islam'. Sesungguhnya Syi'ah beliaulah mendapat kemenangan di hari esok.*

Di dalam riwayat yang lain pula Nabi *sawaw* bersabda: *'Sekiranya tidak ada golongan yang akan berkata kepada anda*

---

2. *Fara'id al-Simtin*, I, hlm. 87 (Bab 31).
3. *al-Manaqib*, hlm. 105 & 118.

sebagaimana diperkatakan oleh Nasara tentang 'Isa A.S., nescaya aku akan berkata sesuatu mengenai anda dan mereka akan mengambil tanah di bawah kedua tapak kaki anda, dan dari "lebihan air basuhan" anda untuk bersyafa'at dengannya. Tetapi cukuplah kedudukan anda di sisiku sebagaimana kedudukan Harun di sisi Musa. Aku adalah daripada anda, anda mewarisiku dan aku mewarisi anda melainkan tidak ada nabi selepasku. Andalah yang membersihkan dhimmahku. Syi'ah anda akan berada di atas mimbar-mimbar daripada cahaya. Dan sesungguhnya kebenaran berada di atas lidah anda, di hati dan di dahi anda'.

Aku berpendapat: Hadis yang mengandungi pengertian ini juga telah diriwayatkan di dalam *Kifayah al-Talib*, *Tarikh Baghdad*, *Majma' al-Zawa'id*, *Wasilah al-Muta'abbidin* dan lain-lain buku Ahlu s-Sunnah wa l-Jama'ah.

Al-Khawarizmi al-Hanafi juga meriwayatkan di dalam *Manaqib* [4]nya hadis yang panjang dengan sanadnya daripada Ibn. 'Abbas *marfu'*: *'Sesungguhnya Jibra'il memberitahu bahawa 'Ali dan Syi'ahnya bergembira bersama Muhammad sawaw di syurga'.*

Ibn Hajr di dalam *al-Sawa'iq al-Muhriqah* [5] meriwayatkan daripada 'Ali A.S. Sesungguhnya beliau berkata: Sesungguhnya Rasulullah *sawaw* bersabda: *'Wahai 'Ali! Anda akan mendatangi Allah dan Syi'ah anda di dalam keadaan redha dan diredhai. Musuh anda akan mendatangi kemarahanku di dalam keadaan terbelenggu. Kemudian diikat kedua-dua tangannya di tengkuknya. Dan memperlihatkan kepada mereka belenggu-belenggu tersebut'.* Ibn Hajr berpendapat bahawa Syi'ah di dalam hadis-hadis tersebut dimaksudkan dengan Ahlu s-Sunnah. Kerana Syi'ah, menurutnya dilaknati Allah kerana bid'ah mereka[6].

Al-Qunduzi al-Hanafi meriwayatkan di dalam *Yanabi' al-Mawaddah* [7] daripada *Mawaddah al-Qurba* karangan al-Hamdani al-Syafi'i di dalam *al-Mawaddah al-Thaniah* daripada Abu Dhar daripada Nabi *sawaw* sesungguhnya beliau bersabda: *'Sesungguhnya Allah melihat ke bumi daripada 'ArasyNya lalu memilihku, memilih 'Ali untukku sebagai menantuku, mem-*

---

4. *al-Manaqib*, hlm. 120.
5. *al-Sawa'iq al-Muhriqah*, hlm. 125.
6. Ibn Hajr menerima hadis-hadis tersebut tetapi dengan memberi pengertiannya yang aneh.
   Semoga Allah membakarnya dengan petirNya.
7. *Yanabi' al-Mawaddah*, hlm. 289 & 305.

berikan kepadanya Fatimah dan Dia tidak memberikan kelebihan kepada seorangpun daripada anak-anak lelakinya. Dia memberikan kelebihan kepada Hasan dan Husain dan Dia tidak memberikannya kepada seorangpun seumpamanya. Dia telah memberikan kepadanya mertuanya seumpamaku. Dia telah memberikan kepadaku al-Haudh. Dia juga telah menjadikannya ('Ali) sebagai pembaha-gi syurga dan neraka di mana Dia tidak memberikannya seumpamanya kepada para malaikat. Dia telah menjadikan Syi'ahnya di syurga. Dia memberikan kepadaku saudaraku seumpama aku dan tidak ada seorangpun 'saudara lelaki' seumpamaku'.

Wahai saudaraku! Sesiapa yang ingin memadamkan kemarahan Tuhan, dan ingin supaya Allah menerima amalannya, maka hendaklah dia mencintai 'Ali bin Abu Talib kerana mencintainya menambahkan keimanan. Dan mencintainya dapat mencairkan segala kejahatan sebagaimana api dapat mencairkan logam.

Dia juga meriwayatkannya di dalam *Yanabi' al-Mawaddah* [8] bahawa Anas bin Malik berkata: Nabi *sawaw* bersabda: *'Jibra'il memberitahuku bahawa sesungguhnya Allah mencintai 'Ali. Dia tidak mencintai para malaikat sebagaimana Dia mencintai 'Ali. Setiap kali Allah bertasbih, Dia menjadikan beberapa Malaikat yang mengucap istighfgar kepada orang yang mencintainya ('Ali) dan Syi'ahnya sehingga hari kiamat'.*

Dan di dalam riwayat yang lain Nabi *sawaw* ditanya tentang 'Siapakah yang berteduh di bawah bendera anda?' Nabi *sawaw* bersabda: *'Mukminun para wali Allah, Syi'ah yang benar, Syi'ahku dan Syi'ah 'Ali, pencinta-pencintanya, penolong-penolongnya. Alangkah beruntungnya mereka dan sebaik-baik darjat. Dan neraka wail bagi orang yang membohongi aku tentang 'Ali atau membohongi 'Ali keranaku, atau mempertikaikannya mengenai maqamnya yang dikurniakan Allah SWT'* [9].

Ibn al-Maghazali al-Syafi'i di dalam *Manaqib* [10]nya dengan sanadnya daripada Nabi *sawaw* bahawa dia berkata: Nabi *sawaw* bersabda: *'Ummat aku yang akan memasuki syurga sebanyak tujuh puluh ribu orang tanpa hisab'.* Kemu-

---

8. *Yanabi' al-Mawaddah*, hlm. 243-246.
9. *Ibid.*
10. *al-Manaqib*, hlm. 79.

dian beliau berpaling kepada 'Ali A.S. dan bersabda: *'Mereka itu adalah Syi'ah anda dan anda adalah imam mereka'.*

Ibn al-Sibagh al-Maliki di dalam *al-Fusul al-Muhimmah,*[11] al-Syablanji di dalam *Nur al-Absar* [12] meriwayatkan daripada Ibn 'Abbas bahawa dia berkata: Manakala turun ayat (Surah *al-Bayyinah* 98:7), Nabi *sawaw* bersabda kepada 'Ali: *'Anda dan Syi'ah anda datang pada hari kiamat di dalam keadaan redha dan meridhai, sementara musuh-musuh anda datang di dalam keadaan marah dan terbelenggu'.*

Ibn al-Maghazali al-Maliki di dalam *Manaqib* [13]nya meriwayatkan daripada Ibn 'Abbas bahawa dia berkata: Aku bertanya kepada Rasulullah *sawaw* tentang firmanNya (Surah *al-Wiqi'ah* 56:10-11) *'Dan orang-orang yang paling dahulu beriman, mereka itulah orang yang didekatkan (kepada Allah)'.* Beliau menjawab: *Jibra'il telah memberitahu kepadaku bahawa maksud ayat itu ialah 'Ali dan Syi'ahnya yang mendahului ke syurga, dan hampir kepada Allah kerana kekeramatannya'.*

Ahmad bin Hanbal di dalam *Manaqib* [14]nya menerangkan bahawa sesungguhnya Rasulullah *sawaw* bersabda kepada 'Ali A.S.: *Wahai 'Ali! Tidakkah anda redha, sesungguhnya anda bersamaku di syurga, Hasan dan Husain, zuriat kita di belakang kita, isteri-isteri kita di belakang zuriat-zuriat kita dan syi'ah kita yang mempercayai kita dan mempunyai akhlak yang terpuji.*

Dan banyak lagi hadis-hadis Nabi *sawaw* mengenai pujian beliau terhadap Syi'ah 'Ali dan Ahlu l-Baitnya telah diriwayatkan oleh para ulamak Ahlu s-Sunnah di dalam *Sahih-Sahih, Musnad-musnad* dan karangan-karangan mereka. Al-'Allamah Sayyid al-'Abbas al-Husaini al-Kasyani telah mencatat lebih daripada seratus hadis yang muktabar semuanya menurut Ahlu s-Sunnah wa l-Jama'ah di dalam bukunya berjodol *al-Syi'ah wa l-'Itrah al-Tahirah.*

Aku berdoa ke hadrat Allah SWT supaya memberkati Sayyid al-Kasyani dan semua para ulamak kami yang Abrar agar semua karya mereka dapat dicetak bagi faedah kaum Muslimin.

---

11. *al-Fusul al-Muhimmah*, hlm. 105.
12. *Nur al-Absar*, hlm. 102.
13. *al-Manaqib*, hlm. 85.
14. *al-Manaqib.*, hlm. 159.

berjodol *al-Syi'ah wa l-'Itrah al-Tahirah.*

Aku berdoa ke hadrat Allah SWT supaya memberkati Sayyid al-Kasyani dan semua para ulamak kami yang Abrar agar semua karangan-karangan mereka dapat dicetak bagi faedah kaum Muslimin.

BAB KETUJUH

Bencana Saqifah

Saqifah. Tahukah anda apakah Saqifah itu?

Setiap orang yang membuka lipatan sejarah mengkaji hal ehwal ummat-ummat yang lampau di abad yang silam, akan menemui peristiwa Saqifah yang menyedihkan.

Tetapi sedikit sahaja yang terselamat daripada memihak kepada salah satu dari dua golongan yang bertentangan mulai hari tersebut sehingga hari ini dan selepasnya.

Ramai pakar-pakar sejarah telah mengubati peristiwa ini pada setiap abad dengan harapan dapat menghilangkan kekusutan dan halangan yang tidak dapat ditembusi melainkan dengan kecemasan jiwa.

Apatah lagi untuk mendedahkan hakikat yang telah dipalsukan di abad pertama, kedua dan seterusnya. Kerana mereka melakukannya supaya hakikat sebenar tidak dapat dibongkar. Lantaran itu adalah menjadi sukar kepada pengkaji-pengkaji sekalipun mereka berusaha untuk mengkaji hakikat tersebut pada masa itu.

Tetapi Allah S.W.T Yang Maha Berkuasa tidak membiarkan di setiap zaman orang yang memutarbelitkan kebatilan dengan kebenaran dominan sehingga kebatilan akan hilang jua.*Wa l-Hamdulillah*

Lantaran itu penulisan tentang hari Saqifah dan apa yang berlaku serta kajian di sebalik kesukarannya bukanlah suatu perkara yang senang, kerana ianya menjadi sebab utama yang membawa kepada pembahagian ummat kepada dua golongan pada hari itu.

Kemudian kepada 73 golongan tetapi yang berjaya hanya satu, inilah satu perkara yang besar yang wajib diberi perhatian. Ummah yang besar begini tidak akan berjaya kecuali satu golongan sahaja. Justeru itu adalah wajar bagi seseorang itu berusaha dengan gigih untuk menyelamatkan dirinya, keluarganya dan sahabat-sahabatnya, malah semua umat jika dia mampu, tetapi aku fikir dia tidak akan mampu.

Golongan yang berjaya

Aku berkata: "Sesungguhnya Nabi *Sawaw* adalah seorang yang mempunyai kasihan belas kepada ummatnya. Beliau meriwayatkan kepada kita satu hadis yang amat penting; menggembira dan menakutkan. Tetapi ianya mempunyai kesukaran di mana ahli fikir yang masyhur tidak mampu mendedahkan kesukarannya kecuali dia adalah seorang yang maksum. Dia akan membiarkannya begitu sahaja tanpa membuat sebarang komen mengenainya. Justeru itu ummatnya berada di dalam keadaan tidak menentu di mana tempat yang akan ditujui sepertilah berjalan di tengah kegelapan malam. Apatah lagi jika dia menyulitkan perkara yang akan menentukan masa depan ummatnya sama ada kejayaan atau kebinasaan."

Maka aku berpendapat bahawa golongan yang berjaya ialah golongan yang berpegang kepada *wila'* Allah S.W.T, *wila'* kepada RasulNya dan *wila'* kepada imam-imam suci yang telah disucikan oleh Allah daripada segala kekotoran dosa. Dan membersihkan dirinya daripada orang yang memusuhi mereka dengan beramal dengan hadis yang disepakati oleh Sunnah dan Syi'ah. Sabdanya: '*Siapa yang telah menjadikan aku maulanya, maka inilah 'Ali maulanya wahai Tuhanku, tolonglah orang yang mewalikannya dan musuhilah orang yang memusuhinya. Tolonglah orang yang menolongnya dan hinalah orang yang menghinanya.*'

Adapun kata-kata yang menyatakan bahawa Nabi *Sawaw* apabila ditanya tentang golongan manakah yang berjaya? Maka beliau bersabda: "Apa yang aku dan sahabatku di atasnya", tidak boleh diterima kerana bukan semua sahabat berpegang kepada semua sahabat. Malah terdapat di kalangan mereka yang melakukan perbuatan-perbuatan yang tidak diredhai seperti Marwan bin al-Hakam, Mu'awiyah bin Abu Sufyan, 'Umru bin al-'As yang masyhur dengan penipuan dan kelicikan, penjenayah Mughirah bin Syu'bah dan lain-lain.

Allah S.W.T berfirman dalam Surah *al-Taubah* 9:101:'*Di antara orang-orang Arab Badwi yang di sekelilingmu itu, ada orang-orang munafik dan (juga) di antara penduduk Madinah mereka keterlaluan dalam kemunafikannya. Kamu (Muhammad) tidak mengetahui mereka tetapi kamilah yang mengetahui mereka*'.

Aku berpendapat firmanNya '*Kamu (Muhammad) tidak*

mengetahui mereka' bahawa Nabi *Sawaw* pada hakikatnya telah mengetahui mereka dengan sebenarnya. Tetapi ayat tersebut bertujuan menakut-nakutkan mereka kerana keterlaluan mereka di dalam amalan *nifak* sebagaimana anda berkata mengenai seorang yang paling jahat di dalam semua segi kepada seorang yang mengetahui keadaan lelaki itu. Anda "tidak mengetahui" apa yang telah dilakukan oleh lelaki itu, sedangkan "dia" juga mengetahui keadaan lelaki tersebut. Kata-kata ini adalah masyhur di kalangan orang awam dan diketahui oleh orang yang mempunyai ilmu di dalam bidang *Balaghah*.

Jikalaulah sabdanya: "Apa yang aku dan sahabatku di atasnya" itu betul (tetapi aku tidak fikir ianya betul) maka apa yang dimaksudkan dengan sahabat di dalam hadis tersebut mestilah Ahlu l-Bait A.S. yang telah dijadikan Allah S.W.T dan RasulNya sebagai ikutan bagi orang-orang yang mempunyai mata hati. Rasulullah *Sawaw* telah memerintahkan ummahnya supaya berpegang kepada mereka dan melarang dari tidak "berpegang" kepada mereka.

Sebenarnya aku telah kemukakan kepada anda hadis-hadis yang banyak di dalam buku ini mengenai Ahlu l-Bait A.S. Buatlah rujukan dan perhatikanlah serta janganlah *asabiah* menguasai anda. Di sini aku akan mengemukakan kepada anda satu dalil selain daripada dalil ini iaitu sabda Nabi *Sawaw* : *'Siapa yang berkata tiada tuhan melainkan Allah, akan masuk syurga'*. Aku menjawab: Ya! tetapi dengan syaratnya. Ummah semua mengucap: Tiada tuhan yang lain melainkan Allah dan Muhammad adalah Rasulullah sama ada Syi'ah atau bukan Syi'ah. Sekalipun wujudnya hadis ini tetapi Rasulullah *Sawaw* menegaskan hanya satu golongan sahaja yang berjaya.

Oleh itu pendapat yang menyatakan ummah semuanya berjaya adalah tertolak oleh hadis yang disetujui ke sahihannya. Dan pendapat yang menyatakan ummah semuanya binasa juga tertolak. Justeru itu golongan yang berjaya mestilah mempunyai keistimewaan dari golongan-golongan yang lain dengan sesuatu yang tidak dipegangi oleh golongan-golongan lain.

Keistimewaan Syi'ah daripada yang lain ialah kepercayaan mereka tentang kemaksuman imam-imam dan pengkhususan khalifah untuk mereka dengan dalil-dalil yang dapat mematikan hujah musuh. Lantaran itu khalifah tidak la-

yak selain daripada mereka dan tidak sempurna perlantikan khalifah selain daripada mereka. Sekiranya sahabat-sahabat telah mengambil ajaran-ajaran Nabi mereka, nescaya caci-mencaci, rompakan, pembunuhan dan sebagainya tidak berlaku. Tetapi sebaliknya mereka keluar dari mentaati Allah dan RasulNya. Ianya suatu hakikat yang tidak dapat disembunyikan lagi.

Apa yang telah dikemukakan adalah sudah cukup bagi orang yang mempunyai hati atau mendengar dengan penuh pemerhatian.

Aku mengakhiri kalimah dengan menyatakan bahawa sesungguhnya Syi'ah adalah golongan mukmin yang telah mengambil semua yang telah dibawa oleh Rasulullah *Sawaw* daripada Tuhannya. Maka Syi'ahlah tuan kepada kebenaran yang didakwakannya. Tetapi *Ahlu l-Fasad* (orang yang melakukan kerosakan) melekatkan celaan kepada Syi'ah tetapi mereka bersih daripada celaan-celaan tersebut seperti bersihnya serigala Yusuf daripada Yusuf. Buatlah rujukan kepada buku-buku mereka dengan ikhlas nescaya anda akan mengetahui kebenaran kami.

Aku berkata: "Sesungguhnya perkataan Syi'ah adalah satu kemuliaan yang besar kerana al-Qur'an memujinya di beberapa tempat sebagaimana firmanNya di dalam Surah *al-Qasas* 28:15: *'Maka orang yang dari golongannya (Syi'ati-hi) meminta pertolongan kepadanya untuk mengalahkan orang yang dari musuhnya lalu Musa meninjunya, dan matilah musuhnya itu'*, dan firmanNya di dalam Surah *al-Safat* 37:83: *'Dan sesungguhnya Ibrahim benar-benar termasuk golongannya (Syi'ati-hi')* iaitu Nuh adalah daripada Syi'ah Ibrahim."

Dan banyak hadis-hadis Rasulullah *Sawaw* yang memuji Syi'ah 'Ali seperti: *'Anda dan Syi'ah anda akan mendapat kemenangan'*. Justeru itu Syi'ah adalah *hizbullah* (parti Allah), *hizb* para Nabi dan *hizb* para wasi A.S. ***Wa l-Hamdulillah***

Malapetaka Syura

Aku berulangkali mengatakan bahawa sesungguhnya Allah S.W.T telah mengutuskan Muhammad dan telah mensyariatkan untuknya agama yang lurus, melalui lidah Jibrail dan menurunkan ke atasnya al-Qur'an yang dijaga, tidak didatangi oleh kebatilan di hadapan mahupun di belakang.

Allah dan RasulNya telah melantik (*nassa*) 'Ali A.S. sebagai wasinya semenjak hari pertama Rasulullah *Sawaw*

mengiklankan dakwahnya. Allah S.W.T memerintahkannya supaya memberi peringatan kepada keluarganya yang terdekat dan melantik 'Ali A.S. sebagai wazir. Beliau sentiasa mengangkat 'Ali di dalam urusan khalifah mengikut kebijaksanaannya sehinggalah tiba hari yang dikehendaki Allah mewafatkan RasulNya. Dikala itu 'Ali dan orang yang bersamanya sibuk dengan pengurusan jenazah Rasulullah *Sawaw*, orang-orang Ansar mula berhimpun di Saqifah. Mereka mencalunkan Sa'd bin 'Ubadah untuk menjadi khalifah.[1] Di tengah-tengah mereka sibuk bertukar-tukar pendapat, tiba-tiba tiga orang daripada Muhajirin, Abu Bakr, 'Umar dan Abu 'Ubaidah memasuki perhimpunan secara mengejut. Lantas dialog berlaku di antara Muhajirin dan Ansar. Perdebatan dan pertengkaran berlaku dengan hebat sehingga hampir berlaku fitnah di antara mereka. Abu Bakr berdiri lalu memberikan ucapan politik dengan gaya bahasa yang menarik yang menyentuh emosi orang-orang Ansar, sehingga dapat mempengaruhi mereka.

Di dalam ucapan tersebut dia menyebutkan kelebihan-kelebihan Muhajirin, pemeluk Islam lebih awal, orang pertama yang menyembah Allah di bumi, beriman dengan Allah dan RasulNya. Mereka itulah wali-walinya, dan keluarganya dan orang yang paling berhak jawatan khalifah selepas Nabi *Sawaw*. Dan orang Arab terhutang budi kepada kabilah Quraisy. Tidak akan mempertikaikan mereka selain daripada orang yang zalim.

Kemudian dia memberi ucapan kepada orang Ansar tanpa menghina hak mereka, masuk Islamnya mereka dan jihad mereka. Tetapi mereka tidak berhak jawatan khalifah. Dan jikalaulah mereka berhak sesuatu maka ia adalah *wazarah*, selain daripada mereka ialah *al-Imarah* (khalifah). Dia berkata: "Kamu kalian wahai kaum Ansar! Tiada seorangpun yang dapat mengingkari kelebihan kalian di dalam agama dan penerimaan Islam kalian. Allah telah meredhai kalian sebagai pembantu-pembantu (*Ansar*) kepada agama dan RasulNya. Beliau telah menjadikan hijrahnya kepada kalian dan di

---

1. Kebanyakan orang-orang Ansar telah mengetahui bahawa satu perencanaan untuk memisahkan 'Ali dari jawatan khalifah yang dinaskan oleh Rasulullah *Sawaw* pasti akan berlaku selepas kewafatan Rasulullah. Lantaran itu jika 'Ali disisihkan dari jawatan khalifah, maka adalah lebih baik seseorang daripada mereka dilantik untuk menjadi khalifah. Di dalam ertikata yang lain jika 'Ali tidak menjadi khalifah, maka di kalangan merekalah yang lebih berhak untuk memegang jawatan tersebut.

kalangan kalian, isteri-isterinya dan sahabat-sahabatnya yang mulia. Justeru itu tidak ada selepas Muhajirin pertama di sisi kami akan menyamai kedudukan kalian. Maka kamilah *umara'* (pemerintah-pemerintah) dan kalian adalah *wuzara'* (pembantu-pembantu)."[2]

Ucapan Abu Bakr dapat memadamkan emosi mereka yang sedang memuncak menentang Muhajirin, dan dapat memuaskan jiwa mereka yang bermegah dengan kelebihan mereka, jihad mereka, pertolongan mereka dan hampirnya kelebihan mereka dengan Muhajirin.

Ucapannya tidak lebih dari menenangkan emosi mereka dari penentangan. Maka dia memberikan kepada mereka apa yang mereka minta dengan mengakui kelebihan mereka, jihad mereka dan setiap kelebihan yang mereka miliki.

Memang benar mereka mempunyai kelebihan yang tidak dapat dinafikan, tetapi mereka tetap bersalah dengan sangkaan mereka bahawa mereka mempunyai hak *al-Imarah* (hak menjadi khalifah).

Di sini kita dapati Abu Bakr ingin menukarkan sangkaan mereka dengan berhati-hati agar tidak melukai emosi mereka atau mengurangkan kedudukan mereka tanpa mengatakan secara terang-terang bahawa mereka salah, tetapi sebaliknya dia memberi ucapan yang halus "tidak ada selepas Muhajirin pertama di sisi kami akan menyamai kedudukan kalian". Oleh itu kamilah *umara'* dan kalianlah *wuzara'*.

Perbincangan Muhajirin dan Ansar

Selepas Abu Bakr mengakhiri ucapannya, Hubab bin Mundhir menentangnya dengan berkata: "Seorang amir mestilah daripada kami dan seorang lagi daripada kalian." Di sini tibalah giliran 'Umar bin al-Khattab bahawa dia berkata: "Dua orang ketua tidak boleh berlaku dalam satu pemerintahan. Demi Allah 'Arab tidak akan meredhai kalian menjadi ketua mereka sedangkan nabi mereka bukan daripada kalian, tetapi mereka tidak akan menentang orang yang mengendalikan urusan mereka jika mereka daripada kelompok di mana "kenabian" datang daripada mereka. Dan kami mempunyai hujah ke atas Arab yang enggan menerimanya."

Hubab bangun dan berucap: "Wahai kaum Ansar, milikilah urusan kalian dan janganlah kalian mendengar uca-

---

2. al-Tabari, *Tarikh*, III, hlm. 208.

pannya dan sahabatnya, kerana mereka akan menghilangkan hak kalian. Sekiranya mereka enggan apa yang kalian minta, maka usirlah sahaja mereka dari negeri ini dan kalian mestilah memerintah mereka. Kerana kalian lebih berhak menguasai perkara ini kerana agama Islam berkembang dengan pedang-pedang kalian".[3]

Khalifah Abu Bakr

Selepas selesai perlantikan khalifah di Saqifah secara paksaan (*jabran*) [4] dan kebencian (*karahah*) orang-orang Ansar dan kebanyakan Muslimin terhadap Abu Bakr, orang-orang Ansar telah rugi dan berpecah sesama sendiri. Abu Bakr menjadi khalifah selama dua tahun dua bulan dan beberapa hari, sekalipun *bai'ah* nya adalah secara tergesa-gesa menurut kata-kata 'Umar sendiri. Dia berkata: "*Bai'ah* Abu Bakr adalah secara tergesa-gesa (*faltah*) tetapi Allah telah menjaga kejahatannya".[5]

Tetapi aku berpendapat: "Tidak! Allah tidak menjaga kejahatannya malah kejahatannya terus menyala, dan kemudharatannya berterusan selama-lamanya sepertilah saudara kembarnya *Syura* [6] kerana ianya berasal dari Saqifah.

Peranan 'Umar

Kemudian datang peranan 'Umar apabila Abu Bakr sakit dan kelihatan petanda-petanda kematian menguasai dirinya, dia berkata kepada penulis ('Uthman bin 'Affan): "Tulislah, ini adalah perjanjian 'Abdullah bin Abi Qahafah (Abu Bakr) perjanjiannya yang terakhir di dunia ini dan janjinya yang pertama di akhirat pada ketika orang *fajir* (jahat) menjadi baik dan orang kafir menjadi Islam."

Kemudian dia jatuh pengsan. Lalu penulis tadi menulis 'Umar bin al-Khattab. Kemudian dia sembuh dan berkata: "Bacalah apa yang anda telah tuliskan." Maka dia membaca dan menyebutkan nama 'Umar. Dia berkata: "Kenapa anda menulis begini? Aku tidak menyuruh anda menulis (nama)-nya." Kemudian dia berkata: "Tak mengapalah. Apa yang anda lakukan adalah betul." Kemudian dia berkata: "Sempurnakan

---

3. Ibn Qutaibah, *al-Imamah wa al-Siyasah*, I, hlm. 9.
4. Lihat lampiran C.
5. Ibn Qutaibah, *al-Imamah wa al-Siyasah*, I, hlm. 6; Ibn Hajr, *al-Sawa'iq al-Muhriqah*, hlm. 7.
6. *Syura* yang direncanakan oleh 'Umar untuk melantik penggantinya.

tulisan anda itu." Dia (penulis) menjawab: "Aku tidak mahu menulis lagi." Dia berkata: "tulislah..." Manakala selesai menulis, sekumpulan sahabatnya masuk. Talhah berkata kepadanya: "Apakah anda akan berkata kepada Tuhan anda besok kerana anda telah melantik ke atas kami seorang yang sangat kasar, mencemaskan jiwa dan meliarkan hati?."[7]

'Umar dan khalifah

Kemudian 'Umar menjadi khalifah selama lebih sepuluh tahun. Di dalam pemerintahannya, dia banyak melakukan pembaharuan dan ijtihad yang menyalahi nas. Lantaran itu tidak hairanlah jika pakar-pakar sejarah telah mencatat apa yang berlaku semasa pemerintahannya dengan terperinci[8]

Walau bagaimanapun tujuan utamaku di sini ialah untuk menerangkan penyerahan urusan khalifah kepada enam orang. Salah seorang daripada mereka ialah 'Ali bin Abu Talib A.S.

Apa yang harus kita perhatikan ialah adakah 'Umar betul di dalam masalah ini ataupun tidak. Manakala Abu Lu' Lu' menikamnya di masjid, mereka membawanya ke rumahnya. Orang ramai berkumpul di rumahnya lalu dia bermesyuarat dengan para hadirin tentang siapakah yang mereka akan lantik bagi mengendalikan urusan selepasnya.

Mereka bermesyuarat dengan anaknya 'Abdullah dengan izin 'Umar. Dia berkata: "Sesungguhnya Rasulullah *Sawaw* wafat dalam hal keadaan redha kepada enam orang Quraisy; 'Ali, 'Uthman, Talhah, Zubair, Abdu r-Rahman dan Sa'd. Sesungguhnya aku fikir untuk mengadakan *syura* di kalangan mereka supaya mereka memilih untuk mereka sendiri." Kemudian dia berkata: "Sekiranya aku melantik (seseorang) maka sesungguhnya telah melantik orang yang lebih baik daripadaku iaitu Abu Bakr. [9] Dan sekiranya aku meninggalkannya (perlantikan) maka sesungguhnya orang yang lebih baik daripadaku telah meninggalkannya [10] iaitu Nabi *Sawaw*."

Kemudian dia berkata: "Jemputlah mereka." Lalu mereka dijemput. Merekapun masuk berjumpa dengan 'Umar yang

7. Ibn Qutaibah, *al-Imamah wa al-Siyasah*, I, hlm. 18-19.
8. Lihat lampiran C.
9. Abu Bakr melantik 'Umar tanpa *syura*.
10 'Umar terang-terang menafikan hadis al-Ghadir walaupun dia sendiri mengakuinya semasa hidup Nabi *Sawaw*.

sedang terbaring di atas hamparannya, bermegah dengan dirinya. Dia melihat kepada mereka dan dia berkata: "Adakah kalian semua tamak kepada khalifah selepasku?" Mereka semua diam kerana protes. Dia berkata kepada mereka kali kedua. Lalu Zubair menjawab: "Apakah yang menghalang kami dari menjadi khalifah? Sesungguhnya anda telah melakukannya. Dan kami tidak kurang dari anda dari segi suku Quraisy serta di kalangan pemeluk-pemeluk Islam yang terawal."

'Umar berkata: "Demi Allah, tidak ada halangan bagiku untuk melantik anda menjadi khalifah wahai Sa'd, hanya anda adalah seorang yang kasar (*ghalazah*) kerana anda adalah ahli peperangan. Abdu r-Rahman, hanya anda adalah Fir'aun Ummat ini (*fir'aun hadhihi l-Ummah*), al-Zubair hanya anda adalah seorang mukmin pada waktu redha dan kafir pada waktu marah (*kafir 'inda l-Ghadhab*), Talhah, hanya seorang yang angkuh dan Rasulullah memarahi anda kerana kata-kata anda ketika turun ayat Hijab (Surah *al-Ahzab* 33:53) (kata-kata Talhah: Muhammad tidak boleh membuat apa-apa sekalipun mengenakan hijab ke atas isteri-isterinya, apabila beliau wafat, kami akan mengahwini isteri-isterinya) dan anda jika dilantik, akan menyarungkan cincin mohornya ke jari isteri anda, begitu juga 'Uthman, anda adalah seorang yang asabiyah cinta kepada kaum dan keluarga anda. Justeru itu sekumpulan serigala Arab akan menyembelihkan anda dan jika ianya berlaku, ingatlah kata-kataku ini. Dan anda wahai 'Ali, sekiranya anda bukan seorang yang suka 'berkelakar' [11] nescaya aku melantik anda, dan anda akan membawa kaum muslimin kepada kebenaran yang jelas dan hujah yang bersih.[12]

Kemudian 'Umar berkata: "Jemputlah untukku Abu Talhah al-Ansari", maka merekapun menjemputnya. Dia berkata kepadanya: "Perhatikanlah wahai Abu Talhah apabila anda kembali dari pengkebumianku anda kumpulkan lima puluh orang lelaki Ansar lengkap dengan senjata. Kemudian ambillah mereka untuk melakukan perlantikan dan kumpulkan mereka di dalam satu rumah. Anda dan sahabat-sahabat anda berdiri di pintu rumah supaya mereka bermesyuarat dan memilih. Sekiranya lima bersepakat dan satu menentang

---

11. 'Ali A.S. telah menafikannya di dalan *Nahj al-Balaqhah*.
12. Ibn Qutaibah, *al-Imamah wa al-Siyasah*, I, hlm. 24; al-Tabari, *Tarikh*, V, hlm. 2778.

maka potong tengkuknya. Dan sekiranya empat orang bersepakat dua menentang, maka potonglah tengkok mereka berdua. Dan sekiranya tiga bersepakat, dan tiga menentang maka perhatikanlah kepada tiga yang ada 'Abdu r-Rahman. Dan rujukanlah kepada apa yang disepakati oleh tiga orang tersebut. Dan sekiranya tiga lagi terus menentang, maka potonglah tengkok mereka. Dan sekiranya berlaku tiga hari dan mereka masih tidak bersepakat (di atas perlantikan khalifah) maka potonglah tengkok keenam-enam tersebut. Dan biarlah kaum muslimin memilih (khalifah) untuk mereka."[13]

Aku berkata: "Kami memohon pertolongan dengan Allah daripada hukum yang zalim ini yang keluar daripada khalifah yang "adil", dia meredhai mereka lantas dia menjemput mereka dan berkata: Jemputlah mereka untukku. Maka mereka dijemput. Manakala mereka semua hadir, dia menyebutkan setiap orang daripada mereka dengan keaiban-keaiban yang tidak melayakkan mereka menjadi khalifah. Malah *Syahadah* (penyaksian) merekapun mesti ditolak apatah lagi untuk menjadi khalifah. Meskipun mereka mempunyai keaiban-keaiban tersebut mereka dimasukkan oleh 'Umar di dalam Syura."

Sekiranya mereka tidak bersepakat dalam masa tiga hari, nescaya Abu Talhah al-Ansari akan memotong tengkok-tengkok mereka. Sedangkan mereka, menurut sangkaan mereka, di kalangan sepuluh orang yang diberi khabar gembira dengan syurga. Ya Allah manakah justifikasi bagi 'Umar mengharuskan darah enam orang dari sahabat-sahabat yang besar sedangkan di sana terdapat nas-nas yang terang di tempat yang bermacam-macam tentang khilafah 'Ali Amiru l-Mukminin A.S.? Kenapakah dia tidak mengembalikan terus jawatan khalifah kepada 'Ali A.S. dan dengan ini dia dapat menyelamatkan kaum Muslimin daripada masalah ini?

Perhatikanlah kepada hukumnya dengan penuh keinsafan. Adakah hukum ini keluar daripada lelaki yang takutkan Allah dan RasulNya? Tentu sekali tidak! Sayang sekali, tidakkah lebih baik jika dia meninggalkan ummat ini memilih sendiri tanpa mengadakan syuranya, jika difardhukan mereka tidak bersepakat?

Dan perhatikan kata-katanya: Sekiranya tiga bertentangan dengan tiga, maka rujuklah perlantikan di pihak

---

13. Ibn Qutaibah, *al-Imamah wa al-Siyasah*, I, hlm. 24-15.

Abdu r-Rahman bin 'Auf. Kata-kata ini jelas menunjukkan permusuhannya yang terang terhadap 'Ali A.S. Kenapa dia tidak merujuk kepada 'Ali secara langsung? Tetapi perkara ini telah diatur dengan rapi selepas kembalinya mereka di hari al-Ghadir (perisytiharan perlantikan 'Ali A.S.). Kerana mereka membuat perjanjian untuk mengeluarkan 'Ali dari khilafah. Dan sekiranya anda ingin mengkaji dengan lebih mendalam tentang hakikat ini, sila rujuk kepada buku *Ihqaq al-Haq* dan *al-Sawarim al-Muhriqah* karangan Imam Qadhi Nurullah al-Tastari, *Tasyyid al-Mata'n*, *Aqabat al-Anwar*, *Ghayah al-Muram*, *al-Ghadir*, karangan Imam Syarifuddin al-Musawi dan lain-lain.

Kemudian datang peranan 'Uthman

Aku telah mengemukakan kepada anda sebentar tadi bahawa 'Umar telah menjadikan urusan khalifah pada enam orang dan menyampaikannya kepada 'Uthman secara halus. Dia berkata kepada 'Uthman bahawa dia akan membawa Bani Umayyah dan Bani Mu'it menguasai orang ramai, dan akan datang satu kumpulan dari serigala Arab menyembelihnya. Dia berkata lagi: "Sekiranya ianya berlaku![14] Maka ingatlah kata-kataku ini, dan memang benar firasat 'Umar terhadap 'Uthman."

Pada hari dia mengambil alih jawatan khalifah, Bani Umayyah berkumpul di rumah 'Uthman, Abu Sufyan juga ikut sama. Dia berkata: "Adakah pengintip ke atas kita?" Mereka menjawab: "Tidak." Dia berkata: "Jagalah jawatan khalifah sebagaimana kalian menjaga kanak-kanak yang buas. Demi Allah! Tidak ada syurga dan tidak ada neraka." Kemudian dia pergi ke kubur Hamzah dan menendangnya dengan kakinya seraya berkata: "Wahai Abu 'Ammarah (Hamzah)! Sesungguhnya perkara yang kita telah bertengkar kerananya dahulu telah jatuh ke tangan kami."[15] Ini adalah ucapan yang pertama yang diluahkan oleh ketua al-Ahzab, Abu Sufyan.

Sekarang kita perhatikan pula *bid'ah-bid'ah*[16] yang dilakukan oleh khalifah ketiga 'Uthman. Dia mengembalikan Marwan bin Hakam yang telah diusirkan oleh Rasulullah *Sawaw*. Pada masa pemerintahan Abu Bakr dan 'Umar,

---

14. Lihat umpamanya Ibn Qutaibah, *al-Imamah wa al-Siyasah*, I, hlm. 25
15. al-Tabarsi, *al-Ihtijaj*, I, hlm. 275.
16. Lihat lampiran C.

'Uthman telah cuba untuk membawa dia pulang ke Madinah tetapi kedua-duanya membantah. Tetapi apabila dia menjadi khalifah, dia mengembalikannya dengan mengatakan bahawa aku memaafinya kerana dia adalah darah dagingku.

Dia mulai memecat orang-orang yang telah dilantik oleh 'Umar dan menggantikan mereka dengan Bani Umayyah. Kemudian berlakulah perkara-perkara lain yang menyebabkan pembunuhannya.

Dia membelanjakan harta Baitu l-Mal kepada Bani Umayyah. Dia memberi kepada 'Abdullah bin Khalid 4,000 dirham, Abu Sufyan 1,000 dirham dari harta Baitu l-Mal. Hari pembebasan Marwan 100,000 dirham kemudian mengahwinkan anak perempuannya dengan Marwan dan menjadikannya wazir. Zaid bin Arqam penjaga Baitu l-Mal membawa anak-anak kunci Baitu l-Mal di hadapan 'Uthman sambil menangis. 'Uthman berkata kepadanya: "Adakah anda menangis kerana aku menyambungkan silatu r-Rahimku?" Dia menjawab: "Tidak. Tetapi aku menangis kerana aku menyangka anda mengambil harta Baitu l-Mal sebagai ganti dari apa yang anda belanjakan *fisabilillah* pada masa Rasulullah *Sawaw*. Jika anda memberi 100 dirham pun sudah banyak."

'Uthman menjadi marah dan berkata: "Campakkan anak-anak kunci itu. Wahai Ibn al-Arqam kerana kami akan dapatkan orang lain daripada anda." Dia telah membahagi-bahagikan harta yang banyak yang dibawa oleh Abu Musa dari Iraq di kalangan Bani Umayyah. Dia telah memberi 100,000 dirham kepada Harith bin Hakam kemudian mengahwinkan anak perempuannya dengan Harith. Dia telah memukul sehingga patah tulang rusuk 'Abdullah bin Mas'ud kerana tidak mahu menyerahkan mushafnya kepadanya ('Uthman). Dia juga mengusir Abu Dhar ke Rabzah kerana mengkritik kesalahan-kesalahannya yang menyalahi al-Qur'an dan Sunnah Nabi *Sawaw*. [17] Dan banyak lagi perkara-perkara *bid'ah* yang telah dilakukan oleh 'Uthman. Semuanya tercatat di dalam buku-buku sejarah yang ditulis oleh ulamak-ulamak besar Ahlu s-Sunnah.

Aku berkata: "Adakah begini gerangan khalifah Muslimin, Khalifah 'Uthman dan orang yang mengikuti jejak langkahnya akibat peristiwa Saqifah sebagai natijah mereka tidak mahu menerima ayat-ayat al-Qur'an, dan menyalahi suruhan-

---

17. Ibn Qutaibah, *al-Imamah wa al-Siyasah*, I, hlm. 28

suruhan Rasulullah *Sawaw*. Jikalaulah mereka mendengar dan mentaati Allah dan RasulNya, nescaya mereka tidak akan melakukan perkara-perkara yang tidak layak dengan syariat Nabi *Sawaw*. Sedangkan Nabi *Sawaw* telah menerangkan segala sesuatu sama ada yang mendekatkan mereka ke syurga ataupun yang menjauhkan mereka dari neraka. Tetapi jiwa yang kotor tidak akan menerima kebenaran."

Pemberontakan rakyat terhadap khalifah

Rakyat telah memberontak terhadap Khalifah 'Uthman kerana mereka melihat 'Uthman telah melampaui hukum-hukum Allah. Mereka mengepung rumahnya dan menuntut supaya dia meletakkan jawatan atau menyerahkan Marwan.

Pemberontakan ini berlaku kerana gabenornya 'Abdullah bin Abu Sarah telah menindas rakyatnya di Mesir. 'Ali menjadi orang tengah untuk menyelesaikan perkara ini. 'Uthman bersetuju memecat gebenornya dan menggantikannya dengan Muhammad bin Abu Bakr. Dia mengutus surat kepada gabenornya 'Abdullah bin Sarah: "Apabila sampai sahaja suratku, maka letaklah jawatan anda." Muhammad bin Abu Bakr dan rombongannya berjalan menuju ke Mesir selepas tiga hari perjalanan, tiba-tiba mereka ternampak seorang penunggang unta sedang menuju ke satu jalan dari jarak jauh. Lalu mereka melintasinya dan mendapati lelaki itu adalah hamba 'Uthman dan untanya. Mereka bertanya: "Kemana arah anda?" Dia menjawab: "Mesir." Lalu mereka memaksanya dan mendapati surat padanya yang mengatakan: "Apabila Muhammad bin Abu Bakr datang kepada anda, maka bunuhlah dia."

Oleh itu mereka terus pulang ke Madinah dan membentangkan surat itu kepada orang yang sedang mengepung rumah 'Uthman. Manakala 'Ali mengambil surat itu dan membacanya, beliau menjadi marah dan terus berjumpa 'Uthman. Beliau bertanya: "Apakah ini arahan 'Uthman?" Dia mengingkarinya dan bersumpah bahawa dia tidak tahu tentang surat itu. Mereka berkata: "Tulisan adalah tulisan anda, cop adalah cop anda dan unta adalah unta anda." Dia tetap mengingkari perkara itu. Mereka berkata: "Letakanlah jawatan anda."[18] Dia enggan dan menolak untuk menyerahkan Marwan. Di sinilah serigala Arab memberontak sebagaimana tel-

18. Ibn Qutaibah, *al-Imamah wa al-siyasah*, I, hlm. 37.

ah diramalkan oleh 'Umar.

Walaupun keadaan masih genting, 'Uthman datang ke masjid dan memberitahu kepada orang ramai untuk memberi penyaksian tentang penukaran gabenor-gabenornya. Justeru itu semua orang berazam untuk pulang ke tempat masing-masing. Tetapi manakala khalifah pulang ke rumahnya, tiba-tiba Marwan sedang menunggunya dan berkata: "Apakah mesyuarat tadi?" Dia menceritakannya kepadanya. Lalu Marwan berkata kepadanya: "Mati lebih baik dari kehinaan. Anda adalah khalifah dan kami adalah kaum anda. Hantarlah surat kepada sepupu anda Mu'awiyah dan mintalah pertolongannya." Maka khalifah membatalkan taubatnya, lalu mengambil pendapat Marwan, menantunya dan wazirnya. Pada masa itu isteri 'Uthman, Na'ilah, mendengar apa yang diperkatakan oleh 'Uthman dan sikap yang akan diambil olehnya untuk membatalkan janjinya kepada rakyatnya. Dia (Na'ilah) berjumpa Marwan dan berkata: "Tanpa syak lagi sesungguhnya andalah pembunuhnya ('Uthman) dan membuatkan anak-anaknya menjadi yatim." Marwan menjawab: "Diam sahajalah, sesungguhnya bapa anda tidak pandai mengambil wudhuk." Dia menjawab kepada Marwan dengan jawapan yang tidak menyenangkannya, kemudian berpaling kepada suaminya sambil berkata: "Sekiranya anda masih lagi mengambil pendapat Marwan, maka ketahuilah anda bahawa sesungguhnya anda tidak mustahil akan dibunuh."

Pemberontak-pemberontak di kalangan sahabat dan tabi'in menunggunya begitu lama, maka mereka mendapatinya tidak menunaikan janji-janjinya. Malah dia mengutus surat kepada Mu'awiyah supaya menolongnya menentang pemberontak-pemberontak. Justeru itu Mu'awiyah menghantar bala tenteranya dan memerintahkan pemimpinnya supaya jangan memasuki Madinah dan berkata: "Jangan sekali-kali menyalahi apa yang aku perintahkan kepada anda."[19]

Aku berkata: "Inilah tindak tanduk seorang khalifah, dan beginilah kelakuan seorang wazir. Begitu juga sikap "kerjasama" keturunan Umayyah sesama mereka sendiri."

Tujuan perintah Mu'awiyah kepada pemimpin tenteranya ialah untuk memberitahu kepada pemberontak-pemberontak tentang kedatangan bala tenteranya adalah

---

19. al-Tabari, *Tarikh*, VI, hlm. 2985.

untuk menolong Khalifah 'Uthman. Justeru itu mereka akan mempercepatkanpembunuhannya. Pemberontak-pemberontak berkumpul dan mengepung rumahnya dengan memutuskan bekalan air. Dia mengutus Abu l-Hassan ('Ali) supaya masuk campur di dalam soal air. Maka beliau menguruskan pengangkutan air kepada khalifah, tetapi beliau tidak datang sendiri kerana Khalifah 'Uthman tidak mendengar nasihatnya.

Ahli-ahli sejarah telah mencatat bahawa Amiru l-Mukminin A.S. telah menghantar Hasan, Husain dan Qanbar supaya tidak membenarkan seorangpun memasuki rumah 'Uthman. Manakala keadaan demikian berlarutan, pemberontak-pemberontak mendapat tahu bahawa bantuan ketenteraan dari pihak Mu'awiyah telah datang, mereka memanjat dinding dan memasuki rumah 'Uthman lalu membunuhnya. Isterinya merebahkan diri di atasnya, lantas dipotong anak-anak jarinya, maka khalifahpun dibunuh. Dan tentera Mu'awiyah tanpa memasuki Madinah kembali menurut perintah.[20]

Fitnah pembunuhannya

Pemberontakan Mu'awiyah tercetus. Dia mulai menghasut penduduk-penduduk Syam supaya memberontak dan meminta 'Ali supaya menyerahkan pembunuh-pembunuh Khalifah 'Uthman. Mu'awiyah membawa baju 'Uthman dan isterinya, lalu mereka mengangkatkan baju yang berlumuran darah di masjid supaya dilihat oleh orang yang datang ke masjid.

Adapun jenazah Khalifah 'Uthman tinggal tiga hari tanpa dikafan sehingga anjing memakan pahanya. Dan mereka menanamnya di waktu malam di kubur orang yahudi bernama Hasy Kawkab.[21]

Penentangan 'Aisyah Terhadap 'Uthman

Aku telah menyebutkan bahawa 'Aisyah telah menggalakkan orang ramai supaya membunuh 'Uthman. Dia berkata: "Bunuhlah *na'thalan* ('Uthman) kerana dia telah kafir (*kafara*)." Dia berkata lagi: "Sekiranya aku mampu nescaya aku akan mencampak Marwan dan 'Uthman ke laut."[22] Tetapi

20. Ibn Qutaibah, *al-Imamah wa al-Siyasah*, I, hlm. 43-44.
21. *Ibid*., hlm. 45.
22. *Ibid*., hlm. 152.

apabila 'Uthman dibunuh, 'Aisyah pura-pura membela 'Uthman bagi menentang 'Ali A.S.

Khalifah yang hak adalah Imam Amiru l-Mukminin 'Ali A.S.

Manakala 'Uthman dibunuh maka selesailah peranannya. Dan dikembalikan khalifah kepada Imam Amiru l-Mukminin 'Ali bin Abu Talib A.S. saudara Rasulullah dan menantunya, pewaris ilmunya dan bapa kepada zuriatnya, pelaksana agamanya, dan khalifah selepasnya yang telah dinaskan oleh Allah dan RasulNya ke atasnya beberapa kali di tempat yang banyak. Maka orang ramai mem*bai'ah* nya. Dan Talhah adalah orang yang pertama mem*bai'ah* nya kemudian diikuti oleh Zubair kemudian orang ramai.[23]

Imam 'Ali A.S. mengisytiharkan supaya setiap orang tidak dipaksa *bai'ah* kepadanya. Ini adalah tepat kerana beliau adalah imam sekalipun tidak di*bai'ah* oleh seorangpun. Kerana *wasi* adalah seperti Rasul menjalankan tugasnya kecuali kenabian. Justeru itu beliau adalah dinaskan oleh Allah S.W.T dan RasulNya ke atasnya dan maksum. Lantaran itu *khilafah* tidak terbentuk melalui persetujuan Ahlu l-Hill wa l-'Aqd kerana mereka tidak tahu siapakah yang layak untuk menjadi khalifah dan mereka tidak mempunyai pertimbangan yang tepat meskipun melalui *syura* atau pemilihan.

Jika kita perhatikan zaman kita sekarang, banyak perkara-perkara yang berlalu menunjukkan manusia adalah manusia dan zaman adalah zaman juga, sama ada zaman dahulu atau zaman sekarang. Kerana kita dapati ramai daripada sahabat-sahabat yang anda mengenali mereka telah melakukan sesuatu sebaik sahaja kewafatan Rasulullah *Sawaw*. Mereka telah meninggalkan jenazah Nabi *Sawaw* terbujur di atas hamparannya, kerana merebut jawatan khalifah seolah-olah ianya barang yang dapat dimiliki oleh sesiapa yang cepat, dialah yang dapat sedangkan mereka mengetahui, meriwayat dan mendengar nas-nas perlantikan 'Ali Amiru l-Mukminin A.S.

Ini adalah dalil tidak sahnya dakwaan Ahlu s-Sunnah yang menyatakan semua sahabat adalah adil. Kami berpen-

---

23. Ibn Qutaibah, *al-Imamah wa al-Siyasah*, I, hlm. 48-49.

dapat sahabat ada yang adil dan ada yang tidak adil.

Ringkasnya apabila 'Ali A.S. telah dilantik menjadi khalifah, maka beliau ingin melaksanakan keadilan di kalangan rakyatnya. Beliau jadikan yang lemah menyamai yang kuat di dalam keadilan. Melaksanakan hudud yang telah diturunkan Allah di dalam kitabNya. Tetapi sayangnya Bani Umayyah dan Marwaniyyin telah menyalakan api Perang Jamal, kemudian Perang Siffin dan Perang Khawarij demikianlah seterusnya. Amiru l-Mukminin berkerja keras untuk melaksanakan hukum-hukum al-Qur`an di dalam masyarakat, menegakkan kebenaran, menentang kebatilan dan menghidupkan hukum-hukum yang telah dimatikan oleh orang-orang sebelumnya. Tetapi beliau tidak berdaya melaksanakan semua yang beliau kehendaki sehinggalah beliau dibunuh oleh orang yang paling celaka.[24]

24. Ibn Qutaibah, *al-Imamah wa al-Siyasah*, I, hlm. 160-161.

BAB KELAPAN

Dialogku dengan ulamak besar mazhab Syafi'i

Selepas peristyiharanku menjadi Syi'ah, seorang daripada ulamak besar mazhab Syafi'i dari Halab datang menemuiku, dan bertanya kepadaku dengan lembut: "Kenapa anda berpegang kepada mazhab Syi'ah dan meninggalkan mazhab anda? Apakah sebab yang mendorongkan anda berpegang kepadanya? Dan apakah dalil anda bahawa 'Ali lebih berhak menjadi khalifah daripada Abu Bakr?" Aku berdialog dengannya berkali-kali dan akhirnya dia berpuashati.[1]

Di antara dialognya dia bertanya kepadaku tentang siapakah yang lebih berhak menjadi khalifah. Adakah Abu Bakr lebih berhak dari 'Ali atau 'Ali lebih berhak? Maka aku menjawab: "Ini adalah perkara yang jelas sekali bahawa orang yang lebih berhak *khilafah* ialah Amiru l-Mukminin 'Ali A.S sebaik sahaja wafatnya Rasulullah *Sawaw*, kemudian selepas beliau ialah Hasan Mujtaba A.S, kemudian Husain Syahid Karbala' A.S, kemudian 'Ali bin Husain Zain al-'Abidin A.S, kemudian Muhammad bin 'Ali al-Baqir A.S, kemudian Ja'far bin Muhammad al-Sadiq A.S, kemudian Musa bin Ja'far Kazim A.S, kemudian 'Ali bin Musa al-Redha A.S, kemudian Muhammad bin 'Ali Jawad A.S, kemudian 'Ali bin Muhammad al-Hadi A.S. kemudian Hasan 'Askari A.S, kemudian al-Hujjah bin Hasan (Imam al-Mahdi al-Muntazar A.S). Dalil Syi'ah di dalam perkara ini ialah al-Qur'an dan Sunnah yang sabit daripada Rasulullah dari dua sumber; Sunnah dan Syi'ah. Sumber-sumber Syi'ah penuh dengan hujah-hujah dan bukti-bukti yang kuat. Syi'ah memperkuatkan dakwaan mereka dengan sumber-sumber rujukan kalian. Tetapi kalian enggan membuat rujukan kepada sumber-sumber Syi'ah dan mengkajinya. Dan inilah sebahagian daripada fanatik buta.

Adapun dalil daripada al-Qur'an ialah firmanNya yang bermaksud: '*Sesungguhnya wali kamu ialah Allah, RasulNya dan orang-orang yang beriman yang mendirikan solat dan memberi zakat dalam keadaan rukuk.*' (Surah *al-Ma'idah* 5: 55). Sesungguhnya ayat ini telah diturunkan kepada 'Ali tan-

---

1. Dia berpegang kepada mazhab al-Haq iaitu mazhab Ja'fari. Kami tidak menyebutkan namanyakerana sebab-sebab tertentu.

pa syak lagi dengan ijmak Syi'ah dan kebanyakan ulamak Sunnah di dalam kitab-kitab Tafsir seperti al-Tabari, al-Razi, Ibn Kathir dan lain-lain. Mereka berkata bahawa ayat ini diturunkan kepada 'Ali bin Abu Talib A.S.

Di antara apa yang tidak dapat disembunyikan lagi kepada orang yang waras fikirannya bahawa apabila Allah S.W.T mengutuskan rasul-rasulNya kepada ummat manusia, Dia tidak akan menghentikan urusan mereka semata-mata kerana inginkan keredhaan manusia. Begitu juga wasiat adalah daripada Allah S.W.T dan bukan melalui *Syura*, dan bukan melalui *Ahlu al-Hilli wa l-'Aqd* dan bukan pula melalui pilihanraya. Kerana wasiat adalah satu rukun daripada rukun-rukun agama. Allah S.W.T tidak akan meninggalkan satu rukun daripada rukun-rukun agama kepada ummat, kerana ianya akan dikuasai oleh hawa nafsu mereka kerana setiap orang akan cenderung kepada puaknya.

Justeru itu orang yang menjalankan urusan Allah *al-Qaim bi amrillah* selepas kewafatan Nabi *Sawaw* ialah orang yang dinaskan ke atasnya. Beliau tidak kurang dan tidak lebih daripada para rasul, maksum daripada kesalahan.[2] Oleh itu ayat *al-Wilayah* adalah nas yang terang tentang *wilayah* 'Ali A.S.

Syi'ah dan kebanyakan ahli Tafsir Sunnah telah bersepakat bahawa orang yang telah memberi zakat dalam keadaan rukuk ialah 'Ali tanpa *khilaf*. Justeru itu *khilafah* nya adalah sabit selepas Rasulullah *Sawaw* dengan ayat ini."

Dia membentangkan kepadaku satu hujah untuk menyokong Khalifah Abu Bakr. Dia berkata: "Abu Bakr lebih berhak menjadi khalifah kerana dia telah membelanjakan harta yang banyak yang dikemukakan kepada Rasulullah *Sawaw*. Dan dia telah mengahwinkan anak perempuannya dengan Rasulullah *Sawaw*. Dia telah menjadi imam solat jama'ah di masa Nabi *Sawaw* sedang gering." Aku menjawab: "Adapun perbelanjaan harta-hartanya adalah satu dakwaan yang memerlukan dalil bagi membuktikan kebenarannya.

Dan kami tidak memperakui perbelanjaan tersebut. Dimanakah dia mendapatkan wang yang begitu banyak? Siapakah yang menyuruhnya untuk melakukan perbelanjaan tersebut? Adakah perbelanjaan tadi di Makkah atau di Madinah?

2. Beliau tidak menyalahi walaupun satu hukum daripada hukum-hukum Allah S.W.T

Sekiranya anda menjawab di Makkah, maka Nabi *Sawaw* tidak memperlengkapkan angkatan tentera, tidak membina masjid lebih-lebih lagi orang yang memeluk Islam pula berhijrah ke Habsyah. Nabi *Sawaw* dan semua Bani Hasyim tidak menerima sadqah. Apatah lagi Nabi *Sawaw* adalah seorang yang kaya dengan harta Khadijah sebagaimana mereka dakwakan.

Sekiranya anda berkata 'perbelanjaan' itu di Madinah. Maka Abu Bakr berhijrah tidak memiliki harta selain daripada enam ratus dirham dan sebahagiannya dia tinggalkan untuk keluarganya dan membawa bakinya bersamanya. Dia pula tinggal bersama orang Ansar. Malah setiap 'orang' menjadi beban kepada orang Ansar. Selain daripada itu Abu Bakr bukanlah seorang peniaga yang besar. Dia hanya menjual barang-barang yang dipikulnya di hari-hari perhimpunan. Kadang-kadang menjadi pengajar kepada kanak-kanak dan kadang-kadang menjadi tukang kayu membaiki pintu dan seumpamanya.

Adapun mengahwinkan anak perempuannya dengan Rasulullah *Sawaw*, (ini) tidaklah menyebabkan dia berhak menjadi khalifah. Mengenai menjadi imam solat jama'ah, jika ianya betul tidaklah juga menyebabkan dia menjadi khalifah. Kerana solat jama'ah bukan *khilafah* (jawatan khalifah). Kerana sahabat-sahabat yang lain telah menjadi imam di masa musafir dan *hadhar* (tidak musafir). Jikalaulah ini boleh menyokong hujah anda nescaya semua sahabat yang telah menjadi imam solat berhak menjadi khalifah, dan mereka menuntutnya di Saqifah untuk mereka. Tetapi hujah tersebut tidak berlaku, malah ianya berlaku di dalam pemerintahan Muawiyah yang kejam terutamanya manakala hadis dipalsukan dengan banyak. Kemudian hadis solat jama'ah datangnya daripada anak perempuannya 'Aisyah (r.d) sahaja.

Dan janganlah kita lupa bahawa Nabi *Sawaw* apabila mendengar takbir solat, beliau bertanya: '*Siapakah yang sedang mengimamkan solat itu?*' Mereka menjawab: "Abu Bakr." Beliau berkata: '*Bawalah aku.*' Lalu beliau dipapah oleh 'Ali dan Fadhl sehingga beliau memasuki masjid. Lalu beliau memecat Abu Bakr dan beliau sendiri mengimamkan solat. Dan beliau tidak meninggalkan Abu Bakr meneruskan solatnya. Oleh itu jikalaulah solat Abu Bakr dengan izin Nabi *Sawaw* atau dengan keredhaan beliau,maka kenapa beliau keluar sedangkan beliau sedang gering lalu mengimamkan

solat.

Adalah menghairankan sekali saudara-saudara kami Ahlu s-Sunnah berhujah dengan perkara-perkara yang tidak boleh menjadi dalil dan mereka lupa dalil-dalil banyak yang menyokong 'Ali A.S. Seperti hadis hari *indhar* di mana Rasulullah *Sawaw* mengumpulkan kaum keluarganya yang terdekat dengan perintah Tuhan *'dan berilah peringatan kepada keluargamu yang terdekat'*. Bilangan mereka lebih kurang empat puluh orang. Beliau menyediakan makanan untuk mereka di mana makanan itu hanya mencukupi seorang sahaja daripada mereka. tetapi hadirin memakannya sehingga mereka kenyang. Selepas mereka selesai makan, Nabi *Sawaw* bersabda: *'Wahai Bani Hasyim! Siapakah di antara kalian yang akan membantuku di dalam urusanku ini?'*. Tidak seorangpun menjawab. Maka 'Ali A.S. menjawab: "Aku wahai Rasulullah akan membantu anda." Beliau bersabda sebanyak tiga kali. Dan setiap kali 'Ali menjawab: "Akulah wahai Rasulullah." Lalu beliau memeluknya sambil berkata: *'Andalah wasiku, khalifahku selepasku. Maka kalian dengarlah kepadanya dan patuhilah.'*

Hadis *al-Ghadir* yang masyhur, hadis *Thaqalain*, hadis *Manzilah*, hadis *al-Safinah*, hadis *bab Hittah*, hadis *Madinah al-'Ilm*, hadis *al-Mu'akhat* (persaudaraan), hadis *Tabligh* (Surah *al-Bara'ah)*, hadis penutupan semua pintu selain daripada pintu 'Ali, hadis mencabut pintu Khaibar, hadis pembunuhan 'Umru bin 'Abd Wuddin, hadis perkahwinannya dengan Fatimah al-Zahra' A.S dan lain-lain.

Adakah semua riwayat-riwayat yang disepakati oleh Sunnah dan Syi'ah masih lagi tidak mensabitkan 'Ali sebagai khalifah? Dan riwayat-riwayat yang tidak disepakati dan dipalsukan itu yang mensabitkan jawatan khalifah kepada Abu Bakr? Inilah perkara yang aneh dan menghairankan."

Kemudian dia berkata kepadaku: "Anda tidak mengiktiraf Khalifah Abu Bakr?"

Aku menjawab: "Bukan begitu, ianya tidak dipertikaikan lagi. Tetapi apa yang masih dipertikaikan ialah tentang siapakah yang lebih berhak dan lebih *aula*. Adakah Abu Bakr lebih berhak atau Amiru l-Mukminin? Maka di sinilah berlaku perselisihan. Kami melihatnya sebagai satu bala dan perpecahan ummat bermula di Saqifah kepada dua golongan malah kepada empat golongan. Orang-orang Ansar terbahagi kepada dua golongan. Satu golongan menghendaki 'Ali (iaitu

selepas hancurnya Basrah) dan yang kedua menyokong Abu Bakr. Demikian halnya dengan orang Muhajirin. Sebahagian daripada mereka menyokong Abu Bakr dan sabahagian lain menyokong 'Ali kemudian sampai kepada 73 golongan, dan setiap golongan menyokong golongannya sahaja.

Lantaran itu ummat Islamiyyah sentiasa di dalam perselisihan dan pertengkaran yang kuat. Sebahagian mengkafirkan sebahagian yang lain. Ummat sentiasa bermandi di lautan darah semenjak hari itu sehingga hari ini dan berterusan sehingga datangnya hari kemenangan dan inilah yang kami usahakan. Syi'ah menghukumkan sesuatu berdasarkan dalil-dalil al-Qur'an, Sunnah dan Sejarah. Mereka berhujah dengan buku-buku Ahlu s-Sunnah di samping buku-buku mereka tentang Khalifah 'Ali dan anak-anak cucunya sebelas imam yang dipegangi oleh Syi'ah."

Demikianlah aku telah membentangkan beberapa dalil yang lain kepada syaikh itu. Maka dia mendengarnya dan berpuas hati. Kemudian dia keluar daripada rumahku di dalam keadaan syak kepada mazhabnya dan dia ucapkan terima kasih kepadaku di atas dalil-dalil yang aku telah kemukakan kepadanya. Dia meminta daripadaku beberapa buah buku Syi'ah, maka aku memberikan kepadanya buku-buku karangan Sayyid Abdu l-Husain Syarafuddin.

Aku fikir tidak keterlaluan jika aku meminta saudara-saudaraku Ahlu s-Sunnah supaya mengkaji buku-buku karangan Syi'ah seperti buku *al-Ghadir* oleh al-'Allamah al-Amini, *Ihqaq al-Haq*, dan *al-Sawarim al-Muhriqah* oleh al-Syahid al-Sa'id al-Imam Qadhi Nurullah (r.h), *'Aqabat al-Anwar* oleh Imam Sayyid Hamid Husain al-Hindi, *Ghayah al-Muram* oleh Imam al-Bahrani, *al-Saqifah* oleh al-Muzaffar, *Dalil al-Sidq* oleh al-Muzaffar, *Aslu s-Syi'ah wa Usuluha* oleh Kasyif al-Ghita' dan lain-lain. Kerana itu sudah cukup bagi orang yang mempunyai hati yang bersih dan ikhlas daripada fanatik mazahab. *Wa billahi t-Tawfiq*.

Seorang Sunnah dan seorang Syi'ah berdialog disisiku

Pada suatu hari dua orang lelaki datang menziarahiku di Halab, seorang Syi'ah dan seorang lagi Sunnah. Perbincangan telah berlaku di antara mereka berdua tentang keutamaan 'Ali menjadi khalifah. Lelaki Syi'ah berkata kepadaku: "Sahabatku ini daripada Ahlu s-Sunnah dia berkata: Tidak ada nas untuk 'Ali A.S. sebagai khalifah selepas Rasulull-

ah *Sawaw* secara langsung." Lelaki Sunnah tadi bertanya kepadaku: "Adakah di sana nas yang jelas?" Maka aku menjawab: "Ya, malah banyak nas-nas yang jelas di dalam buku-buku dan rujukan anda." Maka akupun membuka *Tarikh al-Tabari*, *Tarikh Ibn al-Athir* dan *tafsir-tafsir* yang lain mengenai ayat *wa andhir 'asyiratakaal-Aqrabin (Berilah peringatan kepada kerabat anda yang terdekat)* dan hadis yang panjang telah diriwayatkan oleh Ibn al-Athir dengan penambahan kepada beberapa lafaz yang diriwayatkan oleh al-Tabari sehingga aku mengakhiri kepada sabda beliau *Sawaw*: *'Siapakah di kalangan anda yang akan membantuku di dalam urusan ini, dia akan menjadi akhi (saudaraku) dan khalifahku selepasku'.* Maka 'Ali A.S. menjawabnya manakala tidak ada seorangpun yang menjawabnya. Maka Rasulullah *Sawaw* bersabda: *'Hadha akhi wa waziri wa wasiyyi wa khalifati min ba'di fasma'u lahu wa iti'u (inilah saudaraku, wazir ku, wasi ku dan khalifahku selepasku. Maka dengarilah beliau dan taatilah kepadanya).'*

Kemudian aku berkata kepadanya: "Adakah anda menghendaki nas yang lebih terang daripada ini?" Dia menjawab: "Jikalau begitu apakah mereka telah melakukannya *(Sana'u).* " Maka aku memahami daripada kata-katanya *ma sana'u* menunjukkan mesyuarat mereka di Saqifah, dan pertengkaran mereka tentang siapakah yang mengganti Rasulullah *Sawaw* adakah orang Muhajirin atau orang Ansar? Aku berkata: "Itu adalah apa yang telah berlaku." Maka dia menjawab: "Aneh sekali telah berlakunya perkara tersebut, tetapi aku tidak mahu menyebutkannya." Kemudian dia dapat memahami hakikat tersebut sejurus kemudian dia pergi dan mengucap terimakasih kepadaku. Kemudian aku menerima berita mengenainya daripada orang yang boleh dipercayai bahawa dia terus aktif di dalam dakwah mazhab al-Haq dan ramai telah menerima mazhab Ahlu l-Bait melaluinya.

Dialogku dengan sekumpulan Ahlu s-Sunnah

Pada malam kelima bulan Ramadhan al-Mubarak tahun 1371 Hijrah (1951 M) manakala aku sibuk menulis bukuku *al-Syi'ah wa hujjatu-hum fi al-Tasysyayu'* di perpustakaanku, tiba-tiba datang kepadaku satu kumpulan seramai lebih kurang lima belas orang terdiri daripada ulamak dan bukan ulamak. Maka aku mengalu-alukan kedatangan mereka dengan penuh kegembiraan. Selepas duduk seketika, mereka

mendesakku untuk perbincangan akademik; mereka mahu keterangan dariku tentang mazhab Syi'ah dan iktikad mereka mengenai *khilafah* dan apa yang berlaku di sekitarnya. Aku segera menjawabnya dan mereka berdiam diri sambil mencari dalil-dalil yang terang dan hujah-hujah pemutus yang terdapat di dalam buku-buku Syi'ah dan Sunnah sehingga berlarutan kepada dua pertiga malam.

Selepas perbincangan selesai, ada di kalangan mereka yang berterimakasih dan ada yang ingkar. Pada keseluruhannya aku berkata kepada mereka: Tidak syak lagi sesungguhnya Nabi *Sawaw* telah mengetahui ummatnya yang baru dengan zaman Islam, dan cinta mereka kepada jawatan khalifah. Beliau juga mengetahui kebanyakan sahabatnya akan berpaling ke belakang dan mereka tidak akan selamat kecuali sebilangan unta *Hamalu al-Na'am* yang tersesat daripada pengembalanya, sebagaimana telah dicatat oleh al-Bukhari dan Muslim di dalam *Sahih-sahih* mereka.

Nabi *Sawaw* mengetahui dengan yakin sesungguhnya sahabat-sahabatnya telah menyembunyikan kejahatan *al-Syirr* terhadap pewasinya, khalifahnya selepasnya, 'Ali A.S dan selepas kewafatannya mereka segera melakukan bid'ah. Justeru itu beliau telah meletakkan penyelesaian kepada jawatan khalifah dan menegah orang lain mendakwa dirinya khalifah.

Begitu juga tentang sahabat Nabi *Sawaw* telah mengenali mereka yang baik dan yang jahat kerana beliau bersabda kepada mereka: *'Kalian akan mengikuti sunnah orang sebelum daripada kalian sejengkal demi sejengkal, hasta demi hasta (satu persatu). Jika mereka masuk ke lubang biawak sekalipun, kalian akan memasukinya.*[3]

Syaikh kami Syaikh Ahmad Afandi al-Tawil al-Antaqi selepas menerangkan hadis tersebut kepada kami di masa kuliahnya dan juga di atas mimbar masjid berkata: "Jika seorang daripada mereka menjimakkan isterinya di pasar, nescaya kalian akan melakukannya."

Dan Nabi *Sawaw* juga bersabda: *'Siapa yang tidak mengetahui imam zamannya, dia akan mati sebagai seorang jahiliyah (iaitu ia menjadi kafir).'* Justeru itu beliau telah meletakkan penyelesaian bagi jawatan khalifah dan memberhentikan mereka di sempadannya.

3. Ibn Kathir, *Mukhtasar Tafsir*, III, hlm. 554.

Selama kami beriktikad bahawa beliau seorang Nabi yang diutuskan daripada Allah S.W.T, beliau mengetahui bahawa beliau adalah Nabi terakhir yang berterusan risalahnya sehingga akhir dunia. Justeru itu tidak harus baginya meninggalkan ummatnya di dalam keadaan huru hara. Lebih-lebih lagi beliau telah mengetahui bahawa ummat akan berpecah kepada 73 golongan sebagaimana disebutkan di dalam hadis ini. Lantaran itu dakwaan yang mengatakan urusan khalifah diserahkan kepada ummat ini adalah dakwaan yang batil di antaranya:

1. Ahlu al-Hilli wa l-'Aqd, pemilihan atau ahli syura tidak dapat menyempurnakan apa yang telah diwakilkan kepada mereka sepanjang masa, malah ianya membuatkan ummat di dalam keadaan huru hara yang menjatuhkan mereka ke dalam jurang yang jauh yang tidak ada batasan dan penetapan. Justeru itu ummat masih berada di lautan darah semenjak hari Saqifah sehingga ke hari kita ini dan berakhirnya kehidupan manusia di Hari Akhirat.
2. Suatu perkara yang tidak dapat disembunyikan bahawa manusia berselisih tentang akidah-akidah mereka dan berlainan pendapat-pendapat mereka. Dan kita lihat dua orang tidak boleh bersatu di dalam satu pendapat. Malah seseorang itu sendiri tidak boleh berterusan dengan satu pendapat. Malah fikirannya berubah setiap saat. Oleh itu bagaimana urusan khalifah diwakilkan kepada Ahlu al-Hilli wa l-'Aqd. Ini tidak boleh diterima oleh akal dan naluri insan.
3. Adalah mustahil mendapat persetujuan dengan mewakilkan urusan khalifah kepada Ahlu al-Hilli wa l-'Aqd kerana penentangan yang kuat di kalangan rakyat, pembunuhan, rampasan dan lain-lain pasti berlaku iaitu satu hakikat yang sering berlaku di setiap masa dan tempat. Dan ketua negara tidak dapat melaksanakan sendiri peraturan kehidupan manusia melainkan dengan menggunakan kekuatan tentera. Ini adalah kekuatan sementara yang akan hilang dan apabila ianya hilang, setiap orang kembali kepada kerja-kerja lampau yang merosakkan orang ramai.

Justeru itu kami berkali-kali menyatakan bahawa Allah tidak meninggalkan sesuatupun daripada urusan agama kepada ummat di mana hawa nafsu akan menguasai mereka. Oleh itu ianya mestilah diwakilkan kepada orang yang mempunyai keilmuan yang tinggi di sisi Rasulullah *Sawaw*. Keberanian, kebijaksanaan, kekeramatan, kezuhudan, ketak-

waan, keperwiraan dan yang paling penting ialah *al-'Ismah* (kemaksuman). Sehingga menjadikan wasi seorang yang layak untuk menduduki tempat Rasulullah *Sawaw* bagi melaksanakan kehalusan hukum Allah S.W.T. Pilihan seperti ini tidak dapat dilakukan selain daripada Allah S.W.T kerana Dia mengetahui segala rahsia yang tersembunyi. Dan Rasul *Sawaw* pulà telah menerangkannya dengan jelas pada setiap munasabah: '*Sesungguhnya wasi dan khalifah selepas beliau ialah 'Ali bin Abu Talib.*' Sebagaimana di sana terdapat dalil-dalil yang banyak yang boleh menunjukkan anda kepada hujah yang anda pertahankan. Ianya terdapat di dalam dua sumber; Sunnah dan Syi'ah. Kemudian mereka berkata: "Apa yang aku sampaikan kepada mereka adalah baik." Mereka meminta daripadaku sebahagian daripada buku-buku karangan Syi'ah. Maka aku berikan kepada mereka sebahagian daripada buku-buku yang ada di sisiku. Maka merekapun berdiri dan memohon diri dariku untuk pergi.

Beberapa hari selepas itu sampai berita kepadaku bahawa sebahagian daripada mereka telah berpegang kepada mazhab Ahlu l-Bait A.S. Maka aku memuji Allah di atas nikmatNya.

Dialogku dengan seorang Syaikh al-Azhar

Pada hari ketujuh bulan Dhul Qa'idah tahun 1371 H. (1951 M) sebelum masuk waktu zuhr, seorang pemuka Halab bernama Ustaz Sya'ban Abu Rasul memberitahuku bahawa seorang Syaikh al-Azharpengarang yang masyhur ingin menziarahiku. Bilakah dia boleh datang menziarahi anda? Maka aku menjawab: "Selamat datang, pada hari ini dia mesti dihormati." Maka dia menziarahiku selepas 'Asar. Selepas aku menyambutnya di dalam satu majlis, dia bertanyaku: "Maksudku datang kemari ialah untuk meminta penjelasan tentang sebab yang mendorongkan anda berpegang kepada mazhab Syi'ah dan meninggalkan mazhab Sunni Syafi'i?" Maka aku menjawabnya dengan sopan: "Sebab-sebab yang mendorongku adalah banyak di antaranya: Aku melihat perselisihan mazhab empat sesama mereka." Akupun menyebutkan sebab-sebab yang mendorongku berpegang kepada mazhab Syi'ah.

Kemudian aku berkata: "Yang paling utama sekali ialah urusan khalifah yang menjadi sebab yang besar berlakunya *khilaf* di kalangan Muslimin. Kerana tidak terfikir oleh akal bahawa Rasul *Sawaw* meninggalkan umatnya tanpa *wasi*

(pengganti) ke atas mereka bagi melaksanakan urusan syari'ah yang datang daripada Allah S.W.T. Kerana setiap Nabi ada wasi atau *ausiya'* yang maksum yang melaksanakan syari'atnya. Sesungguhnya telah tetap padaku bahawa kebenaran adalah bersama Syi'ah kerana iktikad mereka bahawa sesungguhnya Nabi *Sawaw* telah berwasiat kepada 'Ali A.S. sebelum wafatnya. Malah dari permulaan dakwah dan selepasnya anak-anak lelakinya sebelas imam A.S. Dan sesungguhnya Syi'ah mengambil hukum-hukum agama mereka daripada mereka. Mereka itulah imam-imam yang maksum di dalam iktikad mereka dengan dalil-dalil yang tertentu bagi mereka

Oleh sebab itulah aku berpegang kepada mazhab yang mulia ini. Kemudian aku tidak pernah berjumpa mana-mana dalil yang mewajibkan aku berpegang kepada salah satu daripada empat mazhab. Malah tidak ada pilihan lain lagi kerana aku dapati dalil-dalil yang banyak yang mewajibkan aku berpegang kepada mazhab Ahlu l-Bait A.S. Dan dalil-dalil tersebut akan membawa muslim kepada jalan yang lurus.

Kemudian aku membentangkan kepadanya dalil-dalil *Qat'i* yang mewajibkan berpegang kepada mazhab Ahlu l-Bait A.S. Semuanya menanti-nanti sehingga aku berkata: "Wahai Fadhilah Syaikh! Anda daripada ulamak yang disegani, adakah anda dapati di dalam kitab Allah dan Sunnah Rasul-Nya satu dalil sahaja yang menunjukkan anda supaya berpegang kepada salah satu mazhab yang empat." Lantas beliau menjawab: "Sekali-kali tidak."

Kemudian aku berkata kepadanya: "Tidakkah anda mengetahui bahawa mazhab empat setiap satu daripada mereka menyalahi yang lain di dalam kebanyakan masalah. Dan mereka pula tidak boleh mengemukakan dalil dan hujah yang kuat bahawa ia sahaja benar bukan orang lain. Sebaliknya apa yang disebutkan oleh orang yang berpegang kepada salah satu daripada mazhab empat ialah dalil-dalil yang tidak kuat, tidak disokong oleh al-Qur'an dan Sunnah. Mereka adalah seperti pokok yang buruk *Khabithah* yang bertunjang di atas bumi tanpa kekuatan.

Umpamanya jika anda bertanya seorang yang bermazhab Hanafi kenapakah anda memilih mazhab Hanafi dan bukan mazhab lain? Kenapakah anda memilih Abu Hanifah sebagai imam untuk diri anda selepas seribu tahun dari kematiannya? Dan kenapa anda memilih Maliki atau Syafi'i atau Ahmad bin

Hanbal berserta kelebihan-kelebihan mereka, maka dia tidak akan memberi jawapan yang memuaskan anda.

Rahsianya ialah setiap orang daripada mereka bukanlah Nabi atau wasi Nabi dan tidak diwahyukan kepada mereka. Mereka pula tidak diilhamkan malah mereka sepertilah orang lain yang ada kaitan dengan ilmu. Dan orang seumpama mereka adalah ramai sekali.

Kemudian mereka pula bukanlah daripada sahabat Nabi *Sawaw*. Malah kebanyakan mereka atau semua mereka tidak pernah berjumpa dengan Nabi *Sawaw* dan sahabat-sahabatnya. Oleh itu berpegang kepada salah seorang daripada mereka dan menjadikannya mazhab untuk dirinya serta *iltizam* dengan pendapat-pendapatnya yang mungkin salah atau betul tidak akan diakui oleh akal, al-Qur'an dan Sunnah malah ia tidak boleh dijadikan hujah di hadapan Allah di Hari Kiamat. Tetapi bagi Allah hujah yang kuat ke atasnya sehingga jikalau Allah bertanya kepadanya di Hari Kiamat: "Apakah dalil anda berpegang kepada mazhab ini?" Nescaya tidak ada jawapan baginya selain daripada firmanNya di dalam Surah *al-Zukhruf* 43:22: '*Sesungguhnya kami mendapati bapa-bapa kami menganut suatu agama sesungguhnya kami orang-orang yang mendapat petunjuk dengan (mengikuti) jejak mereka*'. Atau dia akan menjawab sebagaimana firmanNya di dalam Surah *al-Ahzab* 33:67: '*Sesungguhnya kami telah mentaati pemimpin-pemimpin kami dan pembesar-pembesar kami, lalu mereka menyesatkan kami dari jalan yang benar*'.

Oleh itu dengan nama Allah S.W.T wahai syaikh yang mulia! Adakah hujah bagi orang-orang yang berpegang kepada salah satu daripada mazhab empat di Hari Kiamat di hadapan Allah Yang Maha Perkasa?" Syaikh mengangguk kepalanya, kemudian dia mengangkat kepalanya dan berkata: "Tidak." Aku bertanya kepadanya: "Adakah seorang itu dimaafkan dengan jawapan tersebut?" Dia menjawab: "Tidak." Maka aku berkata: "Adapun kami berpegang dengan *'Itrah Tahirah* Ahlu l-Bait Rasulullah *Sawaw*, beramal dengan fiqh Ja'fari. Maka kami akan berkata di Hari Hisab ketika kami berdiri di hadapan Allah al-Aziz al-Jabbar: Wahai Tuhan kami, sesungguhnya kamulah yang menyuruh kami berpegang kepada mazhab Ahlu l-Bait kerana kamu berfirman di dalam Surah *al-Hasyr* 59:7:'*Apa yang diberikan Rasul kepadamu maka terimalah. Dan apa yang dilarangnya bagimu, maka tinggalkanlah*'.

Dan sabda Nabi Muhammad *Sawaw* yang disepakati oleh semua Muslimin: *'Sesungguhnya aku tinggalkan pada kalian dua perkara: Thaqalain kitab Allah dan itrahku selama kalian berpegang kepada kedua-duanya kalian sekali-kali tidak akan sesat selama-lamanya. Sesungguhnya kedua-duanya tidak akan berpisah sehingga kedua-duanya dikembalikan di Haudh.'* Dan sabdanya: *Umpama Ahlu l-Baitku pada kalian sepertilah bahtera Nuh sesiapa yang menaikinya berjaya dan sesiapa yang enggan menaikinya akan tenggelam.*

Tidak seorangpun mengsyaki bahawa Imam Ja'far al-Sadiq A.S daripada *al-'Itrah al-Tahirah*. Ilmunya adalah ilmu bapanya. Ilmu bapanya adalah ilmu datuknya Rasulullah *Sawaw*. Ilmu Rasulullah *Sawaw* adalah ilmu Allah S.W.T. Lebih-lebih lagi Imam Ja'far al-Sadiq A.S telah disepakati oleh semua Muslimin tentang kebenaran dan *thiqah* nya. Dan di sana terdapat golongan yang ramai yang mengakui kemaksumannya dan *imamahnya*. Beliau adalah *wasi* yang keenam bagi Rasulullah *Sawaw*. Beliau adalah hujah Allah ke atas ummat manusia. Sesungguhnya Imam Ja'far al-Sadiq meriwayatkan hadis-hadis daripada bapa-bapanya yang suci. Beliau tidak memberi fatwa dengan pendapatnya.

Lantaran itu hadisnya adalah hadis bapanya dan datuknya. Kerana mereka adalah tempat terpancarnya ilmu hikmah dan galian wahyu. Justeru itu mazhab Imam Ja'far al-Sadiq A.S. adalah mazhab bapanya dan datuknya yang diambil daripada wahyu di mana ia tidak berganjak walaupun sebesar rambut. Dan bukan secara ijtihad sebagaimana orang lain telah melakukannya. Justeru itu orang yang berpegang kepada mazhab Ja'far bin Muhammad A.S. dan mazhab datuk-datuknya adalah orang yang berpegang kepada kebenaran, berpegang kepada al-Qur'an dan Sunnah."

Selepas aku membentangkan kepadanya dalil-dalil tersebut, dia bertakbir dan memuliakan kedudukanku dan berterima kasih kepadaku. Aku menjawab: "Sesungguhnya Syi'ah tidak mencaci semua sahabat malah mereka memberi setiap sahabat haknya yang sewajar. Kerana sahabat ada yang adil dan ada yang tidak adil. Ada yang alim dan ada yang jahil. Ada yang baik dan ada yang jahat dan begitulah seterusnya. Perhatikanlah apa yang mereka telah melakukannya *Ahdathu* di Saqifah? Mereka telah meninggalkan Nabi mereka terbaring di atas hamparannya. Mereka mulai berlumba-lumba untuk jawatan khalifah. Setiap orang melihat jawatan khali-

fah untuk dirinya seolah-olah ianya barang *sil'ah* yang boleh dimiliki oleh sesiapa yang cepat. Sedangkan mereka melihat dengan mata mereka, mereka mendengar dengan telinga mereka nas-nas yang terang dari Rasulullah *Sawaw* bermula di hari beliau mengisytiharkan dakwah sehingga di hari beliau menghembuskan nafasnya.

Walhal penyempurnaan Rasulullah *Sawaw* adalah lebih penting dari urusan khalifah jika difardhukan bahawa Nabi tidak berwasiat. Oleh itu ianya menjadi wajib ke atas mereka melaksanakan hak Rasulullah *Sawaw*. Dan selepas selesai *tajhiz* (penyempurnaan) mereka mengucapkan takziah kepada keluarga beliau dan diri mereka sekiranya mereka mempunyai keinsafan. Lantaran itu di manakah keadilan dan perasaan hati kecil? Di manakah kemuliaan akhlak? Dimanakah kebenaran dan kasih sayang *al-Mahabbah* ?

Dan apa yang menyayatkan hati ialah serangan ke atas rumah Fatimah al-Zahra' A.S. oleh lima puluh orang sahabat. Mereka mengumpulkan kayu api untuk membakar rumahnya bersama penghuni-penghuninya sehingga seorang berkata kepada 'Umar: "Di dalamnya ada Hasan, Husain dan Fatimah." 'Umar menjawab: "Sekalipun mereka berada didalamnya." [4] Peristiwa ini telah disebutkan oleh pakar-pakar sejarah Ahlu s-Sunnah dan Syi'ah.

Dan telah diketahui oleh orang yang baik mahupun jahat dan semua penulis-penulis sejarah bahawa Nabi *Sawaw* bersabda: '*Fatimah adalah sebahagian daripadaku, sesiapa yang menyakitinya maka sesungguhnya dia telah menyakitiku. Dan sesiapa yang memarahinya, maka sesungguhnya dia telah memarahiku. Dan sesiapa yang memarahiku, maka dia memarahi Allah. Dan sesiapa yang memarahi Allah maka Dia akan mencampakkannya ke neraka*.[5]'

Lantaran itu hakikat sahabat tidak menunjukkan bahawa mereka semuanya adil. Rujuklah kepada al-Bukhari dan Muslim tentang hadis *al-Haudh*, nescaya anda akan mengetahui kebenaran pendapat Syi'ah tentang sahabat dan Ahlu s-Sunnah yang sependapat dengan mereka. Oleh itu apakah dosa Syi'ah apabila mereka berkata ketidakadilan kebanyakan sahabat? Kerana sahabat sendiri telah memperlihatkan hakikat kedudukan mereka. Peperangan Jamal dan Siffin adalah

---

4. Al-Tabari, *Tarikh*, III, hlm. 198 dan Abu l-Fida', *Tarikh*, I, hlm. 156.
5 . Ibn Qutaibah, *al-Imamah wa al-Siyasah*, I, hlm. 14 dan al-Bukhari, *Sahih*, VI, hlm. 196.

sekuat-kuat dalil bagi menyokong dakwaan Syi'ah. Begitu juga al-Qur'an sendiri telah mendedahkan keadaan kebanyakan sahabat. Surah *al-Bara'ah* adalah cukup bagi kita sebagai dalil, perhatikanlah apa yang telah dilakukan oleh Muawiyah yang kejam, 'Umru bin 'As, Marwan, Ziyad, Ibn Ziyad, Mughirah bin Syu'bah dan Umar bin Sa'd[6] di mana bapanya di kalangan sepuluh yang digembirakan dengan syurga menurut sangkaan mereka. Dan Talhah yang mem*bai'ah* 'Ali kemudian menarik *bai'ah* lalu memerangi Imam mereka berdua bersama 'Aisyah di Basrah. Mereka telah melakukan *ahdathu* jenayah-jenayah yang tidak akan dilakukan oleh orang-orang yang mempunyai maruah.

Beritahukan kepadaku adakah kewujudan Nabi *Sawaw* di kalangan mereka mewajibkan *nifaq* kebanyakan mereka? Kemudian selepas beliau wafat, semua sahabat menjadi adil? Aku tidak pernah mendengar seorang Nabipun yang datang kepada ummatnya, kemudian mereka semua menjadi adil. Malah apa yang berlaku sebaliknya, al-Qur'an dan Sunnah telah menerangkan kepada kita mengenainya. Apakah pendapat anda wahai saudaraku yang dihormati?" Dia menjawab: "Benar sesungguhnya anda telah mengemukakan dalil yang menyakinkan. Semoga Allah memberikan ganjaran kepada anda di atas kebaikan yang anda lakukan kepadaku." Aku berkata: "Di dalam kitab *al-Jauharah fi al-Aqa'id* karangan Syaikh Ibrahim al-Laqani al-Maliki terdapat kata-kata berikut: Ikutilah orang salih daripada orang *salaf* dan jauhilah *bid'ah* daripada orang *khalaf*. " Dia menjawab: "Ya! Ianya terdapat di dalam buku tersebut."

Aku bertanya: "Beritahukan kepadaku siapakah *salaf* (orang yang terdahulu) yang wajib kita ikuti? Dan siapakah *khalaf* (orang yang terkemudian) yang wajib kita tentangi?" Dia menjawab: "*Salaf* adalah sahabat Rasulullah *Sawaw* ." Aku berkata: "Sebahagian sahabat menentang sebahagian sahabat yang lain. Dan telah berlakulah apa yang telah berlaku di kalangan mereka sebagaimana ianya telah menjadi terang kepada orang seperti anda." Dia berhenti sekejap, kemudian dia berkata: "*Khalaf* adalah orang-orang yang hidup pada awal abad ketiga." Aku berkata kepadanya: "Jikalau begitulah jawapannya, anda telah menolak sebahagian daripada imam empat mazhab kerana sebahagian mereka terkeluar daripa-

---

6. Umar bin Sa'd adalah pembunuh Imam Husain A.S. di Karbala'

da awal abad ketiga." Maka dia berhenti seketika kemudian dia bertanya: "Apakah anda mahu dari pertanyaan ini?" Aku menjawab: "Perkara itu adalah jelas iaitu wajib ke atas kita mengikuti orang yang telah dinaskan oleh Rasulullah *Sawaw* ke atas mereka dan mereka menjadi ikutan kepada ummat." Dia bertanya: "Siapakah mereka?" Aku menjawab: " 'Ali bin Abu Talib, kemudiannya Hasan, Husain dan sembilan anak lelaki Husain A.S dan akhir mereka ialah Imam al-Mahdi (A.J)."

Dia bertanyaku lagi: "Khalifah yang tiga?" Aku menjawab: "*Khilaf* telah berlaku tentang mereka. Ummat tidak sepakat ke atas mereka kerana mereka telah melakukan perkara-perkara yang wajib dikritik." Dia menjawab: "Ianya menghairankan, ini adalah pendapat Syi'ah." Aku berkata: "Adakah berlaku kepada sahabat-sahabat apa yang telah aku sebutkan kepada anda ataupun tidak?" Dia menjawab: "Ya." Aku berkata: "Jikalaulah begitu, maka wajiblah di atas kita mengambil orang yang disepakati ummat dan meninggalkan orang yang tidak disepakati oleh mereka."

Syi'ah adalah golongan yang besar lebih daripada 100 juta di seluruh dunia. Mereka mempunyai para ulamak yang besar, ahli-ahli hadis yang disegani. Oleh itu mereka tidak mengiktiraf ketiga-tiga khalifah. Tetapi Ahlu s-Sunnah wa l-Jama'ah telah mengakui khalifah Amiru l-Mukminin 'Ali A.S. Oleh itu khalifah 'Ali A.S adalah disepakati oleh semua pihak dan ketiga-tiga khalifah itu tidak disepakati ke atas mereka. Khalifah selepas Amiru l-Mukminin ialah Hasan kemudian Husain, kemudian anaknya sembilan imam dan yang terakhir ialah Imam al-Mahdi (A.J).

Nas-nas mengenainya terdapat di dalam buku-buku anda dengan banyaknya. Banyak riwayat-riwayat menurut saluran Ahlu s-Sunnah tentang kelebihan Ahlu l-Bait A.S dan keistimewaan mereka daripada orang lain. Dan yang paling penting ialah *'Ismah* (kemaksuman)." Dia menjawab: "Kami tidak percaya dengan *'Ismah* (kemaksuman)." Aku berkata: "Akupun mengetahui tentang perkara itu. Tetapi dalil berada di pihak Syi'ah sebagaimana aku telah memperkatakannya. Aku akan memberikan anda sebuah kitab yang akan meyakin dan mengembirakan anda." Dia menjawab: "Apabila kemaksuman mereka sabit di sisiku, selesailah kemusykilan di antara aku dan anda." Lalu aku memberikan kepadanya sebuah buku yang berjodol *al-Alfain* karangan al-'Allamah al-

Hulli. Dia mulai membuka buku tersebut di hadapanku dan ianya mengkagumkannya.

Kemudian dia berkata kepadaku: "Adakah anda mengetahui bahawa sesungguhnya anda telah memasukkan syak wasangka padaku mengenai empat mazhab dan aku telah cenderung kepada mazhab Ahlu l-Bait A.S. Tetapi aku mahu anda membekalkanku dengan sebahagian daripada buku-buku Syi'ah." Maka aku memberikan kepadanya beberapa buah buku. Di antaranya buku-buku karangan Sayyid Syarufuddin al-Musawi berjodol *al-Muraja'at* (Dialog Sunnah-Syi'ah), *Abu Hurairah* dan*al-Fusul al-Muhimmah* (isu-isu penting ikhtilaf Sunnah-Syi'ah).

Aku juga memberi kepadanya buku *Dalail al-Sidq* dan *al-Ghadir*. Aku telah menyenaraikan kepadanya nama-nama buku Syi'ah. Kemudian dia mengucapkan selamat tinggal lalu dia berdiri mengucapkan terima kasih dan pulang ke tempat tinggalnya. Kemudian selepas beberapa hari aku menerima surat terima kasihnya dari Universiti al-Azhar dan memberitahuku bahawa dia telah berpegang kepada mazhab Ahlu l-Bait A.S dan berjanji kepadaku bahawa dia akan menulis buku tentang kebenaran mazhab Syi'ah Imamiah Ithna'sya-riyyah (Mazhab Ja'fari).

Dialogku dengan ulamak Ahlu s-Sunnah yang masyhur mengenai turbah husainiyyah dan ta'ziyah

Pada empat belas hari bulan Muharram tahun 1374 Hijrah (1954 M) sekumpulan ulamak Ahlu s-Sunnah termasuk beberapa orang sahabatku di Universiti al-Azhar datang kepadaku dengan penuh perasaan hasad dengki di dalam dada mereka kerana aku berpegang kepada mazhab Ahlu l-Bait A.S dan meninggalkan mazhab Sunnah. Perbincangan di antara kami telah mengambil masa lebih kurang sepuluh jam di dalam berbagai-bagai masalah. Di antaranya kritikan mereka terhadap Syi'ah kerana mereka sujud kepada *turbah husainiyyah*. Lantaran itu mereka adalah *musyrikun*. Dan juga mereka melakukan *ta'ziyah* ke atas Imam Husain A.S. Lantaran itu ianya adalah *bid'ah*.

Aku berkata kepada mereka bahawa kedua-duanya adalah digalakkan oleh Allah S.W.T. Adapun kata-kata kalian bahawa Syi'ah sujud kepada *turbah husainiyyah*, maka mereka adalah *musyrikun*, ini tidaklah benar kerana Syi'ah sujud 'di atas *turbah* ' dan bukan 'kepada *turbah* '.

Oleh itu sujud Syi'ah di atas *turbah* tidaklah syirik." Maka seorang yang paling alim mereka berkata: "Anda telah memberi penyelesaian yang baik wahai yang mulia! Tetapi kami ingin bertanya kepada anda apakah sebab Syi'ah meneruskan sujud di atas *turbah* dan kenapa mereka tidak sujud di atas semua benda sebagaimana mereka sujud di atas *turbah*?" Aku menjawab: "Ini adalah kerana beramal dengan hadis yang disepakati oleh semua golongan Muslimin. Sabda Nabi *Sawaw*: *'Dijadikan bagiku tanah (bumi) sebagai tempat sujud dan bersih.'*

Hanya tanah yang bersih sahaja boleh dibuat sujud di atasnya. Lantaran itu kami sentiasa sujud di atas tanah yang disepakati oleh semua Muslimin tentang kebersihan sujud di atasnya." Maka dia bertanya kepadaku lagi: "Bagaimana Muslimin bersepakat mengenainya?" Aku menjawab: "Perkara pertama yang dilakukan oleh Rasulullah *Sawaw* di Madinah ialah pembinaan masjidnya. Adakah masjid itu diletakkan hamparan?" Dia menjawab: "Tidak, ianya tidak diletakkan hamparan." Aku bertanya: "Di atas apakah Nabi *Sawaw* dan Muslimin sujud?" Dia menjawab: "Di atas tanah masjid yang dihamparkan dengan tanah." Aku berkata lagi: "Selepas Nabi *Sawaw*, pada zaman Abu Bakr, 'Umar, 'Uthman dan Amiru l-Mukminin 'Ali A.S. adakah masjid dilengkapkan dengan hamparan?" Dia menjawab: "Tidak." Aku bertanya: "Di atas apakah Muslimin sujud di dalam solat mereka di masjid?" Dia menjawab: "Di atas bumi yang diliputi tanah." Aku berkata: "Jikalau begitu semua solat Rasulullah *Sawaw* adalah di atas tanah. Demikian juga Muslimin di zamannya, selepasnya mereka sujud di atas tanah.

Justeru itu sujud di atas tanah hukumnya sah secara *Qat'i*. Dan Syi'ah apabila mereka sujud di atas tanah adalah kerana mengikuti Rasulullah *Sawaw*. Maka solat mereka adalah sah." Dia berkata lagi: "Syi'ah hanya sujud di atas tanah yang mereka bawa bersama mereka sahaja?" Aku menjawab: "Pertama, Syi'ah mengharuskan sujud di atas semua tanah yang bersih sama ada yang berbatu atau tanah biasa *(turab)*. Kedua, syarat tempat sujud ialah bersih daripada segala najis. Oleh itu sujud tidak harus di atas tanah yang najis atau tanah yang tidak bersih. Lantaran itu mereka mengutamakan membawa bersama mereka seketul tanah kering yang bersih dari sujud di atas sesuatu yang tidak diketahui kebersihannya.

Dia bertanya lagi: "Sekiranya Syi'ah ingin sujud di atas tanah yang bersih, kenapa mereka tidak membawa bersama mereka tanah biasa supaya mereka sujud di atasnya?" Aku menjawab: "Membawa tanah biasa akan menyebabkan pakaian menjadi kotor kerana apabila ianya diletakan di atas kain, maka pasti ia akan mengotorinya. Justeru itu kami mencampurkannya dengan sedikit air kemudian kami biarkan ia kering sehingga membawanya tidaklah mengotorkan pakaian. Sesungguhnya sujud di atas seketul tanah yang kering lebih menunjukkan khusyuk dan tawadhuk kepada Allah S.W.T kerana matlamat sujud adalah khusyuk.

Sekiranya tujuan sujud ialah khusyuk kepada Allah S.W.T, maka 'suasana sujud' yang mendatangkan lebih banyak kekhusyukan itu adalah lebih baik. Lantaran itu disunatkan tempat sujud itu lebih rendah dari tempat letak kedua-dua tangan dan kaki. Kerana ianya lebih banyak menunjukkan kekhusyukan kepada Allah S.W.T. Demikian juga disunatkan hidungnya disentuhkan dengan tanah di dalam keadaan sujud, kerana ianya lebih menunjukkan tawadhuk dan khusyuk kepada Allah S.W.T.

Lantaran itu sujud di atas tanah atau di atas ketulan tanah yang kering lebih baik daripada sujud di atas selain daripada kedua-duanya yang harus dilakukan sujud di atasnya. Kerana dia meletakkan anggotanya yang paling mulia iaitu dahi di atas tanah kerana khusyuk kepada Allah S.W.T dan merasa kecil (hina) di hadapan kebesaranNya.

Adapun jika seorang itu meletakkan dahinya di atas sejadah yang berharga, atau di atas galian-galian seperti emas dan perak atau seumpamanya atau di atas kain yang mahal harganya, ianya boleh mengurangkan khusyuk dan tawadhuk. Dan kadang-kadang ianya tidak membawa kepada perasaan rendah diri di hadapan Allah S.W.T.

Justeru itu adakah sujud yang menambahkan tawadhuk dan khusyuk seseorang di hadapan Tuhannya itu dikira syirik dan kafir? Atau sebaliknya sujud di atas apa yang menghilangkan khusyuk kepada Allah S.W.T itu sebagai *taqarrub* kepadaNya? Lantaran itu ianya merupakan percakapan yang sia-sia."

Kemudian dia bertanya kepadaku: "Apakah tulisan yang dituliskan di atas *turbah* itu?" Aku menjawab: "Tidak semua *turbah* dituliskan di atasnya. Sebahagiannya dituliskan (di-atasnya) ***Subhana rabbiya l-A'la wa bihamdi-hi*** dan seba-

hagiannya ditulis *turbah* ini diambil dari tanah Karbala' al-Muqaddasah li-Llah. Aku ingin bertanya kepada anda: Adakah ianya dikira sebagai syirik? Atau ianya tidak dikira sebagai *turbah* yang harus dibuat sujud di atasnya?" Dia menjawab: "Sekali-kali tidak."

Kemudian dia bertanya kepadaku: "Apakah keistimewaan *turbah* karbala' kerana kebanyakan Syi'ah menggunakannya?" Aku menjawab: "Rahsianya telah diterangkan oleh hadis yang mulia '*Sujud di atas turbah husainiyyah mencairkan tujuh langit...*'[7] iaitu sujud di atasnya membuat solatnya diterima dan naiknya ke langit. Ianya dilakukan untuk mendapatkan *afdhaliyyah* yang tidak ada pada *turbah* selain daripada Karbala' al-Muqaddasah." Dia bertanya lagi: "Adakah sujud di atas *turbah husainiyyah* menjadikan solat diterima di sisi Allah S.W.T sekalipun solat itu batal?" Aku menjawab: "Syi'ah berpendapat bahawa solat yang tidak cukup syarat adalah batal, tidak diterima. Tetapi solat yang cukup segala syaratnya boleh jadi diterima oleh Allah S.W.T dan boleh jadi tidak diterima olehNya. Dan apabila solat yang cukup syarat di atas *turbah husainiyyah*, maka ianya diterima dan diberi pahala ke atasnya. Oleh itu sahnya solat itu adalah suatu perkara dan penerimaannya (di sisi Tuhan) adalah suatu perkara yang lain pula."

Dia bertanyaku: "Adakah tanah Karbala' lebih mulia dari tanah Makkah dan Madinah sehingga sujud di atasnya menjadi lebih *afdhal* ?" Aku menjawab: "Apakah yang menghalangnya?" Dia menjawab: "Tanah Makkah semenjak turunnya Adam A.S. ke bumi adalah (tanah) Ka'bah. Dan tanah Madinah Munawwarah pula mengandungi jasad Rasul al-A'zam. Kedua-duanya mempunyai kedudukan yang lebih tinggi daripada kedudukan tanah Karbala'." Dia menambah: "Ini adalah suatu perkara yang aneh. Adakah Husain bin 'Ali *afdhal* daripada datuknya Rasulullah *Sawaw* ?" Aku menjawab: "Sekali-kali tidak! Sesungguhnya kebesaran Husain adalah daripada kebesaran Rasulullah *Sawaw*. Kemuliaan Husain adalah daripada kemuliaan Rasulullah *Sawaw*. Dan Kedudukan Husain di sisi Allah S.W.T adalah kerana beliau seorang imam yang berjalan di atas ugama datuknya Rasulullah *Sawaw*, sehingga beliau mati syahid kerananya. Kedudukan

---

7. al-'Allamah al-Kasyani menyebutkannya di dalam *masabih al-Jinan* yang diambil daripada *al Kamil* karangan Ibn Quliyah seorang ulamak masyhur di abad ketiga Hijrah.

Husain adalah merupakan sebahagian daripada kedudukan Rasulullah *Sawaw*. Tetapi Husain A.S, keluarganya dan pembantu-pembantunya dibunuh kerana menegakkan Islam, memperkukuhkan asas-asasnya serta menjaganya daripada permainan pengikut-pengikut hawa nafsu. Maka Allah menggantikan kesyahidannya dengan tiga perkara:

1. Memperkenankan doanya di bawah QubbahNya.
2. Sembilan imam adalah dari keturunannya.
3. Penyembuhan (penyakit) adalah pada *turbah* nya.

Allah memuliakan *turbah* Husain A.S kerana beliau telah dibunuh di jalan Allah dengan begitu kejam sekali. Turut terbunuh ialah anak-anak beliau, saudara-saudara beliau dan sahabat-sahabat beliau. Di samping penderitaan-penderitaan yang diterimanya kerana agama. Adakah di sana halangan? Adakah melebihkan *turbah* Karbala' dari tanah-tanah di bumi ini sehingga tanah Madinah bererti bahawa Husain A.S lebih daripada datuknya Rasulullah? Malah perkara tersebut adalah sebaliknya. Oleh itu memuliakan *turbah husainiyyah* adalah memuliakan Husain. Dan memuliakan Husain A.S adalah memuliakan Allah dan datuknya Rasulullah *Sawaw*. "

Lantas salah seorang daripada mereka bangun dari tempat duduknya dengan penuh kegembiraan, memberi pujian kepadaku. Dia meminta daripadaku beberapa buah buku karangan Syi'ah dan berkata kepadaku: "Wahai Maulaya! Ianya adalah betul. Dahulu aku pernah berkhayal bahawa Syi'ah melebihkan Husain sehingga daripada datuknya Rasulullah *Sawaw*. Dan sekarang aku mengetahui hakikatnya. Aku berterima kasih kepada anda di atas dialog yang berguna di mana anda telah melengkapkan kami dengannya. Aku akan sentiasa membawa bersamaku ketulan tanah Karbala' al-Muqaddasah supaya aku dapat sujud di atasnya di mana sahaja aku mengerjakan solat. Aku akan sujud di atas *turbah* khususnya *turbah husainiyyah*." Kemudian aku berkata: "Kata-kata kalian bahawa Syi'ah melakukan *ta'ziah* terhadap Imam Husain A.S. adalah *bid'ah* ", maka ianya merupakan kata-kata yang batil.

Aku tidak mengetahui kenapa kalian mendendamkan Syi'ah disebabkan mereka melakukan *ta'ziah* ke atas syahid yang benar imam bin imam, cucu Rasulullah. Keturunan al-Zahra' al-Batul, penghulu para syuhada'. Imam Abu 'Abdillah Husain A.S di dalam menghadapi penderitaan yang besar yang menggoncangkan bayangan Arasy bersama bayangan ma-

khluk. Dan peristiwa yang menyayatkan yang belum pernah berlaku di dunia Islam. Di kalangan kalian mengkritik Syi'ah dengan alasan bahawa Husain A.S telah dibunuh sejak 14 abad yang lalu. Lantaran itu apakah gunanya menangis-nangis untuknya, menepuk-nepuk dada dan memukul-mukulkannya dengan rantai sehingga mengalir darah. Ketahuilah kalian sesungguhnya amalan Syi'ah itu ialah kebenaran itu sendiri.

Pertama, sekiranya mereka tidak meneruskan majlis peringatan penghulu para syuhada', nescaya mereka mengingkarinya sebagaimana kalian mengingkari Hari *al-Ghadir*. Sekalipun ianya diriwayatkan oleh lebih seratus sepuluh para sahabat. Di kalangan mereka telah terlibat di dalam Perang Badar. Lantaran itu Syi'ah tidak mengemukaka sesuatu tanpa bukti.

Kedua, Syi'ah mengikut jejak langkah imam-imam mereka di dalam memperingati majlis Abu 'Abdullah Husain A.S. Sekiranya kalian mengkaji buku-buku Syi'ah nescaya kalian tidak mengkritik Syi'ah. Perhatikanlah, umpamanya, buku *Muqaddimah al-Majalis al-Fakhirah* karangan Sayyid Syarafuddin al-Musawi dan buku *Iqna' al-La'im 'Ala Iqamah al-Ma'tam* karangan Sayyid Muhsin al-'Amili (r.h). Kedua-dua karangan tersebut akan meyakinkan semua dan perhatikan juga buku *Masabih al-Jinan* karangan Sayyid al-Kasyani halaman 576. Dia menulis: Sayugia bagi Muslimin apabila masuk bulan Muharram merasai dukacita dan sedih, mengadakan majlis *ma'tam* (majlis kematian) bagi memperingati kezaliman dan permusuhan yang dilakukan kepada penghulu para syuhada', keluarganya dan sahabat-sahabatnya yang terpilih.

Ianya adalah sunnat dan digalakkan kerana ianya membesarkan syi'ar Allah S.W.T, mengambil contoh suruhan Rasulullah *Sawaw* dan mengikuti imam-imam maksum. Imam Redha A.S iaitu imam kelapan daripada wasi-wasi Rasulullah berkata: "Bapaku iaitu Imam Musa Kazim, imam ketujuh daripada wasi-wasi Rasulullah *Sawaw* apabila masuk bulan Muharram, tidak kelihatan gembira dan kesedihannya menguasai percakapannya." Ini bererti sesuatu yang membawa kesedihan dan dukacita adalah harus tanpa melakukan perbuatan yang diharamkan. Kemudian beliau (Imam Musa A.S.) berkata lagi: "Disunnatkan menangis dan melakukan *ta'ziah* ke atas penghulu para syahid, mengalirkan air mata untuk-

nya apatah lagi pada sepuluh pertama bulan Muharram. Kerana menangis ke atasnya adalah di antara yang baik, disunnatkan dan di antara perkara-perkara yang menjamin kebahagiaan abadi dan menghampirkan diri kepada Allah S.W.T."

Banyak hadis-hadis daripada imam-imam suci yang menceritakan tentang keharusannya. Imam Redha A.S. meneruskan kata-katanya: "Adapun orang-orang yang menghina Syi'ah, kata-kata mereka tidak boleh diambil kira kerana mereka telah jauh daripada keinsafan dan kebersihan jiwa. Mereka telah menyeleweng dari jalan yang benar."

Walau bagaimanapun semua mazhab bersepakat tentang harusnya melahirkan kesedihan kerana kehilangan orang yang dikasihi. Dan ini telah berlaku di dalam sejarah. Adalah diriwayatkan bahawa Imam 'Ali Zaina l-'Abidin bin Husain apabila sampai di Karbala' selepas pulang dari Syria, beliau menangis dan meratapi Husain A.S.

Apakah salahnya jika Syi'ah melakukannya? Sedangkan kalian mengambil *bid'ah* Yazid bin Mu'awiyah yang telah menjadikan sepuluh Muharram sebagai pesta bersukaria. Dia menamakannya *'Aid al-Nasr* (Hari Kemenangan)."

Apabila perbincangan sampai di sini mereka mengucapkan terima kasih kepadaku. Mereka berkata: "Kami tidak mengetahui mazhab Syi'ah sedemikian. Ini disebabkan kami mendengar tentang Syi'ah bahawa mereka tidak berada di atas kebenaran, malah mereka adalah *kafirun, musyrikun*." Aku menjawab: "Tidak! Malah mereka sebagaimana aku telah menceritakan kepada kalian. Kalian akan mengetahui mazhab Syi'ah apabila kalian mengkaji buku-buku mereka. Dosa adalah dosa kalian kerana kecuaian kalian (*taqsir*) mengkaji buku-buku Syi'ah."

Kemudian aku menerangkan kepada mereka bahawa tuduhan-tuduhan yang ditujukan kepada Syi'ah yang baik, pengikut-pengikut Rasulullah *Sawaw* dan Ahlu l-Baitnya A.S. tidaklah benar. Ianya adalah pembohongan yang diciptakan oleh orang-orang yang berdosa, terdiri daripada musuh-musuh yang menamakan diri mereka Muslimin. Justeru itu hendaklah kalian mengkaji hakikat sebenar dan janganlah kalian berpegang setiap apa yang kalian dengari dengan menentang Syi'ah. Kemudian mereka berdiri dan mengucapkan selamat tinggal. Mereka pulang ke tempat mereka dengan gembira. Dan akhirnya aku diberitahukan oleh orang yang aku percayai bahawa sebahagian mereka telah berpegang

kepada mazhab Ahlu l-Bait A.S.*Wa l-Hamdulillah.*

Peristiwa Pembohongan

Pada hari kelima bulan Rabi' al-Awwal 1379 Hijrah (1969M) aku berada di perpustakaanku yang terletak di rumahku dibandar Halab, tiba-tiba dua orang lelaki meminta izin masuk ke perpustakaanku. Maka aku mengizinkan mereka masuk.

Selepas salam dan ucapan selamat datang, aku menjemput mereka duduk. Tetapi jelas kelihatan dukacita terbayang di wajah mereka. Aku bertanya: "Apa keadaan anda berdua?" Seorang daripada mereka berkata kepada sahabatnya: "Ceritakanlah kepada yang mulia syaikh." Lalu dia memberitahuku: "Aku adalah seorang pelajar di sebuah universiti. Dan aku telah berpegang kepada mazhab Ahlu l-Bait A.S semenjak dua tahun yang lalu. Ini disebabkan aku mengkaji buku-buku Syi'ah terutamanya buku *al-Muraja'at* (Dialog Sunnah-Syi'ah) karangan Sayyid Syarafuddin al-Musawi (r.h). Kelmarin kami menghadiri kuliah seorang profesor di universiti tempatku belajar. Dia mula menentang Syi'ah dan mencaci mereka. Dia mengkritik mazhab Ahlu l-Bait A.S dan menentang Syi'ah dengan kuat tetapi dia tidak mengetahui bahawa aku seorang Syi'ah. Di antara kata-katanya: Hadis-hadis Syi'ah semuanya bohong dan suatu rekaan ke atas Rasulullah *Sawaw*. Dia berkata lagi: Syi'ah mengharuskan pengumpulan sembilan isteri dengan dalil al-Qur'an (Surah *al-Nisa'* 4:3): *'Maka kahwinilah wanita (lain) yang kamu senangi mathna dua, thulatha tiga, atau ruba' empat.'*

Dan mereka menyapu kaki di dalam wudhuk selepas basuh. Justeru itu solat mereka adalah tidak sah. Mereka menuduh 'Aisyah berzina, mereka mempertikaikan sahabat kerana mereka berani menentang Allah dan RasulNya. Tuduhan-tuduhannya membuat aku menggeletar dan aku berkata: Subhanallah! Apakah taksub buta daripada Ahli Sunnah, dan kenapa mereka menghalakan pembohongan ini terhadap Syi'ah yang baik. Justeru itu mereka mendedahkan keburukan diri mereka sendiri.

Kemudian aku menghantar surat kepada profesor yang jahil dan ingkar itu. Aku menulis: Wahai profesor, seorang pendidik (*mursyid*) yang melaung-laung untuk mendidik jenerasi baru. Bagaimanakah anda mendidik pelajar-pelajar anda? Anda mengajar mereka dengan pembohongan-pembo-

hongan, dan anda mengajar mereka dengan akhlak yang buruk yang menyeru kepada perpecahan di kalangan Muslimin.

Telah sampai kepadaku berita bahawa anda kelmarin, bertempat di universiti, telah mengkritik di dalam kuliah anda di hadapan pelajar-pelajar anda tentang Syi'ah yang baik, pengikut-pengikut RasulNya *Sawaw* dan wasinya 'Ali Amiru l-Mukminin A.S. Anda berkata: Hadis-hadis Syi'ah semuanya bohong dan diada-adakan ke atas Rasulullah *Sawaw*. Anda telah menuduh Syi'ah dengan pembohongan, anda berkata: Syi'ah mengharuskan pengumpulan sembilan isteri berdalilkan firmanNya yang bermaksud *'Maka kahwinlah...'* Mereka menyapu di atas kaki di dalam wudhuk sebagai ganti basuh maka sembahyang mereka adalah tidak sah. Mereka menuduh 'Aisyah berzina. Mereka mempertikaikan sahabat kerana berani menentang Allah dan RasulNya.

Apa yang menghairankan ialah kata-kata tersebut datangnya daripada anda seorang profesor. Anda mendakwa bahawa anda seorang pendidik! Apakah tuduhan yang melulu dan celoteh yang jahat ke atas lebih seratus juta Muslimin daripada pengikut-pengikut Rasulullah dan Ahlu l-Baitnya A.S.? Apakah jawapan anda di sisi Tuhan anda ketika bertemu denganNya di akhirat nanti? Kenapa anda mengumpat dan menuduh Muslimin dengan pembohongan-pembohongan tersebut? Kenapa anda mendedahkan keburukan diri anda dengan khurafat-khurafat anda ini? Zaman sekarang zaman cahaya. Semua mengetahui sesungguhnya anda telah berbohong dan mengada-adakan perkara-perkara tersebut.

Lantaran itu terimalah jawapan ini akibat dari kebodohan anda secara ringkas. Adapun kata-kata anda bahawa hadis-hadis Syi'ah semuanya bohong ke atas Rasulullah, jawapannya tentu tidak, wahai profesor! Perkara itu tidaklah sebagaimana anda sangkakan. Malah perkara itu adalah sebaliknya kerana Syi'ah mengambil ilmu daripada tempat yang bersih; daripada Nabi *Sawaw* dan imam-imam Ahlu l-Bait A.S. yang telah disucikan oleh Allah S.W.T dari segala kekotoran dosa. Tidak ada unsur luar masuk di dalam mazhab mereka. Justeru itu setiap kali anda mencaci mereka pada hakikatnya cacian itu adalah pada anda sendiri. Kerana perawi-perawi kalian memang terkenal di kalangan umum sebagai pembohong-pembohong. Mereka itu ialah Abu Hurairah, 'Umran bin Hattan, Samurah bin Jundub, ketua Khawarij, 'Umru

bin 'As, Marwan, Mughirah bin Syu'bah dan lain-lain lagi. Untuk mengetahui lebih lanjut tentang pembohongan mereka, sila rujuk kepada *Kitab al-Ghadir* karangan Syaikh al-Amini.

Adapun kata-kata anda bahawa Syi'ah mengharuskan nikah sembilan perempuan kerana beramal dengan zahir ayat, maka jawapannya ialah Syi'ah lebih mulia dan lebih tinggi kedudukan mereka dari mengotorkan fikiran mereka yang bercahaya dengan khurafat tersebut. Lantaran itu mereka beramal dengan hukum ayat mulia yang mengharuskan bagi ummat berkahwin empat perempuan ketika mampu melakukan keadilan di kalangan isteri-isteri. Dan jika dia tidak mampu, maka tidak harus baginya berkahwin lebih daripada satu. Dan sekiranya dia dapat melakukan keadilan, maka tidak mengapa dia mengahwini dua sehingga empat. Oleh itu pengertian ayat kahwinlah... *mathna* iaitu dua, *thulatha* iaitu tiga dan *ruba'* iaitu empat. Maka dia tidak boleh kahwin kelima melainkan apabila seorang daripada isterinya mati atau ditalakan, itupun selepas tamat 'iddahnya.

Adapun kata-kata anda: Bahawa Syi'ah menyapu kaki mereka di dalam *wudhuk* adalah betul. Ianya adalah perkara yang wajib yang dikehendaki oleh Allah S.W.T daripada hamba-hambaNya yang Mukallafin. Dan diamalkan oleh Rasulullah *Sawaw* dan imam-imam Ahlu l-Baitnya A.S. Di atas dasar inilah Syi'ah mengamalkannya dari masa dahulu hingga hari ini dan sehingga hari yang mereka akan dibangkitkan, tanpa meninggalkan imam-imam mereka A.S. dan beramal dengan al-Qur'an yang kudus yang tidak akan didatangi kebatilan di hadapannya dan di belakangnya kerana ianya diturunkan daripada Tuhan yang Maha Bijaksana.

Ayat wudhuk (Surah *al-Ma'idah* 5: 6) adalah *Muhkamah*. Oleh itu ianya tidak ada *khilaf* selama-lamanya, melainkan bagi orang yang mempunyai di hatinya dua ilmu yang bertentangan satu dengan yang lain.

Kerana hukum Allah S.W.T yang diturunkan tidak ada *khilaf* padanya. Sesungguhnya orang yang melakukan *khilaf* ialah orang yang mengambil ilmunya daripada sesiapa sahaja. Syi'ah mengambil ilmu mereka daripada lautan ilmu Ahlu l-Bait A.S yang maksum. Perhatikanlah firmanNya di dalam Surah *al-Ma'idah* 5:6: *'Wahai orang-orang yang beriman apabila kamu bangkit dari solat, maka basuhlah (Faghsilu) muka (muka)mu dan tangan (tangan)mu kepada siku dan sapulah (imsahu) kepala (kepala)mu dan kaki (kaki)mu sampai kepa-*

da kedua mata kaki (al-Ka'bain)'.

Ayat ini dengan terang memerintahkan supaya membasuh dua anggota iaitu muka dan dua tangan. Begitu juga ianya menyuruh menyapu dua anggota iaitu kepala dan dua kaki. Ianya merupakan dua jumlah tiap-tiap satu daripada kedua-duanya berdiri dengan sendiri dan tidak ada hubungan dengan yang lain.

Al-'I'rab

Ighsilu terdiri daripada *fi'lun* (kata kerja) dan *fa'il* (pelaku) (basuhlah) *wujuhakum* adalah *maf'ul* dan *mudafu ilaihi* (muka-muka kamu) *wa aidi-kum* (tangan-tangan kamu) adalah *'ataf* ke atas *wujuha-kum* (muka-muka kamu) *waam sahu* (dan sapulah) *fi'lun amar* dan *fa'il bi-ru'usi-kum* (di kepala-kepala kamu). Al-Ba' adalah huruf jar dan *bi-ru'usi-kum* adalah *jar* dan *majrur* (dibaca baris di bawah) *al-arjul* adalah *'ataf* kepada *ru'usi-kum* (kepala-kepala kamu).

Sekiranya ianya dibaca baris di bawah, ianya menjadi *'ataf* kepada lafaz. Atau dibaca baris *nasb* (baris di atas) *'ala al-Mahal*. Di dalam erti yang lain ia dibaca baris di atas sekiranya ianya dibuang huruf jarr. Syaikh Ibrahim al-Halabi mengatakan ayat ini dibaca dengan *nasb* dan *jarr*. Tetapi yang masyhurnya dibaca dengan *nasb* kerana ianya *'ataf* kepada *ru'us* (kepala-kepala) di dalam dua bacaan.

Walau bagaimanapun Tafsir al-Razi, al-Tabari, Khazin dan lain-lainnya menyokong wajib 'sapu kaki' bukan 'basuh kaki' di dalam wudhuk. Ini adalah cukup untuk membuktikan wajib sapu kaki dan bukan basuh kaki di dalam wudhuk. Ibn 'Abbas meriwayatkan bahawa wudhuk ialah dua basuh dan dua sapu. Dan dia juga berkata: Allah S.W.T mewajibkan wudhuk dua basuh dan dua sapu. Tidakkah anda terfikir bagaimana Dia menyebutkan *tayammum*, maka Dia jadikan tempat dua basuh itu (muka dan tangan) dua sapu dan Dia meninggalkan dua sapu (kepala dan kaki).[8] Dan dia berkata lagi di tempat yang lain: [9] Orang ramai enggan selain dari membasuh. Tetapi apa yang kami dapati di dalam al-Qur'an adalah *al-Mash* (sapu).

Daripada Sya'bi[10] dia berkata: Jibra'il menurunkan ayat tersebut dengan sapu di atas dua kaki. Dan daripada dia[11]

8. al-Muttaqi al-Hindi, *Kanz al-'Ummal*, V, hlm. 320
9. *Kanz al-'Ummal*, V, hlm. 320.

juga: Qur'an diturunkan dengan sapu di atas dua kaki. Dan daripada Ibn 'Abbas, dia menceritakan tentang wudhuk Rasulullah *Sawaw* bahawa beliau menyapu di atas dua kakinya.

Al-Tabrani meriwayatkan[12] daripada 'Ubbad bin Tamim daripada ayahnya berkata: Aku melihat Rasulullah *Sawaw* mengambil wudhuk dia menyapu di atas dua kakinya.

Adapun riwayat-riwayat imam-imam Ahlu l-Bait A.S. tentang sapu amatlah banyak. Di antaranya daripada Husain bin Sa'id al-Ahwazi daripada Fadhalah daripada Hammad bin 'Uthman daripada Ghalib bin Huzail dia berkata: Aku bertanya kepada Abu Ja'far al-Baqir A.S. tentang sapu di atas dua kaki. Maka dia menjawab: Itulah yang dibawa turun oleh Jibra'il.

Daripada Ahmad bin Muhammad dia berkata: Aku telah bertanya kepada Abu l-Hasan Musa bin Ja'far A.S. tentang sapu di atas dua kaki bagaimana? Maka beliaupun meletakkan tapak tangannya di atas jari-jarinya, kemudian menyapukan kedua-duanya sehingga ke mata kakinya. Riwayat-riwayat tentang penyapuan kaki daripada para imam Ahlu l-Bait A.S.adalah banyak. Dan nas-nas hadis *Thaqalain* adalah jelas, wajib sapu di atas dua kaki. Dan di atas dasar inilah Syi'ah Imamiah melakukan wudhuk sehinggalah pada hari ini.

Syi'ah tidak mengambil riwayat daripada pemalsu-pemalsu hadis dan orang-orang jahil seperti Abu Hurairah, 'Umru bin 'As, Mu'awiyah dan orang yang tidak *thiqah* kerana imej mereka yang buruk.Dan mereka tidak terpedaya dengan dakyah keadilan sahabat daripada awal hingga ke akhir kerana mereka bukan semuanya adil.

Sekiranya anda merujuk kepada buku-buku Syi'ah yang *abrar* mengkajinya dengan insaf dan menjauhkan diri anda daripada 'asabiyah buta, nescaya anda akan mengetahui sesungguhnya Syi'ah berjalan di atas jalan yang lurus. Lantaran itulah banyak cacian-cacian ke atas mereka oleh orang-orang yang tamak kepada dunia.

Adapun tentang hadis-hadis 'basuh' di dalam wudhuk maka ia sama ada suatu pembohongan ataupun kurang fahaman mengenainya. Kerana Rasulullah *Sawaw* mengambil wudhuk dan menyapu kemudian mencurahkan air ke atas

---

10. *Ibid.*, hlm. 103.
11. *Ibid.*
12. Muhammad Jamaluddin, *Kitab al-Mash 'ala l-Jaurabain*, hlm. 19

dua kakinya kerana ingin menyejukkan keadaan kakinya. Dan tidak sabit bahawa beliau membasuh dua kakinya di dalam wudhuk selama hidupnya.

Apabila kami memberikan hujah kepada musuh-musuh kami, mereka memberikan sebab-sebab basuh kerana kebersihan atau umum dan khusus. Mereka berkata: Setiap basuh itu sapu dan tidak sebaliknya. Ia adalah hujah yang lemah seperti rumah labah-labah.

Adakah Rasulullah *Sawaw* menyuruh manusia menyapu di atas kaki yang kotor dan najis? Kami meminta pertolongan dengan Allah daripada kejahilan. Atau Rasulullah *Sawaw* tidak mengetahui umum dan khusus? Sehingga datang kepada kita satu kaum (Ahlu s-Sunnah) selepas tiga abad. Mereka mencipta mazhab-mazhab yang bertentangan sesama mereka. Mereka menunjukkan ummat bahawa Nabi *Sawaw* adalah seorang yang bersalah (kami meminta perlindungan dengan Allah). Atau beliau meninggalkan ugama ini tidak sempurna sehingga mereka menyempurnakannya. Atau mereka menambahkan padanya sesuatu, maka mereka memperbaikinya (kami meminta pertolongan dengan Allah) ***La hawla wala kuwata illa billahi l-'Aliyyil l-'Azim.***

Adapun hadis *wailun li l-A'qab mina n-Nar*, jika ianya betul (dan ianya memang tidak betul) adalah menjadi hujah 'ke atas mereka' dan bukan 'untuk mereka'. Kerana ianya berbunyi: *Wailun li l-A'qab mina n-Nar* (Neraka wail bagi mata kaki) dan ia bukanlah berbunyi: *Wailun liman lam yaghsil* (neraka wail bagi orang yang tidak membasuhinya). Lantaran itu beliau telah menunjukkan mereka bahawa sesungguhnya sapu tidak harus dilakukan ke atas kaki yang terkena najis.

Aku ingin bertanya kepada perawi hadis ini iaitu 'Abdullah bin 'Umru bin al-'As yang terkenal dengan keburukannya dan keburukan bapanya, maka anda berkata kepadanya: Dimanakah anda mengetahui 'sapu' jikalau ia tidak (dilakukan) dahulu? Dia meriwayatkan "kami berperang bersama Rasulullah *Sawaw*, maka kami mendahuluinya. Solat 'Asr telah menyusahkan kami, lalu kami mengambil wudhuk dan kami menyapu. Maka kami dapati Rasulullah *Sawaw* bersabda: *Wailun li l-A'qab mina n-Nar* sehingga tiga kali. Riwayat ini ternyata palsu sebagaimana berikut:

1. Sesungguhnya Nabi *Sawaw* mempunyai akhlak yang mulia sebagaimana telah dijelaskan oleh Allah S.W.T di dalam

firmanNya (Surah *al-Qalam* 68:4) '*Dan sesungguhnya kamu benar-benar berbudi pekerti yang agung* ' dan tidak kasar. Oleh itu bagaimana beliau mengancamkan mereka dengan neraka sedangkan mereka tidak mengetahui ilmu *nasakh* ? Kerana mereka berkata: Jibra'il telah membawa turun ayat itu dengan 'basuh'.
Pendapat ini adalah tidak kuat kerana hadis ini hanya diriwayatkan oleh seorang perawi sahaja dan hadis *ahad* tidak boleh memansukhkan al-Qur'an apatah lagi ayat *wudhuk* adalah *muhkamah*.
2. Perawi mengatakan dia berperang bersama Rasulullah *Sawaw* dan ditempat yang lain pula dia berkata: Dia musafir bersama Rasul *Sawaw* dari Mekkah ke Madinah. Dan dia sendiri meriwayatkan hadis tersebut. Ini menunjukkan bahawa riwayat tersebut adalah diada-adakan sahaja.
3. Ijmak Ahlu l-Bait A.S. di atas 'sapu' dan ramai ulamak Ahlu s-Sunnah bersepakat bahawa al-Qur'an diturunkan dengan 'sapu'. Oleh itu kami terus beramal dengan al-Qur'an dan amalan Ahlu l-Bait A.S. kerana hadis tersebut dipertikaikan malah ianya hadis palsu.

Adakah apa yang aku kemukakan kepada anda wahai profesor, memuaskan? Dan maafkan aku kerana ingin bertanya:
1. Adakah anda daripada orang yang mengerjakan solat atau orang yang meninggalkan solat?
2. Adakah anda mengetahui mazhab anda dan anda beribadat dengannya? Sekiranya anda ahlinya, adakah anda mengetahui hadis-hadis *Sahih* dan palsu? Adakah anda mengetahui ilmu *nasikh* dan *mansukh*?

Adapun kata-kata anda bahawa Syi'ah menuduh 'Aisyah berzina adalah tohmah anda semata-mata dan bukan daripada Syi'ah. Oleh itu Syi'ah tidak menuduhnya berzina sehingga mereka membersihkan diri mereka. Kajilah buku-buku Syi'ah dan di dalam buku Syi'ah manakah anda telah dapati tuduhan itu wahai profesor, dan dari ulamak manakah anda mendengarnya? *Allahumma* ! Ini dan lain-lainnya adalah suatu pembohongan yang besar terhadap Syi'ah yang *abrar*.

Adapun kata-kata anda bahawa Syi'ah mempertikaikan sahabat kerana mereka berani terhadap Allah dan Rasul-Nya, maka ini adalah kata-kata yang bohong. Kerana Syi'ah telah memberikan setiap sahabat haknya dan mereka ada yang alim, jahil, adil dan zalim malah ada yang munafik.

Kemudian wahai profesor, sekiranya anda seorang yang alim tentang sejarah Syi'ah dan *tasyayyu'*, maka apakah pembohongan-pembohongan ini keluar daripada anda dan orang seumpama anda yang mempunyai maruah dan keinsafan. Dan sekiranya anda jahil di dalam masalah ini, bagaimana anda menentang golongan mukminin yang berpegang kepada mazhab Ahlu l-Bait Rasulullah *Sawaw*. Kerana di kalangan mereka terdapat ulamak-ulamak, fuqaha' yang besar, failasuf dan lain-lain... Mereka telah memenuhi bumi Allah dengan keilmuan dan amalan. Tetapi kami berkata: Pembohong tidak akan menyedarinya.

Akhirnya aku mengemukakan kepada anda nasihat yang ikhlas wahai profesor. *Samahaka-llah*, bertakwalah kepada Allah tentang diri anda dan berhentilah daripada mengharungi kehormatan Muslimin. Dan tinggallah mereka beramal dengan mazhab mereka kerana hisab mereka di atas Allah S.W.T. Kami pada masa ini amat memerlukan kepada perpaduan lantaran itu kami berdiam diri di hadapan kebanyakan orang-orang yang tidak mempunyai ilmu dan sejarah, malah mereka tidak berguna. Tidak ada pada mereka *dhamir* yang bebas, maruah dan keinsafan. Mereka itulah yang menghalakan kepada kami cacian-cacian, pembohongan-pembohongan dan tohmah-tohmah... Diamnya kami adalah kerana ingin menjaga perpaduan Islam. Dan salam ke atas mereka yang mengikuti pertunjuk.

Sekian.
Muhammad Mar'i al-Amin al-Antaki.
Pencinta mazhab Ahlu l-Bait A.S.
Halab - Syria
25hb. Rabi'ul al-Thani, 1379 H.(1969 M).

Aku telah memberi suratku ini kepada dua lelaki tersebut dan berkata: Sampaikan surat ini kepada profesor itu. Maka mereka berduapun menyampaikannya.

Dan pada 27hb. Rabi'ul al-Thani, 1379 Hijrah, profesor tersebut datang untuk menziarahiku dengan malu-malu di atas apa yang telah berlaku dan meminta maaf kerana tidak mengkaji mazhab Ahlu l-Bait A.S. Dia meminta daripadaku beberapa buku karangan Syi'ah. Ini adalah selepas berlaku dialog di antara kami. Maka akupun memberikan kepadanya buku-buku karangan Sayyid Syarafuddin al-Musawi (r.h). Dia meminta maaf, dan mengucap selamat ting-

gal kepadaku dan pulang ke tempatnya. Selepas satu minggu dia datang kembali kepadaku. Kali kedua memujiku dan berterima kasih kepadaku dan memberitahukan kepadaku bahawa dia kini berpegang kepada mazhab Ahlu l-Bait A.S. Dia berkata: Aku menyembunyikan perkara ini dan menyembunyikan mazhabku mazhab Ahlu l-Bait A.S. Dan aku tidak mengisytiharkan *tasyayyu'* disebabkan perkara tertentu tetapi aku akan berdakwah dan mengajar mengikut apa yang diredhai Allah, RasulNya dan 'itrahnya yang suci. Lalu aku menghadiahkan kepadanya sebuah al-Qur'an tulisan tangan yang berharga.

Peringatan

Aku tidak menulis nama-nama orang yang berdialog denganku kerana sebab-sebab tertentu sebagaimana dimaklumi oleh *dhawi l-Albab*. Allah S.W.T mengetahui keadaannya yang sebenar.

Penamat

Apa yang aku kemukakan kepada pembaca-pembaca bukuku ini sama ada ayat-ayat al-Qur'an, hadis-hadis Nabi *Sawaw* adalah diriwayatkan di dalam buku-buku Ahlu s-Sunnah. Buku-buku merekalah yang mensabitkan hak 'Ali Amiru l-Mukminin A.S. sebagai khalifah secara langsung selepas Rasulullah *Sawaw*.

Kajilah dengan halus hujah-hujah yang aku kemukakan kepada anda di dalam buku ini. Bagaimana kebenaran itu terserlah, jalan menjadi terang bagi orang yang ikhlas, bersih diri mereka daripada 'asabiah mazhab untuk melaluinya.

Adapun orang yang masih berdegil dengan kedegilannya, maka riwayat-riwayat dan dalil-dalil yang banyak tidak akan memberi faedah kepada mereka sekalipun aku mengemukakan kepada mereka seribu dalil. Adapun orang yang mempunyai fikiran yang rasional, bukuku ini sudah cukup baginya untuk menilainya kerana ianya dikutip daripada sumber-sumber yang diakui oleh Sunnah dan Syi'ah.

Apa lagi yang akan diperkatakan oleh penentang-penentang selepas ini? Kemudian aku ingin berkata kepada mereka sekiranya Nabi *Sawaw* datang sendiri memberitahukan mereka mengenainya, nescaya mereka akan meneruskan penentangan tersebut. Sebagaimana seorang penentang berkata kepada saudaraku: Sekiranya Jibra'il datang bersama

Muhammad dan 'Ali, aku tidak akan mempercayai kata-kata anda. Ini berlaku manakala dia memintaku berdialog dengannya dan memberikan kepadanya buku *al-Muraja'at* (Dialog Sunnah - Syi'ah) supaya dia mengkajinya. Buku itu berada di sisinya selama lebih daripada satu bulan kemudian dia memulangkannya dan berkata: Aku tidak suka membaca buku-buku Syi'ah kerana itu aku tidak akan membacanya selama-lamanya.

Aku memohon perlindungan dengan Allah dari apa yang diucapkan oleh lelaki ini [13] yang masih meneruskan kedegilannya. Lalu aku meninggalkannya dengan keadaannya kerana penentangannya adalah disebabkan kejahilannya.

Kemudian aku berkata: Bukuku ini akan tersibar di seluruh dunia yang penuh dengan penduduknya dan ianya akan dibaca oleh Arab dan bukan Arab, Muslim dan bukan Muslim yang berlainan fahaman, pendapat dan citarasa kerana manusia sepertilah galian-galian; ada yang berharga, ada yang pertengahan, dan ada yang buruk. Oleh itu adalah menjadi sukar untuk mendapatkan keredhaan daripada semua manusia, malah ianya sukar dan hampir-hampir mustahil. Sebagaimana berkata seorang penyair Palestin 'Ali al-Kailani:

Apabila Tuhan makhluk
tidak meredhai makhluknya
maka bagaimana dengan makhluk
redha mereka diharapkan.

Ringkasnya bukuku ini akan berada di sisi pembaca-pembaca yang mulia. Tentu sekali ada yang memujinya dan ada yang mengkritiknya. Aku berharap kepada pembaca yang budiman supaya tidak jemu dan bacalah sehingga selesai. Kemudian menilainya selepas itu dengan penuh keinsafan sama ada menyokong kami atau menentang kami.

Aku tidak menjangka sekiranya dia seorang yang cerdik dan mengambil berat terhadap ugamanya, akan menentangku. Kerana apa yang telahku kemukakannya di dalam buku ini adalah diambil daripada buku-buku Ahlu s-Sunnah secara khusus. Jika dia tidak berpuas hati dengan apa yang ada di dalamnya, maka dia harus memarahi kaumnya; Ahlu s-Sunnah. kerana aku hanya memindahkan kata-kata mereka

---

13. Lelaki yang mendakwa berilmu ialah seorang profesor di Universiti al-Amawi di Halab

sahaja. Dan jikalau dia seorang yang mempercayai keadilan para imam dan para ulamak Ahlu s-Sunnah, maka dia harus menerima hakikatnya kerana aku telah mengambil rujukan tersebut daripada buku-buku mereka.

Lantaran itu wajiblah baginya berpegang kepada pendapat-pendapat mereka. Oleh itu dia tidak akan menentangku lagi, jikalau tidak, tinggalkan dia dengan keadaannya.

Akhirnya aku mengemukakan ucapan terima kasihku kepada orang yang menyebabkan perubahan pemikiranku terutamanya Ayatullah al-'Uzma Sayyid Akha Husain al-Tabataba'i al-Burujurdi dan Ayatullah al-'Uzma Sayyid 'Abdu l-Husain Syarafuddin. Semoga Allah mengurniakan ganjaran kepada mereka berdua kerana Islam dan Muslimin dan kepada hamba ini sebaik-baik ganjaran orang-orang yang baik. Maka aku mengakhiri buku ini dengan beberapa *bait* syair berikut:

Kenapa aku memilih mazhab Ali Taha
aku memerangi kerabatku untuk menegakkannya.
Aku telah meninggalkan rumah-rumah moyangku dan keluargaku
dan kehidupan yang penuh kemewahan
Kerana aku telah melihat kebenaran suatu kenyataan
tuan rumah tidak meliputi selain daripadanya
Berpegang kepada *Thaqalaini* menjamin
awalnya dan akhirnya kejayaan
Ianya menjadi makhluk yang paling mulia
mewarisi kemuliaan dan pangkat ketinggian
Aku tidak peduli kehinaan selepas aku mengetahui
sesungguhnya Allah kerana kebenaran memilihnya
Aku tidak pentingkan dunia ini sesuatupun
apabila jiwa melaksanakan pertunjuknya
Mazhabku *tasyayyu'* adalah satu kemegahan
bagi orang yang mencari kebenaran dan menyibarkannya
Cabangku daripada 'Ali, dia adalah permata
kemurnian dan masa padanya telah melindunginya
Tidak selamat di padang mahsyar seorangpun

berjalan pada selain mazhab Ali Taha

Aku selesai menulis buku ini pada 29hb. Dhul Hijjah 1380 Hijrah (1970 M) di perpustakaanku di Bandar Halab, Syria.

Wa l-Hamdu lillah awwalan wa akhiran zahiran wa batinan

LAMPIRAN A

Istifa' (pilihan) adalah Ahlu l-Bait A.S.

Dialog mengenai pengertian *al-Istifa'* (pilihan) yang berlangsung di antara Imam al-Ridha A.S. dan para ulamak Iraq dan Khurasan adalah terjemahan dari buku *Amali al-Sadduq* karangan Muhammad bin 'Ali bin Husain Babwaih al-Qummi, meninggal dunia dalam tahun 341 Hijrah, cetakan Najaf, 1970, hlm. 468-477, dan dari buku *Tuhaful l-'Uqul 'an 'Ali al-Rasul*, karangan Abu Muhammad al-Hasan bin 'Ali bin al-Husain bin Syu'bah al-Harrani, meninggal dunia dalam tahun 336 Hijrah, cetakan Najaf, 1961, hlm. 318-326.

Nama penuh beliau (al-Ridha A.S.) ialah 'Ali bin Musa bin Ja'far bin Muhammad bin 'Ali bin al-Husain bin 'Ali bin Abi Talib. Beliau adalah Imam kelapan dari Ahlu l-Bait Rasulullah *Sawaw* (cucu Imam Ja'far al-Sadiq). Beliau meninggal dunia pada tahun 203 H/817 Masihi dan disemadikan di Tus' Iran, sekarang dipanggil Masyhad. Beliau hidup dalam pemerintahan Harun dan kedua-dua anaknya al-Amin dan al-Makmun. Syaikh Abu Ja'far Muhammad, Muhammad bin 'Ali bin al-Husain bin Musa bin Babwaih al-Qummi berkata: "Ali bin al-Husain bin Syadhawaih dan Ja'far bin Muhammad bin Masrur telah memberitahu kepada kami dan mereka (berdua) berkata: "Muhammad bin 'Abdullah bin Ja'far al-Humairi telah memberitahu kepada kami daripada bapanya, kemudian daripada ar-Riyyan bin as-Salt dan dia berkata:

'Imam al-Ridha A.S. telah menghadiri satu majlis yang diadakan oleh al-Makmun di Marvi yang dihadiri bersama oleh sekumpulan ulamak Iraq dan Khurasan.

Al-Makmun berkata: 'Beritahukan kepadaku tentang pengertian ayat... *'Kemudian kitab itu kami wariskan (Aurath-na) kepada orang-orang yang kami pilih (Istafaina) di antara hamba-hamba kami...'* (Surah *al-Fatir* 35: 32)

Ulamak tersebut menjawab: "Allah 'Azza Wajalla menghendaki dengan pengertian tersebut 'semua ummah' ".

Lalu al-Makmun berkata: "Apakah pandangan anda wahai Abu l-Hasan?".

Maka Imam al-Ridha A.S. menjawab: "Saya tidak akan berkata sebagaimana mereka itu berkata. Tetapi saya berkata: Allah menghendaki *al-'Itrah at- Tahirah* (keluarga yang suci)".

Al-Makmun berkata lagi: "Kenapa ianya dimaksudkan dengan *al-'Itrah*, bukan *al-Ummah* ?".

Imam al-Ridha A.S. menjawab: "Jikalau ianya dimaksudkan dengan *al-Ummah* nescaya semuanya akan berada di syurga kerana Firman Allah *Tabaraka wa Ta'ala: 'Lalu di antara mereka ada yang menganiaya diri mereka sendiri dan di antara mereka ada yang pertengahan dan di antara mereka ada (pula) yang lebih cepat ber-*

buat kebaikan dengan izin Allah, yang demikian itu adalah kurnia yang amat besar'. (Surah *al-Fatir* 35:32).

Kemudian Dia mengumpulkan mereka semua di syurga. Dia berfirman: *'(Bagi mereka) Syurga 'Adn, mereka masuk ke dalamnya, di dalamnya mereka diberi perhiasan dengan gelang-gelang dari emas dan dengan mutiara, dan pakaian mereka di dalamnya adalah sutera'.* (Surah *al-Fatir* 35:33)

Oleh itu *al-Wirathah* (warisan) adalah untuk *al-'Itrah at-Tahirah* dan bukan untuk orang lain".

Al-Makmun bertanya: "Siapakah *al-'Itrah at-Tahirah?"*.

Imam al-Ridha A.S. menjawab: "*al-'Itrah* ialah orang yang telah disifatkan oleh Allah *'Azza wa-Jalla* di dalam kitabNya:*'Sesungguhnya Allah bermaksud hendak menghilangkan dosa dari kamu hai Ahlu l-Bait dan menyucikan kamu sebersih-bersihnya '* .(Surah *al-Ahzab* 33:33).

Mereka itulah yang dimaksudkan oleh Rasulullah *Sawaw* dan keluarganya: *'Aku tinggalkan kepadamu: Thaqalain, (dua perkara yang berharga) kitab Allah dan Ahlu' l-Baitku, sesungguhnya keduanya tidak akan berpisah, sampai bersama-sama mengunjungiku di al-Haudh. Dan perhatikanlah bagaimana kalian menjaga kedua-dua peninggalanku itu'.* Wahai manusia! Anda tidak dapat mengajar mereka kerana mereka lebih alim daripada kalian".

Ulamak berkata: "Beritahukan kepada kami wahai Abu l-Hasan tentang *al-'Itrah*, adakah mereka *Al* (keluarga) atau bukan *Al* (keluarga)?"

Imam al-Ridha A.S. menjawab: "Mereka adalah *Al* (keluarga)".

Ulamak berkata: "Di sana terdapat riwayat daripada Rasulullah *Sawaw* bahawa beliau bersabda: *'Umatku adalah keluargaku dan mereka itu adalah sahabatku'.* Riwayat tersebut adalah banyak dan ianya tidak boleh dinafikan lagi, Ali Muhammad adalah umatnya ".

Abu l-Hasan A.S. menjawab: "Beritahukan kepadaku, adakah *sadqah* itu diharamkan ke atas *Al* (keluarga Rasulullah)?".

Mereka menjawab: "Ya".

Beliau berkata: "Oleh itu ianya diharamkan ke atas *ummah* ?".

Mereka menjawab: "Tidak".

Beliau berkata: "Inilah perbezaan di antara *Al* dan *Ummah*". Sayang sekali! Di manakah kedudukan kalian?. *'Maka apakah kami akan berhenti menurunkan al-Qur'an kepadanya, kerana kamu adalah kaum yang melampaui batas? '* (Surah *al-Zukhruf* 43:5) .Tidakkah kalian mengetahui bahawa *al-Wirathah* (warisan) dan *at-Taharah* (kesucian) telah berlaku ke atas orang terpilih *(istafaina)* yang mendapat petunjuk dan bukan orang yang selain daripada mereka?" .

Mereka berkata: "Daripada manakah anda mengambilnya wahai Abu l- Hasan?"

Dia menjawab: "Ianya daripada Firman Allah *'Azza wa-Jalla: 'Dan sesungguhnya kami telah mengutus Nuh dan Ibrahim dan kami*

jadikan kepada keturunan keduanya kenabian (an-Nubuwwah) dan al-Kitab, maka di antara mereka ada yang menerima petunjuk dan banyak di antara mereka fasik. (Surah *al-Hadid* 57:26) Maka jadilah *Wirathah al-Nubuwwah* (warisan kenabian) dan *al-Kitab* bagi *al-muhtadin* (orang yang mendapat petunjuk) dan bukan orang-orang yang fasiq. Tidakkah anda mengetahui bahawa apabila Nuh memohon kepada Tuhannya, *'Beliau berkata: Ya Tuhanku, sesungguhnya anakku termasuk keluargaku, dan sesungguhnya janji Engkau itulah yang benar. Dan Engkau adalah Hakim yang seadil-adilnya'.* (Surah *Hud* 4:45) Allah *'Azza wa-Jalla* telah berjanji kepadanya supaya beliau sendiri melepaskan dirinya dan keluarganya. Maka Allah berfirman: *'Hai Nuh, dia bukanlah termasuk keluargamu (yang dijanjikan akan diselamatkan), sesungguhnya perbuatan-perbuatannya yang tidak baik. Sebab itu janganlah kamu memohon kepadaKu sesuatu yang kamu tidak mengetahui (hakikat)nya. Sesungguhnya Aku memperingatkan kepadamu supaya kamu jangan termasuk orang-orang yang tidak berpengetahuan.'* . (Surah *Hud* 11:46) "
Kemudian al-Makmun berkata: "Adakah Allah melebihkan *al-'Itrah* ke atas sekalian manusia?".
Lantas Abu l-Hasan A.S. menjawab: "Sesungguhnya Allah *'Azza wa-Jalla* telah melebihkan *al-'Itrah* ke atas sekalian manusia di dalam kitabNya".
Al-Makmun bertanya: "Ayat manakah di dalam Kitab Allah itu?".
Imam al-Ridha A.S. menjawab: "*'Sesungguhnya Allah telah memilih Adam, Nuh, keluarga Ibrahim dan keluarga Imran melebihi segala ummat (di masa mereka masing-masing), (iaitu) satu keturunan yang sebahagiannya (turunan) dari yang lain'.* (Surah *ali-'Imran* 3:33-34) Dan Allah *'Azza wa-Jalla* berfirman di tempat yang lain, *'Ataukah mereka dengki kepada (sebahagian) manusia (Muhammad dan keluarganya) lantaran kurnia yang Allah telah berikan kepada mereka itu? Sesungguhnya kami telah memberikan kitab dan hikmah kepada keluarga Ibrahim, dan kami telah memberikan kepadanya mulkan 'aziman'* . (Surah *al-Nisa'* 4:54) Kemudian Dia berfirman kepada seluruh Mu'minin: *'Hai orang-orang yang beriman taatilah Allah dan taatilah Rasul(Nya) dan uli l-amri di antara kamu'.* (Surah *an-Nisa'* 4:59)

Iaitu orang-orang yang disertakan oleh Allah dengan *al-Kitab* dan *al-Hikmah*, tetapi mereka (orang ramai) dengkikan mereka *(al-'Itrah)*. FirmanNya: *'Ataukah mereka dengki kepada (sebahagian) manusia (Muhammad dan keluarganya) lantaran kurnia yang Allah telah berikan kepada mereka itu? Sesungguhnya kami telah memberikan Kitab dan hikmah kepada keluarga Ibrahim, dan kami telah berikan kepadanya mulkan 'aziman'.* (Surah *al-Nisa'* 4:54) Iaitu taat kepada orang-orang yang terpilih dan disucikan. Lantaran itu *al-Mulk* di dalam ayat tadi ialah ta'at kepada mereka. "
Ulamak berkata: "Beritahukan kepada kami adakah Allah *'Azza wa-*

Jalla telah mentafsirkan *al-Istifa'* (pemilihan) di dalam KitabNya?"
Imam al-Ridha A.S. menjawab: "Dia telah mentafsirkan *al-Istifa'* secara zahir selain daripada batin pada **dua belas** tempat: "
Pertama: " Firman Allah *'Azza wa-Jalla: 'Dan berilah peringatan kepada kerabat-kerabatmu yang terdekat'.* (Surah *al-Syu'ara'* 26:214) Ini adalah kedudukan yang tinggi, kelebihan yang besar, dan kemuliaan yang tidak ada bandingnya, kerana Allah *'Azza wa-Jalla* maksudkan dengan *Al* (keluarga). Maka Dia menyebutkannya untuk Rasulullah *Sawaw* ".
Kedua: "FirmanNya mengenai *al-Istifa'* :*'Sesungguhnya Allah bermaksud hendak menghilangkan dosa dari kamu hai Ahlu l-bait, dan menyucikan kamu sebersih-bersihnya'.* (Surah *al-Ahzab* 33:33) Kelebihan ini tidak boleh diingkari oleh sesiapa pun. Kerana ianya adalah kelebihan yang jelas".
Ketiga: "Manakala Allah membezakan *at-Tahirin* (orang yang suci) daripada makhlukNya, maka Dia memerintahkan NabiNya *bermubahalah*. Dia berfirman: *'Maka katakanlah (kepadanya) kita memanggil anak-anak kami dan anak-anak kamu, wanita-wanita kami dan wanita-wanita kamu "diri kami" dan diri kamu, kemudian marilah kita bermubahalah kepada Allah dan kita minta supaya la'nat Allah ditimpakan kepada orang- orang yang dusta'.* (Surah *ali-'Imran* 3:61) Maka Nabi *Sawaw* telah menjadikan 'Ali, Hasan, Husain dan Fatimah A.S. sebagai pertaruhan. Dia telah mengiringi diri mereka dengan dirinya (nabi). Adakah kalian mengetahui pengertian Firman Allah *'Azza wa-Jalla 'Anfusa-na wa anfusa-kum (diri kami dan diri kamu)'.*
Ulamak menjawab: "Allah maksudkan diriNya".
Abu l-Hasan A.S. berkata: "Kalian telah silap. Sesungguhnya ianya dimaksudkan dengan 'Ali bin Abi Talib A.S. Buktinya sebuah hadis telah menerangkan maksud yang sama, seperti berikut:
'...aku akan mengutuskan kepada mereka seorang lelaki seperti diriku (ka-nafsi)'. Iaitu 'Ali bin Abi Talib A.S. Ini adalah suatu keistimewaan yang tidak dimiliki oleh orang lain, kelebihan yang tidak boleh dikaitkan dengan orang lain dan kemuliaan yang tidak dapat didahului oleh sesiapa pun kerana dia menjadikan diri 'Ali seperti dirinya sendiri ".
Keempat: "Nabi *Sawaw* telah mengeluarkan orang ramai selain daripada *al-'Itrah* dari masjidnya sehingga mereka merungut mengenai perkara tersebut. Al-'Abbas (r.a.) berkata: Wahai Rasulullah! Anda telah mengizinkan 'Ali bersama anda dan mengeluarkan kami! Maka Rasulullah *Sawaw* bersabda: *'Aku bukanlah membiarkannya dan mengeluarkan kalian. Tetapi Allah yang telah mengizinkannya bersamaku dan Allah mengeluarkan kalian'.* Ini adalah penjelasan, sabdanya kepada 'Ali A.S. *'Kedudukanmu di sisiku seperti lah kedudukan Harun di sisi Musa'* ".
Ulamak berkata: "Di manakah ayat al-Qur'an mengenai perkara ini?"
Abu l-Hasan A.S. menjawab: "Aku akan bacakan kepada anda al-

Qur'an".
Mereka menjawab: "Kemukakanlah kepada kami".
Beliau berkata: " Firman Allah *'Azza wa-Jalla: 'Dan kami wahyukan kepada Musa dan saudaranya: Ambillah olehmu berdua beberapa buah rumah di Mesir untuk tempat tinggal bagi kaummu dan jadikan-lah oleh mu rumah-rumahmu itu tempat bersembahyang'.* (Surah Yunus 10:87)
Ayat ini menerangkan kedudukan Harun di sisi Musa A.S dan kedudukan 'Ali A.S di sisi Rasulullah *Sawaw*. Di samping itu terdapat dalil yang zahir di dalam sabda Rasulullah *Sawaw* manakala beliau bersabda:*'Sesungguhnya masjid ini tidak halal bagi orang yang mempunyai janabah dan haid, selain daripada Muhammad dan keluarganya'* ".
Ulamak berkata: "Wahai Abu l-Hasan, penerangan dan penjelasan ini tidak boleh didapati selain daripada kamu Ahlu l-bait Rasulullah *Sawaw* "
Imam al-Ridha A.S. menjawab: "Siapakah yang mengingkari kami di dalam hal ini sedangkan Rasulullah *Sawaw* bersabda: *'Aku adalah bandar ilmu dan 'Ali adalah pintunya maka sesiapa yang ingin ke bandar itu, maka hendaklah ia memasukinya melalui pintunya'*.
Daripada apa yang telah kami terangkan mengenai kelebihan, kemuliaan, *istifa'* (pilihan) dan *al-Taharah* (kesucian), ianya tidak boleh diingkari oleh sesiapa pun. Dan bagi Allah segala kepujian di atas perkara tersebut ".
Kelima: " Firman Allah *'Azza wa-Jalla: 'Dan berikanlah kepada keluarganya yang dekat akan haknya'*. (Surah *al-Isra'* 17:26) Satu keistimewaan yang dikurniakan Allah *S.W.T*, bahawa Dia telah memilih mereka untuk *Ummah*. Manakala ayat ini diturunkan kepada Rasulullah *Sawaw* beliau bersabda: *'Jemputlah Fatimah kepadaku'*, maka ia datang, lalu dia bersabda: *'Wahai Fatimah!'* Fatimah menjawab: Labbai-Ka wahai Rasulullah. Maka beliau bersabda: *'Ini adalah Fadak yang tidak dikerahkan seekor kuda dan seekor unta pun (bagi mendapatkannya), ianya adalah untukku sahaja dan bukan untuk orang lain. Dan sesungguhnya aku jadikannya untukmu manakala Allah memerintahku berbuat demikian. Maka ambillah untuk mu dan anak-anakmu'* ".
Keenam: " Firman Allah *'Azza wa-Jalla: 'Katakanlah: Aku tidak meminta kepadamu sesuatu upah pun atas seruanku kecuali kasih sayang kepada keluarga (ku)...'* (Surah *al-Syu'ara'* 26:23). Keistimewaan ini adalah untuk Nabi *Sawaw* di Hari Kiamat dan *Al* (keluarganya) sahaja dan bukan untuk orang lain. Lantaran itu Allah *S.W.T* telah menceritakan mengenai Nuh A.S. di dalam kitabNya: *'Dan (dia berkata): Hai kaumku, aku tiada meminta harta benda kepada kamu (sebagai upah) bagi seruanku. Upahku hanyalah dari Allah dan aku sekali-kali tidak akan mengusir orang-orang yang beriman. Sesungguhnya mereka akan bertemu dengan Tuhannya, akan tetapi aku memandangmu satu kaum yang tidak mengetahui'*. (Surah *Hud*

11:29)
Dan Allah `*Azza wa-Jalla* telah menceritakan mengenai Hud A.S. Dia berfirman: *'Hai kaumku, aku tidak meminta upah kepadamu bagi seruanku ini. Upahku tidak lain hanyalah dari Allah yang telah menciptakanku, maka tidakkah kamu memikirkannya?'* (Surah *Hud* 11:51)
Dan Allah `*Azza wa-Jalla* berfirman kepada NabiNya: *'Katakanlah: Aku tidak meminta kepadamu sesuatu upah pun atas seruanku kecuali kasih sayang kepada keluarga(ku)'* . (Surah al-*Syu'ara'* 26:23).
Allah tidak mewajibkan kasih sayang kepada mereka melainkan Dia telah mengetahui sesungguhnya mereka *(al-'Itrah)* tidak akan berpaling daripada ugama Islam selama-lamanya. Mereka tidak akan kembali kepada kesesatan selama-lamanya. Dan jikalaulah seorang itu mengasihi seorang tertentu tetapi sebahagian keluarganya menjadi musuh kepadanya, maka hati lelaki tadi tidak akan tenteram untuknya. Oleh itu Allah mencipta supaya tidak berlaku "sesuatu" di hati Rasulullah *Sawaw* terhadap Mukminin.
Lantaran itu Dia mewajibkan kasih sayang kepada keluarganya. Sesiapa mematuhiNya, mencintai Rasulullah *Sawaw* dan mencintai Ahlu l-Baitnya, Rasulullah *Sawaw* tidak boleh memarahinya. Dan sesiapa meninggalkannya dan tidak mematuhinya dan memarahi Ahlu l-Baitnya, maka berhak bagi Rasulullah memarahinya. Kerana beliau telah meninggalkan satu fardhu dari faudhu-fardhu Allah. Oleh itu manakah kelebihan, dan kemuliaan yang mendahului kelebihan ini? Allah menurunkan ayat ini ke atas Nabinya *Sawaw*: *'Katakanlah Aku tidak meminta kepadamu sesuatu upah pun atas seruanku kecuali kasih sayang kepada keluarga (ku)'*. (Surah *al-Syu`ara'* 26:23)
Lantaran itu Rasulullah *Sawaw* berdiri di hadapan para sahabatnya lalu beliau memuji Allah S.W.T dan bersabda: *'Wahai manusia sesungguhnya Allah telah memfardhukan satu fardhu ke atas kalian dan adakah kalian akan melaksanakannya?'*. Tidak seorang pun menjawab. Maka beliau bersabda lagi: *'Wahai manusia, ia bukannya emas, perak, makanan atau minuman'*. Mereka menjawab: Kemukakanlah wahai Rasulullah. Lalu beliau membacakan ayat tersebut kepada mereka. Mereka berkata: Ada pun perkara ini, ya. Tetapi kebanyakan mereka tidak melaksanakannya. Allah tidak akan mengutus seorang Nabi melainkan Dia wahyukan kepadanya bahawa beliau tidak akan meminta upah daripada kaumnya. Kerana Allah `*Azza wa-Jalla* akan meyempurnakan ganjaran para nabi, Muhammad *Sawaw* dan keluarganya. Allah telah mewajibkan kasih sayang kepada kerabatnya dengan mengetahui kelebihan mereka yang diwajibkan oleh Allah `*Azza wa-Jalla* ke atas mereka. Kerana kasih sayang akan berlaku apabila mengetahui kelebihan mereka.
Manakala Allah mewajibkan perkara tersebut, maka ianya wajib ditaati. Lantas sebahagian lain menentangnya. Lalu mereka menja-

di kufur kerana mereka memalingkannya dari hadnya yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T. Mereka berkata: Kerabat itu adalah semua Arab dan orang yang mengikut seruannya. Di dalam kedua-dua keadaan ini, kita telah mengetahui bahawa *al-Mawaddah* (kasih sayang) ialah kepada kerabat. Oleh itu orang yang paling akrab kepada Nabi *Sawaw* adalah lebih layak untuk dikasihi. Kasih sayang hendaklah diberi mengikut pertalian kerabat.

Orang yang menilai Rasulullah *Sawaw* dari segi budi pekertinya dan apa yang dikurniakan Allah ke atasnya untuk (kebaikan) umatnya di mana lidah menjadi lemah untuk melahirkan kesyukuran kepadanya, tidak akan memusuhinya melalui keturunannya dan Ahlu l-Baitnya. Mereka tidak menjadikan Ahlu l-Baitnya setaraf dengan mereka seperti kedudukan mata di sisi kepala. Kerana menjaga hati Rasulullah *Sawaw* dan kasih kepada anak cucunya. Kenapa tidak, al-Qur'an telah menjelaskannya dan menyeru orang ramai kepadanya. Hadis-hadis menetapkan bahawa merekalah *Ahlu l-Mawaddah* (orang yang dikasihi). Merekalah orang yang Allah mewajibkan kasih sayang terhadap mereka dan berjanji ganjaran kebaikan ke atas orang yang mencintai Ahlu l-Bait kerana sekiranya seorang melakukan *al-Mawaddah* terhadap mereka secara ikhlas, dia berhak syurga kerana Firman Allah *'Azza wa-Jalla: 'Dan orang-orang yang beriman serta mengerjakan amal yang saleh (berada) di dalam taman-taman syurga, mereka perolehi apa yang mereka kehendaki di sisi Tuhan mereka. Yang demikian itu adalah kurniaan yang besar'*. (Surah *al-Syu'ara'* 26:22).

Demikianlah Allah memberi berita gembira kepada hamba-hamba-Nya yang beriman dan melakukan amal saleh. *'Katakanlah Aku tidak meminta kepadamu sesuatu upah pun atas seruanku kecuali kasih sayang kepada keluarga(ku)'*. (Surah *al- Syu'ara'* 26:23) "

Kemudian Abu l-Hasan A.S berkata: "Bapaku telah menceritakan kepadaku daripada datuknya dari Husain bin 'Ali A.S, beliau berkata: Telah berkumpul orang-orang Muhajirin dan Ansar di hadapan Rasulullah *Sawaw*. Mereka berkata: Wahai Rasulullah, sesungguhnya anda berhak pertolongan untuk perbelanjaan anda, terutamanya daripada rombongan-rombongan yang datang kepada anda. Inilah harta-harta kami bersama 'darah-darah Kami', maka hukumlah padanya dengan sewajarnya. Berilah apa yang anda mahu dan simpanlah apa yang anda mahu dengan senang hati. Maka Allah 'Azza wa-Jalla menurunkan wahyuNya melalui malaikatNya dan berfirman: *'Katakanlah: Aku tidak meminta kepadamu sesuatu upah pun atas seruanku kecuali kasih sayang kepada keluarga(ku)'*. (Surah *al- Syu'ara'* 26:23). Iaitu hendaklah anda mengasihi kerabatKu selepasku. Kemudian mereka pun keluar. Berkata orang munafiqin: Apakah yang mendorongkan Rasulullah *Sawaw* menolak apa yang kita bentangkan kepadanya, selain dari menggalakkan kita supaya mengasihi kerabatnya selepasnya! Ini adalah suatu perkara yang direkakan atau diadakan sahaja. Kenyataan mereka itu besar

pengertiannya. Oleh itu Allah menurunkan Jibra'il dengan ayat: *'Bahkan mereka mengatakan: Dia (Muhammad) telah mengada-adakannya (al-Qur'an). Katakanlah: Jika aku mengada-adakannya, maka kamu tiada mempunyai kuasa sedikit pun mempertahankan aku dari (azab) Allah itu. Dia lebih mengetahui apa-apa yang kamu percakapkan tentang al-Qur'an itu. Cukuplah Dia menjadi saksi antaraku dan antaramu dan Dialah yang Maha Pengampun lagi Maha Penyayang'* . (Surah *al-Ahqaf* 46:8) Oleh itu Nabi *Sawaw* datang kepada mereka dan bersabda: *'Siapakah yang melakukan sesuatu?'* Mereka menjawab: Wahai Rasulullah! sebahagian dari kami telah mengatakan perkataan yang kasar dan kami membencinya. Maka Rasulullah *Sawaw* membaca kepada mereka Surah *al-Syu`ara'* 26:23). Lantas mereka menangis. Maka Allah *`Azza wa-Jalla* berfirman: *'Dan Dialah yang menerima taubat dari hamba-hambaNya dan memaafkan kesalahan-kesalahan dan mengetahui apa yang kamu kerjakan'*. (Surah *al-Syu`ara'* 26:25) ".

Ketujuh: " Firman Allah Tabaraka wa-Ta'ala: *'Sesungguhnya Allah dan malaikat-malaikatNya bersalawat untuk Nabi. Hai orang-orang yang beriman, bersalawatlah kamu untuk Nabi dan ucapkanlah (do'a) salam kepadanya'*. (Surah *al-Ahzab* 33:56)

Orang-orang yang ingkar (*al-Mu'anidina*) telah mengetahui bahawa manakala ayat ini diturunkan, para sahabat bertanya kepada Rasulullah *Sawaw:* Ya Rasulullah ! Sesungguhnya kami telah mengetahui mengenai salam ke atas anda. Dan bagaimana salawatnya pula? Maka Rasulullah *Sawaw* menjawab: *'Katakanlah: Ya Allah limpahkanlah rahmatMu atas Muhammad dan keluarga Muhammad'* *'Adakah kamu berselisih faham (khilaf) mengenai perkara ini?'* Mereka menjawab: Tidak. "

Al-Makmun menjawab: "Ini adalah perkara yang tidak ada *khilaf* lagi. Malah ianya perkara yang dipersetujui umum *(ijma')* ". Al-Makmun menambah: "Adakah anda mempunyai sesuatu yang lebih jelas mengenai *Ai* di dalam al-Qur'an? ".

Abu l-Hasan menjawab: "Ya!". Dia berkata kepada mereka: "Beritahukan kepadaku mengenai Firman Allah *Azza wa-Jalla: 'Yasin. Demi al-Qur'an yang penuh hikmah, sesungguhnya kamu salah seorang dari rasul-rasul, (yang berada) di atas jalan yang lurus'*. (Surah *Yasin* 36:1-4). Apakah yang dimaksudkan dengan *Yasin* ? ".

Ulamak menjawab: "*Yasin* adalah Muhammad *Sawaw* dan ianya tidak boleh diragui oleh sesiapa pun".

Abu l-Hasan A.S. berkata: "Sesungguhnya Allah telah mengurniakan Muhammad *Sawaw* dan keluarga Muhammad suatu kelebihan yang tidak boleh dicapai hakikatnya oleh sesiapa pun selain daripada orang yang benar-benar menggunakan akalnya. Kerana Allah tidak mengucap salam selain daripada para nabi. Maka Allah Tabaraka wa-Ta`ala berfirman: *'Salam dilimpahkan atas Nuh di seluruh alam'*. (Surah *al-Safat* 37:79)

Dan Dia berfirman: '*Salam dilimpahkan atas Musa dan Harun*'. (Surah *al-Safat* 37:120)
Dan Dia tidak berfirman: Salam dilimpahkan atas keluarga Nuh!.
Dan Dia tidak berfirman: Salam dilimpahkan atas keluaraga Musa dan salam ke atas keluarga Ibrahim!.
Tetapi Dia berfirman: '*Salam dilimpahkan atas 'Ali Yasin* '. (Surah *al-Safat* 37:130) (Bandingkan ejaan Ilyas di dalam Surah *al-Safat* 37:123 dan Surah *al-An'am* 6:85, iaitu 'Ali Muhammad *Sawaw*) ".
Al-Makmun berkata: "Aku telah mengetahui bahawa 'galian kenabian' mempunyai penerangan dan penjelasan di dalam perkara ini".
Kelapan: " Firman Allah '*Azza wa-Jalla: 'Ketahuilah, sesungguhnya apa saja yang dapat kamu peroleh sebagai rampasan perang, maka sesungguhnya seperlima untuk Allah, Rasul, kerabat Rasul...*'. (Surah *al-Anfal* 8:41)
Dia telah menjadikan bahagian kerabat bersama bahagianNya dan bahagian rasulNya. Ini adalah perbezaan di antara *Al* dan *Ummah*. Kerana Allah telah menjadikan mereka di satu tempat dan menjadikan orang lain ditempat yang lain pula. Dan Dia meredhai mereka apa yang Dia redha untuk diriNya. Dan Dia telah memilih mereka untukNya. Justeru itu Dia memulakan dengan diriNya, RasulNya, kemudian *dhi l-Qurba* (kerabat Rasulullah) di dalam masalah *al-Fai'*, harta rampasan *(al-Ghanimah)* dan lain-lain yang diredhai untuk diriNya, Dia redha untuk mereka pula.
Dia berfirman: '*Ketahuilah sesungguhnya apa saja yang kamu dapat peroleh sebagai rampasan perang, maka sesungguhnya seperlima untuk Allah, Rasul, kerabat rasul...*'. (Surah *al-Anfal* 8:41)
Ini adalah suatu pengukuhan dan bukti yang jelas bagi mereka sehingga hari kiamat di dalam kitab Allah yang tidak didatangi kebatilan dari segenap segi kerana ianya datang dari Yang Maha Bijaksana lagi Terpuji.
Ada pun (pengertian) firmanNya: '*...anak-anak yatim dan orang-orang miskin...*'. (Surah *al-Anfal* 8:41) akan berakhir. Kerana seorang anak yatim apabila berakhir kayatimannya, dia tidak berhak menerima *al-Ghanimah*. Begitu juga seorang miskin apabila berakhir kemiskinannya, maka dia tidak berhak menerima *al-Ghanimah*, malah haram baginya menerimanya. Berlainan halnya dengan bahagian kerabat Rasulullah *Sawaw*, kerana ianya berterusan sehinggalah hari kiamat. Ianya menjadi hak mereka sama ada mereka kaya atau miskin kerana tidak seorang pun yang lebih kaya daripada Allah '*Azza wa-Jalla* dan RasulNya *Sawaw*. Lantaran itu Dia menjadikan untuk diriNya satu bahagian dan RasulNya satu bahagian. Dan apa yang Dia meredhai untuk diriNya, Dia pula meredhai untuk mereka (kerabat Rasulullah *Sawaw*).
Begitulah halnya dengan *al-fai'* . Apa yang Dia telah meredhai untuk diriNya dan RasulNya, Dia juga meredhanya untuk kerabatnya (*dhi l-Qurba*). Sebagaimana Dia lakukan kepada mereka di dalam masalah *al-Ghanimah*. Dia memulai dengan diriNya, kemudian Rasul-

Nya dan kemudian *dhi l-Qurba*. Bahagian mereka diiringi dengan bahagian Allah dan bahagian RasulNya. Begitu juga halnya mengenai "ketaatan"(*al-Ta'at*). Dia berfirman: *'Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah, taatilah Rasul(Nya) dan uli l-Amri di antara kamu'*. (Surah *al-Nisa'* 4:59)
Dia telah memulai dengan diriNya, kemudian RasulNya dan kemudian (Ahlu l-Baitnya). Demikian juga dengan ayat al-Wilayah: *'Sesungguhnya pemimpin (wali) kamu hanyalah Allah dan RasulNya (serta) orang-orang yang beriman yang mendirikan solat dan menunaikan zakat seraya mereka rukuk...'*. (Surah *al-Ma'idah* 5:55)
Justeru itu Dia telah menjadikan ketaatan kepada mereka beserta 'ketaatan' kepada Rasulullah *Sawaw* yang diikuti dengan ketaatan-Nya. Sebagaimana Dia menjadikan bahagian mereka bersama bahagian Rasulullah *Sawaw* yang diikuti dengan bahagianNya di dalam *al-Ghanimah* dan *al-Fai'*.
Alangkah besar nikmatNya ke atas Ahlu l-Bait! Apabila datang persoalan mengenai sadqah, Dia membersihkan diriNya, diri RasulNya dan Ahlu l-Baitnya, maka Dia befirman: *'Sesungguhnya zakat-zakat sadqah itu hanyalah bagi orang-orang yang fakir, orang-orang miskin, pengurus-pengurus zakat, para muallaf yang dijinakkan hatinya, untuk (memerdekakan) hamba, orang-orang yang berhutang, untuk jalan Allah dan orang-orang yang sedang dalam perjalanan sebagai sesuatu ketetapan yang diwajibkan Allah dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana'*. (Surah *al-Taubah* 9:60)
Tidakkah anda mendapati sesuatu mengenai ayat tersebut apabila Dia menjadikan satu bahagian untuk diriNya, seterusnya untuk RasulNya, satu bahagian untuk *dhi l-Qurba* ?. Kerana apabila membicarakan tentang sadqah, Dia membersihkan diriNya, diri RasulNya dan Ahlu l-Baitnya. Malah Dia mengharamkannya ke atas mereka kerana sadqah adalah haram ke atas Muhammad *Sawaw* dan Ahlu l-Baitnya. Kerana sadqah adalah kekotoran *(ausakh)* tangan manusia dan ianya tidak halal bagi mereka. Kerana mereka telah dibersihkan daripada segala kekotoran. Manakala Allah S.W.T membersihkan mereka dan memilih mereka, Dia meredhai mereka untuk diriNya, Dia benci untuk mereka apa yang Dia benci untuk diriNya".
Kesembilan: "Kamilah *Ahlu al-Zikr*, yang dimaksudkan Allah di dalam kitabNya: *'Maka tanyalah kepada Ahlu al-Zikr (Ahlu l-Bait A.S.) jika kamu tidak mengetahui'*. (Surah *al-Anbiya'* 21:7) "
Ulamak berkata: "Apa yang dimaksudkan dengan *Ahlu al-Zikr* ialah Yahudi dan Nasara".
Abu l-Hasan A.S. menjawab: "Maha Suci Allah! Adakah harus sedemikian itu? Jikalau begitu halnya Dia menyeru kita kepada agama mereka (Yahudi dan Nasara)! Ini bermakna agama mereka lebih baik daripada agama Islam".
Al-Makmun berkata: "Adakah kamu sekelian mempunyai penerangan yang lebih jelas untuk menolak pendapat mereka (ulamak)

wahai Abu l-Hasan?".
Abu l-Hasan menjawab: "Ya, *al-Zikr* ialah Rasulullah dan kami adalah keluarganya (Ahlu l-Baitnya). Ianya diterangkan di dalam kitabNya: *'Maka bertakwalah kepada Allah hai orang-orang yang mempunyai akal, (iaitu) orang-orang yang beriman. Sesungguhnya Allah telah menurunkan zikran rasulan, (peringatan, perutusan) yang membaca kepadanya ayat-ayat Allah yang menerangkan (bermacam-macam hukum)'*. (Surah *al-Talaq* 65:10-11) *al-Zikr* adalah Rasulullah *Sawaw* dan kami adalah ahlinya (keluarganya)".
Kesepuluh: " Firman Allah *`Azza wa-Jalla: 'Diharamkan atas kamu (mengahwini) ibu-ibumu, anak-anakmu yang perempuan...'*. (Surah *al-Nisa'* 4:23) Beritahukan kepadaku adakah layak bagi Rasulullah *Sawaw* sekiranya beliau masih hidup, mengahwini anak perempuanku, cucu cicit perempuanku?".
Mereka menjawab: "Tidak".
Imam al-Ridha A.S. berkata: "Beritahukan kepadaku adakah anak perempuan salah seorang daripada kalian layak bagi Rasulullah *Sawaw* mengahwininya sekiranya beliau masih hidup?".
Mereka menjawab: " Ya".
Imam al-Ridha A.S. berkata: "Ini adalah satu penjelasan bahawa sesungguhnya aku daripada Ahlinya (keluarganya) dan kalian bukanlah daripada ahlinya (keluarganya). Sekiranya kalian daripada ahlinya nescaya anak-anak perempuan kaliam adalah haram untuk dikahwini dengannya, sebagaimana anak-anak perempuanku diharamkan ke atasnya. Kerana kami daripada Ahlinya sedangkan kalian adalah daripada umatnya. Maka ini adalah perbezaan di antara *Al* (keluarga) dan *Ummah*. Kerana *Al* adalah daripada Rasulullah *Sawaw* dan *Ummah* apabila ianya bukan daripada *Al*, maka ia bukanlah daripada Rasulullah *Sawaw*".
Kesebelas: " Firman Allah *Azza wa-Jalla: 'Dan seorang lelaki yang beriman di antara keluarga Fir`aun yang menyembunyikan imannya berkata: Apakah kamu akan membunuh seorang lelaki kerana dia mengatakan: "Tuhanku ialah Allah", padahal dia telah datang kepadamu dengan membawa keterangan-keterangan dari Tuhanmu'* " (Surah *al-Mu'min* 40:28)
Lelaki mukmin di dalam ayat tersebut adalah sepupu Fir'aun dari sebelah bapanya. Maka Allah menisbahkannya kepada Fir'aun dari segi keturunannya, tetapi Dia tidak mengaitkannya dengan Fir'aun dari segi ugamanya. Demikianlah Dia telah mengkhususkan kami dengan Nabi *Sawaw* kerana kami adalah dari Ali Rasulullah *Sawaw*. Dan dari segi keturunan, kami daripadanya dan Dia telah mengumumkan kami dengan orang lain dari segi ugama. Maka inilah perbezaan di antara *Al* dan *Ummah* ".
Kedua belas: " Firman Allah *`Azza wa-Jalla: 'Dan perintahkanlah kepada keluargamu mendirikan solat dan bersabarlah kamu dalam mengerjakannya'*. (Sural *al-Taubah* 20:132) Allah telah memberi

pengkhususan kepada kami apabila Dia memerintahkan kami berserta *Ummah* supaya mendirikan solat. Kemudian Dia mengkhususkan kami dari *Ummah*. Selepas turun ayat tersebut, Rasulullah *Sawaw* datang di pintu rumah 'Ali dan Fatimah A.S. selama sembilan bulan dan beliau bersabda: *'Kerjakanlah solat, nescaya anda dirahmati Allah'*. Allah tidak memuliakan seseorang dari zuriat para nabi dengan kemuliaan yang dikurniakan kepada kami".
Lalu al-Makmun dan para ulamak berkata: "Allah memberi kebaikan kepada anda Ahlu l-Bait. Kami tidak mendapat penerangan dan penjelasan mengenai apa yang kami kabur selain daripada anda, Ahlu l-Bait A.S ".

LAMPIRAN B

Di sini dipeturunkan nama-nama perawi hadis al-Ghadir di kalangan para sahabat tentang perlantikan 'Ali A.S. sebagai khalifah secara langsung selepas Rasulullah *Sawaw*. Sebagaimana sabdanya: *'Siapa yang telah menjadikan aku maulanya, maka 'Ali adalah maulanya'*. Dan semua nama-nama perawi tersebut telah diriwayatkan oleh para ulamak Ahlu s-Sunnah di dalam buku-buku mereka seperti berikut:

1. Abu Hurairah al-Dausi (w. 57/58/59 H). Diriwayatkan oleh al-Khatib al-Baghdadi di dalam *Tarikh Baghdad*, VII, hlm. 290. Al-Khawarizmi di dalam *Manaqib*nya, hlm. 130. Ibn Hajr di dalam *Tahdhib al-Tahdhib*, VII, hlm. 327.
2. Abu Laila Al-Ansari (w. 37 H). Diriwayatkan oleh al-Hawarizmi, di dalam *Manaqib*nya, hlm. 35. Al-Suyuti di dalam *Tarikh al-Khulafa'*, hlm. 14.
3. Abu Zainab bin 'Auf al-Ansari. Diriwayatkan oleh Ibn al-Athir di dalam *Usd al-Ghabah*, III, hlm. 307. Ibn Hajr di dalam *al-Isabah*, III, hlm. 408.
4. Abu Fadhalah al-Ansari, sahabat Nabi *Sawaw* di dalam peperangan Badr. Di antara orang yang memberi penyaksian kepada 'Ali A.S. dengan hadis al-Ghadir di hari Rahbah. Diriwayatkan oleh Ibn al-Athir di dalam *Usd al-Ghabah*, III, hlm. 307.
5. Abu Qudamah al-Ansari. Di antara orang yang menyahut seruan 'Ali A.S. di hari Rahbah. Diriwayatkan oleh Ibn al-Athir di dalam *Usd al-Ghabah*, V, hlm. 276.
6. Abu 'Umrah bin 'Umru bin Muhsin al-Ansari. Diriwayatkan oleh Ibn al-Athir di dalam *Usd al-Ghabah*, III, hlm. 307. Di antara yang menjadi saksi kepada 'Ali A.S. di hari Rahbah dengan hadis al-Ghadir.
7. Abu l-Haitham bin al-Taihan meninggal dunia di dalam peperangan al-Siffin tahun 37 H. Diriwayatkan oleh al-Qadhi di dalam *Tarikh Ali Muhammad*, hlm. 62.
8. Abu Rafi' al-Qibti, hamba Rasulullah *Sawaw*. Diriwayatkan oleh al-Khawarizmi di dalam *Maqtal* dan Abu Bakr al-Ja'abi di dalam *Nakhb*nya.
9. Abu Dhuwaib Khuwailid atau Khalid bin Khalid bin Muhrith al-Hazali wafat di dalam pemerintahan Khalifah 'Uthman. Diriwayatkan oleh Ibn 'Uqdah di dalam *Hadith al-Wilayah*, al-Khawrizmi di dalam *Maqtal*.
10. Abu Bakr bin Abi Qahafah al-Taimi (w. 13H). Diriwayatkan oleh Ibn Uqdah dengan sanad-sanadnya di dalam *Hadith al-Wilayah*, Abu Bakr al-Ja'abi di dalam *al-Nakhb*, al-Mansur al-Razi di dalam kitabnya *Hadith al-Ghadir*, Syamsuddin al-Jazari al-Syafi'i di dalam *Asna al-Matalib*, hlm. 3 di antara perawi-perawi hadis al-Ghadir.

11. Usamah bin Zaid bin al-Harithah al-Kalbi (w. 54 H). Diriwayatkan di dalam *Hadith al-Wilayah* dan *Nakhb al-Manaqib*.
12. 'Ubayy bin Ka'ab al-Ansari al-Khazraji (w. 30/32 H). Diriwayatkan oleh Abu Bakr al-Ja'abi dengan sanad-sanadnya di dalam *Nakhb al-Manaqib*.
13. As'ad bin Zararah al-Ansari. Diriwayatkan oleh Syamsuddin al-Jazari di dalam *Asna al-Matalib*, hlm. 4.
14. Asma' binti 'Umais al-Khath'amiyyah. Diriwayatkan oleh oleh Ibn 'Uqdah dengan sanad-sanadnya di dalam *Hadith al-Wilayah*.
15. Umm Salmah isteri Nabi *Sawaw*. Diriwayatkan oleh al-Qunduzi l-Hanafi di dalam *Yanabi' al-Mawaddah*, hlm. 40.
16. Umm Hani' binti Abi Talib. Diriwayatkan oleh al-Qunduzi l-Hanafi di dalam *Yanabi' al-Mawaddah*, hlm. 40 dan Ibn 'Uqdah di dalam *Hadith al-Wilayah* dengan sanad-sanadnya.
17. Abu Hamzah Anas bin Malik al-Ansari al-Khazraji hamba Rasulullah *Sawaw* (w. 93 H). Diriwayatkan oleh al-Khatib al-Baghdadi di dalam *Tarikhnya*, VII, hlm. 377; Ibn Qutaibah di dalam *al-Ma'arif*, hlm. 291; al-Suyuti di dalam *Tarikh al-Khulafa'*, hlm. 114.
18. al-Barra' bin 'Azib al-Ansari al-Ausi (w. 72 H). Diriwayatkan oleh Ahmad bin Hanbal di dalam *Musnadnya*, IV, hlm. 281; Ibn Majah di dalam *Sunan*, I, hlm. 28-29.
19. Baridah bin al-Hasib Abu Sahl al-Aslami (w. 63 H). Diriwayatkan oleh al-Hakim di dalam *al-Mustadrak*, III, hlm. 110; al-Suyuti di dalam *Tarikh al-Khulafa'*, hlm. 114.
20. Abu Sa'id Thabit bin Wadi'ah al-Ansari al-Khazraji al-Madani. Diriwayatkan oleh Ibn al-Athir di dalam *Usd al-Ghabah*, III, hlm. 307.
21. Jabir bin Samurah bin Janadah Abu Sulaiman al-Sawa'i (w. 70H). Diriwayatkan oleh al-Muttaqi al-Hindi di dalam *Kanz al-'Ummal*, VI, hlm. 398.
22. Jabir bin 'Abdullah al-Ansari (w. 73/74/78 H). Diriwayatkan oleh Ibn 'Abd al-Birr di dalam *al-Isti'ab*, II, hlm. 473; Ibn Hajr di dalam *Tahdhib al-Tahdhib*, V, hlm. 337.
23. Jabalah bin 'Umru al-Ansari. Diriwayatkan oleh Ibn 'Uqdah dengan sanad-sanadnya di dalam *Hadith al-Wilayah*.
24. Jubair bin Mut'am bin 'Adi al-Qurasyi al-Naufali (w. 57/58/59 H). Diriwayatkan oleh al-Qunduzi l-Hanafi di dalam *Yanabi' al-Mawaddah*, hlm. 31, 336.
25. Jarir bin 'Abdullah bin Jabir al-Bajali (w. 51/54 H). Diriwayatkan oleh al-Haithami di dalam *Majma' al-Zawa'id*, IX, hlm. 106.
26. Abu Dhar Jundab Janadah al-Ghaffari (w. 31 H). Diriwayatkan oleh Ibn 'Uqdah di dalam *Hadith al-Wilayah*; Syamsuddin al-Jazari al-Syafi'i di dalam *Asna l-Matalib*, hlm 4.
27. Abu Junaidah Janda' bin 'Umru bin Mazin al-Ansari. Diriwayat-

kan oleh Ibn al-Athir di dalam *Usd al-Ghabah*, I, hlm. 308.

28. Hubbah bin Juwain Abu Qudamah al-'Arani (w. 76-79 H). Diriwayatkan oleh al-Haithami di dalam *Majma' al-Zawaid* IX, hlm. 103; al-Khatib al-Baghdadi di dalam *Tarikh Baghdad*, VIII, hlm. 276.
29. Hubsyi bin Janadah al-Jaluli. Diriwayatkan oleh Ibn al-Athir di dalam *Usd al-Ghabah*, III, hlm. 307, V, hlm. 203; Ibn Kathir di dalam *al-Bidayah wa al-Nihayah*, V, hlm. 211.
30. Habib bin Badil bin Waraqa' al-Khaza'i. Diriwayatkan oleh Ibn al-Athir di dalam *Usd al-Ghabah*, I, hlm. 368; Ibn Hajr di dalam *al-Isabah*, I, hlm. 304.
31. Huzaifah bin Usyad Abu Sarihah al-Ghaffari (w. 40/42 H). Diriwayatkan oleh al-Qunduzi al-Hanafi, di dalam *Yanabi' al-Mawaddah*, hlm. 38.
32. Huzaifah bin al-Yamani (w. 36 H). Diriwayatkan oleh Syamsuddin al-Jazari al-Syafi'i di dalam *Asna l-Matalib*, hlm. 40.
33. Hasan bin Thabit. Salah seorang penyair al-Ghadir pada abad pertama hijrah.
34. Imam Mujtaba Hasan bin 'Ali A.S. Diriwayatkan oleh Ibn 'Uqdah di dalam *Hadith al-Wilayah* dan Abu Bakr al-Ja'abi di dalam *al-Nakhb*.
35. Imam Husain bin 'Ali A.S. Diriwayatkan oleh Abu Nu'aim di dalam *Hilyah al-Auliya'*, IX, hlm. 9.
36. Abu Ayyub Khalid bin Zaid al-Ansari (w. 50/51/52 H). Diriwayatkan oleh Muhibbuddin al-Tabari di dalam *al-Riyadh al-Nadhirah*, I, hlm. 169; Ibn al-Athir di dalam *Usd al-Ghabah*, V, hlm. 6 dan lain-lain.
37. Abu Sulaiman Khalid bin al-Walid al-Mughirah al-Makhzumi (w. 21/22 H). Diriwayatkan oleh Abu Bakr al-Ja'abi di dalam *al-Nakhb*.
38. Khuzaimah bin Thabit al-Ansari Dhu al-Syahadataini (w. 37 H). Diriwayatkan oleh Ibn al-Athir di dalam *Usd al-Ghabah*, III, hlm. 307 dan lain-lain.
39. Abu Syuraih Khuwailid Ibn 'Umru al-Khaza'i (w. 68 H). Di antara orang yang menyaksikan Amiru l-Mukminin dengan hadith al-Ghadir.
40. Rifalah bin 'Abd al-Mundhir al-Ansari. Diriwayatkan oleh Ibn 'Uqdah dengan sanad-sanadnya di dalam *Hadith al-Wilayah*.
41. Zubair bin al-'Awwam al-Qurasyi (w. 36 H). Diriwayatkan oleh Syamsuddin al-Jazari al-Syafi'i di dalam *Asna l-Matalib*, hlm. 3.
42. Zaid bin Arqam al-Ansari al-Khazraji (w. 66/68 H). Diriwayatkan oleh Ahmad bin Hanbal di dalam *Musnadnya*, IV, hlm. 368 dan lain-lain.
43. Abu Sa'id Zaid bin Thabit (w. 45/48 H). Diriwayatkan oleh Syamsuddin al-Jazari al-Syafi'i di dalam *Asna l-Matalib*, hlm. 4 dan lain-lain.

44. Zaid Yazid bin Syarahil al-Ansari. Diriwayatkan oleh Ibn al-Athir di dalam *Usd al-Ghabah*,, II, hlm. 233; Ibn Hajr di dalam *al-Isabah*, I, hlm. 567 dan lain-lain.
45. Zaid bin 'Abdullah al-Ansari. Diriwayatkan oleh Ibn 'Uqdah dengan sanad-sanadnya di dalam *Hadith al-Wilyah*.
46. Abu Ishak Sa'd bin Abi Waqqas (w. 54/56/58 h). Diriwayatkan oleh al-Hakim di dalam *al-Mustadrak*, III, hlm. 116 dan lain-lain.
47. Sa'd bin Janadah al-'Aufi bapa kepada 'Atiyyah al-'Aufi. Diriwayatkan oleh Ibn 'Uqdah di dalam *Hadith al-Wilayah* dan lain-lain.
48. Sa'd bin 'Ubadah al-Ansari al-Khazraji (w. 14/15 H). Diriwayatkan oleh Abu Bakr al-Ja'abi di dalam *Nakhb*.
49. Abu Sa'id Sa'd bin Malik al-Ansari al-Khudri (w. 63/64/65 H). Diriwayatkan oleh al-Khawarizmi di dalam *Manaqibnya*, hlm. 8; Ibn Kathir di dalam *Tafsirnya*, II, hlm. 14 dan lain-lain.
50. Sa'id bin Zaid al-Qurasyi 'Adwi (w. 50/51 H). Diriwayatkan oleh Ibn al-Maghazili di dalam *Manaqibnya*.
51. Sa'id bin Sa'd bin 'Ubadah al-Ansari. Diriwayatkan oleh Ibn 'Uqdah di dalam *Hadith al-Wilayah*.
52. Abu 'Abdullah Salman al-Farisi (w. 36/37 H). Diriwayatkan oleh Syamsuddin al-Jazari al-Syafi'i di dalam *Asna l-Matalib*, hlm. 4 dan lain-lain.
53. Abu Muslim Salmah bin 'Umru bin al-Akwa' al-Aslami (w.74 H). Diriwayatkan oleh Ibn 'Uqdah dengan sanad-sanadnya di dalam *Hadith al-Wilayah*.
54. Abu Sulaiman Samurah bin Jundab al-Fazari (w. 58/59/60 H). Diriwayatkan oleh Syamsuddin al-Jazari al-Syafi'i di dalam *Asna l-Matalib*, hlm. 4 dan lain-lain.
55. Sahal bin Hanif al-Ansari al-Awsi (w. 38 H). Diriwayatkan oleh Syamsuddin al-Jazari al-Syafi'i di dalam *Asna l-Matalib*, hlm. 4 dan lain-lain.
56. Abu 'Abbas Sahal bin Sa'd al-Ansari al-Khazraji al-Sa'idi (w. 91 H). Diriwayatkan oleh al-Qunduzi l-Hanafi di dalam *Yanabi' al-Mawaddah*, hlm. 38 dan lain-lain.
57. Abu Imamah al-Sadiq Ibn 'Ajalan al-Bahili (w. 86 H). Diriwayatkan oleh Ibn 'Uqdah di dalam *Hadith al-Wilayah*.
58. Dhamirah al-Asadi. Diriwayatkan oleh Ibn 'Uqdah di dalam *Hadith al-Wilayah*.
59. Talhah bin 'Ubaidillah al-Tamimi wafat pada tahun 35 Hijrah di dalam Perang Jamal. Diriwayatkan oleh al-Mas'udi di dalam *Muruj al-Dhahab*, II, hlm. 11; al-Hakim di dalam *al-Mustadrak*, III, hlm. 171 dan lain-lain.
60. 'Amir bin 'Umair al-Namiri. Diriwayatkan oleh Ibn Hajr di dalam *al-Isabah*, II, hlm. 255.
61. 'Amir bin Laila bin Dhumrah. Diriwayatkan oleh Ibn al-Athir di dalam *Usd al-Ghabah*, III, hlm. 92, dan lain-lain.

62. 'Amir bin Laila al-Ghaffari. Diriwayatkan oleh Ibn Hajrdi dalam *al-Isabah*, II, hlm. 257 dan lain-lain.
63. Abu Tupail 'Amir bin Wathilah. Diriwayatkan oleh Ahmad bin Hanbal di dalam *Musnadnya*, I, hlm. 118; al-Turmudhi di dalam *Sahihnya*, II, hlm. 298 dan lain-lain.
64. 'Aisyah binti Abu Bakr bin Abi Qahafah, isteri Nabi *Sawaw* Diriwayatkan oleh Ibn 'Uqdah di dalam *Hadith al-Wilayah*.
65. 'Abbas bin 'Abdu l-Muttalib bin Hasyim bapa saudara Nabi *Sawaw*. Diriwayatkan oleh Ibn 'Uqdah di dalam *Hadith al-Wilayah*.
66. 'Abdu r-Rahman bin 'Abd Rabb al-Ansari. Diriwayatkan oleh Ibn al-Athir di dalam *Usd al-Ghabah*, III, hlm. 307; Ibn Hajr di dalam *al-Isabah*, II, hlm. 408 dan lain-lain.
67. Abu Muhammad bin 'Abdu r-Rahman bin Auf al-Qurasyi al-Zuhri (w. 31 H). Diriwayatkan oleh Syamsuddin al-Jazari al-Syafi'i di dalam *Asna al-Matalib*, hlm. 3 dan lain-lain.
68. 'Abdu r-Rahman bin Ya'mur al-Daili. Diriwayatkan oleh Ibn 'Uqdah di dalam *Hadith al-Wilayah* dan lain-lain.
69. 'Abdullah bin Abi 'Abd al-Asad al-Makhzumi. Diriwayatkan oleh Ibn 'Uqdah di dalam *Hadith al-Wilayah*.
70. 'Abdullah bin Badil bin Warqa' Sayyid Khuza'ah. Diriwayatkan oleh Ibn 'Uqdah di dalam *Hadith al-Wilayah*.
71. 'Abdullah bin Basyir al-Mazini. Diriwayatkan oleh Ibn 'Uqdah di dalam *Hadith al-Wilayah*.
72. 'Abdullah bin Thabit al-Ansari. Diriwayatkan oleh al-Qadhi di dalam *Tarikh Ali Muhammad*, hlm. 67.
73. 'Abdullah bin Ja'far bin Abi Talib al-Hasyimi (w. 80 H). Diriwayatkan oleh Ibn 'Uqdah di dalam *Hadith al-Wilayah*.
74. 'Abdullah bin Hantab al-Qurasyi al-Makhzumi. Diriwayatkan oleh al-Suyuti di dalam *Ihya' al-Mayyit*.
75. 'Abdullah bin Rabi'ah. Diriwayatkan oleh al-Khawarizmi di dalam *Maqtalnya*.
76. 'Abdullah bin 'Abbas (w. 68 H). Diriwayatkan oleh al-Nasa'i di dalam *al-Khasa'is*, hlm. 7 dan lain-lain.
77. 'Abdullah bin Ubayy Aufa 'Alqamah al-Aslami (w. 86/87 H). Diriwayatkan oleh Ibn 'Uqdah di dalam *Hadith al-Wilayah*, hal.
78. Abu 'Abdu r-Rahman 'Abdullah bin 'Umar bin al-Khattab al-'Adawi (w. 72/73 H). Diriwayatkan oleh al-Haithami di dalam *Majma' al-Zawa'id*, IX, hlm. 106 dan lain-lain.
79. Abu 'Abdu r-Rahman 'Abdullah bin Mas'ud al-Hazali (w. 32 / 33 H). Diriwayatkan oleh al-Suyuti di dalam *al-Durr al-Manthur*, II, hlm. 298 dan lain-lain.
80. 'Abdullah bin Yamil. Diriwayatkan oleh Ibn al-Athir di dalam *Usd al-Ghabah*, III, hlm. 274; Ibn Hajr di dalam *al-Isabah*, II, hlm. 382 dan lain-lain.
81. 'Uthman bin 'Affan (w. 35 H). Diriwayatkan oleh Ibn 'Uqdah di dalam *Hadith al-Wilayah* dan lain-lain.

82. 'Ubaid bin 'Azib al-Ansari, saudara al-Bara' bin 'Azib. Di antara orang yang membuat penyaksian kepada 'Ali A.S. di Rahbah. Diriwayatkan oleh Ibn al-Athir di dalam *Usd al-Ghabah*, III, hlm. 307.
83. Abu Tarif 'Adi bin Hatim (w. 68 H). Diriwayatkan oleh al-Qunduzi al-Hanafi di dalam *Yanabi' al-Mawaddah*, hlm. 38 dan lain-lain.
84. 'Atiyyah bin Basr al-Mazini. Diriwayatkan oleh Ibn 'Uqdah di dalam *Hadith al-Wilayah*.
85. 'Uqbah bin 'Amir al-Jauhani. Diriwayatkan al-Qadh di dalam *Tarikh Ali Muhammad*, hlm. 68.
86. Amiru l-Mukminin 'Ali bin Abi Talib A.S. Diriwayatkan oleh Ahmad bin Hanbal di dalam *Musnadnya*, I, hlm. 152; al-Haithami di dalam *Majma' al-Zawa'id*, IX, hlm. 107; al-Suyuti di dalam *Tarikh al-Khulafa'*, hlm. 114; Ibn Hajr di dalam *Tahdhib al-Tahdhib*, VII, hlm. 337; Ibn Kathir di dalam *al-Bidayah wa al-Nihayah*, V, hlm. 211 dan lain-lain.
87. Abu Yaqzan 'Ammar bin Yasir (w. 37 H). Diriwayatkan oleh Syamsuddin al-Jazari al-Syafi'i di dalam *Asna al-Matalib*, hlm. 4 dan lain-lain.
88. 'Ammarah al-Khazraji al-Ansari. Diriwayatkan oleh al-Haithami di dalam *Majma' al-Zawa'id*, IX, hlm. 107 dan lain-lain.
89. 'Umar bin Abi Salmah bin 'Abd al-Asad al-Makhzumi (w. 83 H). Diriwayatkan oleh Ibn 'Uqdah di dalam *Hadith al-Wilayah*.
90. 'Umar bin al-Khattab (w. 23 H). Diriwayatkan oleh Muhibbuddin al-Tabari di dalam *al-Riyadh al-Nadhirah*, II, hlm. 161; Ibn Kathir di dalam *al-Bidayah wa al-Nihayah*, VII, hlm. 349 dan lain-lain.
91. Abu Najid 'Umran bin Hasin al-Khuza'i (w. 52 H). Diriwayatkan oleh Syamsuddin al-Jazari al-Syafi'i di dalam *Asna al-Matalib*, hlm. 4 dan lain-lain.
92. 'Umru bin al-Humq al-Khuza'i al-Kufi (w. 50 H). Diriwayatkan oleh Ibn 'Uqdah di dalam *Hadith al-Wilayah*.
93. 'Umru bin Syarhabil. Diriwayatkan oleh al-Khawarizmi di dalam *Maqtal*nya.
94. 'Umru bin al-'Asi. Diriwayatkan oleh Ibn Qutaibah di dalam *al-Imamah wa al-Siyasah*, hlm. 93 dan lain-lain.
95. 'Umru bin Murrah al-Juhani Abu Talhah atau Abu Maryam. Diriwayatkan oleh al-Muttaqi al-Hindi di dalam *Kanz al-'Ummal*, VI, hlm. 154 dan lain-lain.
96. Al-Siddiqah Fatimah binti Nabi *Sawaw*. Diriwayatkan oleh Ibn 'Uqdah di dalam *Hadith al-Wilayah* dan lain-lain.
97. Fatimah binti Hamzah bin 'Abdu l-Muttalib. Diriwayatkan oleh Ibn 'Uqdah di dalam *Hadith al-Wilayah*.
98. Qais bin Thabit bin Syamas al-Ansari. Diriwayatkan oleh Ibn al-Athir di dalam *Usd al-Ghabah*, I, hlm. 368; Ibn Hajr di dalam *al-Isabah*, I, hlm. 305 dan lain-lain.

99. Qais bin Sa'd bin 'Ubadah al-Ansari al-Khazraji. Diriwayatkan oleh Ibn 'Uqdah di dalam *Hadith al-Wilayah.*
100. Abu Muhammad Ka'ab bin 'Ajrah al-Ansari al-Madani (w.51 H). Diriwayatkan oleh Ibn 'Uqdah di dalam *Hadith al-Wilayah.*
101. Abu Sulaiman Malik bin al-Huwairath al-Laithi (w. 84 H) Diriwayatkan oleh al-Suyuti di dalam *Tarikh al-Khulafa'*, hlm. 114 dan lain-lain.
102. Al-Miqdad bin 'Umry al-Kindi al-Zuhri (w. 33 H). Diriwayatkan oleh Ibn 'Uqdah di dalam *Hadith al-Wilayah* dan lain-lain.
103. Najiah bin 'Umru al-Khuza'i. Diriwayatkan oleh Ibn al-Athir di dalam *Usd al-Ghabah*, V, hlm. 6; Ibn Hajr di dalam *al-Isabah*, III, hlm. 542 dan lain-lain.
104. Abu Barzah Fadhlah bin 'Utbah al-Aslami (w. 65 H). Diriwayatkan oleh Ibn 'Uqdah di dalam *Hadith al-Wilayah.*
105. Na'mar bin 'Ajalan al-Ansari. Diriwayatkan oleh al-Qadhi di dalam *Tarikh Ali Muhammad*, hlm. 68 dan lain-lain.
106. Hasyim al-Mirqal Ibn 'Utbah bin Abi Waqqas al-Zuhri (w. 37 H). Diriwayatkan oleh Ibn al-Athir di dalam *Usd al-Ghabah*, I, hlm. 366; Ibn Hajr di dalam *al-Isabah*, I, hlm. 305.
107. Abu Wasmah Wahsyiy bin Harb al-Habsyi al-Hamsi. Diriwayatkan oleh Ibn 'Uqdah di dalam *Hadith al-Wilayah.*
108. Wahab bin Hamzah. Diriwayatkan oleh al-Khawarizmi pada Fasal Keempat di dalam *Maqtalnya.*
109. Abu Juhaifah Wahab bin 'Abdullah al-Suwa'i (w. 74 H). Diriwayatkan oleh Ibn 'Uqdah di dalam *Hadith al-Wilayah.*
110. Abu Murazim Ya'li bin Murrah bin Wahab al-Thaqafi. Diriwayatkan oleh Ibn al-Athir di dalam *Usd al-Ghabah*, II, hlm. 233; Ibn Hajr di dalam *al-Isabah*, III, hlm. 542.

Demikian dikemukakan kepada kalian 110 perawi-perawi hadis al-Ghadir di kalangan para sahabat mengenai perlantikan 'Ali A.S. sebagai khalifah secara langsung selepas Rasulullah *Sawaw*, oleh ulamak-ulamak Ahlu s-Sunnah di dalam buku-buku mereka. Oleh itu ianya sudah mencapai ke peringkat kemutawatirannya. Kemudian diikuti pula oleh 84 perawi-perawi dari golongan para Tabi'in yang meriwayatkan hadis al-Ghadir serta 360 perawi-perawi di kalangan para ulamak Sunnah yang meriwayatkan hadis tersebut di dalam buku-buku mereka. Malah terdapat 26 pengarang dari kalangan para ulamak Ahlu s-Sunnah yang mengarang buku-buku tentang hadis al-Ghadir. Untuk keterangan lanjut sila rujuk kepada al-Amini, *al-Ghadir*, I, hlm. 14 - 158.

LAMPIRAN C

Akidah Syi'ah tentang al-Qur'an

Sesungguhnya Syi'ah mempercayai bahawa al-Qur'an yang ada sekarang adalah benar dan mereka beramal dengannya. Tetapi ianya tidak dinafikan bahawa terdapat kitab-kitab karangan ulamak Syi'ah seperti al-Kulaini dan lain-lain yang telah mencatat tentang kurang atau lebihnya ayat-ayat al-Qur'an yang ada sekarang, tetapi ketahuilah anda bahawa bukanlah semua riwayat-riwayat itu sahih malah ianya ada yang sahih dan ada yang dha'if. Contohnya al-Kulaini telah meriwayatkan di dalam *al-Kafi* bahawa Rasulullah *sawaw* telah dilahirkan pada 12 Rabi' al-Awwal tetapi ianya ditolak oleh majoriti ulamak Syi'ah kerana mereka berpendapat bahawa Nabi *sawaw* telah dilahirkan pada 17 Rabi' al-Awwal.

Begitu juga mereka menolak kitab al-Hassan bin al-'Abbas bin al-Harisy yang dicatat oleh al-Kulaini di dalam *al-Kafi*, malah mereka mencela kitab tersebut. Begitu juga mereka menolak riwayat al-Kulaini bahawa orang yang disembelihkan itu adalah Nabi Ishaq, bukan Nabi Isma'il A.S. (*al-Kafi*, IV, hlm. 205). Justeru itu riwayat al-Kulaini umpamanya tentang kekurangan dan penambahan ayat-ayat al-Qur'an adalah riwayat yang lemah (*Majallah Turuthuna*, Bil. XI hlm. 104).

Kerana ulamak Syi'ah sendiri telah menjelaskan kelemahan-kelemahan yang terdapat di dalam *al-Kafi*, malah mereka menolak sebahagian besar riwayat al-Kulaini. Begitu juga dengan kitab *al-Istibsar fi al-Din*, *Tahdhib al-Ahkam* karangan al-Tusi dan *Man la-Yahdhuruhu al-Faqih* karangan Ibn Babuwaih, sekalipun 4 buku tersebut dikira muktabar di dalam mazhab Syi'ah, umpamanya *al-Kafi* yang mempunyai 16,199 hadis telah dibahagian kepada 5 bahagian:

- i. *Sahih*, mengandungi 5,072 hadis.
- ii. *Hasan*, 144 hadis.
- iii. *al-Muwaththaq*, II, 118 hadis (iaitu hadis-hadis yang diriwayatkan oleh orang yang bukan Syi'ah tetapi mereka dipercayai oleh Syi'ah).
- iv. *al-Qawiy*, 302 hadis.
- v. *Dhaif*, 9,485 hadis. (Lihat: Sayyid Ali al-Milani, 'al-Riwayat Li Ahadith al-Tahrif' di dalam *Turuthuna*, bil.2, Ramadan 1407 Hijrah, hlm. 257).

Oleh itu riwayat-riwayat tentang penambahan atau kekurangan al-Qur'an telah ditolak oleh ulamak Syi'ah Imamiyah mazhab Ja'fari dahulu dan sekarang. Syaikh al-Saduq (w. 381 H) menyatakan "I'tiqad kami bahawa al-Qur'an yang telah diturunkan oleh

Allah ke atas Nabi Muhammad *sawaw* dan keluarganya ialah di antara dua kulit (buku) iaitu al-Qur'an yang ada pada orang ramai dan tidak lebih dari itu. Setiap orang yang mengatakan al-Qur'an lebih dari itu adalah suatu pembohong" (*I'tiqad Syaikh al-Saduq*, hlm. 93). Syaikh al-Mufid (w. 413 H) menegaskan bahawa al-Qur'an tidak kurang sekalipun satu kalimah, satu ayat ataupun satu surah (*Awa'il al-Maqalat*, hlm. 55). Syarif al-Murtadha (w. 436 H) menyatakan al-Qur'an telah dijaga dengan rapi kerana ia adalah mu'jizat dan sumber ilmu-ilmu Syarak, bagaimana ia boleh diubah dan dikurangkan? Selanjutnya beliau menyatakan orang yang mengatakan al-Qur'an itu kurang atau lebih tidak boleh dipegang pendapat mereka (al-Tabarasi, *Majma' al-Bayan*, I, hlm. 15). Syaikh al-Tusi (w. 460 H) menegaskan bahawa pendapat mengenai kurang atau lebihnya al-Qur'an adalah tidak layak dengan mazhab kita (*al-Tibyan fi Tafsir al-Qur'an*, I, hlm. 3). Begitu juga pendapat Allamah Tabataba'i dalam *Tafsir al-Mizan*, Jilid 17, hlm. 90 dan al-Khu'i dalam *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, I, hlm. 100, mereka menegaskan bahawa al-Qur'an yang ada sekarang itulah yang betul dan tidak ada penyelewengan.

Demikianlah sebahagian daripada pendapat-pendapat ulamak Syi'ah dahulu dan sekarang yang mengaku kesahihan al-Qur'an yang ada pada hari ini. Imam Ja'far al-Sadiq berkata, "Apabila datang kepada kamu dua hadith yang bertentangan maka hendaklah kamu membentangkan kedua-duanya kepada Kitab Allah dan jika ianya tidak bertentangan dengan Kitab Allah, maka ambillah ia, jika ianya bertentangan Kitab Allah, maka tinggalkanlah ia" (Syaikh al-Ansari, *al-Rasa'il*, hlm. 446). Kata-kata Imam Ja'far al-Sadiq itu menunjukkan al-Qur'an yang wujud sekarang ini adalah al-Qur'an yang diturunkan oleh Allah ke atas Nabi *sawaw* tanpa tambah dan kurang jika tidak, ianya tidak menjadi rujukan kepada Muslimin untuk membentangkan hadis-hadis Nabi *sawaw* yang sampai kepada mereka. Oleh itu mazhab Syi'ah Ja'fari samalah dengan mazhab Ahlu s-Sunnah dari segi menjaga al-Qur'an dari penyelewengan, tetapi apa yang anihnya ialah terdapat banyak riwayat di dalam buku-buku *Sahih* Ahlu s-sunnah sendiri yang mencatatkan bahawa al-Qur'an telah ditambah, dikurang dan ditukarkan, di antaranya seperti berikut:

1. Al-Bukhari di dalam *Sahih*nya, VI, hlm. 210 menyatakan (Surah *al-Lail* 92:3) telah ditambah perkataan *'Ma Khalaqa'* oleh itu ayat yang asal ialah *'Wa al-Dhakari wa al-Untha'* tanpa *'Ma Khalaqa'*. Hadis ini diriwayatkan oleh Abu al-Darda', kemudian ianya dicatat pula oleh Muslim, *Sahih*, I, hlm. 565; al-Turmudhi, *Sahih*, V, hlm. 191.
2. Ahmad bin Hanbal, *al-Musnad*, I, hlm. 394; al-Turmudhi, *Sahih*, V, hlm. 191 menyatakan (Surah *al-Dhariyat* 51:58) telah diubah dari teks asalnya *'Inni Ana r-Razzaq'* kepada *'Inna llah Huwa r-Razzaq'*, iaitu teks sekarang.

3. Muslim, *Sahih*, I, hlm. 726; al-Hakim, *al-Mustadrak*, II, hlm. 224 meriwayatkan dari Abu Musa al-Asy'ari, "Kami membaca satu surah seperti Surah *al-Bara'ah* dari segi panjangnya, tetapi aku telah lupa, hanya aku mengingati sepotong dari ayatnya *'Sekiranya anak Adam (manusia) mempunyai dua wadi dari harta, nescaya dia akan mencari wadi yang ketiga dan perutnya tidak akan dipenuhi melainkan dengan tanah"*.
4. Al-Suyuti, *al-Itqan*, II, hlm. 82, meriwayatkan bahawa 'Aisyah menyatakan (Surah *al-Ahzab* 33:56) pada masa Nabi *sawaw* adalah lebih panjang, iaitu dibaca *'Wa'ala al-Ladhina Yusalluna al-Sufuf al-Uwal'* selepas *'Innalla ha wa Mala'katahu Yusalluna 'Ala al-Nabi...'*. 'Aisyah berkata, 'Iaitu sebelum 'Uthman mengubah mushaf-mushaf'.
5. Muslim, *Sahih*, II, hlm. 726 meriwayatkan bahawa Abu Musa al-Asy'ari membaca selepas (Surah *al-Saf* 61:2), *'Fatuktabu syahadatan fi A'naqikum...'* tetapi ianya tidak dimasukkan ke dalam al-Qur'an sekarang.
6. Al-Suyuti, *al-Itqan*, I, hlm. 226 menyatakan bahawa dua surah yang bernama *'al-Khal''* dan *'al-Hafd'* telah ditulis dalam mushaf Ubayy bin Ka'b dan mushaf Ibn 'Abbas, sesungguhnya 'Ali A.S. mengajar kedua-dua surah tersebut kepada Abdullah al-Ghafiqi, 'Umar dan Abu Musa al-Asy'ari juga membacanya.
7. Malik, *al-Muwatta'*, I, hlm. 138 meriwayatkan dari 'Umru bin Nafi' bahawa Hafsah telah mengimla' *'Wa Salati al-Asr'* selepas (Surah *al-Baqarah* 2:238) dan ianya tidak ada dalam al-Qur'an sekarang. Penambahan itu telah diriwayatkan juga oleh Muslim, Ibn Hanbal, al-Bukhari dan lain-lain.
8. Al-Bukhari, *Sahih*, VIII, hlm. 208 mencatatkan bahawa ayat *al-Raghbah* adalah sebahagian daripada al-Qur'an, iaitu *"La Targhabu `an Aba`ikum'* tetapi ianya tidak wujud di dalam al-Qur'an yang ada sekarang.
9. Al-Suyuti, *al-Itqan*, III, hlm. 82; *al-Durr al-Manthur*, V, hlm. 180, meriwayatkan daripada 'Aisyah bahawa dia berkata, "Surah al-Ahzab dibaca pada zaman Rasulullah *sawaw* sebanyak 200 ayat, tetapi pada masa 'Uthman menulis mushaf ianya tingga l 73 ayat sahaja".
10. Al-Suyuti, *al-Durr al-Manthur*, V, hlm. 192 mencatatkan bahawa di sana terdapat ayat yang tertinggal selepas (Surah *al-Ahzab* 33:25), iaitu *'Bi 'Ali bin Abi Talib'*. Jadi ayat yang dibaca, *'Kafa Llahul Mu'minin al-Qital bin 'Ali bin Abi Talib'*.
11. Ibn Majah, *al-Sunan*, I, hlm. 625 mencatat riwayat daripada 'Aisyah (r.d) dia berkata: ayat *al-Radha'ah* sebanyak 10 kali telah diturunkan oleh Allah dan ianya ditulis dalam mushaf di bawah katilku, tetapi manakala wafat Rasulullah *sawaw* dan kami sibuk dengan kewafatannya, maka ianya hilang.

12. Al-Suyuti, *al-Itqan*, III, hlm. 41 mencatatkan riwayat daripada 'Abdullah bin 'Umar, daripada bapanya 'Umar al-Khattab, dia berkata, "Jangan seorang itu berkata aku telah mengambil keseluruhan al-Qur'an, apakah dia tahu keseluruhan al-Qur'an itu? Sesungguhnya sebahagian al-Qur'an telah hilang dan katakan sahaja aku telah mengambil al-Qur'an mana yang ada". Ini bererti sebahagian besar al-Qur'an telah hilang.

Demikianlah di antara catatan para ulamak Ahlu s-Sunnah mengenai al-Qur'an sama ada lebih atau kurang di dalam buku-buku *Sahih* dan muktabar mereka. Bagi orang yang mempercayai bahawa semua yang tercatat di dalam *sahih-sahih* tersebut adalah betul dan wajib dipercayai, akan menghadapi dilema, kerana kepercayaan sedemikian akan membawa mereka kepada mempercayai bahawa al-Qur'an yang ada sekarang tidak sempurna, sama ada berkurangan atau berlebihan. Jika mereka mempercayai al-Qur'an yang ada sekarang adalah sempurna - memang ianya sempurna - ini bererti *sahih-sahih* mereka tidak sempurna dan tidak menjadi sahih lagi. Bagi Syi'ah mereka tidak menghadapi dilema ini kerana mereka berpendapat bahawa bukan semua riwayat di dalam buku-buku mereka seperti *al-Kafi*, *al-Tabsir fi al-Din* dan lain-lain adalah sahih, malah terdapat juga riwayat-riwayat yang lemah.

Oleh itu untuk mempercayai bahawa al-Qur'an yang ada sekarang ini sempurna sebagaimana yang dipercayai oleh Syi'ah mazhab Ja'fari, maka Ahlu s-Sunnah terpaksa menolak riwayat-riwayat tersebut demi mempertahankan kesempurnaan al-Qur'an. Dan mereka juga harus menolak riwayat-riwayat yang bertentangan dengan al-Qur'an dan akal seperti hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim daripada Abu Hurairah, "Sesungguhnya Neraka Jahanam tidak akan penuh sehingga Allah meletakkan kaki-Nya, maka Neraka Jahanam berkata: Cukup, cukup" (al-Bukhari, *Sahih*, III, hlm. 127; Muslim, *Sahih*, II, hlm. 482).

Hadis tersebut adalah bertentangan dengan ayat al-Qur'an (Surah *al-Sajdah* 32:13) yang bermaksud, '... *Sesungguhnya Aku akan penuhi Neraka Jahanam dengan jin dan manusia*'. Juga bertentangan dengan (Surah *al-Syura* 42:11) yang menafikan *tajsim*, '*Tidak ada suatu perkarapun yang menyerupaiNya*'.

Lantaran itu tidak hairanlah jika al-Suyuti di dalam *Tadrib al-Rawi*, hlm. 36 menyatakan bahawa al-Bukhari telah mengambil lebih 480 periwayat yang tidak disebut atau diambil oleh Muslim dan ia mengandungi para periwayat yang lemah, sama ada disebabkan oleh pembohongan dan sebagainya, sementara Muslim pula mengambil 620 periwayat yang tidak disebut atau diambil oleh al-Bukhari dan terdapat di dalamnya 160 periwayat yang lemah. Murtadha al-Askari pula menulis buku berjudul *150 sahabat khayalan*, Beirut 1968. Hanya nama-nama mereka sahaja dise-

butkan oleh al-Bukhari dan Muslim tetapi mereka sebenarnya tidak pernah wujud. Oleh itu 'sahih' adalah nama buku yang diberikan oleh orang tertentu, misalnya al-Bukhari menamakan bukunya 'Sahih' iaitu sahih mengikut pandangannya, begitu juga Muslim menamakan bukunya 'Sahih' iaitu sahih mengikut pandangannya.

Justeru itu buku-buku 'sahih' tersebut hendaklah dinilai dengan al-Qur'an, kerana *Sahih* yang sebenar adalah sahih di sisi Allah SWT. Dan kita naik saksi bahawa al-Qur'an yang ada di hadapan kita ini adalah sahih dan tidak boleh dipertikaikan lagi.

Dengan ini anda tidak lagi menganggap Syi'ah mempunyai al-Qur'an 'lebih atau kurang' isi kandungannya kerana mereka sendiri menolaknya. Dan ianya juga telah dicatat di dalam buku-buku *Sahih* dan muktabar Ahlu s-Sunnah tetapi mereka juga menolaknya. Dengan demikian Syi'ah dan Sunnah adalah saudara di dalam Islam dan mereka wajib mempertahankan al-Qur'an dan beramal dengan hukumnya tanpa menjadikan 'ijtihad' sebagai alasan untuk menolak (hukum)nya pula.

LAMPIRAN D

Fiqh Lima Mazhab Di Antara Nas dan Ijtihad

Persoalan yang timbul benarkah para Imam mazhab yang empat itu menepati nas? Dan apakah anda telah mengkaji dengan teliti hukum-hukum yang dikeluarkan oleh mereka dengan berpandukan nas? Atau anda membuat kenyataan tersebut kerana mengikut orang ramai secara taklid?

Oleh itu kenapa menghadkan kebenaran kepada mazhab yang empat sahaja? Dan kenapa ianya (kebenaran) tidak diperluaskan kepada mazhab Imam Ja'far al-Sadiq dari Ahlu l-Bait Rasulullah *Sawaw*? Kerana beliau juga adalah guru kepada Imam Malik dan Imam Hanafi. Sementara Imam Syafi'i dan Imam Hanbali pula mengambil ilmu daripada mereka. Kenapa mengakui kebenaran pada murid-murid dan tidak pada guru mereka (Imam Ja'far)?

Ketahuilah saudara bahawa orang-orang pada tiga abad pertama secara mutlak tidak pernah berpegang kepada mazhab yang empat. Lantaran itu di manakah kedudukan mazhab yang empat pada abad pertama? Kerana Imam Malik lahir pada tahun 95H dan meninggal tahun 170H. Abu Hanifah lahir pada tahun 80H dan wafat pada tahun 150H. Imam Syafi'i lahir tahun 150H dan meniggal pada tahun 204H, dan Imam Hanbali lahir pada tahun 164H dan meninggal pada tahun 241H.

Jikalau begitu keadaanya, apakah yang menetapkan bahawa kebenaran berada pada mazhab yang empat khususnya mazhab Syafi'i? Ketahuilah saudara bahawa kajian yang mendalam menunjukkan bahawa para imam mazhab yang empat secara umum telah menyalahi Nas di dalam 358 (tiga ratus lima puluh enam) perkara; 29 perkara dari bab kebersihan, 73 bab sembahyang, 18 bab zakat, 18 bab puasa, 34 bab Haji, 25 bab jual beli, 29 bab tahanan serta kaitannya, 19 bab simpanan serta kaitanya, 11 bab sewaan, 5 bab pemberian serta kaitannya, 13 bab pusaka, 13 bab nikah, 28 bab talak serta kaitannya, 23 bab jenayah serta kaitanya, 5 bab buruan *(al-Said)*, 8 bab sumpah serta kaitannya, 7 bab hukuman serta kaitannya, jumlah semua ialah 358 perkara. (Al-Allamah Al-Hulliyy, *Nahj al- Haq wa Kasyf al-Sidq*, hlm. 409-564).

Di sini dipeturunkan sebahagian daripada hukum-hukum yang dikeluarkan oleh Imam Syafi'i yang tidak sejajar dengan nas dan hukum-hukum mazhab Ja'fari yang menepati nas bagi tujuan perbandingan seperti berikut:

1. Ja'fari: Kulit bangkai (tanpa disembelih) tidak bersih disamak sama ada dimakan dagingnya atau pun tidak, atau ianya bersih pada masa hidupnya atau pun tidak.

   Syafi'i: Boleh dibersihkan bangkai semua binatang yang bersih pada masa hidupnya selain daripada anjing dan babi (Ibn Rusyd, *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm.62) Ab.Rahman al-Juzairi,

al-Fiqh 'ala al-Madhahib al-Arba'ah, I,hlm. 26-271. Oleh itu hukum yang dikeluarkan oleh Syafi'i adalah bertentangan dengan firman Tuhan (Surah *al-Maidah* 5:3) terjemahannya: '*Diharamkan bagimu bangkai...*' Pengharaman tubuh binatang *al-'Ain* bererti pengharaman juga kulitnya.

2. Ja'fari: Wajib meyapu dua kaki (*rijlain*) dan tidak memadai membasuh kedua-duanya.
   Syafi'i: Apa yang di maksudkan dengan sapu (*al-Mash*) ialah basuh (*al-Ghasl*) (al-Syafi'i, *al-Umm*, I, hlm. 42). Oleh itu ianya bertentangan dengan firman Tuhan, (Surah *al-Maidah* 5:6), yang terjemahannya: '*Dan sapulah kepalamu dan (sapulah) kakimu*'. Jika kepala wajib disapu, maka kedua-dua kaki juga wajib disapu. Dan sebaliknya jika kaki wajib dibasuh, maka kepala juga wajib dibasuh kerana kedua anggota, kepala dan kaki, telah dikaitkan dengan perkataan *imsahu* bererti "sapu-lah".
3. Ja'fari: Tidak harus dilakukan penyapuan *al-Mash* ke atas *al-Khuffain* (kasut).
   Syafi'i: Ianya harus (*al-Umm*, I, hlm. 48). Oleh itu ianya menya-lahi firman Tuhan (surah *al-Maidah* 5:6): '*dan (sapulah) kakimu*'. Sebagai '*ataf* kepada yang lebih dekat iaitu "kepala". Dengan itu Allah S.W.T mewajibkan sapu ke atas kedua-dua kaki bukan al-Khuffain, dan seorang yang melakukan sapu (*al-mash*) ke atas al-Khuffain bukanlah melakukan sapu (*al-Mash*) ke atas kedua kakinya. Mengikut Imam 'Ali A.S. ianya telah diamalkan sebelum turun firman Tuhan (Surah *al-Maidah* 5:6), terjemahannya: '*dan (sapulah) kepala kamu dan (sapulah) kaki kamu*'. Oleh itu sapu *al- Khuffain* telah dimansuhkan.
4. Ja'fari: Sebarang tidur adalah membatalkan wudhuk. Syafi'i: Tidak membatalkan wudhuk jika seorang tidur di dalam keadaan duduk (*al-Umm*, I. hlm. 27).
   Syafi'i berpegang kepada kelakuan 'Abdullah bin 'Umar yang tidur di dalam keadaan duduk, kemudian dia terus sem-bahyang tanpa mengambil wudhuk (ibid). walau bagaimana-pun kelakuan 'Abdullah bin 'Umar tidak boleh dijadikan hu-jah kerana ianya bertentangan dengan firman Tuhan, (Surah *al-Maidah* 5:6) terjemahannya: '*Hai orang-orang yang beriman, apabila kamu bangkit untuk mengerjakan salat...*' Para ula-mak tafsir seperti al-Nasafi, (Tafsir *al-Nasafi*, I. hlm. 649), al-Alusi (*Ruh al-Ma'ani*, VI, hlm. 62), al-Suyuti (*al-Durr al-Manthur*, II, hlm. 262) mengatakan bahawa maksud ayat tersebut ialah apabila kamu bangkit "daripada tidur" maka basuhlah muka kamu. Oleh itu sebarang cara tidur adalah membatal-kan wudhuk.
5. Ja'fari: Tidak harus bagi orang musyrik memasuki mana-mana masjid sama ada dengan izin atau pun tidak, kerana mereka

adalah daripada najis *'Aini*.
Syafi'i: Ianya harus selain daripada masjid al-Haram (*al-Tafsir al-Kabir*, XVI,hlm. 26: *Ayat al-Ahkam*, III, hlm. 88). Oleh itu ianya bertentangan dengan firman Tuhan, (Surah *al-Taubah* 9;28), terjemahannya: *'Hai orang-orang yang beriman, sesungguhnya orang-orang yang musyrik itu najis, maka janganlah mereka mendekati masjid al-Haram sesudah tahun ini'*. Pengharaman dilakukan ke atas Musyrikin menghampiri masjid ialah kerana jiwa (mungkin tubuh badan) mereka yang kotor terhadap kesucian Islam. Oleh itu pengharaman tersebut adalah secara umum dan masjid al-Haram secara khusus.

6. Ja'fari: Qunut adalah sunat dan ianya dibaca sebelum rukuk.
Syafi'i: Selepas rukuk. Oleh itu ianya menyalahi sunnah Nabi *Sawaw* yang membaca Qunut sebelum rukuk. (Ibn Qutaibah, *Kitab al- Ma'arif*, hlm. 220, Bidayah al-Mujahid, I. hlm. 70).

7. Ja'fari: Sembahyang Dhuha adalah bid'ah
Syafi'i: Sunat (*al-Fiqh 'ala l-Madhahib al-Arba'ah*, I, hlm. 322). Lantaran itu ianya menyalahi sunnah Nabi Sawaw tidak pernah sembahyang Dhuha. Ahmad bin Hanbal, al-Musnad, VI, hlm. 30, al- Bukhari, Sahih II, hlm. 70, Malik, *al-Muwatta'*; I, hlm. 168).

8. Ja'fari: Tidak harus mengikut Imam yang fasiq dan juga orang yang melakukan bid'ah.
Syafi'i: Makruh. (*al-Umm*, I, hlm. 187). Oleh itu hukum yang dikeluarkan oleh Syafi'i adalah bertentangan dengan firman Tuhan, (Surah *Hud* 11:113), terjemahannya: *'Dan janganlah kamu cenderung kepada orang-orang yang zalim, maka kamu akan disentuh api neraka'* Kerana cenderung kepada orang yang zalim atau fasiq di dalam sembahyang adalah lebih berat kerana sembahyang adalah tiang ugama. Dan ianya juga menyalahi firman Tuhan, (Surah *al- Hujurat* 49:6) terjemahannya: *'Hai orang-orang yang beriman, jika datang kepada kamu orang fasiq membawa suatu berita maka periksalah dengan teliti...'* Oleh itu mengikut Imam yang zalim atau fasiq adalah menyalahi Nas.

9. Ja'fari: Wajib memendekan sembahyang *(Qasr)* di dalam musafir yang bertujuan baik.
Syafi'i: Pilihan diantara Qasr dan itmam (sembahyang genap). Syafi'i berpegang kepada kelakuan 'Abdullah bin Mas'ud yang melakukan sembahyang genap *(itmam)* di Mina. Dia menyatakan sekiranya ianya wajib, nescaya 'Abdullah bin Mas'ud mengerjakan sembahyang secara Qasr (*al-Umm*, I, hlm. 208). Walau bagaimanapun kelakuan 'Abdullah bin Mas'ud tidak boleh dijadikan hujah tidak wajibnya *Qasr* bagi orang musafir kerana Nabi *Sawaw* sendiri telah melakukan sembahyang *Qasr* di Mina. Umar b. Hasin berkata: Aku mengerjakan Haji bersama Nabi *Sawaw* dan beliau sembahyang *Qasr* dua rakaat (*al-*

Musnad, IV, h.430). Oleh itu hukum yang dikeluarkan oleh syafie adalah bertentangan dengan Sunnah Nabi *Sawaw* dan firman Tuhan, (Surah *al-Baqarah* 2: 184), terjemahannya: *'Maka jika di antara kamu ada yang sakit atau dalam perjalanan (lalu ia berbuka) maka (wajiblah baginya berpuasa) sebanyak hari yang ditangguhkan pada hari-hari yang lain'*. Dalam ayat ini, Allah S.W.T telah mewajibkan berpuasa di hari-hari yang lain. Oleh itu berpuasa bagi orang musafir adalah haram pada asal. Ibn 'Abbas berkata: Nabi *Sawaw* keluar (dari Madinah) orang ramai ada yang berpuasa dan ada yang berbuka. Manakala menaiki untanya, beliau meminta air, lalu beliau meletakkannya di atas unta tersebut. Sehingga orang ramai melihatnya. Kemudian dia minum, dan orang ramai bersamanya minum pada bulan Ramadhan". (*al-Musnad*, III, hlm. 329. Lihat juga *Sahih al-Bukhari*, III, h.42). Oleh itu bagi orang yang diwajibkan berbuka puasa kerana musafir, pasti ianya diwajibkan juga supaya melakukan sembahyang secara *Qasr*.

10. Ja'fari Harus dihimpunkan (jamak) Zuhr dengan 'Asr, Maghrib dengan 'Isya' sama ada di dalam keredhaan musafir ataupun tidak, tanpa sebarang keuzuran.
Syafi'i: Harus di dalam musafir. (*al-Umm*, VI, hlm. 216). Lantaran itu hukum yang dikeluarkan oleh Syafie adalah menyalahi firman Tuhan (Surah *al-Isra'* 17:78), terjemahannya: *'Dirikanlah sembahyang dari sesudah matahari tergelincir sampai gelap malam dan (dirikanlah pula sembahyang) Subuh. Sesungguhnya sembahyang Subuh boleh disaksi'*. Ayat ini menerangkan waktu-waktu sembahyang yang lima. Apabila tergelincir matahari, maka ianya waktu sembahyang Zuhr dan 'Asr yang berakhir apabila gelap malam iaitu jatuhnya matahari. Dan dari gelap malam bermulalah waktu Maghrib dan Isya' sehingga timbulnya fajar sadik. Dan apabila timbulnya fajar sadik, maka itulah waktu sembahyang Subuh dan berakhir waktunya apabila naik matahari (*masyhuda*). Oleh itu hukum yang dikeluarkan oleh Syafiei juga menyalahi Sunnah Nabi *Sawaw* yang telah menghimpunkan atau menjamakan sembahyang Zuhr dengan 'Asr, Maghrib dan Isya' secara berjama'ah tanpa sebab takut atau musafir (Muslim, *Sahih*, I, hlm. 271). Dengan ini bererti mazhab Ja'fari adalah lebih pratikal dan lebih memberi keselesaan kepada umat Islam, khususnya kepada pekerja-pekerja kilang, pelajar dan lain-lain kerana ianya menepati nas yang tidak ingin menyusahkan kaum Muslimin.

11. Ja'fari: Wajib dilakukan sembahyang Juma'at apabila cukup 5 orang salah seorang daripada mereka menjadi imam.
Syafi'i: Tidak wajib Juma'at jika bilangan kurang daripada 40 orang. Syafi'i berpegang kepada riwayat yang lemah daripada

Ahl al-Hadith yang menyatakan Rasulullah *Sawaw* telah mengumpul 40 orang lelaki manakala datang ke Madinah (*al-Umm*, I, hlm. 219). Riwayat ini yang mengaitkan bilangan 40 orang lelaki dengan wajib sembahyang Juma'at itu sendiri iaitu pada tahun Kedua Hijrah. Dan ianya bertentangan dengan sebab turun ayat (Surah *Juma'at* 62:11), terjemahannya: '*apabila mereka (sahabat) melihat perniagaan atau permainan, mereka berkejar untuk menuju kepadanya dan mereka tinggalkan kamu (Muhammad Sawaw) sedang berdiri (berkhutbah)*'. Ayat ini menerangkan bagaimana kebanyakan para sahabat telah keluar dari masjid dengan meninggalkan Nabi *Sawaw* berkhutbah kerana inginkan "keduniaan". Hanya tinggal 12 orang sahaja sahabat yang turut mendengar khutbahnya (Ibn Kathir, *al-Mukhtasar*, III, hlm. 558). Jika pendapat Imam Syafi'i diambil kira, sembahyang Jumaat Nabi *Sawaw* pada ketika itu adalah tidak sah kerana bilangan yang mendengar khutbah hanya 12 orang. Oleh itu pensyaratan wajibnya Jumaat apabila sampai 40 orang lelaki adalah yang bertentangan dengan Surah *al-Jum'at* 62:9. Dengan ini Mazhab Ja'fari adalah yang paling pratikal untuk mendirikan sembahyang Juma'at.

12. Ja'fari: Wajib sembahyang Dua Hari Raya Puasa dan hari Raya Haji ke atas orang yang wajib ke atasnya sembahyang Jumaat. Syafi'i: Sunnat (*al-Umm*, I, hlm. 263). Oleh itu ianya bertentangn dengan firman Tuhan (Surah *al-A'la*, ayat 14-15), terjemahannya: '*Sesungguhnya berbahagialah orang yang membersihkan diri dan dia ingat nama Tuhannya, lalu dia sembahyang*'.

    Apa yang dikehendaki dengan "sembahyang" di dalam ayat di atas ialah sembahyang Hari Raya 'Aid Dan ianya menunjukkan tidak adanya kebahagian (*al-Falah*) jika ianya (sembahyang Hari Raya) ditinggalkan. Dan ianya juga menyalahi Sunnah Nabi Sawaw yang melakukannya (*al-Hidayah*, I. hlm. 60).

13. Ja'fari: Wajib sembahyang gerhana *al-Kusuf*.

    Syafie: Sunnat (*al-Umm*, I, hlm. 277). Dengan ini hukum yang dikeluarkan oleh Syafi'i adalah bertentangan dengan hadis Nabi Sawaw maksudnya '*Apabila matahari dan bulan gerhana, kedua-duanya tanda (kebesaran) Allah kedua-duanya tidak gerhana kerana kematian seseorang atau kehidupannya. Oleh itu jika kamu melihat kedua-duanya, maka sembahyanglah kamu dan berdoa semuga Tuhan mendedahkan sesuatu kepadamu*'. (Muslim, *Sahih*, I, hlm. 194, al- Musnad, IV, hlm. 244).

14. Ja'fari: Zakat adalah wajib pada harta (*al-'Ain*).

    Syafi'i: Zakat wajib pada diri (*Dhimmah*). (*Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 299, *al-Tafsir al-Kabir*, XVII, hlm. 178). Lantaran itu hukum yang dikeluarkan oleh Syafi'i adalah bertentangan dengan hadis Nabi *Sawaw* yang bermaksud, '*Apabila cukup 40 ekor kambing, maka seekor kambing diwajibkan zakat*'. (*al-*

Hidayah, I, hlm. 70).

15. Ja'fari: Tidak wajib zakat ke atas barang-barang kemas seperti emas, perak, permata dan lain-lain.Sama ada halal atau haram.
    Syafi'i: Wajib zakat ke atas barang-barang kemas yang disimpan. (*al-Umm*, II, hlm. 45. *Ahkam al-Qur'an*, III, hlm. 107).
16. Ja'fari: *Khums* adalah wajib ke atas apa yang didapati secara perang ataupun tidak.
    Syafi'i: Tidak wajib selain daripada harta rampasan perang (*al-Umm*, IV, hlm. 161, *al-Tafsir al-Kabir*, XV, hlm. 165). Lantaran itu hukuman yang dikeluarkan oleh Syafi'i adalah bertentangan dengan (Surah *al-Anfal* 8:41), terjemahannya:'*Ketahuilah sesungguhnya seperlima untuk Allah, Rasul, Kerabat Rasulullah*...' Jika ianya dihadkan kepada harta rampasan perang semata-mata ini bererti tiada perang tiada rampasan. Oleh itu ianya menyimpitkan sumber ekonomi sedangkan kekayaan alam adalah melimpah.
17. Ja'fari: Apa yang ditinggalkan oleh Nabi *Sawaw* berpindah kepada pewarisnya (Fatimah A.S.).
    Shafi'i: Tidak berpindah kepada pewarisnya (Fatimah A.S.) malah ianya disedekahkan kepada orang ramai (*Ruhal-Ma'ani*, IV, hlm. 194). Syafi'i berpegang kepada hadis Abu Bakar yang berbunyi: "Kami para nabi tidak meninggal pusaka dan apa yang tinggal adalah sadaqah". Riwayat Abu Bakar adalah bertentangan dengan beberapa ayat al-Qur'an yang menetapkan bahawa anak-anak para nabi A.S. menerima pusaka daripada bapa-bapa mereka. Firman Tuhan (Surah *al-Nisa'* 4:11): '*Allah mensyariat bagimu tentang (pembahagian) pusaka untuk anak-anakmu*'.
    Firman Tuhan (Surah *al-Naml* 27:16): '*Nabi Sulaiman mewarisi kerajaan Nabi Daud*'. Ayat-ayat tersebut jelas menunjukkan bahawa anak-anak para nabi A.S. menerima pusaka seperti orang lain. Dan ia bukanlah warisan ilmu. Kerana ilmu biasanya tidak boleh di warisi. Oleh itu hukum yang dikeluarkan oleh Syafi'i mengenai harta pusaka nabi semata-mata berpegang kepada riwayat Abu Bakar adalah bertentangan dengan ayat-ayat tersebut. Dan apabila apa yang dikatakan hadis bercanggah dengan al-Qur'an, maka ianya mestilah diketepikan.
18. Ja'fari: Tidak harus mengahwini anak perempuan hasil daripada zina oleh bapanya, saudara lelakinya, bapa saudara di sebelah ibu dan sebelah bapanya.
    Syafi'i: Harus bagi bapa mengahwini anak perempuan hasil daripada perbuatan zinanya. Begitu juga ia boleh mengahwini saudara perempuan zinanya (*al-Umm*, V,hlm. 25, *Bidayah al-Mujahid*, II, hlm. 297). Lantaran itu hukum yang dikeluarkan oleh Syafi'i adalah bertentangan dengan firman Tuhan (Surah *al-Nisa'* 4:23): terjemahannya: '*Diharamkan atas kamu (me-*

ngahwini) ibu-ibumu, anak-anakmu yang perempuan, saudara-saudaramu yang perempuan...' Sifat-sifat pengharaman ini tidak berubah dengan berubahnya syariat dan ugamanya. Oleh itu al-Qur'an mengakui anak zina sebagai anak kepada bapa dan ibunya.

19. Ja'fari: Nikah mut'ah adalah harus.
    Syafi'i: Tidak harus (*al-Umm*, VII, hlm. 183). Oleh itu hukum yang dikeluarkan oleh Syafi'i adalah menyalahi firman Tuhan, (Surah *al- nisa'* 4:24) terjemahannya: *'Maka isteri-isteri yang telah kamu nikmati (kahwin mut'ah) di antara mereka, berilah kepada mereka maharnya'*. Ayat ini tidak pernah dimansuhkan (al-Zamakhsyari, *al-Kasysyaf*, I, hlm. 190). Dan tentu sekali ianya tidak boleh dimansuhkan oleh hadis. Imam Ali A.S. berkata: "Sekiranya Umar tidak melarang nikah mut'ah, nescaya tidak seorangpun berzina melainkan orang yang celaka" (*Tafsir al-Tabari*, V, hlm. 9). Oleh itu pengharaman mut'ah hanya dilakukan oleh Khalifah 'Umar bin al-Khattab dimasa pemerintahannya (al-Suyuti, *Tarikh al- Khulafa'*, hlm. 137) tetapi Imam Syafi'i berpegang kepada pendapat Khalifah Umar di dalam pengharaman mut'ah walaupun ianya bertentangan dengan al-Qur'an.
20. Ja'fari: Seorang yang menceraikan isterinya tiga kali dengan satu lafaz seperti "Aku menceraikan kamu dengan tiga talak", maka ianya jatuh satu talak sahaja.
    Syafi'i: Jatuh tiga talak. (*al-Umm*, VII, hlm. 166). Oleh itu ianya menyalahi firman Tuhan (Surah *al-baqarah* 2:299) terjemahannya: *'Talak (yang dapat dirujuk) dua kali'* . Imam Syafi'i berpegang kepada pendapat Khalifah Umar bahawa 'lafaz talak tiga' sekaligus, jatuh tiga (al-Suyuti, *Tarikh al-Khulafa'*, hlm. 137). Oleh itu hukum yang dikeluarkan oleh Imam Syafi'i yang berpandukan pendapat Khalifah 'Umar adalah menyalahi nas.
21. Ja'fari: Saksi di dalam talak wajib dan ianya menjadi syarat.
    Syafi'i: Tidak wajib dan tidak menjadi syarat (*al-Tafsir al-Kabir*, XXX, hlm. 34). Lantaran itu ianya menyalahi firman Tuhan (Surah *al-Talaq* 65:2) terjemahannya: *'Dan persaksikanlah dengan dua orang saksi yang adil di antara kamu'*. Dengan itu talak, tidak jatuh tanpa kehadiran 2 orang saksi lelaki.
22. Ja'fari: Tidak jatuh talak jika seorang menceraikan isterinya dimasa haid atau pada masa suci yang disetubuhi.
    Syafi'i: Ianya jatuh (*al-Hidayah*, I, hlm. 167, *Bidayah al-Mujtahid*, II, hlm. 52). Oleh itu ianya menyalahi firman Tuhan (Surah *al-Talaq* 65:1) terjemahannya: *'Hai nabi, apabila kamu menceraikan isteri-isteri kamu, maka hendaklah kamu ceraikan mereka pada waktu mereka dapat (menghadapi) iddahnya (yang wajar)'*. Oleh itu isteri-isteri itu hendaklah ditalaq diwaktu suci sebelum dicampuri.
    Dan sekiranya pertentangan tersebut didedahkan kepada

umum, mereka pula berkata bahawa pendedahan sedemikian, akan mengelirukan orang awam. Lantaran itu mereka mendesak pihak berkuasa supaya mengambil tindakan. Ketahuilah saudara, sebenarnya mereka tidak ingin menjaga kebenaran yang hakiki. Sebaliknya mereka ingin menjaga orang awam yang menyokong dan mengamalkan hukum-hukum yang bertentangan dengan al-Qur'an dan Sunnah Nabi *Sawaw* yang sebenar. Walhal Tuhan berfirman dalam (Surah *Hud* 11:113) terjemahannya: *'Dan janganlah kamu cenderung kepada orang-orang yang zalim nescaya kamu akan disentuh oleh api neraka'*. Dan firmanNya (Surah *al-Baqarah* 2:159) terjemahannya: *'Sesungguhnya orang-orang yang menyembunyikan apa yang telah kami turunkan berupa kata-kata (yang jelas) dan petunjuk, setelah kami menerangkannya kepada manusia dalam al-Kitab, mereka ini dilaknati Allah dan dilaknati pula oleh semua (makhluk) yang dapat melaknati'*.

Ketahuilah saudara bahawa Allah S.W.T telah mencela perselisihan (Ikhtilaf) ulamak di dalam firmanNya, (Suarah *al-Anfal* 8:46) terjemahannya: *'Dan taatlah kamu kepada Allah dan RasulNya dan janganlah kamu berbantah-bantah (Ikhtilaf), yang menyebabkan kamu menjadi gentar dan hilang kekuatanmu...'*. Dan firmanNya (Surah *al-Syu'ara'* 42:13) terjemahannya: *'...Tegakanlah agama dan janganlah kamu berpecah belah mengenainya'*. Oleh itu tidak hairanlah jika Imam 'Ali A.S. menentang keras pendapat- pendapat yang bertentangan dengan al-Qur'an dan Sunnah Nabi *Sawaw* yang sebenar.

Beliau berkata: "Satu masalah mengenai hukum Islam telah dikemukakan kepada salah seorang daripada mereka (Qadhi-Qadhi), lantas dia memberi hukuman mengikut pendapatnya. Kemudian masalah yang sama dikemukakan kepada orang lain (Qadhi yang lain) pula, maka dia menghukum bersalahan dengan hukum yang diberikan oleh orang tadi. Kemudian para Qadhi bermesyuarat mengenainya di hadapan pemimpin (imam) yang telah meminta mereka memberi hukum. Kemudian dia pula mengakui bahawa semua pendapat-pendapat tadi adalah betul. Tuhan mereka adalah satu, Nabi mereka satu, dan Qur'an mereka pun satu! Adakah Allah S.W.T telah memerintahkan mereka supaya berselisih pendapat, maka dengan itu mereka mentaatiNya? Atau Dia melarang mereka berselisih pendapat tetapi mereka mendurhakaiNya? Atau adakah Allah S.W.T menurunkan agama (Islam) ini kurang sempurna kemudian Dia meminta pertolongan mereka untuk menyempurnakannya? Atau adakah mereka boleh memberi apa saja hukum yang mereka mahu dan Allah mesti meredhainya? Atau Allah S.W.T menurunkan al-Qur'an ini sempurna tetapi Rasul (*Sawaw*) tidak menyampaikan keseluruhannya? Sedangkan Allah S.W.T berfirman, (Surah *al-Nahl* 16:89) terjemahannya: *'Dan kami turunkan kepadamu al-Qur'an untuk menjelaskan segala sesuatu...'*. Dan Dia menyebut bahawa sesungguhnya al-Qur'an itu menguat setengah

akan setengah dan tidak ada ikhtilaf padanya. Maka Dia berfirman, (Surah *al-Nisa'* 4:82) terjemahannya: *'Kalau kiranya al-Qur'an itu bukan dari sisi Allah, tentulah mereka mendapat penentangan (ikhtilaf) yang banyak di dalamnya"*. (*Nahj al-Balaghah*, I, hlm. 50-51).

Daripada kajian di atas terbukti bahawa Imam Syafi'i apabila menghadapi nas dan perbuatan sahabat seperti Khalifah Abu Bakar dan Umar, Umpamanya dia biasanya menyokong pendapat mereka sekalipun ianya bertentangan dengan al-Qur'an dan Sunnah nabi yang sebenar. Ini boleh dilihat didalam bab talak tiga dengan satu lafaz jatuh tiga, saksi di dalam talak tidak wajib, harta peninggalan nabi *Sawaw (Fadak)* tidak diwarisi oleh Fatimah A.S. dan lain-lain. Atau jika terdapat di dalam al-Qur'an atau hadis Nabi *Sawaw* yang menyuruh melakukan sesuatu secara wajib tetapi khalifah 'Umar melakukan sebaliknya. Maka Imam Syafi'i menjadikan *Fi'l amr* (perintah) tersebut sebagai tidak wajib *(takhyir)*. Sebab yang diberikan olehnya ialah kerana jikalaulah perintah atau suruhan itu wajib, kenapa khalifah Umar atau sahabat tidak melakukannya. Oleh itu Imam Syafi'i nampaknya menjadikan sahabat seperti khalifah Abu Bakar dan 'Umar (r.a.) sebagai neraca kebenaran di dalam kebanyakan hukum, bukannya al-Qur'an dan Sunnah Nabi yang tidak menyalahi al-Qur'an. Dengan ini lahirlah percanggahan di dalam hukum. Ianya pula di peraku dan ditabrirkan dengan berbagai cara oleh orang kemudian dengan alasan yang sama. Lantaran itu mereka tidak menjaga kesucian nas tetapi sebaliknya mereka menjaga kedudukan individu-individu tersebut.

Dengan ini jelas sekali bahawa ijtihad tidak boleh dilakukan jika wujudnya nas, al-Qur'an dan Sunnah atau Hadis Nabi *Sawaw* yang sebenar. Sunnah atau hadis Nabi *Sawaw* sekali-kali tidak boleh menyalahi al-Qur'an dan jika terdapat dua hadis atau sunnah yang dikaitkan kepada Nabi *Sawaw* bertentangan satu sama lain, maka ianya mestilah dirujukan kepada al-Qur'an. Lantaran itu kata-kata "Sesungguhnya perselisihan *(ikhtilaf)* pendapat umatku adalah rahmat", wajiblah diketepikan kerana ianya menyalahi al- Qur'an. Semoga tulisan yang ringkas ini akan menjadi titik tolak ke arah cara berfikir menurut al-Islam al-Muhammad al-Asil iaitu Islam yang hanya menurut al-Qur'an dan Sunnah atau Hadis Nabi *Sawaw* yang tidak bertentangan dengan al-Quran. Dan bukan 'Islam' yang menurut Sunnah sahabat yang bertentangan dengan al-Quran dan Sunnah Nabi *Sawaw* yang hakiki.

BIBLIOGRAFI

'Abdullah al-Hanafi, *Arjah al-Matalib*, Bashdad, 1360 H.
'Abdu l-Jabbar, *Fadhl al-I'tizal*, al-Qahirah, 1955 M.
Abdu l-Qahir al-Baghdadi, *al-Firaq Baina l-Firaq*, Beirut 1963 M.
Abu Bakr Ahmad al-Razi al-Hanafi, *Ahkam al-Qur'an*, Baghdad 1373 H.
Abu Bakr b. Syahabuddin, *Rasyfah al-Sari*, Beirut 1371 H.
Abu Daud, *al-Sunan*, al-Qahirah 1352 H.
Abu l-Hasan al-Asy'ari, *al-Ibanah 'an Usul al-Diyanah*, al- Qahirah 1375 H.
__________, *al-Maqalat al-Islamiyyin wa Ikhtilaf al-Musallin*, al-Qahirah 1375
Abu Nu'aim al-Isfahani, *Hilyah al-Auliya'*, Baghdad, 1354 H.
__________, *Dala'il al-Nubuwwah*, Tunis, 1356 H.
Abu 'Ubaid, *Kitab al-Amwal*, Baghdad 1370 H.
Abdu r-Rauf al-Munawi, *Kunuz al-Haqa'iq*, Baghdad, 1368 H.
'Ali b. Ibrahim, *Tafsir 'Ali bin Ibrahim*, Baghdad 1379 H.
al-Alusi, *Ruh al-Ma'ani*, Tunis 1368 H.
al-Amini, *al-Ghadir fi al-Kitab wa al-Sunnah wa al-Adab*, Beirut 1967 M.
al-Baghawi, *Ma'alim al-Nubuwwah*, al-Qahirah 1380 H.
al-Bahrani, *Ghayah al-Maram*, Tehran 1968 M.
al-Baladhuri, *Ansab al-Asyraf*, al-Qahirah 1967 M.
al-Baidhawi, *Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Ta'wil*, Tunis, 1345 H.
al-Baihaqi, *al-Sunan al-Kubra*, Baghdad 1959 M.
al-Baqillani, *al-Tamhid*, Baghdad 1960 M.
al-Bukhari, *Sahih*, Beirut, 1377 H.
al-Darimi, *Sunan al-Darimi*, Baghdad 1346 H.
al-Dhahabi, *al-Talkhis*, al-Qahirah 1969 M.
Fakhruddin al-Razi, *Mafatih al-Ghaib* atau *Tafsir al-Kabir*, Baghdad, 1956 M.
al-Hakim al-Nisaburi, *Mustadrak al-Sahihaini*, al-Qahirah, 1969 M.
al-Hamawaini al-Syafi'i, *Faraid al-Simtin*, T.T.
al-Hijazi, *al-Wadhih*, Baghdad 1969 M.
Ibn 'Abd al-Birr, *al-Isti'ab fi Ma'rifah al-Sahabah*, al-Qahirah 1365 H.
Ibn 'Abd Rabbih, *al-'Aqd al-Farid*, Tunis 1378 H.
Ibn Abi l-Hadid, *Syarh Nahj al-Balaghah*, al-Qahirah 1959 M.
Ibn al-Athir al-Jazari, *Usd al-Ghabah*, Baghdad 1959 M.
__________, *al-Kamil fi al-Tarikh*, al-Qahirah, 1956 M.
Ibn Duraid, *al-Mujtana*, Baghdad T.T.
Ibn Hajr al-'Asqalani, *Fath al-Bari*, al-Qahirah 1378 H.
__________, *al-Isabah fi Ma'rifah al-Sahabah*, al-Qahirah, 1359 H.
__________, *Tahdhib al-Tahdhib*, Haidrabad 1328 H.
Ibn Hajr al-Makki, *al-Sawa'iq al-Muhriqah*, Baghdad 1374 H.
Ibn al-Jauzi, *Sirah 'Umar*, Baghdad 1952 M.
Ibn Kathir, *Tafsir Ibn Kathir*, al-Qahirah 1956 M.
__________, *al-Bidayah wa al-Nihayah* , Damascus 1367 H.
Ibn Majah, *al-Sunan*, Baghdad 1367 H.
Ibn Mardawaih, *al-Nabhan al-Arba'in*, Tunis 1958 M.
Ibn al-Qayyim al-Jauziyyah, *al-Turuq al-Hakmiyyah* , al-Qahirah, 1358 H.
Ibn Rusyd, *Bidayah al-Mujtahid*, Baghdad, 1959 M.
Ibn Sa'd, *Tabaqat al-Kubra'*, al-Qahirah 1375 H.
Ibn Qutaibah, *al-Imamah wa al-Siyasah*, al-Qahirah, 1332 H.
Ibn Qutaibah, *Kitab al-Ma'arif*, Beirut, 1954 M.
Ibn al-Sibagh al-Maliki, *al-Fusul al-Muhimmah*, Tunis 1963 M.

Ibn Taimiyyah, *Minhaj-al-Sunnah*, Baghdad, 1369 H.
Ibn al-'Uqdah, *Hadith al-Wilayah*, T.T.
al-Kanji al-Syafi'i, *Kifayah al-Talib*, Tehran, 1378 H.
al-Khazin, *Tafsir al-Khazin*, Tunis, 1358 H.
al-Kulaini, *al-Furu' Mina l-Kafi*, Tehran, 1370 H.
al-Jassas, *Ahkam al-Qur'an*, Tunis, 1968 M.
al-Khatib al-Baghdadi, *Tarikh Baghdad*, Baghdad, 1959 M.
al-Khawarizmi, *Maqtal al-Husain A.S.* al-Qahirah, 1965 M.
Kuand Amir, *Habib al-Siyar*, Tehran, 1368 H.
Malik b. Anas, *al-Muwatta'*, Tunis, 1348 H.
Muhammad bin Talhah, *Matalib al-Su'ul*, Tunis, 1959 M.
Muhibbuddin al-Syafi'i al-Tabari, *Dhakha'ir al-'Uqba*, Baghdad, 1348 H.
al-Muhsin al-Amini, *A'yan al-Syi'ah*, Najaf, 1958 M.
Muslim, *Sahih*, Tunis, 1958 M.
Muqrizi, *Khutat*, Tunis 1942 M.
al-Muttaqi al-Hindi, *Kanz al-'Ummal*, Cairo, 1968 M.
al-Nasa'i, *Khasa'is 'Ali A.S.*, Baghdad 1956 M.
————— , *al-Sunan*, al-Qahirah 1948 M.
Nuruddin 'Ali b. abu Bakr al-Haithami, *Majma' al-Zawa'id*, Tunis 1375 H.
al-Qausyaji, *Syarh al-Tajrid*, Tunis 1953 M.
al-Qunduzi al-Hanafi, *Yanabi' al-Mawaddah*, Baghdad, 1395 H.
al-Qurtubi al-Andalusi, *al-Jami' Li Ahkam al-Qur'an*, Baghdad, 1959 M.
Rasyid Ridha, *al-Manar*, al-Qahirah, 1958 M.
al-Raghib, *al-Muhadharat*, T.T.
Salih al-Hanafi, *al-Kaukab al-Durriy*, Tunis, 1367 H.
Sahaun, *al-Mudawwanah al-Kubra*, al-Qahirah, 1367 H.
Syarafuddin al-Musawi, *al-Muraja'at*, Najaf, 1360 H.
al-Sarkhasi, *al-Mabsut*, Baghdad 1363 H.
Syarif Radhi, *Nahj al-Balaghah*, Baghdad, 1364 H.
Syihabuddin al-Mar'asyi al-Najafi, *Ta'liqatuhu 'Ala Ihqaq al-Haq*, Tehran, 1953
Syamsuddin al-Jazari al-Syafi'i, *Asna al-Matalib*, Beirut, 1378 H.
Sibt ibn al-Jauzi, *Tadhkirah al-Khawwas*, Najaf, 1383 H.
al-Suyuti, *Tarikh al-Khulafa'*, al-Qahirah, 1368 H.
————— , *al-Durr-al-Manthur*, Baghdad 1343 H.
Sulaim b. Qais al-'Amiri, *Kitab Sulaim bin Qais al-'Amiri*, Beirut, 1379 H.
al-Syablanji, *Nur al-Absar*, al-Qahirah, 1368 H.
al-Syafi'i, *al-Umm*, al-Qahirah 1958 M.
al-Syahrastani, *al-Milal wa al-Nihal*, al-Qahirah, 1968 M.
al-Syaukani, *Tafsir al-Syaukani*, Beirut, 1368 H.
al-Tabari, *Jami' al-Bayan*, Tunis, 1349 H.
al-Tabarsi, *Majma' al-Bayan*, Beirut, 1346 H.
al-Turmudhi, *Sahih*, Tunis, 1958 M.
al-Tusi, *Tahdhib al-Ahkam*, Tehran, 1358 H.
'Umar Ridha Kahalah, *A'lam al-Nisa'*, al-Qahirah, 1968 M.
al-Ya'qubi, *Tarikh al-Ya'qubi*, Beirut, 1362 H.
al-Zamakhsyari, *al-Kasysyaf 'an Haqa'iq wa Ghawamidh al-Tanzil*, al-Qahirah, T.T.
al-Zurqani, *Syarh al-Mawatta'*, Tunis, 1958 M.

INDEX